

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 37

Isnin

27 Oktober 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015 (Halaman 24)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)

Usul Anggaran Pembangunan 2015 (Halaman 24)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 27 Oktober 2014**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah caj perubatan di klinik-klinik dan hospital swasta yang dikenakan kepada pesakit yang menggunakan kad insurans adalah lebih tinggi berbanding pembayaran kos perubatan yang dilakukan secara tunai.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ke-13, Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta atau Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Yang Lain Tahun 2006. Jadual ini berdasarkan kepada Jadual Fi Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) yang telah dicadangkan pada tahun 2002.

Di dalam Jadual Ke-13, ia memberi kuasa kepada kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kos rawatan kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi profesional untuk prosedur-prosedur yang dilakukan oleh pengawal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi. Walau bagaimanapun, fi selain daripada fi profesional seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan tidak dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dalam isu kad insurans sepatutnya tidak berlaku apabila kadar yang dikenakan telah dimaklumkan dan dipersetujui terlebih dahulu selaras dengan Jadual Ke-13 oleh semua pihak termasuk hospital swasta, pesakit dan insurans.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi perkara ini, Kementerian Kesihatan akan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti insurans, hospital swasta, organisasi jagaan yang diuruskan (*manage care organisation*) dan Bank Negara Malaysia bagi menyelesaikan isu ini, isu aduan pemegang kad insurans yang mendakwa mereka dikenakan caj yang berlebihan dari apa yang telah ditetapkan dalam Jadual Ke-13 ketika mendapatkan rawatan di hospital swasta.

Mengenakan caj maksimum ialah satu usaha kerajaan untuk mengawal kos rawatan di hospital swasta dalam masa yang sama memberi manfaat dan menjaga kebajikan rakyat.

Dalam perkara ini kita pun berharap bahawa kuasa pasaran akan menentukan kos sebenar yang akan dikenakan oleh pengamal perubatan kepada pesakit. Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mohon kementerian menyatakan sejauh manakah pengamal perubatan ini mematuhi kadar siling tentang caj doktor yang telah ditetapkan kerana difahamkan bahawa terdapat lebih kurang 40,000 rakyat negara ini menanggung hutang yang agak tinggi sehingga terpaksa merujuk kepada agensi kaunseling dan sebagainya akibat gagal untuk melunaskan hutang-hutang tersebut.

Sedikit soalan berkenaan dengan hospital di kawasan saya, Hospital Setiu ini memang sudah ada hospital yang tersergam indah. Akan tetapi masalahnya doktor pakar tidak ada. Bilik bedah ada tetapi doktor pakarnya terpaksa dirujuk kepada Kuala Terengganu yang jaraknya lebih kurang dalam 90 kilometer tetapi perjalanannya lebih kurang satu jam lebih.

Maknanya, kalau adapun kes-kes, hanya kes yang kecil sahaja yang dirawat di Hospital Setiu sehingga ada dikatakan bahawa Hospital Setiu ini sebagai 'hospital panadol'. Saya tak faham apa maksud dia tetapi rakyat ada yang beritahu 'hospital panadol'. Jadi saya hendak tahulah lebih kurang apa perancangan di pihak kerajaan, pihak kementerian. Terima kasih.

■1010

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian pertama soalan itu iaitu jumlah mereka yang pengawal perubatan yang tidak mematuhi apa yang telah ditetapkan di dalam Jadual Ke-13. Sampai sekarang jumlah aduan yang kita terima daripada pesakit-pesakit yang dikenakan caj yang lebih daripada apa yang telah ditetapkan di dalam Jadual Ketiga itu bukan begitu banyak.

Bahagian kedua soalan ini ialah tentang mereka yang telah mendapat rawatan di hospital swasta dan tidak mampu untuk membuat bayaran kepada caj yang telah dikenakan. Saya mengakui keadaan ini. Tapi ini tiada kena mengena dengan dikenakan caj yang lebih banyak. Kadang-kadang mereka yang pergi ke hospital swasta, masuk ke dalam hospital swasta dengan pandangan atau kepercayaan bahawa kos di dalam hospital itu terhad. Contohnya kalau ada RM10,000, ada berpandangan bahawa dengan RM10,000 mungkin boleh mendapat penyelesaian kepada isu itu.

Selepas mereka masuk ke dalam hospital kerana ada beberapa perkara lain yang berlaku, kadang-kadang komplikasi-komplikasi yang berlaku. Contohnya kalau mereka dipaksa masuk ke dalam ICU, memang kosnya akan meningkat dan ini akan meningkat lebih daripada apa yang telah dirancangan oleh keluarga itu iaitu RM10,000. So, bila keadaan ini berlaku, memang ini ialah luar daripada kemampuan keluarga. So, untuk itu nasihat saya ialah sebelum satu-satu keluarga atau saudara mara di dalam keluarga membuat keputusan untuk mendapat rawatan di dalam hospital swasta, mereka kena sedar bahawa tiada ada jaminan bahawa kos itu boleh terhad di dalam satu lingkungan.

Itulah sebab kerajaan menyediakan hospital kerajaan kerana di hospital kerajaan, berapa kos, bil ditanggung oleh kerajaan. Oleh itu mereka kena sedar perkara ini dan membuat keputusan yang baik. So, Ahli Yang Berhormat mungkin kena memberi kaunseling dan nasihat kepada mereka yang ada di dalam kawasan untuk membuat pilihan yang baik.

Kalau mereka datang jumpa saya pun, saya bagi nasihat yang sama. Banyak yang datang, saya mahu pergi ke hospital swasta. Saya akan memberi nasihat jangan pergi ke hospital swasta kerana mungkin ini di luar daripada kemampuan kamu. Kita akan bantu kamu mendapat rawatan yang sama di dalam hospital kerajaan.

Itulah sebab kerajaan sudah sediakan kemudahan. Perkara ini ialah pilihan yang dibuat oleh mereka yang mahu mendapat rawatan, mahukah pilihan rawatan itu di dalam hospital swasta atau di hospital kerajaan. Di dalam hospital swasta walaupun kerajaan boleh melalui Jadual Ketigabelas itu, mengenakan satu had maksimum kepada *consultation fee* tetapi selain daripada itu ada perkara-perkara yang lain, contohnya sewa bilik, peralatan yang digunakan, ujian makmal dan sebagainya yang luar daripada kawalan. Bila ia di luar daripada kawalan, kos yang dikenakan itu kena dibayar. Mungkin ada orang yang akan tanya, bolehkah kerajaan kawal semua perkara ini. Kalau kita buat sedemikian, *then* kita tidak akan memberi kuasa pasaran untuk menentukan kos kesihatan di peringkat swasta. Ini ialah satu isu prinsip dan dasar.

Daripada segi prinsip dan pandangan saya dan pandangan kementerian sampai hari ini ialah perkara ini mesti diberi kepada kuasa pasaran untuk menentukan. So saya berharap bahawa kita boleh adakan kumpulan-kumpulan pengguna kesihatan yang aktif di dalam negara kita walaupun ada kumpulan-kumpulan pengguna yang aktif di dalam bidang-bidang yang lain. Kalau kita lihat kepada apa yang dipanggil kepada *health consumerism*. Kumpulan ini masih tidak berapa kuat dan mungkin dengan adakan mereka yang mempunyai contohnya pengetahuan yang dalam di dalam isu *health consumerism* ini, mereka boleh memberi pandangan-pandangan khususnya kepada perkhidmatan kesihatan swasta yang ada di dalam negara kita *that can be a force* yang boleh mengawal kos-kos yang terlebih yang dicaj.

Sampai sekarang pendirian kerajaan untuk *cost consultancy*, kos profesional yang dikenakan oleh doktor dikawal melalui Jadual Ketiga. Ada perkara-perkara yang di dalam caj yang dikenakan yang di luar kawalan juga. Untuk menjawab persoalan yang ketiga tentang Hospital Setiu, saya setuju bukan saja Hospital Setiu, ada banyak hospital di dalam negara ini khususnya hospital daerah yang memerlukan kepakaran. Sekarang kita di dalam proses untuk menambahkan lagi saluran-saluran yang boleh digunakan oleh doktor-doktor untuk mendapat latihan di dalam bidang kepakaran.

Sekarang di dalam negara kita latihan kepakaran cuma terhad kepada empat universiti sahaja dan mereka yang sekarang kita sedang menambahkan lagi peluang-peluang melalui apa yang dipanggil *the alternate pathways* dan menggalakkan doktor yang tidak mendapat peluang di dalam empat-empat universiti ini supaya mereka boleh gunakan *alternate pathway* ini untuk mendapat kepakaran di dalam bidang-bidang tertentu dan kerajaan akan memberi galakan yang seboleh-bolehnya supaya kita boleh menambah jumlah pakar di dalam negara kita.

Itu yang akan mengisi kekosongan yang ada di dalam banyak hospital, bukan saja di Hospital Setiu tapi di dalam hospital-hospital yang lain juga. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa nasihat yang diberi tadi susah diterima oleh pesakit dan keluarganya dan masalah ini akan bertambah buruk memandangkan negara ini mempunyai

sekarang 10% penduduk lebih 60 tahun usianya dan tidak lama lagi 2020 ataupun lebih sedikit akan meningkat kepada 20% dan apakah perancangan untuk menghadapi masalah yang kian rumit ini?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat, kerajaan tidak akan lari daripada tanggungjawab kerajaan untuk menjaga mereka daripada lingkungan yang berpendapatan rendah di dalam mana-mana umur, mahupun di peringkat anak-anak atau warga emas supaya mereka mendapat rawatan yang sewajarnya selaras dengan kehendak mereka. Akan tetapi untuk mencapai tahap itu, kita menggunakan satu jumlah peruntukan yang begitu besar. Saya ingat Ahli Yang Berhormat mesti sedar dan faham, Malaysia salah satu daripada negara yang memberi taraf kesihatan yang begitu tinggi dengan kos yang begitu rendah. Dengan perbelanjaan lebih kurang 4.4% hingga 4.5% daripada GDP, rawatan dan kemudahan-kemudahan yang diberi daripada *primary healthcare*, *secondary* sampai *tertiary* telah mendapat pengiktirafan dan kepujian daripada banyak bidang-bidang antarabangsa.

Cabaran-cabaran yang akan datang seperti yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kita sedang bergerak kepada masa dan *aged society*, tanggungjawab kerajaan akan bertambah dan di dalam menghadapi keadaan itu, memang kita memerlukan kemudahan yang lebih banyak dan perkhidmatan yang lebih banyak dan lebih luas dan itu memerlukan tabung dan dana yang lebih besar. So, itu isu yang dihadapi. Sekarang kementerian mendapat lebih kurang 8.2% daripada jumlah bajet pada keseluruhan. Kalau Kementerian Kesihatan akan tambah itu kepada 15%, ini kena datang daripada kementerian-kementerian yang lain. So, itu ialah isu-isu yang kita kena lihat dan lihat macam mana kita boleh mencapai apa yang telah ditetapkan. Pada masa sekarang rakyat Malaysia boleh mendapat satu senang hati dengan perkara bahawa secara purata rakyat Malaysia cuma belanja kurang daripada 1% daripada pendapatan mereka untuk kesihatan. Ini kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain boleh dikatakan satu perbelanjaan agak rendah.

2. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah kementerian untuk mengatasi kemelut jerebu akibat pembakaran terbuka di Johan Setia, Klang. Bolehkah kementerian mempertimbangkan meningkatkan kadar kompaun daripada RM2,000 kepada RM75,000 sebagai *'deterrent'* yang serius.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Seri G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memandang serius kejadian pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia, Klang. Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pelbagai agensi kerajaan telah mengambil beberapa tindakan dalam menangani isu pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia seperti:

- (i) Mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka mulai bulan Februari 2014. Pemantauan kejadian pembakaran terbuka turut dijalankan oleh Unit Pemantauan Pembakaran Terbuka Majlis Perbandaran Klang, Selangor mengambil tindakan mahkamah bagi kes-kes pembakaran terbuka yang berlaku di kawasan Johan Setia;

- (ii) mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memantau dan menguatkuasakan pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah melalui surat arahan kepada semua pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri bertarikh 4 Februari 2014;
- (iii) menubuhkan Pasukan Pemantau Pencemaran iaitu 3P yang melibatkan masyarakat setempat bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia Klang;
- (iv) memasang satu unit alat *portable act quality monitoring* di Bandar Puteri Klang Selangor mulai 12 Ogos 2014 hingga 25 Ogos 2014. bagi menentukan bacaan indeks pencemar udara IPU di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kualiti udara yang direkodkan bagi tempoh tersebut menunjukkan bacaan IPU di kawasan berkenaan adalah pada tahap yang baik iaitu nilai IPU adalah di bawah 50 dan sederhana dengan nilai IPU antara 51 hingga 100. Alat tersebut juga telah dipasang di Bandar Puteri 2 pada 21 Oktober dan akan dipantau selama dua minggu. Melaksanakan program pencegahan kebakaran tanah gambut sering dan mudah terbakar melalui pembinaan lima *check damp* di kawasan Johan Setia. Bagi mengawal sistem saliran di tanah gambut supaya tidak menjadi kering dan mudah terbakar. Mengeluarkan perintah larangan pembakaran terbuka bagi seluruh negeri Selangor semenjak bulan Mac 2014. Perintah larangan tersebut sehingga hari ini masih berkuat kuasa. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melakukan operasi pemadaman secara intensif di kawasan Johan Setia Klang apabila berlaku pembakaran terbuka yang besar termasuk kebakaran belukar. Kementerian ini mengambil maklum akan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat untuk meningkatkan kadar kompaun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang mengkaji kadar kompaun yang lebih tinggi dan bersesuaian untuk ditingkatkan sebagai *deterrent* kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan pembakaran terbuka. Dengan membuat rujukan kepada akta-akta lain yang mempunyai peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan. Kementerian ini juga akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara ke arah mengkaji semula peruntukan undang-undang berkaitan mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sekian terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sebenarnya kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah datang ke Johan Setia secara bersendirian supaya memantau keadaan. Saya bagi pihak jawatankuasa berkenaan dan juga persatuan penduduk dekat sana ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri. Isu yang telah digariskan atau jawapan yang telah digariskan oleh Yang Berhormat Menteri memang telah diimplementasikan untuk satu tahun mungkin lebih daripada itu. Akan tetapi masalah *open burning* ini masih belum diatasi. *This is very real problem.*

Walaupun mesin IPU telah diletak di satu taman dekat Johan Setia tetapi masalah sekarang bukan semasa musim hujan tetapi musim kering. So, soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah kita dalam dua bulan ini memang mengalami musim hujan so, tidak ada masalah *open burning*. Akan tetapi masalah musim kering ini akan menjadi lebih teruk dalam bulan Jun,

Julai tahun depan. Jadi, saya hendak minta Menteri mengatakan adakah satu *task force* akan ditubuhkan untuk menyelaraskan semua program yang disentuh, yang telah digariskan oleh Menteri dengan Kerajaan Negeri Selangor. Supaya dapat *efficient* dalam *implementation of the various issues that* Yang Berhormat Menteri telah jelaskan. Minta penjelasan.

Datuk Seri G. Palanivel: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengadakan perbincangan dengan Ahli Yang Berhormat sendiri, pihak NGO serta wakil penduduk Johan Setia Klang pada 8 Ogos di kementerian saya. Saya mendengar dan mencari jalan penyelesaian terhadap masalah pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia Klang. Saya juga telah mengadakan lawatan ke tapak pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia Klang bersama Ahli Yang Berhormat Klang pada 5 September 2014 bagi melihat sendiri keadaan di situ. Apa yang penting ialah kawasan Johan Setia Klang merupakan sebuah kawasan pertanian seluas lebih dari 4,000 ekar yang dinamakan revolusi hijau. Kawasan ini merupakan kawasan tanah gambut yang mudah terbakar dan kerap berlaku aktiviti pembakaran terbuka oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya semasa musim panas dan kering.

Selain kawasan Johan Setia Klang pembakaran terbuka juga didapati berlaku di kawasan lain seperti Jalan Kebun, Lebuhraya KESAS dan kawasan Sijangkang, Kuala Langat. Berdasarkan siasatan dan pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar aktiviti pembakaran terbuka tersebut adalah berpunca daripada pembakaran sampah sarap, pembakaran kebun, pembakaran belukar terutama pada waktu malam dan kemerosotan status kualiti udara bertambah buruk apabila terdapat episod jerebu merentas sempadan daripada Sumatera, Indonesia. Keadaan ini telah menjejaskan kesihatan penduduk termasuk anak-anak di kawasan Johan Setia. Apa yang penting ialah peruntukan undang-undang di bawah seksyen 29A(2) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 telah memperuntukkan hukuman yang *deterrent* bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka iaitu denda tidak melebihi RM500 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia Klang, pihak kementerian akan terus mengambil tindakan mahkamah dan bukan lagi dikenakan kompaun. Saya juga dapat tahu daripada Yang Berhormat Klang bahawa kita akan menubuhkan satu kawasan *task force*. Kita akan bincangkan ini di peringkat kerajaan negeri dan di peringkat pusat kementerian saya.

■1030

Inilah hal yang sangat penting dan saya harap kita akan cadangkan satu kawasan *task force* di peringkat negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan tadi. Yang Berhormat Menteri ada memaklumkan bahawa Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka telah diaktifkan oleh kementerian awal tahun ini iaitu dalam Februari 2014.

Jadi soalan tambahan saya adalah sejauh manakah tindakan yang telah dilaksanakan di bawah pelan ini dalam usaha untuk memperbaiki kualiti udara dan juga kemelut jerebu di dalam negara ini dan sejauh manakah juga masyarakat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran ini dapat digembleng bagi memantau kes-kes pembakaran terbuka ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat. Statistik pembakaran terbuka Januari 2014 hingga 29 September ialah sebanyak 4,470 insiden pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara. Bukan sahaja di Johan Setia tetapi di seluruh negara dari bulan Januari 2014 hingga 29 September. Kawasan pertanian merupakan 1,473, 402 kes pembakaran terbuka dikenakan tindakan kompaun. Kita perlu meningkatkan tindakan kompaun ini dan saya perlu bincangkan perkara ini dengan *Attorney General* saya. Yang penting adalah 47 kes disediakan kertas siasatan untuk tindakan mahkamah. Kawasan hutan sebanyak 907, kawasan pertanian 1,473, kawasan industri 34, kawasan pembinaan 161, tapak pelupusan sampah 86, kawasan belukar 1,033, lain-lain pembakaran terbuka kecil ialah 1,046. Jumlah ialah 4,740.

Yang penting ialah kita perlu mengambil tindakan bukan sahaja di peringkat mahkamah tetapi kita juga perlu meningkatkan kompaun kita. Kompaun kita sekarang saya ingat hanya RM2,000. So, kalau kita boleh meningkatkan kompaun kita saya perlu bincang dengan *Attorney General*. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan terdapat banyak pencawang telekomunikasi yang dipasang di merata tempat oleh syarikat telekomunikasi termasuk di sekolah. Adakah kementerian membuat pemantauan berkala untuk mengukur tahap radiasi yang dipancarkan oleh pencawang ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mersing yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan lapan lagi pertanyaan lain daripada Yang Berhormat Gelang Patah yang bertarikh pada 27 Oktober, iaitu pada hari ini. Yang Berhormat Jerlun bertarikh pada 28 Oktober, Yang Berhormat Jerantut pada 3 November, Yang Berhormat Saratok yang bertarikh pada 5 November, Yang Berhormat Lawas bertarikh 10 November, Yang Berhormat Sik pada 13 November, Yang Berhormat Kubang Kerian yang bertarikh 13 November dan Yang Berhormat Baram bertarikh 24 November kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan dengan isu perkhidmatan telekomunikasi negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Jailani bin Johari: Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Mersing, melalui pemantauan serta pengujian tahap pancaran radio frekuensi ataupun RF yang dijalankan bersama oleh Agensi Nuklear Malaysia di seluruh negara termasuklah di Jalan Seri Pantai Kampung Air Puteri dan Lot 7500 Mukim Mersing adalah didapati bahawa tahap pancaran RF di kawasan sekitar menara telekomunikasi adalah amat rendah dan berada di tahap yang selamat. Kadar pancaran RF ini mematuhi standard mandatori bagi *emission electromagnetic field* (EMF) dari struktur radio komunikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan tidak membawa sebarang risiko kesan kesihatan kepada masyarakat sekitar termasuklah golongan warga tua dan kanak-kanak.

Manakala menara telekomunikasi di kawasan sekolah yang merupakan sebahagian daripada Projek 1BestariNet di Kementerian Pendidikan Malaysia, berdasarkan kepada pengujian pensampelan tahap pancaran RF yang telah dijalankan di sekolah, di sekitar Perak, Johor dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia. Hasil pengujian tersebut mendapati bahawa purata tahap pancaran RF di dalam kawasan sekolah termasuklah di dalam bilik darjah, kantin, bilik guru dan sebagainya adalah sekitar 0.0002 watt per meter persegi. Tahap ini adalah selamat dan ini mematuhi standard mandatori yang telah ditetapkan.

Mengenai pertanyaan-pertanyaan lain untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan melalui pihak kementerian ini sentiasa berusaha untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan dan liputan telefon dan juga internet di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak. Sehingga bulan Oktober 2014 kadar penembusan telefon *cellular* negara telah melebihi 100% penembusan iaitu 143.7% dengan 143.1 juta langganan. Manakala kadar penembusan jalur lebar isi rumah di Malaysia telah mencapai 67% penembusan dengan jumlah langganan sebanyak 64 juta. Dengan ini negara memerlukan 7.9% lagi untuk mencapai sasaran 75% penembusan jalur lebar isi rumah menjelang 2015.

Berdasarkan data daripada International Telecommunication Union (ITU) Malaysia telah menduduki tempat yang kedua di belakang Singapura dari segi langganan jalur lebar talian tetap per 100 penduduk di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Peningkatan penembusan jalur lebar ini adalah hasil daripada pelaksanaan beberapa inisiatif kerajaan seperti peluasan perkhidmatan *cellular* 3G dengan izin *Broadband for General Population* ataupun untuk *masses*, Pusat Internet 1Malaysia dan kampung tanpa wayar bagi meningkatkan penggunaan jalur lebar di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak iaitu semenjak pelancaran Pelan Jalur Lebar Kebangsaan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010.

Dalam usaha lain bagi meningkatkan kelajuan perkhidmatan internet sedia ada, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kelajuan dan kualiti internet di negara ini. Antaranya melalui pelaksanaan pelbagai projek iaitu Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) seperti yang diumumkan pada Bajet 2015 baru-baru ini, Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), pembinaan menara telekomunikasi baru iaitu sebanyak 1,000, LTE dan Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia.

Isu kadar caj internet di negara ini yang dikatakan mahal oleh Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Kubang Kerian sebenarnya kurang tepat. Laporan oleh ITU *Affordability Report 2013* yang diterbitkan oleh *Alliance for Affordable Internet* dengan izin, pada 8 Disember 2013 membuktikan bahawa harga perkhidmatan jalur lebar dan *cellular* di Malaysia adalah kompetitif setanding dengan negara-negara maju dan membangun yang lain. Seperti mana yang dilaporkan dalam laporan tersebut, Malaysia berada di tangga tertinggi di kalangan 46 negara membangun termasuk China, Brazil, Turki dan Hungary dari pasaran internet mampu milik. Walau bagaimanapun, pihak kementerian melalui SKMM dengan kerjasama pihak pemberi perkhidmatan masih ada juga memperkenalkan pakej mampu milik pada kadar serendah RM20 dan RM25 tetapi pada tahap kualiti yang telah ditetapkan oleh pihak SKMM.

Merujuk kepada pertanyaan yang ditanya oleh Yang Berhormat Saratok, pelaksanaan dan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan telah membolehkan ramai rakyat Malaysia menikmati kemudahan komunikasi termasuklah di kebanyakan kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Di mana setakat suku kedua tahun 2014 kadar penembusan jalur lebar bagi negeri Sarawak telah mencapai 63.4% dan negeri Sabah adalah 62.4% berbanding tahun 2010 pada kadar 40.2% di Sarawak dan 25.6% di Sabah.

■1040

Bagi perkhidmatan *cellular* pula, sehingga kini sebanyak 203 menara telah dibina di negeri Sarawak dan 212 menara dibina di negeri Sabah. Manakala, bagi tahun ini kerajaan sedang melaksanakan sebanyak 149 lagi menara baru untuk Sarawak dan 79 menara baru bagi negeri Sabah.

Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Lawas dan Yang Berhormat Baram, sebanyak empat menara telah dibina dan telah beroperasi sepenuhnya. Manakala enam menara lagi dalam perancangan untuk dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun hadapan. Manakala sebanyak 20 lokasi telah diberikan perkhidmatan *cellular* di kawasan Baram dan telah beroperasi sepenuhnya menggunakan teknologi '*felto*' dan '*nano cell*' yang sesuai dengan keadaan di Baram. Sebanyak 10 menara baru lagi juga akan dibina bagi menambah baik perkhidmatan *cellular* di kawasan Baram dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2015.

Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Jerlun dan juga Yang Berhormat Sik, bagi negeri-negeri di Semenanjung khususnya di Kedah di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat, kerajaan telah membina sebanyak 37 Pusat Internet 1 Malaysia. Sebanyak 12 lagi pusat masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada penghujung tahun ini. Manakala lima lagi adalah dalam perancangan. Kawasan cadangan pelaksanaan pusat internet di Kedah termasuk di Langkawi, Alor Star, Sungai Petani dan Kulim.

Mengenai pertanyaan oleh Yang Berhormat Jerantut, dimaklumkan bahawa bagi negeri Pahang pihak suruhanjaya di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat telah membina sebanyak 207 menara bagi negeri Pahang di mana sebanyak 21 menara telah diperuntukkan untuk Parlimen Jerantut.

Daripada jumlah ini, 16 menara telah siap beroperasi sepenuhnya manakala lima lagi dalam pelaksanaan. Walaupun banyak inisiatif yang dijalankan oleh pihak kerajaan, namun tanpa kerjasama dan sokongan daripada pihak kerajaan negeri, maka hasrat pihak kerajaan untuk memberikan perkhidmatan telekomunikasi baik kepada rakyat sukar untuk dicapai. Dalam melaksanakan projek-projek pembinaan infrastruktur telekomunikasi seperti menara yang hampir semuanya terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman, pihak pemberi perkhidmatan menghadapi cabaran besar terutamanya di peringkat perolehan tapak dan juga kelulusan PBT.

Perolehan tapak yang melibatkan tanah milik orang perseorangan dan tanah milik kerajaan negeri serta proses kelulusan mengambil masa yang lama akan merencatkan masa pelaksanaan projek-projek ini di tambah pula dengan kadar bayaran yang melampau contohnya di negeri Pulau Pinang iaitu di negeri pembangkang syarat tambahan pembinaan menara atau struktur pemancar memerlukan kelulusan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

dan kadangkala enggan meluluskan kerana kluatir perlu bagi tanggungjawab bagi sebarang perkara berbangkit.

Manakala *fee* pembaharuan permit untuk menara adalah amat tinggi iaitu RM5,000 bagi setiap satu tapak menara dan struktur pemancar atas bangunan. Jadi, kadar ini agak tinggi. Oleh demikian sukaiah saya mencadangkan agar Ahli-ahli Parlimen agar turut sama memberi perhatian dan memberi sokongan kepada pelaksanaan projek yang telah dirancang terutamanya memberi keutamaan bagi mempercepatkan proses kelulusan serta sama-sama membantu menangani aktiviti vandalisme kerana dengan cara inilah cabaran utama dapat ditangani bersama dan projek-projek komunikasi yang membawa banyak manfaat kepada rakyat dapat dilaksanakan demi kemudahan rakyat. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya doa sebab Yang Berhormat Kemaman dia ada di Busan, melobi untuk satu jawatan di ITU dan yang menjawabnya Yang Berhormat Hulu Terengganu. Dia kira ulamak lah sebab dia dahulu pegawai tinggi dekat SKMM. Jadi ahli politik, duduk *front bench*. Tahniah. Soalan saya, saya faham mengenai hal ehwal EMF ini. Sebab itu saya ikut Yang Berhormat Shah Alam pakai *ear bud*. Itu adalah untuk mengelakkan *thermal effect* daripada radiasi telefon jika kita pakai telefon menjawab macam itu dia ada *direct* kesan kepada *brain cell* hanya *for thermal reason* dengan izin.

Apa yang saya hendak tanya ini walaupun pancaran radiasi yang dipancarkan oleh pencawang-pencawang ini pada puratanya adalah di antara 200 mikro waat per meter square dan dia sebenarnya tidak bahaya. Cuma Kerajaan Pulau Pinang dia tidak berapa faham, kena terangkan sebab lagi jauh dan dia hanya horizontal. Kalau *vertical* dia tidak ada kesan. Soalan yang saya hendak tanya adalah mengenai *non thermal hazard* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ada tidak kajian yang dibuat pakar-pakar daripada universiti kita untuk mengetahui kesan mendalam bagi *non thermal biological effect* dengan izin. Itu pertama.

Kedua, ada tidak pemantauan secara *periodic*? Saya faham bahawa *structure monitoring* ini dibuat oleh SKMM, *the engineering potion* tetapi adakah usaha-usaha ini dibuat khususnya dalam penyelidikan dengan agensi atom agar kesan daripada *non thermal biological* ini secara jangka panjang kerana pencawang-pencawang ini diletakkan di sekolah-sekolah dan sudah pasti ia boleh mendedahkan *health hazard* kepada anak-anak sekolah kita.

Soalan ketiga saya adalah dalam banyak hal, *service provider* bila signal tidak kuat dia akan tambah dia punya frekuensi dan bila tambah frekuensi dia menambah radiasi. Ini dibuat kerana kita pengguna selalu *complaint* pada SKMM. Bila tambah frekuensi, tambah radiasi tetapi *auditing* tidak dibuat secara regular. [Disampuk] Jadi, adakah SKMM bersedia untuk melakukan satu kajian dan pemantauan yang spesifik dan jangka panjang - Itulah soalan dia. Mangkuk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, macam mana boleh tiga soalan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua? Sudahlah bila saya masuk dia tegur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya susah hendak tegur Yang Berhormat kerana semua orang buat macam itu. [Ketawa] Sebelah sini pun kadang-kadang buat macam itu juga Yang Berhormat.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mersing. Sebenarnya, ada tiga isu tadi iaitu dari segi kajian, pemantauan dan juga sekiranya tambah frekuensi akan bertambah radiasi. Betullah ada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Mersing itu memang ada berkaitan. Sebenarnya isu yang penting adalah pematuhan kepada standard atau pun mandatori yang dikuatkuasakan kepada semua pengendali kerana apabila pencawang-pencawang itu dibina oleh pihak pemberi perkhidmatan, sekiranya mereka mematuhi standard yang ditetapkan oleh SKMM kerana ianya berdasarkan kepada *International Commission for Non-Ionizing Radiation Protection* atau pun (*ICNIRP*) dengan izin iaitu sebuah badan saintifik antarabangsa. Ia berdasarkan kepada kajian terperinci dan hasil penilaian lebih daripada 15,000 kajian saintifik di peringkat global dan diiktiraf oleh WHO dan juga oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Negara-negara lain yang menerima pakai sama standard adalah seperti Singapura, Australia dan juga United Kingdom. Bagi menjawab ketiga-tiga pertanyaan oleh Yang Berhormat Mersing, pertamanya memang ada kajian jawatankuasa saintifiknya iaitu secara *ad hoc* antara agensi yang dianggotai Kementerian Kesihatan, UKM, UM, MIM, SIRIM, JTM dan UTM yang menyimpulkan bahawa tiada bukti kukuh yang menunjukkan pendedahan kepada pancaran RF yang boleh mengakibatkan timbulnya kesan kepada kesihatan manusia.

Keduanya, kajian UNITEN pada tahun 2009 yang menunjukkan pemancar komunikasi di Malaysia mematuhi piawaian dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh WHO dan *ICNIRP* berkaitan dengan tahap keselamatan pancaran RF.

Terkini, selama satu tahun kajian telah dilaksanakan oleh pihak Universiti Malaysia Perlis atau pun UNIMAP bagi mengkaji kesan pendedahan pancaran RF terhadap prestasi kognitif kesejahteraan dan fisiologi masyarakat Malaysia. Berdasarkan kajian yang meliputi subjek lelaki dan wanita berbilang bangsa, mendapati tiada perkaitan antara kesan kesihatan yang sering dilaporkan.

■1050

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak SKMM juga telah melantik seorang profesor dari Universiti Malaya iaitu Profesor Ng Kwan Hoong dan kita telah menerbitkan satu buku iaitu "*Radiasi, Telefon Mudah Alih, Stesen Pengkalan dan Kesihatan Anda.*" Sekiranya Yang Berhormat inginkan dokumen ini saya akan mengajukan.

Kedua, kita juga telah melantik pakar iaitu Profesor Mohd Fareq bin Abdul Malek iaitu dari UniMAP tentang "*Kesan-kesan Hiper Sensitiviti Elektromagnet*" dan *insya-Allah* kita akan keluarkan buku ini dalam beberapa versi iaitu Tamil, Chinese dan juga bahasa Inggeris.

Ketiganya kita boleh jugalah untuk memuat turun risalah yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan iaitu "*Guidance to Safety and Health Aspect of Play Station and Mobile Phone*", terima kasih.

4. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha yang dibuat bagi mempromosikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) sebagai pilihan utama pelajar memandangkan bidang itu dikatakan mempunyai prospek kebolehpasaran yang tinggi selepas menamatkan pengajian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia akan sentiasa memastikan usaha mengurusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional dibuat secara bersepadu dan berterusan. Langkah-langkah strategik dan proaktif telah dilaksanakan bagi mempromosikan perkhidmatan pendidikan teknikal dan latihan vokasional melalui:

- (i) aktiviti *outreach* seperti Karnival Pengajian Tinggi Negara, Jom Masuk U dan I Dream to U dengan izin, sesi penerangan, taklimat dan seminar termasuk di sekolah;
- (ii) melalui media cetak seperti pengiklanan di surat khabar utama, majalah dan juga *billboard*;
- (iii) melalui media elektronik seperti wawancara, sidang media, temu bual, liputan berita dan iklan di televisyen serta radio; dan
- (iv) melalui laman-laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan juga *Instagram*.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, melalui transformasi pendidikan vokasional pula, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program-program promosi dan menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan pendidikan teknikal dan latihan vokasional pula. KPM telah menggunakan program seumpama contoh Hari Bertemu Pelanggan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Setakat ini contoh kita telah menarik lebih kurang 20,000 rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam program Hari Bertemu Pelanggan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui dialog Nasional Transformasi Pendidikan Vokasional sempena Karnival Kolej Vokasional 1Malaysia lebih kurang 50,000 rakyat Malaysia telah mengambil bahagian. Manakala Program Bersama Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2014 yang mana kita melaksanakan program ini mengikut zon-zon di seluruh Malaysia, juga telah menarik minat pelbagai rakyat Malaysia.

Keempat, melalui pameran inovasi pengajaran dan pembelajaran PDP Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menarik minat lebih kurang 30,000 orang rakyat Malaysia. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang memberi penekanan dalam pendidikan teknikal dan vokasional. Ini jelas dalam pembentangan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggariskan beberapa langkah untuk mengurusperdanakan pendidikan teknikal dan juga vokasional.

Untuk itu kerajaan akan meningkatkan pengambilan pelajar kolej vokasional dan kolej komuniti melalui program-program transformasi vokasional dan teknik serta menaiktarafkan kolej. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah pun memperuntukkan lebih kurang RM1.2 bilion dalam Bajet 2015. Buat masa ini bagi permohonan untuk mengambil jurusan di bawah Program Latihan Teknik dan Vokasional yang diterima oleh Kementerian Pendidikan Malaysia jauh melebihi kemampuan tempat yang disediakan. Sebagai langkah untuk membuka peluang dalam bidang ini Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menempatkan 10,000 pelajar di kolej-kolej

teknikal dan vokasional swasta untuk mengikuti program-program pendidikan vokasional, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana telah memberikan jawapan dengan baik. Soalan saya ialah bagaimanakah kerajaan dapat membantu pihak-pihak swasta supaya syarikat-syarikat swasta dapat melibatkan diri secara aktif dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional. Apakah syarat-syarat kemasukan ke sekolah aliran teknik dan vokasional untuk 2014 memandangkan Kementerian telah pun memansuhkan PMR dengan menggantikan PT3. Jadi sekian terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut atas dua soalan tadi. Syarat-syaratnya masih sama, hanya perubahan dari PMR ke PT3. Maka kita akan menggunakan kelayakan PT3 untuk pelajar-pelajar memasuki dalam bidang pembelajaran teknik ini. Untuk maklumat mengenai dorongan kepada syarikat swasta, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga dalam pembentangan Bajet 2015 telah menyatakan tiga perkara penting yang mana akan kita beri galakan kepada syarikat-syarikat swasta. Yang paling penting ialah galakan cukai yang sedia ada ditambah seperti berikut:

- (i) potongan dua kali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan diperluaskan kepada biasiswa untuk pelajar di peringkat pengajian pensijilan vokasional dan teknik;
- (ii) potongan dua kali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan syarikat dalam melaksanakan program intensif berstruktur di peringkat diploma dan vokasional; dan
- (iii) potongan tambahan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan diberi ke atas perbelanjaan latihan yang ditanggung oleh majikan bagi pekerja dan mendapatkan sijil dan kelayakan profesional yang diiktiraf.

Saya pasti dengan adanya langkah-langkah galakan seumpamanya ini industri-industri khasnya syarikat-syarikat swasta bukan sahaja akan memberi kerjasama tetapi akan memberi banyak lagi peluang kepada rakyat khasnya belia untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang teknikal dan vokasional ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Terlebih dahulu saya juga mengharapkan *insya-Allah* semoga Kolej Vokasional Temerloh turut mendapat agihan secukupnya daripada sebahagian peruntukan yang telah disebutkan daripada Bajet 2015 untuk kita meningkatkan prasarana pembelian aset dan juga membangunkan kemahiran para pelajar dan juga tenaga pengajar.

Justeru saya melihat sekarang ini berlaku satu jumlah peningkatan pekerja asing yang sangat ketara dari tahun 2005 sehingga tahun 2008 bermula dengan 1.8 juta orang kepada 2.1 juta. Khususnya dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan juga pertanian. Kalau kita lihat pula dalam jumlah pengiriman wang keluar oleh pekerja asing yang sah di negara ini juga telah meningkat secara mendadak. Dari RM10.5 bilion pada tahun 2009 kepada RM25.1 bilion pada tahun 2013. Jadi ini membuktikan bahawa negara kita masih mengharapkan kebergantungan

yang tinggi kepada pekerja-pekerja asing walaupun kerajaan telah mempertingkatkan levi dan juga memperkenalkan gaji minimum untuk menggalakkan lebih banyak tenaga kerja tempatan.

Jadi persoalan saya Yang Berhormat Menteri, ada dua. Kalau tadi dibenarkan tiga mungkin saya boleh ambil dua soalan di sini. Yang pertamanya adakah ini membuktikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebenarnya...

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: ...Ketidakseimbangan antara institusi pendidikan dengan keperluan sebenar permintaan pasaran buruh. Di manakah sebenarnya graduan daripada institusi Jabatan Pembangunan Kemahiran ini disalurkan khususnya untuk mencapai 33% tenaga kerja mahir pada tahun hadapan. Terima kasih.

■1100

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menjawab kedua-dua soalan sebaik yang boleh Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat Temerloh tentang Institusi Jabatan Pembangunan Kemahiran sebenarnya institusi ini di bawah Kementerian Sumber Manusia. Saya pasti Kementerian Sumber Manusia akan memberi maklumat-maklumat yang terperinci. Walau bagaimanapun saya akan cuba sedaya upaya untuk memberi maklumat dan jawapan untuk soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengabaikan mana-mana kolej vokasional dan kolej politeknik di mana juga mereka ditempatkan walaupun kolej itu mungkin berada di kawasan pembangkang. Aliran, agihan akan diberi secara munasabah kepada semua kolej ini, malah untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam proses membina enam lagi kolej vokasional di seluruh Malaysia dan salah satu kolej vokasional ini dibina di kawasan pembangkang iaitu di Pasir Puteh, Kelantan.

Kita tidak pernah melihat sama ada kawasan Barisan Nasional atau kawasan pembangkang. Apa yang penting ialah arus perdana pendidikan khasnya latihan teknik dan vokasional ini akan dipastikan dan diberikan kepada semua rakyat Malaysia. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai empat cara untuk menambah baik industri ataupun pendidikan latihan dan teknikal dan vokasional ini. Contoh kita ada 80 buah kolej vokasional, kita ada 91 kolej komuniti, kita ada 33 politeknik dengan jumlah 240 buah tempat pengajian ini yang menampung lebih kurang 150,000 pelajar.

Bukan sahaja itu, sekolah teknik kita ada sembilan buah teknik yang dapat menampung 6,000 pelajar. Ini merupakan di antara cara-cara yang kita dapat menambah lagi pelajar-pelajar kita untuk mengikuti jurusan teknikal dan vokasional ini. Malah di sekolah menengah pun juga kita mempunyai sekolah menengah kebangsaan vokasional yang mana 81 sekolah biasa dan empat buah sekolah K9 telah pun dikenal pasti untuk membantu program-program teknikal dan vokasional.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, 33% sasaran yang dikatakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat untuk tahun hadapan, malah Kementerian Pendidikan Malaysia menjelang tahun 2020 kita telah pun mengenal pasti sebanyak 46% pekerjaan memerlukan kelayakan teknikal dan vokasional. Itulah kita sedang menuju sekarang ini dan menggalakkan kerjasama

industri dengan latihan vokasional. Contoh di politeknik, kita mempunyai dengan izin, Malaysian Automotive Industry bekerjasama dengan politeknik di mana mereka telah mula menawarkan ijazah sarjana muda dalam bidang automotif. Apabila pelajar-pelajar ini telah mendapat graduan mereka, mereka akan terus diserapkan kepada industri-industri automobil Malaysia.

Ini di antara cara-cara yang mana kita dapat meningkatkan lagi lebih ramai lagi pelajar-pelajar. Kita juga sedang mengeluarkan maklumat-maklumat dan cuba memberi penerangan terperinci bukan sahaja kepada anak-anak murid tetapi kepada ibu bapa juga untuk memaklumkan kepada mereka bahawa kolej-kolej teknikal dan vokasional sama taraf dan kalau boleh sebaik IPTA-IPTA. Ini supaya mereka tidak memandang rendah terhadap pelajar-pelajar di vokasional, politeknik dan kolej komuniti. Ini kerana apa yang penting kita mempunyai peluang pembelajaran dari segi teknikal dan vokasional. Itu hasrat kita Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Yang di-Pertua saya minta satu izin untuk mengucapkan terima kasih kepada Majlis Keselamatan Negara khususnya Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Batang Lupar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah banyak membantu kepada penduduk-penduduk di Taman Bunga Raya, Hulu Selangor yang baru-baru ini telah terlibat dalam masalah tanah runtuh.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih sebagai Ahli Parlimen Hulu Selangor kepada JKR yang telah membantu JPAM, bomba, PDRM, RELA, Persatuan Bulan Sabit Merah, Skuad Sayang Wanita UMNO, Persatuan-persatuan Penduduk Majlis Daerah Hulu Selangor, Penduduk-penduduk, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan semua yang telah membantu rakyat Hulu Selangor khususnya di Taman Bunga Raya mengatasi bencana alam tidak lama dulu, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh tidak satu soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, satu soalan dalam setiap soalan. Kalau sudah dua tiga soalan itu jangan sebut soalan satu, dua dan tiga.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak, tidak. Ini fasal ada berkaitan sama Sekolah Bukit Chenu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bintulu ada SMK Teknik. Kita sekarang berbincang dalam Dewan ini macam mana kita mempromosikan pendidikan teknikal dan latihan vokasional, tetapi kita panjang lebar cerita *promotion*. Akan tetapi kita tidak cerita macam mana meningkatkan skil-skilnya. Macam mana membaik pulih peralatan-peralatannya yang ada. Sampai hari ini saya belum nampak lagi. Menteri kita fahamlah, sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak cukup masa. Sepatutnya Timbalan Menteri patut turun padang melihat sekolah ke sekolah. Tidak payahlah kita turun padang, *red carpet*lah, tunjuk satu dunia kita mari dan jemput sama kita. Turun padang sekolah ke sekolah tengok termasuklah SMK Teknik pergi tengok.

Saya sudah *suggest* 15 tahun, sudah masuk 16 tahun sebagai Ahli Parlimen, saya tidak nampak lagi SMK Teknik dinaiktarafkan. Dia punya peralatan-peralatan masih lagi kongkalikung, sama juga. Tidak nampak sampai sekarang, tiada apa-apa kita punya kementerian datang melihat mana-mana yang sepatutnya dinaiktarafkan. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua pun setuju terutama sekali di kawasan luar bandar juga. Saya hendak minta

Menteri, bilakah kementerian boleh betul-betul turun padang dan juga umum, bagi tahu rakyat macam mana kita boleh meningkatkan sekolah SMK Teknik di kawasan Bintulu. Sekian, terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu yang memang prihatin dalam hal ehwal pendidikan di kawasan Bintulu. Bukan sahaja dari segi sekolah teknikal, tetapi daripada sekolah rendah, menengah dan keperluan-keperluan lain. Kita memang dalam proses untuk membuat lawatan-lawatan di seluruh Malaysia, malah saya sendiri telah turun ke Sabah dan juga Sarawak melawat sekolah-sekolah yang berkenaan. Cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Bintulu dan jemputan yang diberi akan saya ambil dan saya akan melawat kawasan sekolah tersebut dengan Yang Berhormat dalam masa yang terdekat. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau bila turun padang bagi tahulah wakil rakyat. Jangan turun hendak tunjuk semua yang baik punya, semua kotor punya sapu simpan di bawah karpet.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey, Yang Berhormat saya akan ambil nasihat Yang Berhormat turun bersama Yang Berhormat nanti.

5. Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelevu] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan menyatakan langkah-langkah dan tahap persiapan bagi menghadapi kemungkinan kenaikan harga barangan akibat unsur manipulasi harga ekoran pelaksanaan GST tahun hadapan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Jelevu. Menjawab soalan Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah dan sedang mengambil tindakan persediaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk memanipulasikan harga dengan alasan GST. Dalam hal ini sebarang perubahan harga berlaku hendaklah sejajar dengan perubahan kadar cukai GST. Oleh yang demikian para pengguna akan dapat menikmati faedah penjimatan ekoran daripada pengurangan kadar cukai yang dikenakan.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian sebagai persediaan menghadapi GST meliputi aspek perundangan, penguatkuasaan, pengurusan maklumat harga, program advokasi dan *call centre* ataupun aduan seperti berikut. Pertama, menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang sedia ada. Akta ini telah dipinda bagi memantapkan penguatkuasaan dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 telah berkuat kuasa pada 1 September 2014 yang lalu. Satu peraturan berkaitan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah yang telah digubal untuk melengkapi akta ini. Peraturan-peraturan kawalan harga dan antipencatutan iaitu mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah iaitu cukai barang dan perkhidmatan ini sedang dalam fasa akhir pengubalan.

Keduanya, menubuhkan Unit Antipencatutan di Bahagian Penguatkuasaan Kementerian untuk mengambil tindakan penguatkuasaan bagi menangani isu-isu pencatutan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab apabila GST dilaksanakan. Di samping 1,800 orang pegawai penguat kuasa yang sedia ada, Kerajaan Pusat telah meluluskan pertambahan jawatan sebanyak 472 perjawatan pada bulan Julai 2014 kepada kementerian untuk memastikan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Ketiga, mewujudkan satu sistem pengurusan data di kementerian bagi memantau pergerakan harga sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan GST. Pangkalan data harga ini akan membantu kerajaan mengenal pasti *trend* harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran dan sebagai rujukan asas kadar penentuan keuntungan yang munasabah. Fasa pertama kutipan harga telah bermula pada 25 Ogos 2014 dengan penglibatan 1,300 orang pegawai pemantau harga.

Keempat, kita melaksanakan program *advocacy* dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Kementerian Kewangan kepada peniaga dan juga pengguna untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai dengan GST, penguatkuasaan pencatutan dan faedah sistem percukaian ini kepada rakyat dan negara.

Kelima Yang Berhormat, iaitu menambah baik perkhidmatan dan sistem pengurusan aduan, Pusat Pengurusan Aduan Pengguna yang sedia ada di kementerian bagi menghadapi jangkaan peningkatan jumlah aduan dan pertanyaan daripada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pemantauan dan pemeriksaan yang lebih intensif akan dijalankan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian ke semua peringkat perniagaan bagi menghadapi pelaksanaan GST. Mana-mana peniaga yang didapati mencatut akan diambil tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Dengan jawapan itu, seharusnya rakyat berasa lega sebab kerajaan bukan sahaja membuat perubahan tertentu dalam dasar-dasar negara khususnya percukaian tetapi juga menyediakan dan menjangkakan perkara-perkara yang boleh memberi kesan kepada rakyat dan mengambil langkah-langkah yang disusun rapi.

Cuma, perkara yang ingin saya bangkitkan ialah, secara teknikalnya, GST ini akan ada harga barangan yang turun dan harga barangan yang naik dan juga kekal. Akan tetapi, mengikut rekod bagi negara-negara yang sudah memperkenalkan GST, ia tidak menjadi sedemikian. Ia diiktiraf dan diterima bahawa GST akan memberi kesan kepada kenaikan harga barang yang dikatakan *one-off*. Jadi oleh sebab itu, kita boleh menduga bahawa GST mesti akan memberi kesan kepada kenaikan harga barang dan Kementerian KPDNKK sudah membuat persiapan yang rapi.

Cuma persoalan yang hendak saya kemukakan ialah, bagaimana keyakinan kementerian akan dapat menggunakan Akta Antipencatutan ini bagi mengekang, mengawal dan mengambil tindakan setegas-tegasnya kepada peniaga yang sengaja menaikkan harga barang? Ini kerana saya faham, kementerian berada dalam keadaan yang rumit di antara hendak kawal harga barang dan amalan sistem ekonomi terbuka yang kita amalkan itu. Jadi

oleh kerana itu, saya mohon kerumitan itu dan mungkin kah kerajaan ataupun rakyat boleh rasa begitu selesa ataupun meyakini bahawa kenaikan harga yang melampaui tidak berlaku dalam pelaksanaan GST pada tahun hadapan?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Memang seperti apa Yang Berhormat sebut, kementerian juga merasakan mungkin wujud kebimbangan di kalangan rakyat apabila GST ini dilaksanakan pada April tahun hadapan.

Oleh sebab itu, persediaan-persediaan awal telah diambil oleh kementerian dan juga kerajaan untuk mengekang, mungkin dari segi untuk mengawal supaya persepsi rakyat terutamanya mengenai dengan kenaikan harga barang. Ini kerana Yang Berhormat, kebimbangan ini wujud sekarang ini kerana pada pemikiran rakyat, oleh sebab telah dimainkan ataupun dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu mengenai dengan GST ini bagi menggagalkan sistem.

Kalau Yang Berhormat sebut tadi lebih daripada 160 buah negara telah pun mengamalkan GST dan melaksanakan sistem ini, dan di kalangan negara-negara tersebut, kita dapati bahawa GST itu tidak begitu membebankan rakyat. Walau bagaimanapun, seperti apa Yang Berhormat sebut tadi, kita telah meminda undang-undang dan akta seperti saya sebutkan tadi iaitu perundangan dan juga mekanisme pencatutan.

Dalam perundangan ini, kita membuat pindaan pada seksyen 2, takrif pada pengawal yang diberi kuasa dilanjutkan pindaan seksyen itu kepada Menteri untuk memberi kuasa kepada mana-mana penjawat awam untuk hendak mengekang kenaikan harga barang ini oleh peniaga-peniaga. Jadi kuasa ini diberi kepada Menteri untuk melantik ataupun memberi mana-mana kuasa di bawah akta ini, mana-mana peraturan yang telah dibuat untuk kita memberi kuasa kepada pihak pegawai-pegawai kerajaan tempatan.

Keduanya, seksyen baru 10A yang kita pinda baru-baru ini juga iaitu harga ataupun caj yang dikenakan tidak termasuk yang tertentu juga kita pinda dan pindaan seksyen 15, mekanisme peruntukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah itu juga kita pinda kerana untuk mengekang. Ini kerana kita memahami kesempatan ini akan diambil oleh peniaga-peniaga setelah GST ini dilaksanakan pada tahun hadapan untuk mengaut keuntungan yang lebih daripada pelaksanaan GST ini.

Jadi, *insya-Allah* Yang Berhormat, semua tugas telah kita laksanakan dan akan kita pastikan agar melalui penguatkuasaan dan dengan penambahan pegawai dapat kita laksanakan.

Satu lagi Yang Berhormat, kementerian juga menubuhkan mahkamah khas dan kita yakin mungkin ada aduan-aduan dan juga mungkin ada kes-kes yang terlibat. Oleh sebab itu, penubuhan mahkamah khas ini juga telah pun diambil kira untuk kita memenuhi saranan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Oktober 2014 agar sebuah mahkamah khas ditubuhkan untuk menangani masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita selalu dengar langkah-langkah yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi dan sebenarnya pernah dilaksanakan sebelum ini pun. Contohnya, setiap kali sebelum kalau ada perayaan-perayaan besar, soal penguatkuasaan, soal menentukan supaya tidak ada pencatutan dan lain-lain itu telah dilaksanakan tetapi masih lagi belum berjaya membendung kenaikan harga.

Jadi soalan saya kepada Timbalan Menteri, bukankah lebih berkesan untuk memastikan harga barang ini tidak naik supaya kerajaan menggunakan kuasanya yang mengawal harga-harga barang asas seperti minyak, makanan dan lain-lain, bukankah lebih berkesan supaya kerajaan tidak menaikkan harga barang tersebut? Contohnya seperti harga minyak, kerana itu dalam kawalan kerajaan dan sebenarnya merupakan punca utama kenaikan harga barang dan bukannya manipulasi harga seperti yang cuba dibawa oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pandan. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet baru-baru ini pun telah sebut mengenai dengan barang-barang yang tidak dikenakan cukai. Seperti Yang Berhormat sebut tadi iaitu barang-barang keperluan asas. Contohnya makanan seperti gula, tepung, minyak masak, ikan dan lain-lain. Yang Berhormat pun tahu memang itulah makanan asas. Yang disebut oleh Yang Berhormat apabila musim-musim perayaan. Jadi sebab itu dalam musim perayaan kita adakan Akta Kawalan Harga Musim Perayaan untuk mengekang daripada kenaikan barang-barang keperluan asas untuk makanan.

Juga contoh perkhidmatan, pengangkutan awam, bas, teksi dan sebagainya. Itu pun tidak terlibat dalam kenaikan harga dalam GST. Begitu juga dengan kesihatan. Jadi ini semua keperluan asas telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan. Jadi tidak timbul kerana barang-barang lain selain daripada keperluan asas ini yang akan dikenakan GST. Akan tetapi kalau keperluan barang-barang harian yang dinikmati ataupun yang digunakan oleh orang ramai, rakyat sama ada di dalam bandar atau di luar bandar, tidak dikenakan cukai GST. Terima kasih.

6. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan berapakah purata pendapatan yang diperolehi oleh petani dalam Parlimen Bachok daripada hasil tanaman kenaf berbanding tembakau yang pernah memacu ekonomi petani Bachok.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Yang Berhormat Bachok.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kenaf merupakan tanaman gantian kepada tembakau selepas pemberhentian insentif kerajaan kepada penanam tembakau mulai tahun 2012. Ini adalah berikutan komitmen negara di bawah dengan izin *World*

Health Organization Framework Convention on Tobacco Control atau WHO FCTC di mana penanaman tembakau tidak digalakkan. Tanaman kenaf yang diusahakan di kawasan Bachok yang merupakan bekas kawasan tanaman tembakau pada tahun 2013 adalah seluas 105.8 hektar yang melibatkan seramai 92 orang penanam.

Berhubung dengan pendapatan Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 purata pendapatan petani kenaf di kawasan Bachok adalah sekitar RM1,500 hingga RM2,000 sehektar semusim. Manakala pendapatan petani tembakau pada tahun 2012 kerana 2013 sudah tidak ada iaitu tahun terakhir penanaman tembakau dilaksanakan adalah sekitar RM4,000 ke RM5,000 sehektar semusim kerana harga tembakau yang lebih tinggi ketika itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan. Kalau melihat kepada perbandingan pendapatan penanaman kenaf dan tembakau, kita sudah nampak bahawa hasil daripada penanaman tembakau ini jauh lebih besar pendapatannya. Jadi soalan saya, apakah usaha kerajaan untuk menambah baik atau meluaskan lagi tanamantanaman lain selain daripada kenaf kerana saya yang berada di lapangan kawasan saya di Bachok, kita melihat purata penanaman kenaf ini hanya melibatkan orang tertentu sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sebut ada 92 orang sahaja. Rakyat Bachok, pengundi saya ada 90,000 yang kebanyakannya sebelum daripada ini mendapat hasil yang besar daripada penanaman tembakau.

Jadi apakah kementerian tidak ada usaha lain ataupun tanaman lain yang boleh dilaksanakan untuk mendapat *income* yang lebih banyak daripada penanaman tersebut. Contohnya satu kajian yang baru dibuat oleh Biotech menunjukkan bahawa tanaman tembakau ini juga boleh menghasilkan CoQ10 iaitu suplemen untuk menguatkan jantung. Jadi adakah pihak kementerian sudah meneroka perkara-perkara seperti ini. Sekian.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bachok atas soalan. Kita maklum Yang Berhormat ya bahawa pengundi Parlimen Bachok memang ramai, 90,000 orang tetapi yang menanam tembakau hanya sekitar 1,000 ke 1,200 orang dan yang berhijrah kepada memilih kenaf sebagai tanaman alternatif sekitar 92 orang. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak adil kalau hendak katakan pihak kementerian atau kerajaan tidak mengambil apa-apa usaha atau tindakan untuk membantu tanaman kenaf atau kepada majoriti besar yang tidak memilih tanaman kenaf.

Sebelum kita laksanakan, sebelum kita pinda atau kita mansuhkan Akta Lembaga Tembakau, kita wujudkan Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara pada tahun 2009. Sebelum itu melalui Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tanaman Tembakau, kita sudah mula alih, kita sudah mula memberi kesedaran bahawa penanam tembakau ini perlu berhijrah dalam tempoh 2006 hingga sekarang. RPSIT – Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tembakau Fasa 1 dan Fasa 2 dan diikuti dengan program di bawah Projek Rancangan Ekonomi juga. Kerajaan beratus juta Yang Berhormat telah mengeluarkan wang untuk membantu mereka ini termasuklah melalui Projek Integrasi Tanaman termasuk tanaman kontan dan juga ternakan dan termasuk juga projek-projek tanaman fertigasi termasuklah kepada sebilangan besar penanam tembakau di Bachok.

Pada bulan Februari yang lepas tidak salah saya, saya bersama-sama dengan Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita sudah menyerahkan kepada pihak MOA dengan izin, seramai lebih 7,200 orang, tepatnya 7,278 orang bekas penanam tembakau yang memilih untuk meneruskan dengan tanaman-tanaman fertigasi seperti cili, timun dan juga tanaman-tanaman lain, jagung, ubi, keladi termasuklah juga ternakan. Kita sudah membuat serahan rasmi kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk diselia secara langsung melalui peruntukan-peruntukan Kementerian Pertanian yang sedia ada.

Jadi Yang Berhormat, yang 92 orang itu yang memang memilih untuk menanam kenaf dan kita sentiasa meneruskan khidmat nasihat dengan jaminan belian. Maksudnya pekebun kecil kenaf tidak perlu mencari pembeli, pihak lembaga membeli walaupun harganya hanya RM500 setan namun pembeli tetap sudah ada dan sekarang di bawah pelan induk yang baru, kita galakkan untuk pihak syarikat swasta bersama-sama dengan lembaga pergi untuk berbincang dengan pengeluar-pengeluar atau pekebun-pekebun kecil kenaf ini dan kita akan buat dalam bentuk komersial dan skala yang lebih besar melalui koperasi-koperasi misalnya untuk menjana pendapatan atau memastikan pendapatan yang lebih baik di masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semenjak tanaman kenaf diperkenalkan pada tahun 2004, hanya terdapat 2,000 hektar yang diusahakan di tiga buah negeri, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Soalan saya ialah apakah inisiatif kementerian yang telah, sedang dan bakal diambil untuk mencapai sasaran penanaman 10,000 hektar menjelang 2020 selaras dengan usaha menjadikan kenaf sebagai salah satu tanaman komoditi negara. Apakah bentuk-bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak kementerian kepada penanam-penanam kenaf serta adakah terdapat rancangan oleh kementerian untuk mengembangkan pertanian ini ke negeri-negeri lain di Malaysia. Terima kasih.

■1130

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Parit Sulong, Johor belum ada kenaf, Perak sudah ada. *[Ketawa]*

Jadi Yang Berhormat, banyak sangat soalan itu. Mana yang kalau saya tidak terjawab kita jumpa dekat belakang sebentar nanti. Tidak tercatat ya, tidak sempat hendak catat semua. Satu memang betul-betul sekarang hanya dalam lingkungan 2,000 hektar untuk tahun 2014 tanaman ini, sedangkan sasaran kita 10,000 hektar menjelang tahun 2020. Antara galakan atau insentif yang diberikan kepada mereka yang berminat untuk menanam kenaf ini selain daripada taklimat, khidmat nasihat berterusan atau pun sesi-sesi perbincangan kepada kumpulan yang minat. Kita satu masih lagi membuat jaminan belian, kedua kita ada memberikan insentif kewangan dalam bentuk input pertanian dan juga dalam bentuk mekanisasi ataupun bantuan jentera bernilai RM2,385 untuk setiap satu hektar.

Itu maksudnya kalau pendapatan semusim dalam sasaran kita tujuh kesepuluh tan semusim sekarang. Itu adalah tidak termasuk kos. Bermakna kos setakat ini masih lagi ditanggung oleh pihak lembaga, pihak kerajaan, RM2,385. Untuk yang bercadang membuat

ladang kenaf sebagai biji benih, bantuan atau insentif kerajaan adalah sebanyak RM2,399. Jadi itu satu yang saya kira masih ada lagi menjadi fakta penarik. Selain daripada sekarang pihak lembaga meninjau kawasan-kawasan potensi untuk kita mula tanam kenaf ini dalam skala yang lebih besar umpamanya dikumpulkan pemilik-pemilik tanah atau penyewa-penyewa tanah yang berminat dalam sistem koperasi supaya boleh buat secara berkelompok dan lebih ekonomi dari segi kos, tenaga dan sebagainya.

Kita juga mula meninjau ke Sabah yang juga ada potensi untuk kita bangunkan termasuklah di negeri-negeri lain. Kepada rakan-rakan yang berminat kita tidak ada masalah sila berjumpa saya atau pun kita akan hantar pegawai dan lihat sendiri kesesuaian tanah. Cuma yang agak kurang sesuai adalah tanah *base* itu yang di Bachok, bekas tanah tanaman tembakau yang kurang sesuai. Itu sebab ramai yang memilih untuk tanaman lain di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kita ada *mapping* kawasan Yang Berhormat, kalau hendak tengok selepas ini saya boleh tunjukkan. Kawasan-kawasan potensi di seluruh Malaysia untuk kita besarkan kawasan tanaman kenaf ini termasuklah di Pahang dan Terengganu yang menjadi sasaran utama kita selain daripada Kelantan, Tuan Yang di-Pertua.

7. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes-kes tertangguh yang masih belum diproses oleh Kementerian dalam usaha untuk membantu masyarakat setempat; dan
- (b) tempoh jangka masa prosedur terbabit dalam mengetahui status penerimaan mahupun penolakan borang permohonan yang telah dihantar oleh pemohon bagi tujuan mendapatkan bantuan bulanan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menguruskan perkhidmatan dan bantuan kebajikan kepada pelbagai kumpulan sasaran termasuklah kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan keluarga miskin. Kementerian kita komited untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasaran dengan cepat dan berkesan.

Setiap permohonan baru dengan dokumen lengkap yang diterima akan terus di proses dan diberikan keputusan. Bagi kes permohonan bantuan yang tertangguh ketika ini bukan disebabkan tidak diproses tetapi adalah disebabkan maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon tidak lengkap dan memerlukan lagi siasatan lanjut. Pada tahun 2014 hingga Ogos, sejumlah 159,288 permohonan yang baru telah diterima iaitu purata lebih kurang 20,000 permohonan setiap bulan.

Daripada jumlah tersebut sejumlah 57,976 permohonan telah diluluskan dan sejumlah 40,424 permohonan telah ditolak disebabkan tidak memenuhi syarat dan kelayakan bantuan kebajikan. Manakala sejumlah 46,579 permohonan telah selesai dibuat siasatan dan sejumlah 10,242 masih lagi dalam proses siasatan. Di samping itu juga sejumlah 4,067 kes telah didaftarkan dan sedang menunggu untuk proses siasatan lanjut. Manakala khusus bagi Pejabat Kebajikan

Masyarakat Jajahan Machang sehingga Ogos tahun 2014 sejumlah 855 permohonan baru telah diterima.

Daripada jumlah tersebut sejumlah 376 permohonan telah luluskan dan sejumlah 121 permohonan telah ditolak disebabkan tidak memenuhi syarat. Manakala sejumlah 180 permohonan telah selesai dibuat siasatan dan sejumlah 112 masih lagi dalam proses siasatan. Di samping itu juga sejumlah 16 kes telah didaftar dan sedang menunggu untuk proses siasatan.

Daripada aspek pengurusan bantuan sebenarnya pada bulan Jun tahun 2010 JKM telah melaksanakan transformasi terhadap prosedur kerja bagi penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan bulanan. Melalui kaedah dengan izin, *business process re-engineering*, pelaksanaan proses dan prosedur kerja yang baru ini berupaya mempercepatkan proses penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan di mana tempoh kelulusan dan pemberian bantuan kebajikan telah dipendekkan dari dua bulan kepada satu minggu untuk kes-kes yang *clear cut* dengan izin, seperti OKU fizikal yang memohon elaun pekerja cacat (EPC), serta permohonan yang mempunyai dokumen yang lengkap yang mana lawatan ke rumah *client* tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta-merta. Setiap keputusan permohonan bantuan akan dimaklumkan melalui surat serta sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pemohon atau perujuk yang mempunyai kemudahan telefon bimbit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, setakat itu lah sesi pertanyaan lisan untuk pagi ini. Peraturan Mesyuarat 12(1). Saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi rahmani rahim* pertama sekali tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mendapat anugerah PhD daripada USM, tahniah. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tahniah yang mendapat Datuk dan juga Datuk Seri baru-baru ini, tahniah juga kepada Setiausaha Agung, jadikanlah jawatan tersebut untuk pendamaian dan bukan demonstrasi ya.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.37 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa 28 Oktober 2014. Terima kasih.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****Dan****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion, empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[16 Oktober 2014]**”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan untuk memberi ruang dan peluang lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2015 ini. Saya ingin putuskan bahawa selepas Yang Berhormat Shah Alam tempoh berbahas

dihadkan kepada 20 minit seorang. Yang Berhormat Shah Alam ada 22 minit mulai sekarang ini, terima kasih.

11.39 pg.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya sambung balik daripada mana daripada mana yang saya telah berhenti pada dua minggu atau pun seminggu yang lepas. Rakyat dapat menilai dulu dengan SST yang berjumlah hanya RM13.8 bilion, rakyat masih dapat juga BR1M dan berbagai-bagai bantuan untuk yang miskin. Sekarang melalui GST, pendapatan berjumlah RM19.4 bilion iaitu pertambahan sebanyak RM5.6 bilion. Kenapa bantuan untuk yang miskin hanya berjumlah RM4.9 bilion sedangkan dulu SST sudah ada, tambah RM5.6 bilion melalui GST tetapi bantuan hanya RM4.9 bilion.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1140

Tuan Yang di-Pertua - *Assalamualaikum*, selamat pagi - Dengan dasar rasionalisasi subsidi yang hanya bahasa canggih yang bermaksud mengurangkan subsidi untuk rakyat. Ditambah pula dengan pelaksanaan GST ia merupakan serampang dua mata yang kedua-duanya memotong dan memburaikan duit rakyat. Rakyat sedar pengecualian GST boleh dibatalkan semudah mana ia dikuatkuasakan. Hari ini kata tidak nak, esok kata nak. Pada bila-bila masa Kerajaan Barisan Nasional boleh memansuhkan pengecualian GST atas barang-barang yang sekarang ini dikecualikan dan pada bila-bila masa juga subsidi boleh ditarik balik dan ia boleh dilakukan tanpa apa-apa justifikasi munasabah. Sebagai contoh soal harga minyak. Naik harga minyak di pasaran antarabangsa rakyat dibebankan dengan kenaikan harga minyak di pasaran domestik.

Baru-baru ini, turun harga minyak di pasaran antarabangsa rakyat tetap dibebankan dengan kenaikan harga minyak di pasaran domestik. Pokoknya rakyat dibebankan. Ini adalah hasil ketidakcekapan pengurusan fiskal Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada menyebut persoalan pembinaan dua buah hospital baru iaitu di Sri Iskandar dan di Dungun. Saya sekadar ingin memesan selesaikanlah dahulu Hospital Shah Alam, sudah enam tahun tidak selesa-selesai lagi, sudahlah lambat bertambah pula harganya. Tarikh siap yang terbaru, yang baru di antara yang terbaru adalah pertengahan tahun depan. Tarikh siap ini berlompat-lompat macam katak, cukuplah katak.

Begitu juga dalam perbahasan oleh Yang Berhormat Ketereh, malangnya tidak ada pagi ini. Beliau ingin memperlekehkan penghujahan Ketua Pembangkang dengan menonjolkan apa yang dikatakan oleh beliau sebagai kontradiksi. Di antara kontradiksi kononnya adalah cadangan menaikkan gaji kakitangan kerajaan tetapi pada masa yang sama mengkritik bajet bekalan yang tinggi. Ini mengikut Yang Berhormat Ketereh, satu kontradiksi besar. Ya benar, bajet bekalan adalah sebanyak 83% daripada keseluruhan bajet dan menaikkan gaji akan menaikkan bajet bekalan tetapi adakah Yang Berhormat Ketereh sedar bahawa dalam bajet bekalan, gaji atau emolumen adalah tidak melebihi 30% daripada keseluruhan bajet bekalan. /s

only 30% of the whole supply budget dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maka tidakkah pengurusan cekap terhadap 70% yang lain boleh memungkinkan kenaikan gaji dilaksanakan.

Adakah Yang Berhormat Ketereh sedar bahawa penjimatan sebanyak 10% atas baki 70% tersebut boleh menghasilkan kenaikan sebanyak hampir 23% bagi bahagian emolumen. Inilah di antara sebab mengapa kita tekankan perlunya persoalan menangani ketirisan dan kebocoran supaya melalui pengurusan yang cekap tanpa ketirisan, kebocoran, rasuah dan kronisme akan ada ruang dan peluang untuk kakitangan kerajaan mendapat kenaikan gaji yang lebih bermakna, supaya matlamat pulangan 50% daripada hasil produktiviti boleh tercapai berbanding dengan hanya 33% seperti sekarang. Maka kena sampaikan kepada Yang Berhormat Ketereh, inilah sebabnya kita perlu berfikir dan menilai, menganalisa dan mengkaji dan jangan terima bulat-bulat apa yang dikatakan oleh ketua walaupun dia Perdana Menteri, barulah kehadiran kita di Dewan yang mulia ini akan bermakna dan menghasilkan pembelaan kepada rakyat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Seminit sahaja.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum*. Yang Berhormat Shah Alam, kalau kita tengok dua jabatan ataupun dua pihak dalam kerajaan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang terlibat dalam urusan mengumpul hasil bagi negara ini. Mereka diberikan penilaian yang berasingan dan juga bonus-bonus yang lumayan bertepatan dengan hasil yang mereka kumpul melalui cukai. Jadi ini memberikan insentif untuk mereka bekerja lebih kuat. Bersetujukah Yang Berhormat Shah Alam kalau kita memberikan penilaian semula kepada gaji kakitangan awam ini dengan meletakkan objektifnya supaya mereka lebih produktif maka negara akan mendapat hasil yang bertambah daripada semangat yang baru, itu akan berbaloi dengan jumlah yang kita tambah pendapatan mereka, terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, saya bersetuju. Bukan sekadar menambahkan produktiviti tetapi bekerjasama untuk menghalang kronisme dan rasuah barulah ia dapat menjimatkan 70% bekalan itu. Dari segi kontradiksi pula, Yang Berhormat Ketereh juga perlu sedar kontradiksi dalam ucapan Yang Berhormat sendiri pada mulanya menafikan wujud amalan membuli dalam Barisan Nasional tetapi mengakhiri ucapan beliau dengan rayuan supaya projek-projek pembangunan di Kelantan perlu dirancakkan lagi khususnya untuk Lapangan Terbang Kota Bharu. Kalau tidak dibuli itu apa hendak dinamakan?

Ucapan-ucapan dari Yang Berhormat -Yang Berhormat Malaysia Timur khususnya Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Putatan pun boleh digunakan sebagai rujukan. Memang sah amalan membuli wujud dalam Barisan Nasional.

Dari segi soal buli yang disebutkan Yang Berhormat Ketereh terhadap PAS dalam Pakatan Rakyat. Saya ingin menyatakan secara jelas dalam Pakatan Rakyat, PAS tidak dibuli. Dahulu semasa Selangor di bawah UMNO – Barisan Nasional, memang PAS teruk dibuli. Kuliah dilarang, ustaz dihambat oleh penguat kuasa JAIS, surau dirantai dan dikunci, hendak guna dewan untuk ceramah dihalang, buat ceramah di padang atau di rumah mikrofon dirampas polis. Masa itu dengan Barisan Nasional memang PAS dibuli, sekarang ustaz...

[Disampuk] Ha, itulah hebat, dalam keadaan kena buli pun boleh menang. [Ketawa] [Dewan riuh]

■1150

Sekarang, ustaz dan pimpinan PAS mengajar atau berucap di surau dan masjid tanpa gangguan. Malahan, pimpinan PAS berucap di kuil dan gereja pun tidak ada halangan. FRU pun *relax*, polis pun tidak ganggu. Hanya kita kena faham, apabila berkawan – kalau dulu biasa main sorang-sorang, sekarang main sudah ada kawan, tidak boleh 'kememeh'. Main bola dengan kawan pun kadangkala kena siku, lalu *relax*lah. Kalau kena siku, balik rumah beritahu ayah emak dibuli, takut-takut akhirnya tidak ada orang hendak kawan, faham ya?

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk tentang bajet. [Ketawa] Ada enam *point* bab bajet. Tadi saya jawab Yang Berhormat Ketereh dan saya komen ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Berhubung dengan bajet yang pertama, bajet yang dibentangkan tetap merupakan bajet defisit. Tahun ini adalah tahun ke-18 secara berturut-turut, dengan itu hutang negara tetap meningkat dan sekarang ia 53% dari GDP. Peratusan ini tidak melebihi paras maksimum 55% tetapi ia hanya 53% atas sebab corak bajet yang dilaporkan adalah *cash based* dan bukan *Accrual-Based Budget*. Dengan izin, *Accrual-Based Budgeting* mengambil kira *contingent liabilities*. Termasuk pinjaman-pinjaman yang kerajaan menjadi penjamin baginya. Sekiranya ini diamalkan, sudah pasti hutang negara akan melebihi 60% GDP.

Saya difahamkan, ada usaha di pihak kerajaan sendiri untuk mengamalkan pendekatan *Accrual-Based Budgeting* atas sebab ia lebih tepat dan lebih realistik. Mengambil kira segala hutang dan *exposure* yang kerajaan dan negara terdedah padanya oleh pihak berkenaan. Mereka yang hendak mengamalkan *Accrual-Based Budgeting*. Sekiranya benar, maka kami dari Pakatan Rakyat menyokong usaha ke arah itu. Oleh sebab itu rakyat tidak mudah dikelirukan dengan menyembunyikan corak-corak pinjaman yang dilakukan oleh kerajaan tetapi atas nama pihak ketiga seperti SPV, GLC, bon dan sebagainya.

Kedua, defisit bagi tahun 2015 adalah dianggarkan sebanyak RM37 bilion. Walaupun kadar peratusan defisit berbanding GDP berjaya dikurangkan, hakikatnya usaha untuk mengeluarkan Malaysia dari budaya defisit kelihatan sukar walaupun rakyat telah dibebankan dengan pengurangan subsidi dan pencukaian GST. Sudah ambil kira sudah, tetapi defisit masih RM37 bilion. Apabila dibandingkan defisit sebanyak RM37 bilion dan pembayaran pinjaman tahunan sebanyak RM27 bilion, RM27 bilion ini *is our loan servicing* dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu yang dijumlahkan antara bekalan dan tanggungan, maka adalah jelas bahawa kerajaan berhutang untuk membayar hutang.

Dari wang defisit sebanyak RM37 bilion ini yang dipinjam, RM27 bilion digunakan untuk membayar hutang dan baki RM10 bilion untuk keperluan lain. Tuan Yang di-Pertua, berhutang untuk membayar hutang ialah satu amalan yang tidak sihat bagi mana-mana ekonomi.

Ketiga, saya melihat juga peningkatan yang begitu mendadak bagi jumlah pembayaran hutang. Ini adalah atas sebab sikap tidak bertanggungjawab kerajaan dalam menambah hutang negara hasil dari corak pengurusan yang tidak *prudent*. Pada tahun 2009, jumlah pembayaran hutang tahunan adalah hanya RM15 bilion, tahun 2009. Pada 2012, ia meningkat

daripada RM15 bilion ke RM20 bilion. Pada tahun 2015, ia dianggarkan RM27 bilion. Ini bermakna hasil dari dasar boros dan berhutang yang diamalkan, maka hutang negara meningkat dan dengannya jumlah pembayaran hutang tahunan telah juga meningkat.

Daripada RM15 bilion ke RM37 bilion. Maaf, daripada RM15 bilion ke RM27 bilion iaitu RM12 bilion dalam tempoh hanya enam tahun. *This is loan servicing*. Sekiranya pengurusan kewangan yang lebih jimat-cermat dilakukan, sejak tahun 2009, sebahagian besar daripada peningkatan RM12 bilion ini sudah pasti boleh dijimatkan. Inilah masalahnya, apabila teguran dari Ahli Parlimen Pakatan Rakyat tidak diendahkan dan disambut dengan hujah, "*Hutang Jepun lebih besar*", "*hutang US lebih besar*". Sekarang, rakyat terpaksa menanggung kesan pengurusan tidak cekap dan boros ini melalui pengurangan subsidi dan pelaksanaan GST. Itu pun tetap defisit RM37 bilion.

Keempat, soal hutang negara sering dipandang remeh oleh wakil rakyat Barisan Nasional atas sebab hampir kesemua hutang negara ialah merupakan hutang dalam negara. Adakah benar bahawa hutang dalam negara ini bukan masalah, yang kita ambil duit daripada EPF kah, kita ambil duit tabung ini kah, tabung itu, ia bukan masalah? Adakah hutang dalaman tidak merupakan hutang? Tidak perlu dibayar?

Beza hutang negara dan hutang dalam negara adalah soal terdedahnya hutang luar negara kepada perubahan kadar pertukaran asing dan kawalan dari segi tempoh pembayarannya sahaja. Selain itu, ia adalah sama. Ia tetap perlu dibayar, kadar bayaran hutang tetap semakin tinggi dengan bertambahnya hutang dan ia juga berpotensi untuk merobohkan ekonomi sesebuah negara.

Mengikut sebahagian pakar ekonomi, ada terdapat *tipping point*, yang akan meletakkan ekonomi sesebuah negara dalam paras bahaya. Mengikut mereka, *tipping point* ini akan berlaku apabila hutang negara campur hutang isi rumah, campur hutang sektor swasta melebihi lima kali pendapatan negara. Sekali lagi, hutang negara campur hutang isi rumah, campur hutang swasta melebihi lima kali ganda pendapatan negara. Ketahuilah bahawa sekiranya mengikut formula ini, maka negara Malaysia sudah berada dalam ruang amat berbahaya yang memungkinkan ekonominya merudum.

■1200

Pada masa yang sama, faktor-faktor ekonomi yang penting untuk melestarikan ekonomi sesebuah negara yang perlu dikawal dan direndahkan mengikut formula ini adalah hutang negara, hutang isi rumah dan hutang swasta. Dalam masa yang sama, pendapatan negara perlu ditingkatkan. Kerajaan Barisan Nasional hanya memikirkan menambahkan pendapatan negara tetapi melalui kaedah yang akan menambahkan hutang isi rumah dan hutang negara.

Yang kelima, boleh dirumuskan seperti sekian lama bajet Kerajaan Barisan Nasional ini tidak menumpu kepada persoalan penyelesaian masalah pokok ekonomi negara. Persoalan faktor-faktor ekonomi seperti di dalam formula *tipping point* terus tidak terkawal. Hutang negara dan hutang isi rumah terus melambung sambil punca baru untuk menambahkan pendapatan negara masih tidak mampu dikenal pasti. Pada masa yang sama, persoalan jurang perbezaan pendapatan semakin melebar dan akan terus melebar melalui dasar-dasar tidak mesra rakyat seperti pelaksanaan GST dan pengurangan subsidi.

GST adalah cukai regresif. Bila dikatakan cukai regresif ini, maknanya orang yang miskin pun kena bayar dan *Capital Gains Tax* (CGT), adalah lebih progresif dan lebih adil. Begitu juga dengan *Inheritance Tax*, yang mana kedua-dua ini, *Capital Gains Tax* dan *Inheritance Tax* menumpukan percukaian ke atas orang yang kaya, yang ada duit dan ada harta dan *Capital Gains Tax* adalah percukaian atas keuntungan, bukan atas pendapatan semata-mata. Maka ia merupakan kaedah percukaian yang lebih progresif dan sepatutnya pendekatan CGT dan *Inheritance Tax* didahulukan terlebih dahulu dan sekiranya perlu, barulah difikirkan kaedah dan pendekatan GST.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhir kata, pembangunan negara mesti kembali dipandu oleh *maqasid* syariah meletakkan lima matlamat utama iaitu '*addharuriyatul khamsah* iaitu *hifzun-din*, *hifzun-nafs*, *hifzun-'aql*, *hifzun-mal* dan *hifzun-nasb*'. Pembangunan tidak boleh terhad hanya kepada persoalan *mal* ataupun duit dan harta tetapi kualiti hidup di mana kehormatan manusia dari segi kebebasan keagamaan, keselamatan, kehidupan, kebebasan berfikir dan bersuara dan sebagainya turut mesti dijamin dan dipertahankan. Satu KPI pembangunan negara yang secara menyeluruh ini perlu dihasilkan dan diguna pakai dalam penilaian kejayaan pembangunan negara. Persoalan '*al-huquqil insaniyyah*' ataupun *fundamental human rights* dan '*karamatul insan*' ataupun kehormatan manusia perlu diutamakan dan perlu ada perancangan dan peruntukan untuk mendidik masyarakat ke arah ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Wah! *First time* tak habis masa. [Ketawa][Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gerik.

12.05 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulukan dengan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan atas pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 yang lalu. Bajet 2015 yang dibentangkan itu merangkumi hampir segenap aspek khususnya kepentingan rakyat serta hala tuju negara ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Perbahasan mengenainya sama ada yang telah kita dengar di Dewan Parlimen mahupun di luar Dewan, mencakupi pelbagai topik dan dalam pelbagai nada. Ada yang nampak cerdik melalui hujah-hujah yang menjustifikasikan dan relevan, ada yang nampak berat sebelah, ada juga yang bersifat hentam kromo, janji belasah. Walaupun baik natijahnya bagi sesetengah golongan, sebaik mana sekalipun bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, pasti ada yang tak kena pada selera mereka.

Saya ingin turut serta membahaskan Bajet 2015 ini bukan dengan niat untuk menyatakan apa yang tak kena atau apa yang tidak cukup tetapi lebih kepada hasrat hendak menyuarakan apa yang diharapkan oleh rakyat yang saya wakili di kawasan Parlimen Gerik. Semoga pengisian dan pelaksanaan Bajet 2015 ini benar-benar dapat dirasai secara

berimbang oleh rakyat khususnya di Gerik supaya kelak jangan sampai bak kata pepatah Melayu, *'Hujannya nampak lebat tetapi ada bumi yang tak basah'*.

Pendapatan rakyat di kawasan Gerik. Kawasan Gerik masih merupakan kawasan pertanian. Pendapatan rakyat banyak bergantung kepada mengusahakan ladang getah ataupun kebun getah dan sawit. Di akhir-akhir ini, kedua-dua komoditi ini mengalami penurunan harga iaitu getah kalau ikut minggu sudah, sekilo getah sekerap seringggit lima kupang dan sawit, saya pun tak berapa perasan. Pada paras harga yang sedemikian, pendapatan mereka yang mengusahakan kebun getah telah terjejas dengan teruk. Dalam masa yang sama kos sara hidup semakin meningkat. Fenomena di mana pendapatan merudum dan kos sara hidup kian meningkat adalah sesuatu yang amat merunsingkan malah mendera.

Penderaan ekonomi yang begini adalah di luar keupayaan golongan terbabit untuk mengatasinya kerana pelbagai faktor global seperti pasaran dan harga, permintaan dan bekalan serta faktor-faktor lain yang menempias, bukanlah sesuatu yang dapat dikawal oleh penoreh getah atau pengusaha kebun sawit. Sebagai langkah jangka pendek dan sementara, pemberian berbentuk *one-off* kepada penoreh getah atau pekebun sawit mungkin boleh meringankan sedikit beban sara hidup mereka tetapi kalau penderaan ekonomi akibat kejatuhan harga komoditi tersebut berpanjangan, apakah kebergantungan kepada bantuan wang daripada kerajaan mampu kita teruskan?

Saya sendiri dapat memahami bahawa soal paras harga komoditi getah bukannya mudah untuk dikawal dan dipastikan tinggi serta berpatutan kerana ia tertakluk kepada persekitaran ekonomi serta pasaran di peringkat global.

■1210

Akan tetapi di kalangan pekebun getah dan sawit, bolehkah mereka menerima hakikat ini dengan mudah terutama apabila mereka rasa kian terhimpit oleh beban kos sara hidup yang kian meningkat. Saya tidak pakar untuk menyuarakan apa yang kerajaan patut buat dalam soal yang dibangkitkan ini tetapi saya dapat meramalkan bahkan sudah mula boleh melihat kegelisahan rakyat akibat dari kejatuhan harga komoditi getah dan sawit. Kejatuhan harga di akhir-akhir ini tidak harus kita lupakan bahawa jumlah pekebun kecil getah dan sawit yang bergantung kepada komoditi ini adalah ramai dan mereka tidak ada jalan pintas untuk merubah ke sektor lain.

Saya amat berharap supaya kementerian yang menjaga soal komoditi ini membuat satu kajian antaranya telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu mungkin jalan raya kita turapkan dengan menggunakan bahan getah dan begitu juga saya merasakan kerajaan kena perlu buat kajian, kalau kita sudah banyak getah, banyakk keluaran tayar-tayar kereta, jentera berat dan pelbagai lagi yang berkualiti untuk memastikan harga komoditi kita naik. Begitu juga kalau dulu kita melihat kerajaan membuat kempen melalui MARDEC iaitu penghasilan getah susu tetapi hari ini rakyat bertindak lebih mudah hanya menoreh getah untuk menjual getah buku. Sudah tiba masanya, kalau kita lihat dalam pasaran pada hari ini, getah susu sekilo mencecah RM7.00 – RM8.00. Bermakna kita kerajaan perlu membuat sesuatu untuk menyedarkan rakyat, beri kemudahan dan pelbagai lagi,

memastikan kalau getah sekerap harganya kurang memuaskan, bermakna kita mulalah kena beralih kepada menyediakan getah cair.

Dalam masa yang sama, saya agak bimbang bila mana kerajaan berpendapat untuk mengatasi orang tengah dengan hanya memberi amanah kepada koperasi pekebun kecil sedangkan pada hari ini banyak pembeli getah di merata kampung yang kita lihat sebenar mereka antara faktor yang menstabilkan harga tidak jatuh terlampau rendah. Akan tetapi kalau kita hanya memberi amanah kepada koperasi-koperasi, saya amat bimbang, koperasi tadi akan menentukan harga getah sekerap mungkin akhirnya mencekik rakyat kita di luar bandar. Dalam kita bercakap fasal transformasi ekonomi ke arah negara maju berpendapatan tinggi, pekebun-pekebun kecil getah dan sawit sedang dilanda kejatuhan harga hasil kebun mereka sekali gus menjejaskan pendapatan mereka dengan ketara.

Kalau masalah ini gagal ditangani dengan segera, saya khawatir golongan ini akan merupakan rakyat miskin dalam negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 kelak. Saya tidak rela melihat rakyat Gerik yang saya wakili tergolong dalam kategori ini malah jika itu yang berlaku kawasan Parlimen Gerik mungkin tidak lagi diwakili oleh Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, bertolak daripada kisah kejatuhan harga getah dan sawit, saya ingin beralih kepada soal merealisasikan potensi yang ada di kawasan Gerik dalam konteks mewujudkan peluang-peluang ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup khususnya rakyat setempat.

Pengkalan Hulu yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand yang merupakan pintu masuk dan keluar antara Perak dan Selatan Thailand, betul mempunyai potensi perdagangan dua hala. Kawasan ini boleh dimajukan sebagai kawasan perdagangan yang membuka peluang pelbagai perniagaan untuk rakyat tempatan, di samping sebagai pintu masuk para pelancong dari Thailand. Di Kelian Intan, masih terdapat bijih timah dan bahan mineral yang berharga. Jika dieksplorasi dengan cara yang betul, bahan-bahan galian itu boleh mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri Perak di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Walau bagaimanapun, apa yang mendukacitakan rakyat tempatan ialah kegiatan perlombongan yang sedang dijalankan di kawasan tersebut telah menimbulkan masalah pencemaran alam sekitar manakala manfaat daripada kegiatan perlombongan di kawasan tersebut lebih memihak kepada orang luar, kepada syarikat-syarikat yang mendapat kawasan perlombongan tersebut.

Kita boleh lihat dan kita minta Kementerian Sumber Asli supaya membuat satu pemantauan melalui Jabatan Alam Sekitar dan juga GMG bagaimana bila hari ini perlombongan tersebut dibuat menyebabkan sungai tercemar dan apa yang mendukacitakan ialah banyak ikan mati daripada aliran utama kawasan pembersihan perlombongan tersebut. Saya amat berharap antara kementerian dan juga kerajaan negeri perkara tersebut. Kalau Lynas boleh menjadi isu negara, saya tidak mahu ini sebagai isu negara tetapi bagilah perhatian kepada rakyat tempatan sekurang-kurangnya dengan ada ikan, penduduk-penduduk di Gerik boleh buat pekasam dengan menggunakan ikan loma tetapi bila waktu hujan yang lebat, saya memahami apabila hujan yang lebat, pasir yang telah diletupkan untuk dapat bijih kena hujan, masuk dalam sungai, dia akan mengeluarkan bahan galian yang boleh menyebabkan ikan sama ada mabuk ataupun mati.

Oleh sebab itu perkara ini perlu dipandang serius oleh pihak kementerian dan juga kerajaan negeri kerana rakyat sudahlah berhadapan dengan getah yang jatuh harganya, bijih timah pula memang boleh memberi pendapatan sebilangan penduduk dalam kawasan saya iaitu sebagaimana orang kata, tikus-tikus yang curi sedikit-sedikit tentang bijih timah tetapi perlu dilihat sepenuhnya. Saya berpendapat, perkara ini kerajaan mesti melihat semula iaitu keadaan cuaca yang tidak menentu di mana Gerik berada dalam lokasi yang tinggi tetapi bantuan untuk banjir tidak disediakan dengan baik.

Saya amat berharap kementerian melihat bagaimana banjir yang menjadi terlampau kerap. Tempat saya bukan kawasan banjir yang lama, banjir kilat. Walaupun banjir kilat, boleh memusnahkan harta benda rakyat yang terkena. Mungkin ini ialah bajet. Saya percaya berpunca daripada masalah saliran yang tidak dijaga dengan baik. Parit dan longkang, peruntukan tidak banyak untuk disediakan bagi mengatasi masalah banjir terutama parit dan longkang. Saya berharap kementerian dan juga kerajaan negeri melihat bagaimana banjir yang kerap berlaku di Gerik ini diberi perhatian supaya tidak menyusahkan penduduk-penduduk tempatan yang mendapat akibat daripada banjir kilat yang berlaku antara dua jam ke tiga jam, memberi kerugian yang besar kepada rakyat. Sebenarnya puncanya ialah pihak JPS, saya yakin tidak mengawal selia dengan baik. Bukan kerana mereka tidak hendak mengawal selia tetapi saya percaya kerana peruntukan yang disediakan untuk membersihkan, untuk mendalamkan sungai tidak ada banyak disediakan.

Seterusnya saya berpendapat industri pelancongan seumpama ini di Royal Belum perlu mempunyai strategi, sinergi yang intim atau keterpautan yang rapat antara faktor pemudah cara dengan kemudahan infrastruktur fizikal yang bersesuaian di samping soal pengkalan aset pelancongan dan khazanah semula jadi serta ekosistem dan kepelbagaian bio yang menjadi tarikan pelancong.

■1220

Saya juga berharap Kementerian Pelancongan menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewartakan kawasan Royal Belum sebagai kawasan mendapat pengiktirafan daripada UNESCO kerana kawasan tersebut umurnya agak tua, mempunyai pelbagai produk yang menarik. Sehubungan dengan ini saya ingin menyuarakan supaya perlu diwujudkan satu badan bebas untuk mengawal selia kelestarian alam semula jadi di kawasan hutan Royal Belum dan Tasik Temenggor.

Ini supaya tidak berlaku eksploitasi berlebihan yang kelak boleh menjejaskan ekosistem di situ. Penyelarasan rapi bersabit agihan peluang-peluang ekonomi antara rakyat setempat dengan pelabur mendatang supaya penduduk setempat dapat menjana pendapatan daripada anugerah Ilahi di kawasan tersebut. Diwujudkan tabung khas bagi membantu operator tempatan membeli alat-alat seperti bot dan enjin serta lain-lain peralatan untuk menjana pendapatan daripada pelancongan. Juga bagi membiayai pembelian kenderaan untuk mengangkut pelancong pergi dan balik daripada Royal Belum.

Saya juga mencadangkan kepada SPAD iaitu bas pelancongan agar memberi permit istimewa. Bas pelancong banyak melalui Gerik ke Kelantan. Berikan kemudahan iaitu bas mengangkut penumpang-penumpang, pelancong-pelancong dari Gerik boleh turun di Tasik Temenggor. Dengan cara itu kita tidak payah mewujudkan bas yang baru memadai bas-bas

pelancongan yang datang dari *Penang* ke Kelantan singgah di Gerik, tempat yang kosong boleh kita muatkan tambang di Gerik.

Seperkara lagi di kawasan Parlimen Gerik terdapat seramai 15,000 kecil, besar, tua, muda masyarakat Orang Asli. Ini merupakan jumlah sebahagian daripada penduduk tempatan dalam Parlimen Gerik. Kawasan penempatan mereka kebanyakannya jauh di pedalaman. Atas hakikat ini beberapa perkara ingin saya suarakan termasuk jalan yang menghubungkan antara kampung Orang Asli dengan kampung asli. Sebagai misal kata di RPS khemah ada 15 kampung. Mereka walaupun ada motosikal tetapi jalan yang menghubungkan antara kampung dengan kampung masih jalan tanah. Sedangkan kita yang duduk di kampung-kampung tradisi, jalan telah diturapkan dengan tar. Beberapa kali kita minta peruntukan, sehingga hari ini tidak berjaya.

Rumah kediaman mereka kebanyakannya masih daif dan tidak mempunyai kemudahan asas. Sebahagian besar daripada masyarakat Orang Asli dalam Parlimen Gerik masih bergantung hasil hutan untuk menyara hidup ekonomi mereka dan ekonomi mereka perlu diperkasakan. Saya melihat dua perkara yang boleh kita perkasakan ekonomi kepada Orang Asli:

- (i) Ini JAKOA perlu beri perhatian. Gerakkan, bagikan, sediakan peruntukan tanaman getah kerana mereka melihat dengan tanam getah ini boleh memberi sumber hasil kepada Orang Asli; dan
- (ii) Orang Asli sudah mula ada kesedaran, kita cari kaedah dengan Jabatan Veterinar ternakan lembu. Ini kerana mereka melihat bila mari Raya Korban lembu yang telah cukup umur boleh dijual untuk korban.

Sehubungan dengan ini saya ingin menyuarakan supaya satu program transformasi yang komprehensif diwujudkan khusus untuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli secara holistik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambungkan sedikit lagi untuk menyentuh beberapa perkara yang saya fikirkan wajar disentuh dalam perbahasan...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Gerik minta laluan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya masa tidak ada ini.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Gerik ada mengatakan bahawa menggalakkan penanaman getah untuk Orang Asli ini. Dengan harga getah yang menurun, patutkah kita hendak menggalakkan mereka menanam getah? Saya rasa hasil hutan itu lebih banyak, lebih mahal daripada getah. Maka kita kena pastikan mereka ini ada hutan bukan potong hutan tanam pokok getah. Itu bercanggah dengan apa yang berlaku. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya lebih berpandangan kerana kerajaan negeri dia sudah tebang balak, kawasan itu sudah ditebang pokok dan ada kekosongan. Lebih baik kawasan yang kosong tadi kita tanam dengan getah. Walaupun harganya rendah tetapi sekurang-kurangnya Orang Asli dia boleh berdikari, ada pendapatan, mereka juga macam kita boleh menoreh getah dapat hasil. Saya percaya yang paling penting pada kita memanglah harga rendah tetapi sekurang-kurangnya

rakyat dalam kawasan saya Orang Asli. Saya melihat di tempat saya, kalau mereka boleh menoreh getah, fasal sudah banyak sudah boleh menoreh getah ini. Kalau pergi satu kampung itu, getah yang mereka buat getah beku ini lebih baik daripada orang Melayu dan orang Cina yang menoreh. Dia jemur atas jemuran itukan.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Penebangan hutan ini dia ada sistem penebangan yang *sustainable*, makna dia tidak tebang semua. Kalau tebang semua dan tanam getah itu cukup bahaya dan kita akan kehilangan hutan. Ini tidak bagus untuk masa depan kita. Jadi kalau kerajaan sendiri membuat penebangan hutan dan digantikan dengan getah saya rasa itu satu strategi yang cukup tidak baik. Penebangan hutan ini patut dirancang dengan baik dan hutan itu kekal. Itulah yang sepatutnya berlaku.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh tetapi saya rasa di Kelantan lebih teruk daripada di Perak. Izinkan saya menyambung sedikit lagi untuk menyentuh beberapa perkara yang saya fikirkan wajar disentuh dalam perbincangan ini. Apabila harga getah dan sawit jatuh ke paras yang menjejaskan kehidupan rakyat, yang bergantung hayat kepada sektor ini, kita terdorong untuk menyuarakan supaya mereka beralih melibatkan diri dalam kerja-kerja lain yang boleh menjana pendapatan tambahan. Suruhan yang bernada *simplistic* begini mungkin sedap didengar tetapi tidak mudah dipraktikkan.

Di kawasan saya, rata-rata pekebun getah berumur lebih setengah abad. Hampir hidup mereka selama ini bertumpu kepada getah. Bolehkah mereka ini disuruh beralih ke bidang lain. Hendak usahakan tanaman kontan, di mana tanahnya? Hendak suruh berniaga, mana modalnya dan premisnya? Hendak suruh berhijrah cari kerja makan gaji di tempat lain, siapa hendak ambil pekerja yang berusia lebih setengah abad? Selama mana dan setakat mana BR1M dan Jabatan Kebajikan boleh tampung?

Persoalan yang saya bangkitkan ini menyentuh perkara asas dan fundamental. Dalam kita bercakap fasal projek-projek mega seperti MRT, lebuhraya dan sebagainya yang menelan kos berbilion-bilion ringgit. Nun di pelokok desa, di luar bandar terdapat golongan yang hidup terhimpit akibat kejatuhan harga komoditi yang mereka hasilkan. Dalam masa yang sama bertambah terbeban dengan kenaikan harga barang-barang keperluan.

Saya amat kluatir kalau-kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tinggal dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulungkan. Saya amat kluatir kalau-kalau sindrom, *'Hujannya nampak lebat tetapi ada bumi yang tidak basah'* akan mendatangkan penderaan ekonomi kepada golongan yang sememangnya selama ini dalam kategori keterbawahan. Golongan ini tidak *worker* dan bukan dikategorikan sebagai golongan pendesak tetapi pada setiap diri mereka yang dewasa, ada satu undi yang akan mereka terjemahkan pada pilihan raya. Mesej ini sepatutnya kita sama-sama faham. Justeru saya berpendapat dengan apa jua cara golongan ini perlu dibela.

■1230

Kesetiaan mereka selama ini kepada Kerajaan Barisan Nasional tidak harus diambil mudah atau *taken for granted*. Akhir kata saya dari Gerik menyokong bajet yang dibentangkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Gelang Patah.

12.30 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada negara di atas pelantikan untuk kali ketiga dengan bilangan undi tertinggi sebanyak 187 undi untuk menjadi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Namun malangnya Malaysia tidak menepati standard kesederhanaan antarabangsa yang begitu tinggi yang telah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Walaupun beliau berulang kali menyatakan bahawa pelantikan Malaysia ke dalam Majlis Keselamatan PBB buat kali ketiga dengan bilangan undi yang begitu tinggi ialah bukti bahawa dunia mengiktiraf Malaysia sebagai contoh buat negara-negara lain dalam mengamalkan kesederhanaan.

Adakah kita telah menipu dunia untuk mendapatkan undian yang begitu tinggi dan dilantik sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan dengan penuh kepalsuan atau *under force pretenses*, kononnya Malaysia adalah contoh terbaik kesederhanaan menentang ekstremisme sedangkan Malaysia sebagai sebuah model negara yang aman, stabil dan harmoni yang berbilang kaum dan agama sedangkan mengalami serangan terburuk sejak 57 tahun merdeka dan akibatnya kebelakangan ini kesederhanaan.

Kekerapan dan bahaya ucapan-ucapan penuh kebencian terhadap kaum dan agama menggalakkan ekstremisme dan hilangnya toleransi agama di negara sepanjang empat tahun ini telah menggalakkan bilangan ucapan sedemikian dalam jangka masa empat dekat yang lampau. Bukti terhadap kehilangannya kesederhanaan dan bertambahnya ucapan penuh benci ekstremisme dan hilangnya toleransi yang mengancam kesederhanaan semakin bertambah. Malah dalam jangka masa 10 hari sejak Malaysia dilantik sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB sebagai anggota tidak tetap sudah lebih sedozen contoh di mana kesederhanaan sedang diserang.

Contoh pertama yang paling ketara ialah kes aktivis Ali Abdul Jalil. Mangsa beberapa pertuduhan dibawa Akta Hasutan yang dipaksa untuk meninggalkan Malaysia mendapat perlindungan di Sweden akibat daripada penindasan oleh pihak berkusa dan kumpulan samseng. Ali memberitahu *MalaysiaKini* semalam dari Sweden bahawa beliau kluatir akan keselamatan dan nyawanya. Beliau berkata bahawa pihak polis, samseng, Perkasa, kumpulan-kumpulan Ultra Melayu, kumpulan-kumpulan dari UMNO semuanya sedang mencarinya. Ada yang mengugut untuk membunuhnya dan mahu memukulnya. Beliau berkata bahawa ada yang melabelnya sebagai pengkhianat dan tidak layak dilayan sebagai manusia. Katanya lagi kebanyakan Pertubuhan Melayu seperti Perkasa memanggilnya sampah dan pihak polis pula tidak melindunginya. Ali yang berkata bahawa perasaan tidak berdaya atau *sense of hopelessness* yang akhirnya memaksa beliau untuk pergi.

Beliau berkata sama ada beliau diberikan suaka atau tidak, beliau tidak akan melepaskan kerakyatan Malaysia. Beliau berkata lagi bahawa beliau masih lagi seorang warganegara dan bangga menjadi warga Malaysia kerana Malaysia ialah tanah tumpah darahnya. Rumah ibu bapa keluarganya, adik-beradik semua masih di Malaysia.

Ahli Parlimen yang mana yang berani yang mengatakan bahawa dia lebih *Malaysian* berbanding dengan Ali bahawa dia tidak akan meninggalkan negara dan mendapatkan suaka

politik dari negara lain sekiranya tidak berhasil mendapatkan keadilan dan risaukan keselamatan diri dan nyawanya.

Bulan lepas seorang lagi rakyat Malaysia Alvin Tan yang berhadapan pendakwaan jenayah di bawah Akta Hasutan dan *film censorship* akibat memuat naik penuh kontroversi telah mengumumkan bahawa memohon suaka politik setelah bertindak meninggalkan negara ke Amerika Syarikat. Saya tidak bersetuju dengan kesalahan yang dilakukan oleh Ali dan Alvin sekiranya mereka melakukan kesalahan. Akan tetapi bukankah ada sesuatu yang tidak kena dan negara kita yang begitu *sick* apabila mereka terpaksa melarikan diri untuk mendapatkan suaka politik dari negara asing kerana tidak mampu mendapatkan keadilan di Malaysia dan lebih serius lagi merasakan nyawa mereka terancam.

Bolehkah mana-mana Ahli Parlimen memberitahu kepada saya siapa lagi rakyat Malaysia yang terpaksa meninggalkan negara kerana tidak mampu mendapatkan keadilan di mahkamah-mahkamah Malaysia atau lebih teruk lagi merasakan nyawa mereka terancam dan tidak selamat di negara ini di bawah mana-mana Perdana Menteri sama ada Tunku, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Mahathir atau Tun Abdullah.

Sekiranya tidak ada seseorang pun warganegara di bawah pentadbiran lima Perdana Menteri lalu terpaksa meninggalkan Malaysia sama ada kerana tidak mendapat keadilan atau merasakan nyawanya tidak selamat, ini adalah satu dakwaan yang berat terhadap pentadbiran dan pengamalan kesederhanaan *moderation, wasatiyyah* di bawah Perdana Menteri yang keenam.

Contoh kedua bertambahnya kebencian ekstremisme dan sikap tidak toleran ialah kes menganjur '*I Want To Touch A Dog*', Syed Azmi Alhabshi yang dibanjiri ugutan bunuh dan mesej kebencian beribu-ribu dalam jangka masa beberapa jam sahaja sebaik selesai acara penuh kontroversi. Tidak kira melalui *Whatsapp*, panggilan telefon atau *wall Facebook*. Kenyataan dan fitnah liar telah dilemparkan terhadap Syed Azmi dan mereka yang terlibat dalam acara tersebut. Antara lain menuduh Syed Azmi seorang Syiah, seorang Kristian yang sedang menyebarkan liberalisme. Kita boleh setuju atau tidak bersetuju dengan acara yang dianjurkan oleh Syed Azmi. Namun apa yang *impermissible* ialah tidak boleh diterima sama sekali adalah ugutan bunuh dan dakwaan serta fitnah yang begitu berleluasa terhadap Syed Azmi di media sosial.

Beliau telah membuat laporan kepada pihak polis dan juga Suruhanjaya MCMC pada 22 Oktober, namun sangat mengejutkan apabila Menteri Komunikasi dan Multimedia boleh cuci tangan dan tidak mahu bertanggungjawab yang menyatakan MCMC tidak akan bertindak terhadap ugutan bunuh dan keganasan terhadap Syed Azmi memandangkan itu ialah tugas polis. Namun begitu alasan lemah beliau tidak pula menghalang MCMC daripada bertindak segera apabila Menteri Besar Kedah Dato' Seri Mukhriz Mahathir menerima ugutan bunuh secara *online* awal tahun ini dan kemudiannya menyaksikan seorang penulis blog berkaitan ditahan dalam masa 24 jam selepas laporan polis dibuat.

Kesederhanaan tidak bermaksud melaksanakan undang-undang secara *double standard* dan menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap sistem pentadbiran dan keadilan di negara ini.

Contoh ketiga yang menunjukkan betapa kita telah menyimpang daripada kesederhanaan ialah tindakan universiti menghalang Yang Berhormat Ketua Pembangkang daripada berucap di kampus tersebut malam ini dan memberikan surat tunjuk sebab kepada Presiden Persatuan Mahasiswa, Universiti Malaya, Fahmi Zainol berikutan program '*40 Tahun Dari UM ke Penjara*'. Universiti Malaya nampaknya lebih rajin mencabul kebebasan akademik mahasiswa dan ahli akademik berbanding dengan mengembalikan reputasi antarabangsa dahulu dari sudut kecemerlangan akademik.

Baru-baru ini lima tahun secara berturut-turut sejak pengeluaran ranking universiti dunia *Times Higher Education* pada tahun 2010 tidak ada satu pun universiti termasuk Universiti Malaya tersenarai dalam ranking 400 universiti terbaik *Times Higher Education*. Malangnya ini pun langsung tidak disebut dalam ucapan Bajet 2015 walaupun Yang Amat Berhormat telah mencabar Universiti Malaya sembilan tahun yang lalu untuk menjadi salah satu daripada universiti terbaik di dunia, *top 50th* menjelang tahun 2020, lima tahun lagi.

Tiga minggu lalu Yang Amat Berhormat mengucapkan tahniah melalui *Twitter* kepada lima universiti Malaysia yang tersenarai dalam kedudukan 400 teratas dalam Ranking Universiti Dunia QS 2014. Namun kedua-dua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan nampaknya bisu bulan ini apabila tidak ada satu pun universiti Malaysia tersenarai dalam senarai 400 teratas ranking universiti *Times Higher Education* 2014 dan 2015.

■1240

Hujah-hujah untuk menjustifikasikan memboikot UM dan UKM dalam senarai 400 teratas *Ranking University Times Higher Education* sementara terus menyertai Ranking Universiti Dunia QS adalah sangat lemah dan tidak dapat dipertahankan. Adakah UM dan UKM akan terus dikecualikan daripada senarai *Top 400 Times Higher Education* jika mereka turut serta?

Empat lagi universiti Malaysia menyertai *Ranking Times Higher Education 2014* dan 2015 tetapi tidak satu pun berjaya menduduki tangga 400 teratas. Adalah amat memalukan kedua-dua Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia sekiranya salah satu daripada empat universiti yang lain itu berjaya tersenarai dalam kedudukan 400 teratas *Times Higher Education*.

Walaupun Yang Amat Berhormat mencabar Universiti Malaya untuk berada di antara 50 universiti teratas ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2005, bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Tan Sri Profesor Dr. Ghauth Jasmon telah menetapkan sasaran yang lebih realistik sewaktu beliau menerajui universiti tersebut antara tahun 2008 dan 2013 untuk menyertai senarai 100 teratas *QS World University Ranking* pada tahun 2015. Mampukah Universiti Malaya mencapai sasaran Ghauth untuk menyertai senarai 100 teratas *QS World University Ranking* tahun depan? Ini ialah satu misi mustahil memandangkan ranking terbaik Universiti Malaya dalam QS adalah kedudukan ke-151 tahun ini.

Universiti Malaya seharusnya lebih peduli mengapa ia telah gagal mencapai sasaran jauh lebih rendah yang ditetapkan oleh Ghauth untuk menjadi antara 100 Universiti Terbaik Dunia QS pada tahun 2015, tahun depan. Itu tidak lagi menyebut sasaran superlatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadi antara 50 universiti terbaik di dunia menjelang

tahun 2020 dan bukannya cuba menghalang Yang Berhormat dari Permatang Pauh daripada kembali sebagai alma mater kembali ke universiti petang ini.

Contoh keempat tewasnya kesederhanaan di Malaysia adalah sikap membisu sama ada daripada Perdana Menteri ataupun Peguam Negara terhadap krisis keyakinan yang paling teruk dalam sejarah negara terhadap peranan dan kuasa Peguam Negara. Ini hasil daripada kontroversi yang semakin meningkat berikutan keputusan untuk tidak mendakwa Presiden Perkasa, Ibrahim Ali, atas ancaman untuk membakar Bible berbahasa Melayu serta tindakan *blitzkrieg* menggunakan Akta Hasutan terhadap banyak sekali rakyat Malaysia yang telah membuat kenyataan yang tidak pun bersifat ofensif demi mencipta suasana ketakutan.

Tiadaanya akauntabiliti dan penjelasan yang memuaskan terhadap penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan budi bicara Peguam Negara untuk tidak mendakwa Ibrahim Ali kerana mengancam mahu membakar Bible berbahasa Melayu dan pendakwaan menggila di bawah Akta Hasutan menimbulkan persoalan yang serius sama ada Peguam Negara komited menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang dan bertindak sebagai penjaga kepentingan awam – satu simbol negara yang komited dengan prinsip *wasatiyyah* atau kesederhanaan khususnya ciri-ciri keseimbangan, keadilan, dan kecemerlangan. Jelas, telah wujud suatu perubahan dalam dasar pendakwaan atau *prosecution policy* terhadap kes-kes hasutan kerana ini jarang berlaku sebelum Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri.

Parlimen dan negara berhak mengetahui dan membahaskan sebab-sebab perubahan dalam dasar pendakwaan atau *prosecution policy* bagi kes-kes hasutan. Akan tetapi setakat ini, tidak ada sebarang *respond* dan ini bukan mengenai kes-kes individu. Peguam Negara terdahulu sebelum ini, Tan Sri Abu Talib dan Tan Sri Mokhtar Abdullah mempunyai kontroversi masing-masing ketika mereka berkhidmat di bawah Perdana Menteri yang paling *controversial* di negara ini, Tun Dr. Mahathir. Namun, Peguam Negara nampaknya sudah *put in the shade* kedua-dua *predecessor* mereka oleh kerana kontroversi beliau adalah lebih serius dan berpanjangan.

Peguam Negara telah memperoleh satu lagi pencapaian apabila dikritik oleh Peguam Negara terdahulu iaitu Abu Talib yang hebat kerana telah berjanji untuk mengkaji semula kes hasutan terhadap para pemimpin Pakatan Rakyat, ahli akademik, dan aktivis sosial seperti Dr. Azmi Sharum selepas pertuduhan dilakukan sambil rentetan tuduhan hasutan semakin dilihat sebagai penindasan atas *persecution* dan bukan *prosecution*. Kini, sudah tujuh minggu sejak Peguam Negara memberi *respond* pada 9 September kepada kemarahan orang ramai terhadap pendakwaan di bawah Akta Hasutan dan tidak ada apa-apa jawapan mengenai apa yang sudah berlaku, sama ada satu kajian itu ada dibuat dan sama ada apa-apa perkembangan mengenai hasil kajian ini mahupun sama ada telah berlangsung sebarang kajian terhadap pendakwaan tersebut.

Adakah Perdana Menteri atau Menteri yang bertanggungjawab mengenai undang-undang, Yang Berhormat dari Batang Sadong tahu tentang apa-apa semakan semula pertuduhan hasutan oleh Pejabat Peguam Negara atau mereka berada dalam gelap memandangkan mereka tidak dapat menuntut sebarang akauntabiliti daripada Pejabat Peguam Negara selain daripada membaca jawapan yang telah sedia di Parlimen.

Ahli-ahli Parlimen dan rakyat Malaysia berhak untuk mengetahui sama ada dalam menjalankan budi bicara pendakwaan atas dasar kepentingan umum, *public interest*, adakah ia semata-mata pertimbangan undang-undang atau juga turut melibatkan pertimbangan politik? Jika ya, apakah sifat pertimbangan politik ini? Surat oleh hakim mahkamah rayuan, K. C. Vohrah baru-baru ini mengenai keraguan dalam pentadbiran keadilan dalam *The Star* 23 Oktober menyatakan kebimbangan yang wujud dalam banyak fikiran.

Vohrah yang pernah berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara selama 16 tahun pada 70-an dan awal 80-an berkata bahawa budi bicara pendakwaan Peguam Negara di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosedur bagi satu-satu gesaan adalah satu *awesome power* yang luar biasa yang perlu dilaksanakan secara bona fide berserta profesionalisme dan dengan berhati-hati.

Beliau berkata, saya *quote*, “*Dan mana-mana persepsi bahawa AG apabila menjalankan apa-apa kuasa adalah berat sebelah, selektif atau bertindak di bawah tekanan Menteri atau tekanan daripada mana-mana kumpulan akan membawa keburukan kepada Pejabat Peguam Negara dan menyebabkan keraguan yang serius terhadap pentadbiran sistem undang-undang. Apabila rasa tidak percaya timbul terhadap pelaksanaan kuasa-kuasa itu, ia akan memberi nama buruk kepada kerajaan.*”

Tuan Yang di-Pertua, Vohrah pun ada menyertai seruan untuk mengkaji semula dan menarik balik kes-kes di mana pertuduhan telah dibuat berdasarkan tiga-tiga pertimbangan yang ada terkandung dalam surat beliau. Adakah Perdana Menteri dan Peguam Negara menggunakan suara akal waras majoriti besar rakyat Malaysia yang berfikir dan berpertimbangan?

Kelima, Presiden Gerakan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini berkata kempen 1Malaysia yang nampaknya telah kehabisan tenaga sejak pilihan raya umum lepas memerlukan tongkat ali untuk memberikan dorongan supaya kempen tersebut boleh tahan lama. Hal ini tidak hanya terpakai untuk kempen 1Malaysia tetapi juga untuk Pergerakan Kesederhanaan Global atau *Global Moderate Movement*.

Dalam kajian terbaru oleh Pusat Penyelidikan Pew, hampir satu pertiga daripada rakyat Malaysia melihat kebencian agama dan etnik membawa ancaman bahaya terbesar kepada dunia. Kerunsingan itu turut dikongsi bersama oleh Indonesia di tengah-tengah ketegangan agama yang membara kedua-dua negara dan kebangkitan kumpulan militan Islam.

Kajian ini dijalankan antara 17 Mac hingga 5 Jun tahun ini. Jika dilakukan hari ini, penonjolan kebencian agama dan etnik untuk membawa bahaya yang paling besar kepada dunia akan meningkat ke tahap yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan berterusan ekstremisme dan sikap tidak *tolerant* terhadap agama sehingga tahap di mana gagasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *the Global Movement of Moderate* dan *chief operative* mereka dianggap sebagai subversif dan menghasut secara serius menjejaskan operasi mereka untuk menggalakkan kesederhanaan di Malaysia.

Pada 27 September, Yang Amat Berhormat membuat ucapan yang wajar dipuji di *UN General Assembly* yang menyatakan agenda kesederhanaan untuk dunia yang beliau nyatakan, “*Perjuangan menentang ekstremisme bukan mengenai Kristian melawan Islam atau orang Islam melawan Yahudi tetapi golongan sederhana melawan pelampau dari semua*

agama. Oleh itu, kita perlu mewujudkan koalisi sederhana mereka yang bersedia untuk merebut kembali agama mereka dan menuju jalan ke arah keamanan.”

■1250

Saya tidak ragu bahawa dalam forum-forum antarabangsa di mana Yang Amat Berhormat telah menjelaskan kempen kesederhanaan globalnya sama ada di pusat pengajian Islam Oxford, Pusat Timur-Barat di Hawaii atau di persidangan Asia-Europe (ASEM). Sekiranya beliau telah ditanya sama ada mereka yang mengancam untuk membakar kitab suci agama yang berbeza adalah ekstremis jawapan akan bersifat positif mutlak.

Akan tetapi di Malaysia kerajaannya mencari alasan mempertahankan ancaman Ibrahim Ali untuk membakar Bible berbahasa Melayu dengan alasan yang sama sekali tidak boleh diterima dan mengarat bahawa Ibrahim Ali telah melindungi kesucian Islam dan tindakan dilindungi oleh Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Apakah arah tuju Malaysia pada kadar ucapan kebencian ekstremisme dan sikap tidak bertoleransi berlaku secara berleluasa dan dibenarkan beroperasi dengan kekebalan dan sewenang-wenangnya walaupun tindakan mereka begitu berbahaya. Adakah gerakan kesederhanaan global satu hari nanti akan tidak berfungsi lagi atau dibatalkan, dimandulkan oleh dibuang dalamnya.

Keenam, kekecohan pendatang baru-baru ini bukan sahaja bukti kegagalan Dasar 1Malaysia dan inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai gerakan kesederhanaan global tetapi juga usaha 57 tahun UMNO dan BN Malaysia membangunkan Malaysia. Selain Sabah yang merupakan kes khas dengan sendirinya majoriti besar rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa atau agama adalah anak kelahiran tempatan dan 100% rakyat Malaysia dan satu angka yang boleh menjadi setinggi lebih daripada 95% bagi rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Sama ada nenek moyang Melayu, India atau Cina adalah pendatang tidak ada sebarang sebab atau justifikasi bagi mana-mana rakyat Malaysia untuk menggambarkan satu lagi rakyat Malaysia dari etnik yang berbeza sebagai pendatang terutamanya apabila istilah dimuatkan dalam erti kata yang sangat dengan izin, *derogatory, pejorative and even abusive*. Hal ini sebenarnya mempersoalkan hak kewarganegaraan rakyat Malaysia yang dijadikan salah satu daripada empat *entrenched issue* dalam Perlembagaan Malaysia pada tahun 1971 di mana ia menjadi satu kesalahan hasutan untuk menyeru supaya kewarganegaraan seseorang rakyat Malaysia dipersoalkan atau ditarik balik.

Sejak tahun 70-an sudah ada sebuah Jabatan Perpaduan Negara di Jabatan Perdana Menteri, namun puluhan bahkan ratusan juta ringgit dari perbelanjaan belanjawan selama lebih empat dekad untuk jabatan ini di Jabatan Perdana Menteri telah menjadikan pembaziran apabila selepas 57 tahun merdeka ekstremis boleh melemparkan tuduhan terhadap pendatang terhadap rakyat biasa yang setia dan patriotik dalam perkembangan baru meningkatkan ucapan kebencian di negara ini. Memanggil rakyat Malaysia yang setia, patriotik, dilahirkan dan dibesarkan serta yang akan mati di Malaysia sebagai pendatang mesti dikutuk sebagai satu bentuk ekstremisme yang telah dikutuk oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di PBB dan di forum-forum antarabangsa sejak menjadi Perdana Menteri.

19 tahun memandangkan mempersoalkan warganegara adalah merupakan kesalahan menghasut di bawah empat fasal *our entrenched sensitive issues* dalam perlembagaan

selepas akta pindaan tahun 1971 bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapa banyak kes pendakwaan hasutan yang telah dimulakan oleh Peguam Negara memandangkan tindakan mempersoalkan kewarganegaraan termasuk memberi label pendatang telah menjadi sangat kerap dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Ketujuh, bagaimana Malaysia boleh mendakwa ia sebuah negara yang sederhana apabila kita terus mempunyai kedudukan begitu rendah di dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Transparency International*) dalam dua dekad yang lalu. Kita bahkan kalah dengan Indonesia dan China daripada aspek anti rasuah. Dalam CPI yang pertama pada tahun 1995 Malaysia menduduki tempat ke-23 daripada 41 negara dengan skor CPI sebanyak 5.28.

Sembilan belas tahun kemudian setelah pelbagai kempen anti rasuah, dua undang-undang besar anti rasuah peningkatan martabat BPR menjadi SPRM Pelan Integriti Nasional, Program Transformasi Kerajaan dengan kemasukan besar dana awam dan peningkatan jumlah kakitangan Malaysia kini jatuh dalam CPI *Transparency International* 2013 ke tangga 53 daripada 177 negara. Bergelut dengan skor CPI sebanyak 15/100. Satu tangga ini lebih rendah daripada yang pernah direkodkan di bawah dua Perdana Menteri sebelumnya, Tun Mahathir dan Tun Abdullah.

Sebagai perbandingan Indonesia menduduki tempat di bahagian paling bawah di nombor 41 pada tahun 1995 dengan skor CPI sebanyak 1.94. manakala China menduduki tempat ke-40 dengan skor CPI 2.16, pada tahun 1995. Sekarang Indonesia berada di kedudukan nombor 114 dengan skor CPI daripada 32/100. Manakala China berada di kedudukan nombor 80 dengan skor 40/100 pada kadar purata tahunan penambahbaikan Indonesia dan China dari segi ranking CPI TI dan skor dalam tempoh lima tahun yang lalu manakala Malaysia bergelut untuk kekal dalam skor CPI yang baik Malaysia akan ketinggalan berbanding Indonesia dan China dalam tempoh kurang sedekad bahkan sebelum 2020. Apakah strategi yang dirangka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan SPRM untuk mencegah bencana ini.

Baru-baru ini saya merujuk kepada perbezaan siang dan malam antara usaha anti rasuah di antara Malaysia dan Indonesia. Walaupun usaha anti rasuah di Malaysia baru-baru ini hangat di dalam berita dengan penangkapan pegawai Kastam dan mereka yang terlibat dalam kegiatan pembalakan haram di Sarawak yang rancak dilaporkan media tempatan. Mereka ini tergolong dalam kategori lalat jika dibandingkan dengan kempen anti rasuah China terhadap harimau dan lalat, *tigers and flies*.

Dengan kaji selidik terbaru oleh Ernest & Young bahawa Malaysia menduduki tempat sebagai salah satu daripada negara yang paling korup dan disenaraikan sebagai sebuah negara yang paling mungkin untuk mengambil jalan pintas bagi mencapai sasaran apabila keadaan ekonomi tidak begitu kukuh. Rakyat Malaysia berhak untuk bertanya mengapa SPRM hanya menangkap lalat. Di mana pula para harimau atau menggunakan istilah Malaysia di mana para jerung memandangkan SPRM dan pendakwanya ACA tidak mampu untuk menghantar walau seekor pun jerung ke penjara selama 33 tahun yang lalu di bawah tiga Perdana Menteri.

Apa yang berlaku di Indonesia baru-baru ini pun menjadi satu iktibar di mana presiden baru begitu komited untuk melawan rasuah.

Akhirnya kelapan, dengan pelantikan Jokowi Isnin lepas dan pembentukan kabinet selepas peperiksaan KPK Indonesia kita melihat wajah baru dan harapan baru untuk demokrasi Indonesia. Sebaliknya Malaysia berdiri dan diambang satu lagi gegaran politik atau *political convection* dengan rakyat Malaysia di seluruh dunia menantikan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam tempoh dua tahun dua hari akan datang dan rayuan daripada Ketua Pembangkang terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dalam kes liwat kedua.

Saya berasa terkejut luar biasa dan keterlaluan bagi Peguam Negara membuat rayuan terhadap hukuman 15 tahun penjara Yang Berhormat Ketua Pembangkang apabila Mahkamah Persekutuan bersidang pada esok dan lusa untuk mendengar rayuan terhadap sabitan dan hukuman Mahkamah Rayuan 7 Mei lalu. Turut dilaporkan bahawa pihak pendakwaan telah membuat rayuan balas dan mahu beliau di penjara selama lebih daripada lima tahun sambil berhujah bahawa hukuman penjara Mahkamah Rayuan selama lima tahun ini adalah *manifestly inadequate* tidak mencerminkan keseriusan kesalahan itu dan tidak menyampaikan matlamat keadilan daripada perspektif kepentingan awam.

Ada anasir di kalangan mereka yang berkuasa yang ingin menyingkirkan pembangkang dengan *by hook or by crook*. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau sedemikian dengan izin *a cruel, callous and heartless* sehingga mahukan Yang Berhormat Permatang Pauh dipenjarakan selama 20 tahun dan untuk tidak dibebaskan sehingga beliau menjadi satu *octogenarian*. Adakah ini sesuai dengan saranan beliau tentang *wasatiyyah* untuk kesederhanaan yang menekankan kepada prinsip-prinsip keadilan, keseimbangan dan kecemerlangan.

Di Indonesia sudah menjadi perkara yang biasa bagi mereka yang bergiat dalam *mover and shakers* untuk dihukum dan dipenjarakan. Bukan untuk kesalahan yang dibuat-buat tetapi kerana melanggar peraturan yang jelas dan khusus seperti amalan rasuah sebagai bekas Menteri Belia Sukan Andi Mallarangeng, bekas Menteri Tenaga Perlombongan Jero Wacik dan baru-baru ini bekas Ketua Umum Parti Demokrat parti bekas presiden Susilo Bambang Sudhoyono dijatuhkan hukuman lapan tahun penjara.

Rakyat Malaysia dan Indonesia boleh memahami rayuan pihak berkuasa Indonesia terhadap hukuman Anas sehingga lapan tahun di penjara yang kurang separuh daripada hukuman penjara 15 tahun yang diminta oleh pihak pendakwaan Indonesia. Akan tetapi apakah *public interest* dalam rayuan pihak pendakwaan di Malaysia terhadap hukuman lima tahun Yang Berhormat Ketua Pembangkang selain mempunyai objektif politik tersembunyi daripada kuasa yang ada untuk membunuh karier politik beliau.

Saya berharap pihak berkenaan akan bertindak secara waras dan agenda *wasatiyyah* atau kesederhanaan yang menjadi kebimbangan kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menunjukkan hala tuju dasar Peguam Negara dan semoga pihak pendakwaan akan menarik balik rayuan balas mereka di Mahkamah Persekutuan esok. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Kepala Batas bersedia untuk berhujah sebelah petang nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

2.32 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Bajet 2015.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan mencapai status negara maju dalam lima tahun lagi iaitu setibanya Wawasan 2020. Pada tahun hadapan juga Malaysia akan mengambil alih kepimpinan ASEAN dan pada masa yang sama tahun hadapan juga dijangkakan bermulalah pelaksanaan *ASEAN Economic Community*. Dengan lain perkataan bahawa Bajet 2015 ini akan dilaksanakan dalam latar belakang di mana persekitaran ekonomi menuntut kerajaan kita untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi kita.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong ketujuh-tujuh strategi utama yang telah diperkenalkan, dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet ini iaitu yang pertamanya memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, memantapkan tadbir urus fiskal, mengupayakan modal insan dan keusahawanan, memperkasakan agenda bumiputera, memartabatkan peranan wanita, membangunkan program transformasi belia negara dan mensejahterakan rakyat.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, adalah amat penting bagi negara kita supaya kita dapat menumpukan perhatian kepada perkara pokok, perkara asas untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi kita. Kita amat berbangga kerana pada tahun ini kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu membanggakan iaitu sampai ke tahap 6%. Saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita tidak dapat menumpukan perhatian dalam hal-hal pengurusan ekonomi kita, hal-hal pembangunan yang asas, kita tidak akan dapat mencapai sasaran yang kita kehendaki khususnya dalam soal pembangunan ekonomi jika kita biarkan cabaran-cabaran yang sering mengalih pandangan kita. Maksud saya di sini ialah kadang-kadang ada sahaja pihak yang membangkitkan isu-isu yang kelihatan remeh tetapi amat penting. Kebelakangan ini, isu-isu keagamaan, isu-isu perkauman semakin hebat dengan senang disebut.

Di media sosial khususnya *Facebook*, dengan senang membuat akaun dan selepas itu menulis perkara yang begitu sensitif yang menyinggung perasaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan sehingga ke hari ini pihak keselamatan belum lagi mengenal pasti siapakah pemilik-pemilik akaun ini dan langkah-langkah dan tindakan yang diambil terhadap

orang yang dengan sewenang-wenangnya memperalatkan media sosial ini untuk memporak-perandakan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama pula apabila kita melihat dan apa yang telah berlaku di Syria dan Iraq dengan ISIS, kita bertambah kkuatir lagi. Semalam ada satu lagi berita yang sengaja disebarikan berkenaan dengan kononnya ada militan yang balik ke Malaysia dan berkemungkinan bertindak seperti apa yang berlaku di Syria, Iraq dan sebagainya. Kesemua berita dan tindakan-tindakan individu untuk menyebarkan berita-berita seperti ini adalah sangat tidak baik kepada negara kita. Apatah lagi ada beberapa buah tempat di persekitaran Malaysia ini yang telah dikenal pasti sebagai *hotspot*. Di Selatan Filipina misalnya dan apa yang telah berlaku kita mengucapkan terima kasih kepada pihak keselamatan kerana berjaya mempertahankan sempadan negeri Sabah.

Baru-baru ini, dalam berita pagi tadi, penceroboh yang cuba mencerobohi Sabah telah berjaya ditembak oleh pihak keselamatan. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak keselamatan. Oleh itu, langkah kerajaan untuk memberi peruntukan sebanyak RM660 juta untuk mempertingkatkan lagi keselamatan di negeri Sabah khususnya di Pantai Timur kita amat alu-alukan dan memang kena pada tempatnya. Sehingga pada hari ini rupanya dari segi pertahanan kita, batalion hanya ada di Kuching, tidak di negeri Sabah. Kita berharap selepas ini ada di negeri Sabah.

Baru-baru ini di kawasan sendiri di Tuaran, belum pernah berlaku, tidak pernah berlaku rompakan di kedai di Pekan Tuaran tetapi baru-baru ini berlaku dan yang melakukan rompakan ini adalah orang yang menggunakan M16 dan juga pistol yang canggih. Pihak polis masih lagi memburu orang yang bertanggungjawab ini.

Sebelum ini kita telah paparkan di akhbar tentang pelancong Jerman di utara Sabah, di Selatan Filipina di kepulauan yang telah diculik dan selepas itu dibayar *ransomnya*. Ini bererti bahawa penjenayah-penjenayah di negeri Sabah itu bukan lagi setakat di Pantai Timur tetapi juga di utara negeri Sabah dan penjenayah cuba pula apabila keselamatan di Pantai Timur itu semakin ketat, dia pula pergi ke Pantai Barat. Jadi sebab itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan khususnya pihak keselamatan supaya melihat soal keselamatan negeri Sabah ini pada keseluruhannya dan bukan sahaja di Pantai Timur sebab apabila diperketat di Pantai Timur itu, maka penjenayah ini sudah mula melihat tempat-tempat yang mereka boleh menceroboh. Di sinilah letaknya di mana pihak kerajaan harus melihat beberapa isu pokok negeri Sabah yang sudah sekian lama dinyatakan dan keprihatinan rakyat Malaysia di Sabah iaitu tentang kedudukan penempatan-penempatan orang asing di pesisiran pantai negeri Sabah.

■1440

Kita tidak tahu status siapakah sebenarnya mereka yang tinggal di sana. Apabila apa yang dikatakan sebagai pelarian Filipina yang berada di negeri Sabah ini dan diberi status, diberi dokumen IMM13, siapakah sebenarnya orang-orang ini? Memang ada kekhuatiran kita apakah pihak penjenayah sudah menyusup di penempatan-penempatan ini? Apakah langkah kerajaan selama ini memperbaharui setiap tahun dokumen IMM13 itu masih lagi relevan atau perlu dikaji dan dihentikan?

Pada pandangan saya sudah tiba masanya dihentikan sahaja. Hentikan sahaja pemberian IMM13 itu dan jika orang-orang ini layak untuk menjadi warganegara, mereka boleh memohon sebagai warganegara dari pintu depan, menurut undang-undang. Kalau tidak layak, maka mereka ini hendaklah diatur dan diurus mengikut undang-undang yang ada. Orang asing tidak boleh berada di negara ini jika mereka tidak layak berada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah antara perkara yang kita amat kuarir. Sudah sekian lama apabila ada penculikan-penculikan di Pantai Timur negeri Sabah maka di antara industri yang telah terkorban, kesan negatif yang begitu mendalam ialah industri pelancongan. Industri pelancongan ini sehingga pada hari ini sudah terutama sekali yang terlibat dalam industri pelancongan di kampung-kampung, *homestay* dan sebagainya sudah pun mengatakan bahawa jika nelayan dan petani diberi subsidi, maka kami pengamal dan pengusaha pelancongan khususnya *homestay* ini juga harus diberi dan sebagainya, sudah ke tahap itu.

Oleh sebab itu, langkah kerajaan untuk memberi peruntukan RM660 juta ini amat dialukan dan kita amat berharap agar ia dapat dilaksanakan sebaik mungkin untuk mencapai sasaran yang sebaik mungkin. Perkara yang kedua ialah dalam hal...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [*Bangun*]

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tuaran mengenai insiden culik di Sabah. Baru-baru ini kita dapat berita 17 Oktober seorang rakyat Jerman, seorang doktor Stefan Viktor Okonek dia telah dibebaskan selepas RM18 juta telah dibayar.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tuaran, adakah ini akan menjejaskan dua orang rakyat kita yang masih diculik iaitu Konstabel Zakia Aliep dan seorang lagi **Chan Sai Chiun** yang masih diculik oleh penjahat ini. Adakah kes rakyat Jerman dibebaskan selepas *ransom* dibayar akan menjejaskan kes dua orang rakyat kita. Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Jawapannya ya tentu sekali tetapi harus diingat bahawa ini berlaku di negara Filipina walaupun di utara negeri Sabah. Pembayaran itu tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Malaysia dan sebagainya. Saya bersetuju memang ada kesannya. Tekanan terhadap pihak keluarga iaitu dua orang yang masih diculik itu memang semakin tinggi lagi kerana pembayaran Jerman itu.

Kedua yang saya ingin sentuh ialah dari segi keseimbangan, jurang perbezaan infrastruktur di antara wilayah. Rakyat negeri Sabah memang sering menyatakan keprihatinan mereka. Kadang-kadang ada yang menyatakan kami dianaktirikan dan bermacam-macam lagi perasaan dan tanggapan.

Sebenarnya dalam bajet ini peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan begitu besar, RM27 bilion untuk Pan Borneo Highway dan untuk yang luar bandarnya RM900 juta. Pan Borneo Highway memang begitu besar walaupun ia akan dilaksanakan dalam jangka masa 10 tahun. Cuma dalam hal jalan luar bandar dalam peruntukan hanya RM900 juta saya ingat ini tidak memadai dan tidak cukup.

Negeri Sabah sahaja kita memerlukan untuk selesai semua jalan luar bandar itu dinaik taraf di aspal kita memerlukan lebih RM10 bilion sebenarnya. Masih ada lagi 500,000 lebih kilometer jalan JKR negeri Sabah yang masih lagi *gravel*, belum lagi diturap. Kalau kita ambil kosnya pada purata RM2 juta per satu kilometer, kita perlukan lebih kurang RM10 bilion lagi.

Oleh sebab itu RM900 juta itu terlalu kecil untuk keseluruhan dan barangkali itu juga kenapa pihak kementerian dan dalam pembentangan bajet ini tidak disentuh. Di manakah jalan-jalan raya luar bandar ini yang akan dinaik taraf? Diletakkan *lump sum* RM900 juta tetapi tidak diletakkan di mana jalan raya yang akan dinaik taraf.

Oleh sebab itu saya mohon pihak Kementerian Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tolong tambahkan peruntukan ini sebab dalam satu jajaran jalan sahaja, Jalan Telipok, Kiulok, Lokum, Lokos, Tobo, Bardagong, Ranau satu *trunk road* yang dahulunya dikatakan akan menjadi sebahagian Pan Borneo Highways saya difahamkan sekarang jalan raya ini telah diserahkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum pilihan raya yang lalu telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk menaik taraf jalan-jalan ini. Kalau kita ambil RM300 juta, yang RM900 juta untuk keseluruhan Sabah dan Sarawak itu tinggal berapa lagi?

Oleh sebab itu saya mohon supaya tolong tambah. Di kawasan saya sendiri di Tuaran masih lagi ada 200 kilometer jalan raya seperti ini. Kita memerlukan lebih RM200 juta hanya untuk ini. Di sinilah sebenarnya terletak keprihatinan dan kenapa ramai rakyat Sabah yang merasa tersisih kenapa kami ini? Apabila melihat beberapa batang jalan raya yang berbilion yang telah diumumkan, yang di sekitar Kuala Lumpur, sekitar Selangor sama ada ia adalah peruntukan terus daripada kerajaan ataupun dijalankan secara PFI itu soal kedua. Kalau jalan-jalan luar bandar ini tidak mempunyai dana yang mencukupi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan juga boleh melaksanakan dengan menggunakan cara PFI ataupun *Public Private Partnership* boleh dilaksanakan.

Oleh sebab jika kita sudah buat ini dalam masa lima tahun di mana kita mencapai status negara maju dan guru-guru kita masih lagi menggunakan jalan-jalan raya *gravel* untuk sampai ke sekolah dan sebagainya, kita belum lagi boleh menerima keadaan kita sebagai sebuah negara yang maju.

Begitu juga dengan keadaan bekalan air bersih, *treated water supply* di luar-luar bandar apabila kita cuba perhebatkan industri pelancongan dan sebagainya. Mahu tidak mahu kita mesti menggunakan bekalan air bersih sebab hanya dengan bekalan air bersih kita dapat memberi jaminan kepada para pelancong bahawa air itu selamat. Jika pelancong menggunakan air yang tidak bersih *non treated water* ini dan ada sesuatu yang berlaku, ia akan merosakkan industri itu dengan serta-merta.

Oleh sebab itu sekali lagi daripada segi peruntukan bekalan air luar bandar ini juga perlu ditambah. Saya berharap agar dalam kemudahan-kemudahan asas ini, jalan raya luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dapat dipertingkatkan dan kita dapat siapkan sebelum kita mencapai Wawasan 2020 tersebut.

Saya juga ingin mencadangkan supaya jajaran *Pan Borneo Highway* ini dapat membina jajaran yang baru. Ada tempat-tempat di mana kita naik taraf jajaran yang sedia ada tetapi

harus juga dinaiktarafkan jajaran-jajaran baru. Manalah tahu di masa akan datang perlu diperkenalkan tol.

■1450

Jika sekiranya rakyat tidak ada pilihan, pilihan jalan raya maka ini akan membebankan rakyat seperti mana yang dirasakan oleh penduduk di Semenanjung pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memperingatkan pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang beberapa yang telah diumumkan sebelum pilihan raya umum dulu. Jalan raya daripada Kota Kinabalu – Tuaran – Kota Belud dan ke Kudat itu juga telah diumumkan dan saya mohon supaya ini juga dapat dimulakan pelaksanaannya seawal tahun hadapan. Oleh sebab jika tidak sekali lagi bukan sahaja keyakinan rakyat terhadap kita akan terjejas tetapi apa yang kita cita-citakan dari segi pembangunan, pelancongan dan pembangunan ekonomi keseluruhan terutama sekali dari segi mempertingkatkan lagi sistem pengangkutan. Mengurangkan harga kos logistik di negeri Sabah dapat dikurangkan.

Dalam hal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tuaran boleh gulung.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Boleh gulung ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya tertarik sebenarnya apabila diletakkan strategi dalam soal transformasi belia. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua saya ingin sentuh sedikit tentang kualiti pendidikan dan kebolehpasaran graduan kita. Telah dinyatakan dalam pembentangan bajet bahawa begitu ramai yang tidak mampu. Belum lagi bermula membayar pinjaman PTPTN. Dia tidak dapat membayar kerana barangkali dia belum dapat pekerjaan sebab barangkali masalah kebolehpasaran graduan kita. Oleh sebab itu saya ingin juga menyokong rakan-rakan yang telah menyatakan bahawa soal bagaimana kita mempertingkatkan kualiti graduan kita. Bagaimana kita dapat mempertingkatkan kualiti di universiti-universiti kita bukan sahaja IPTA tetapi IPTS.

Kepada IPTS-IPTS yang sekian lama telah menggunakan peruntukan PTPTN untuk berniaga, yang sudah sekian lama tidak mempedulikan soal kualiti pelajaran diambil, layak tidak di layak diambil, selepas itu apabila *graduate* tidak boleh digunakan untuk mendapatkan pekerjaan sebab tidak mempunyai keterampilan yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan. Oleh sebab itu dalam hal ini saya mohon supaya kerajaan menyemak semula bagaimana IPTS-IPTS ini beroperasi. Contohnya banyak kolej yang menawarkan kursus-kursus kejururawatan dan terlalu sedikit yang telah mendapat pekerjaan dan sekarang terbeban dengan hutang PTPTN.

Saya juga dalam kesempatan ini barangkali ingin menyebut dalam – saya telah sebutkan tadi tentang kita perlu pertahankan keharmonian dan hubungan kaum yang baik di negara kita ini. Saya ingin menyatakan bahawa saya mahu menyokong penuh langkah kerajaan untuk mewujudkan akta keharmonian kaum di negara ini. Pada masa yang sama saya juga menyokong hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengambil alih dahulu sebagai Perdana Menteri untuk menghapuskan Akta Hasutan. Saya fikir imej sesuatu akta untuk menjaga keharmonian di negara ini akan lebih terpelihara, akan lebih baik jika

sekiranya kita *rebrand* dia dengan – bukan setakat *rebrand* akan tetapi dari segi pendapatan Akta Harmoni dan Akta Hasutan itu kita teruskan untuk menghapuskan.

Akhir sekali oleh sebab masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua dalam soal pelaksanaan GST ini sebenarnya saya sendiri tidak risau. Oleh sebab pelaksanaan GST itu sendiri akan menjelaskan apa itu GST. Sekian ramai orang yang tidak tahu apa yang dia tidak tahu pada ketika ini. Oleh sebab dia tidak tahu apa yang dia tidak tahu, dia tidak tahu apa yang dia mahu tanya, jadi dengan senang dia terhasut. Akan tetapi saya amat yakin apabila nanti GST ini dilaksanakan pada bulan April pada tahun hadapan, ini soal pelaksanaan 1 April pun dipersendakan. Kenapa laksanakan hari *April fool* dan sebagainya, dipersendakan. Benda-benda macam itu pun boleh mengelirukan rakyat. Akan tetapi mudah-mudahan bila dilaksanakan pada tahun hadapan, bulan April dia dengan sendirinya akan melaksanakan bahawa GST ini adalah jauh lebih baik daripada sistem percukaian yang ada sekarang ini iaitu SST.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua mudah-mudahan kajian rasionalisasi subsidi yang sedang dijalankan sekarang dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin dan diperjelaskan kepada rakyat termasuklah subsidi untuk pengangkutan. Saya ambil contoh sekarang ini kita ada subsidi untuk beras nasional sebagai contoh. Kalau di negeri Sabah sepatutnya kita boleh dapat RM18, tetapi oleh sebab pengangkutan di luar bandar, secara runcitnya dijual juga dengan harga RM25. Kenapa? Ini soal penyelarasan subsidi pengangkutan. Saya berharap kementerian yang berkenaan dalam hal ini dapat menjelaskan kepada rakyat, menjelaskan dan melaksanakan sebaik-baik mungkin tentang subsidi pengangkutan tersebut. Dengan kata-kata demikian saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

2.46 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berucap pada petang ini. Bajet 2015, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, jumlah keseluruhan yang *insya-Allah* akan dibelanjakan ialah RM273.9 bilion, menyaksikan mengurus sahaja RM223.4 bilion dan pembangunan sekitar RM50.5 bilion. Ini bermaksud kerajaan akan membelanjakan 81.5% daripada keseluruhan perbelanjaan untuk mengurus dan sekitar 18.4% sahaja untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini satu bajet yang tidak melambangkan kesungguhan kerajaan bagi membawa rakyat dan negara keluar daripada kemelut ekonomi, jauh sekali bagi mencapai masyarakat Malaysia yang berpendapatan tinggi dan mencapai status negara maju pada tahun 2020. Hujah saya yang pertama lihatlah pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, pembaziran terus berlaku. Perbelanjaan yang tidak mendatangkan pulangan terus berleluasa. Contoh terbaik ialah skandal 1MDB. Rakyat di desa, tempat saya dan tempat-tempat yang lain, di pinggir-pinggir bandar mahupun di bandar tidak faham apa itu 1MDB. Ada yang bertanya kepada saya, "*Kereta Proton Saga model baharukah itu?*".

Pada 20 Jun 2011 Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang telah menggesa agar Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara menyasiat transaksi pembelian dan penjualan pelaburan dalam 1MDB. PetroSaudi Limited oleh 1MDB dengan PetroSaudi International Limited. Gesaan ini dibuat kerana berdasarkan laporan juruaudit, transaksi pembelian dan penjualan pelaburan tersebut amat-amat mencurigakan.

Tuan Yang di-Pertua dalam transaksi ini 1MDB melabur dalam 1MDB PetroSaudi Limited sebanyak RM3.5 bilion yang dibuat secara tunai. Tidak sampai lima bulan kemudian 1MDB menjual semula pelaburan ini kepada rakan usaha sama mereka iaitu PetroSaudi International Limited dengan harga RM4.1 bilion dan memperoleh keuntungan sebanyak RM615 juta.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh! Dahsyat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Walau bagaimanapun, bayaran untuk penjualan pelaburan ini dibuat sama ada secara ansuran atau bayaran selama 11 tahun Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Ini bermakna perolehan RM4.1 bilion ini hanya dapat diperoleh sepenuhnya menjelang 31 Mac 2023 berdasarkan transaksi pinjaman pada hari terakhir penutupan akhir akaun 1MDB iaitu 31 Mac 2010. Keupayaan 1MDB memperoleh semula RM4.1 bilion ini amat disangsikan berdasarkan nota khas yang dibuat oleh juruaudit KPMG, sebuah juruaudit yang terkenal di dunia dalam laporan auditnya ke atas akaun 1MDB yang berakhir pada 31 Mac 2010.

Tuan Yang di-Pertua, malah kalau kita lihat dalam blog mantan Perdana Menteri pun, beliau berkata 1MDB tidak diperlukan, ia tidak menyumbang apa-apa kepada negara walaupun ia dibiayai oleh kewangan negara malah beliau menyarankan 1MDB yang sarat dengan hutang tidak telus dan menggesa aktivitiinya dihentikan segera melalui penjualan-penjualan asetnya. Oleh sebab itu, antara perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan hari ini ialah kita hendak tanya Kementerian Kewangan, perlu menjelaskan implikasi hutang 1MDB yang telah mencecah RM40 bilion dalam Bajet 2015 sekiranya tidak ditangani, saya yakin dan saya yakin benar-benar dengan baik ia boleh 'memberuntun' kewangan negara.

Kedua, dilihat kerajaan dalam keadaan amat terdesak untuk menganugerahkan 1MDB dengan pelbagai kontrak dan konsesi lumayan serta memberikan potongan harga yang besar dalam pembelian aset hartanah perdana negara. Ketiga, kita tengok laporan baru-baru ini, *Business Times Singapore* melaporkan penjualan semula hutang 1MDB melibatkan kos yang tinggi iaitu tambahan 2.5% ke atas kos tahunan, tambahan RM20 juta hingga RM30 juta dalam bayaran penjadualan semula.

Kita tengok juga kerajaan telah menganugerahkan 1MDB loji jana kuasa solar 50 megawatt pada bulan Mac dan satu lagi loji jana kuasa gas, 2,400 megawatt pada Ogos tahun ini. Ini menunjukkan banyak pihak – kerana loji jana kuasa 2,400 megawatt yang dianugerahkan secara rundingan terus tidak bukan sehingga 2021. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu *bail out* yang mahal untuk kita uruskan. Tidak terkejutlah kalau kita katakan bahawa 1MDB perlu mengumpul dana bagi membayar balik hutangnya yang semakin meningkat dengan segera. Wang untuk 1MDB bukan daripada lebihan negara, ia merupakan

hutang tertunggak yang semakin meningkat berbilion ringgit menambahkan lagi beban hutang negara yang sudah tinggi.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Sekejap, 1MDB.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Sungai Petani masukkan pertanyaan saya dalam hujahan Yang Berhormat mengenai 1MDB. Minggu lepas di dalam surat khabar *The Edge* telah melaporkan bahawa 1MDB pada bulan Mei 2012 telah berjaya mendapat *loan* sebanyak USD1.75 dan dalam pada itu komisen telah diberikan kepada pihak-pihak yang tidak dinamakan sebanyak USD196 dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak USD196 telah dibayar sebagai komisen. *[Disampuk] Million, million, USD196 juta itu pada Mei 2012. Pada Mac 2013, 1MDB sekali lagi mendapat pinjaman dan dalam pinjaman itu sekali lagi komisen telah dibayar sebanyak USD283 million. Sebanyak USD283 dibayar secara komisen, kepada siapa? Kepada pihak mana? Tidak diberitahu. Jadi, saya minta Yang Berhormat Sungai Petani masukkan pertanyaan saya dalam hujahan, tanya kepada kerajaan, minta jawapan secara teliti tentang pihak yang mana, siapa dan berapa yang telah diberikan dalam kedua-dua komisen ini, terima kasih.*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Permintaan Yang Berhormat Segambut sah saya akan tanya dan sekarang saya tanya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih dan dimasukkan dalam ucapan saya. Seperti yang kita katakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baru masuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Petani, adakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju bahawa kerajaan perlu memperjelaskan pertama 1Malaysia Development Berhad (1MDB), '1Malaysia dok berhutang', 1MDB lah. *[Ketawa]* Asalnya ia adalah dari Terengganu *sovereign fund*. Isu itu asal dari Terengganu *sovereign fund*, maknanya *fund* untuk generasi masa depan untuk Terengganu maka dipinda, ditukar menjadi 1MDB. Jadi, kita hendak tahu bahawa beberapa jumlah dari Terengganu *sovereign fund* itu yang telah dipindah ke dalam ini? Bagaimana kepada masa depan anak cucu di Terengganu itu daripada duit mereka yang telah dipindah kepada 1MDB ini sehingga menyebabkan bukan setakat Terengganu berhutang, satu Malaysia berhutang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Kuala Selangor, jawab.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya juga mohon agar soalan Yang Berhormat Pokok Sena itu dimasukkan dalam ucapan saya kerana saya hendak memberikan sedikit juga rentetan. Ada orang bertanya kepada saya kalau begini banyak kita berhutang dan ada juga pihak yang akan membayar *installment* hingga 31 Mac 2030 kepada 1MDB, apakah nasib kita? Saya hendak menjawab beginilah Tuan Yang di-Pertua, ini macam kes National Fidlot Cooperation (NFC) iaitu RM250 juta dilaburkan untuk menjadikan negara ini tidak bergantung pada import daging, supaya negara ini boleh berdiri di atas kaki sendiri bagi memberikan *supply* daging kepada rakyatnya, tidak bergantung kepada luar. Kalau orang Kedah kata, cerita beginilah Tuan Yang di-Pertua cerita dia duit ini 'ruyup'lah. Oleh sebab itu dalam kes NFC walaupun telah banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Parlimen tetapi nampaknya ceritanya makin hari makin jauh, tidak disuarakan lagi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat tidak payahlah ketuk-ketuk mikrofon, nanti Yang Berhormat Kuala Langat kena ganti mikrofon itu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani, bersetuju kah dengan saya anak muda yang hendak belajar pergi ke universiti dengan membuat pinjaman PTPTN tidak dapat pekerjaan, didesak, dikatakan kalau tidak bayar ibarat terawang-awang di langit maka ia tidak manfaat kepada penghutang. Apakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju kepada saya, kalaulah 1MDB ini berhutang berbilion, bilion, bilion ini, apa salahnya kalau PTPTN, anak-anak kecil yang hendak belajar sampai ke universiti tidak mampu hendak bayar dihapuskan hutang mereka ini supaya tekanan terhadap diri mereka, masa depan mereka itu tidak memudaratkan otak mereka. Apakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju dengan pandangan saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Amat bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Amat bersetuju sekali. Tuan Yang di-Pertua pun bekas Pengerusi PTPTN dahulu, dia pun bersetuju dengan kita sebab mereka pergi bukan untuk makan angin, mereka pergi untuk belajar. Akan tetapi dalam kes-kes yang tersebut tadi nampaknya pelaburan yang digunakan walaupun ada pihak-pihak mengatakan pelaburan tersebut amat berisiko tetapi nampaknya pemerintah pejam bukan sebelah mata tetapi dua-dua belah mata untuk teruskan.

Oleh sebab itu cara kerajaan berbelanja seperti yang saya sebutkan tadi amat membimbangkan. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerajaan berbelanja dengan mengambil sekarang ini seorang peguam luar Shafee Abdullah yang dilantik menjadi peguam cara bagi pihak kerajaan menggantikan pegawai-pegawai tinggi yang berkebolehan di Jabatan Peguam Negara. Ratusan pegawai di sana yang dilatih dan didedahkan dengan pengalaman-pengalaman yang boleh mewakili negara tetapi dalam kes ini, peguam Shafee Abdullah telah pun digajikan. Kita hendak tanya berapakah gaji yang dibayar oleh kerajaan kepada Shafee

Abdullah? Adakah peguam Shafee Abdullah yang kini seolah-olah menjadi Peguam Negara, dilantik dan digajikan untuk menyiasat dan mendakwa seseorang dalam isu yang dilaporkan oleh *Global Financial Integrity, Illicit Financial Flows from the developing world 2002-2011*.

■1510

Adakah dia digajikan? *Is he hired to do this* untuk siasat apa yang dilaporkan oleh *Global Financial Integrity*? Apa yang menyebut Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menduduki tangga keempat dalam senarai selepas China, Rusia dan Mexico, puak-puak pelari duit haram ini, wang haram keluar dari Malaysia disebut Tuan Yang di-Pertua berjumlah USD370 bilion bersamaan dengan RM1.2 trilion. Tuan Yang di-Pertua, Menteri mungkin menafikan angka ini atas apa jua alasan. Akan tetapi yang sebetulnya berapa dan kenapa ini terjadi?. Ini kerugian kepada negara. Jadi untuk apa Yang Berhormat Shafee dijanjikan dan digaji oleh Kerajaan Malaysia? Saya yakin Kerajaan Malaysia menggajikan Shafee untuk sesuatu yang amat besar.

Tuan Yang di-Pertua, Shafee Abdullah yang hebat dari mana-mana pegawai kanan di Jabatan Peguam tadi akan menjadi pendakwa kepada kerajaan bagi memastikan Ketua Pembangkang pada 28hb dan 29hb ini dari Permatang Pauh dipenjara selama lebih dari lima tahun kerana dituduh meliwat seorang kanak-kanak yang berumur 26 tahun semasa Ketua Pembangkang pula berumur 61 tahun. Meliwat kanak-kanak yang berumur 26 tahun. Hebat Ketua Pembangkang. Saya tidak berhajat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk bercakap panjang dalam kes ini kerana perbicaraan akan bermula pada 28 dan 29 Oktober ini, esok lusa.

Seterusnya saya hendak bertanya kerajaan berapa jumlah kerugian, ini catat ya, berapa jumlah kerugian kerajaan akibat peliwatan ini dalam bentuk ringgit Malaysia jika betul-betul berlaku. *How much does Government lose if really liwat ini berlaku? How much* dalam bentuk *dollars and cent*? Adakah kes ini merugikan berbilion-bilion ringgit secara sekali gus atau berperingkat. Adakah oleh kerana liwat ini kita rugi RM300,000, RM4 juta, RM5 juta atau sekali gus? Atau pun kerajaan berbelanja besar sejak kes ini bermula dari tahun 2008 hingga sekarang.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh tentang fakta kes ini cuma saya hendak menyebut begini. Saya berjumpa dengan pelajar-pelajar semalam Tuan Yang di-Pertua semester enam daripada kolej *private*, yang *government* tidak boleh mari, semua ini kolej *private student*. Mereka tanya sebenarnya Yang Berhormat, apa pernah jadi? Saya tidak sebut kes fakta cuma saya sebut sejarah sikit Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut pada 24 Jun 2008, kanak-kanak yang bernama Mohd Saiful Bukhari Azlan ini berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri waktu itu di rumah Timbalan Perdana Menteri, berapa? 24 Jun di Jalan Duta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu sudah sebut sudah itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya tidak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah sebut.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya juga tidak sebut semalam Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah sebut.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Bahawa pada 25 Jun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat tidak perlulah, tidak perlu, tidak perlu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: ...Akan tetapi yang akhirnya, akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dia jumpa Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu 24 Jun, dia jumpa pegawai polis kanan 25 Jun. Akan tetapi dia kena liwat 26 Jun. So, dia *habaq* dekat pegawai polis dengan Timbalan Perdana Menteri dia akan diliwat pada 26 Jun. Oleh sebab itulah dalam kes ini bila dia pergi ke hospital PUSRAWI, dia sebut dekat doktor itu *pungkoqnya*, di lubang *pungkoq* pula. [*Sambil sentuh dahij*] punggungnya, orang Kedah panggil *pungkoq*, punggungnya kena masuk plastik. Ini cerita bukan budak-budak Tingkatan Enam, MP's tidak payah la.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, apabila semua *sample* dibawa, pegawai polis yang simpan *sample*. Tidak mengapalah 28 dan 29 kita akan denda...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani sebenarnya Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani sedar tentang peraturan mesyuarat tetapi sengaja memanjang-manjangkan perkara tersebut.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey, tajuk seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekejap ya. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Sungai Petani bahawa kes Dato' Seri Anwar Ibrahim...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru tidak perlu, tidak perlu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekejap, ini saja. Ada ura-ura bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak, okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau kes Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, tidak perlu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: 1MDB, okey minta kalau boleh masukkan tumpang sikit dalam ucapan 1MDB. Dia telah beli tanah di Pulau Pinang sebanyak 234 ekar, yang patutnya harga pada RM120 *per square feet*. Akan tetapi dia bayar dengan harga pasaran yang jauh lebih tiga kali ganda. Jadi adakah ini— tapi kononnya hendak bina rumah mampu

milik untuk rakyat negeri Pulau Pinang. Bayaran *deal* yang jadi pada mereka *sign* dua hari sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13, dua hari sebelum itu.

Jadi ini adalah maksudnya mereka telah membuat satu *major financial deal before the election*. Ini adalah *critical government*. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani? Soalan kedua adalah adakah Shafee Abdullah akan menggantikan AG dalam *reshuffle* Gani Patail? Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Cuma saya hendak betulkan Yang Berhormat Bayan Baru ya, saya hendak betulkan fakta. Bukan 234 – 238 ekar dengan nilai RM1.3 bilion, betul? Betul ya. Tentang Shafee Abdullah dalam firasat saya, *yes* dia akan, *insya-Allah*.

Cuma saya beralih ke tajuk lain Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang bagaimana pelajar-pelajar kita Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua bekas pemimpin pelajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa sudah cukup sebenarnya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Bagi lah dua, tiga *second*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua minit, dua minit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dua minit ya. bagaimana Tuan Yang di-Pertua bekas pemimpin pelajar, Yang Berhormat Kemaman bekas pemimpin pelajar, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Padang Besar juga pemimpin pelajar. Yang Berhormat Besut, Yang Berhormat Kepala Batas tidak ada, Yang Berhormat Gopeng, semualah. Mereka ini semasa di universiti amat kritikal Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini amat kritikal. Maksudnya semasa di universiti kita boleh berbicara dengan penuh kebebasan. Oleh sebab waktu di universiti kita akan *mature*, kebebasan dan kebolehan kita untuk berucap. Ini yang patut kita didik. Ini yang patut kita bajai di universiti-universiti kita.

Malangnya saya tengok kalau di Universiti Malaya, universiti saya dulu ini, kalau di Universiti Malaya kita akan tunggu-tunggu *grade* di *economic debate*. Setiap tahun pada satu ketika akan ada *grade economic debate*. Di mana seluruh pelajar akan datang dan mendengar ucapan daripada pemimpin-pemimpin kerajaan dan juga ucapan daripada pembangkang. Ini kerana kita *student*. Akhirnya kita dapat nilai apakah isu-isu yang dibawa. Tidak semestinya kita sokong pembangkang, tidak semestinya juga kita menolak kerajaan. Seperti juga banyak Ahli Parlimen di sini yang bekas pemimpin pelajar.

Akan tetapi saya hairan di Universiti Malaya ini, malam ini Ketua Pembangkang hendak hadir satu jemputan kerana dia dijemput sebagai bekas pemimpin pelajar. Sudah 40 tahun dia dalam kerajaan dan juga pembangkang, jadi dari Universiti Malaya ke jel. Itu saja dan dia akan cerita bagaimana sebagai seorang pemimpin pelajar, kamu harus bukan sahaja kritikal tapi belajar dengan baik dari segi akademiknya, menjadi pemimpin yang baik, berinteraksi dengan pelajar-pelajar lain. Saya rasa Yang Berhormat Pendang juga setuju dengan saya. Kerana ini lah Yang Berhormat Pendang buat semasa Yang Berhormat Pendang di universiti sebagai pemimpin pelajar.

Akan tetapi bayangkan malam ini telah pun dikeluarkan arahan mana-mana pelajar yang pergi dengar pemimpin pelajar itu Permatang Pauh akan diambil tindakan dan saya

dimaklumkan akan dikenakan caj terhadap pemimpin pelajar ini dan dia akan– Fahmi Zainol ini akan didenda RM200 kalau dia teruskan juga. Oleh sebab itu kita tidak faham. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua sebagai penamatnya, kita lihat Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin dan anak-anak kita yang keluar daripada universiti sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kalau Tuan Yang di-Pertua– baru-baru ini saya *interview* mereka untuk kerja dengan saya. *Graduate* tidak boleh hendak cakap, ketar... [*Buat ketar*] bercakap bahasa Inggeris lintang pukang kerana tidak ada *confidence*. Saya tanya bapa kamu kerja apa? Bapa saya adalah bekas tentera. Anak askar pun tidak boleh bercakap. Maknanya pelajar-pelajar yang kita keluarkan sekarang ini pelajar-pelajar yang tidak boleh berdikari. Tidak ada keyakinan diri.

Saya yakin kalau Tuan Yang di-Pertua sokong berilah peluang kepada pelajar-pelajar kita untuk bangkit seperti kita pelajar-pelajar pada tahun 70-an, 80-an, seperti Yang Berhormat Padang Besar cukup hebat sewaktu itu. Sebab itu dia jadi Ahli Parlimen. Kita tidak mahu di masa hadapan pemimpin pelajar-pelajar kita yang keluar berjumpa dengan Ahli Parlimen dia pegang seluar. Tuan Yang di-Pertua jumpa Ahli Parlimen, tidak jumpa Yang Berhormat Menteri lagi, dia pegang seluar. Yang Berhormat Padang dia pegang seluar takut terlondeh. Maknanya pelajar-pelajar kita penakut. Akan tetapi kalau kita *train* dari mula, boleh bercakap, berjumpa dengan Ahli Parlimen, boleh hujah, barulah *style*. *Insyallah*, di hadapan, kita akan menjadi sebuah negara yang gemilang dan dihormati.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. [*Dewan riuh*]

■1520

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

3.20 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua pada petang ini. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Pertamanya saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cermin mata baru nampak.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ini sebab makin muda, itulah dia.

Kerana rahmat dan izin-Nya, dapat saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Tidak lupa juga saya hendak merakamkan terima kasih terutamanya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan kesempatan untuk saya berucap dan mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menekankan betapa pentingnya keseimbangan antara *capital economy* dengan *people economy*. Saya berpandangan bahawa itu adalah tepat iaitu istilah ekonomi keperluan rakyat yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Saya bersetuju bahawa kerajaan yang bertanggungjawab adalah kerajaan yang tidak semata-mata memelopori dasar-dasar populis

tetapi hendaklah mengimbangi dengan dasar-dasar yang berasaskan kepada faktor-faktor fundamental ekonomi kerana ia memberi kemakmuran kepada rakyat dan negara secara jangka panjang.

Ada tujuh strategi utama dalam Bajet 2015. Walau bagaimanapun, saya ingin membahaskan secara khusus beberapa strategi terutamanya strategi keempat iaitu memperkasakan agenda bumiputera dan juga strategi yang kelima iaitu memartabatkan peranan wanita.

Benar kata Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa semua perancangan serta dasar ekonomi Melayu dan bumiputera oleh pihak kerajaan telah digubal berasaskan perhitungan komposisi masyarakat majmuk kita di negara ini. Mengabaikan agenda bumiputera bererti mengabaikan salah satu faktor utama yang mewujudkan kestabilan negara. Malah, agenda yang telah dilaksanakan sejak berdekad lalu membuktikan bahawa semua rakyat Malaysia berkongsi nikmat dan meraih manfaat bersama hasil daripada pembangunan masyarakat dan pembangunan negara yang seimbang.

Saya ingin menyebut beberapa fakta khususnya mengenai profil syarikat-syarikat milik bumiputera dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana ataupun lebih dikenali sebagai SME yang lazimnya menjadi tulang belakang kepada ekonomi sesebuah negara. Daripada sejumlah 548,267 buah syarikat SME di negara ini, hanya 204,884 ataupun 37.4% ialah syarikat milik bumiputera. Majoriti daripada syarikat SME milik bumiputera itu iaitu 88.3% ialah syarikat bersaiz mikro, 10.5% bersaiz kecil dan hanya 1.2% bersaiz sederhana. Kebanyakannya iaitu 82.4% adalah daripada sektor perkhidmatan, manakala 12.7% dalam sektor pertanian. Hanya 4.8% dalam sektor pembuatan.

Dengan kata lain, majoriti syarikat-syarikat SME milik bumiputera masih lagi di peringkat *infant* dengan izin, iaitu dari segi saiz dan tidak seimbang dari segi penglibatan sektor seperti dalam sektor pembuatan. Perlu saya tekankan sekali saya bahawa hampir 90% syarikat SME bumiputera ini bersaiz mikro.

Jadinya saya ingin mencadangkan kepada kerajaan ataupun saya menyeru kepada kerajaan untuk mencari satu jalan penyelesaian bagaimana hendak membantu syarikat-syarikat bersaiz mikro ini untuk melakukan *quantum leap*, dengan izin, untuk menjadi syarikat yang lebih besar dan dari segi penyertaan dalam sektor-sektor tersebut yang perlu dipertingkatkan seperti sektor pembuatan.

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) perlu membuat satu pendekatan bahawa melahirkan usahawan-usahawan bumiputera yang kreatif dan berkemahiran tinggi. Saya memohon penjelasan lanjut daripada pihak kerajaan mengenai inisiatif yang dirancang, yang telah dilakukan, yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memperkukuhkan peranan INSKEN sebagai satu pusat kecemerlangan keusahawanan bumiputera seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat antara sebab-sebab yang menjadikan syarikat-syarikat SME ini tetap menjadi syarikat-syarikat mikro ini, saya tengok ada tujuh faktor yang menyebabkan – mengenal pasti faktor-faktor mengapa mereka ini masih lagi menjadi syarikat-syarikat mikro.

Antaranya yang pertama ialah akses kepada maklumat. SME Corp ada membuat satu kajian, dan ia dapati bahawa kesedaran syarikat bumiputera mengenai bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan ini sangat rendah. Ada beberapa kemungkinan mengapa ini berlaku. Antaranya, mungkin kurangnya penglibatan syarikat SME bumiputera dalam persatuan-persatuan perniagaan yang berkaitan dengan industri mereka dan penyebaran maklumat yang kurang berkesan ataupun mungkin agensi perlu menyediakan bantuan ini dengan lebih menguar-uarkan kepada syarikat-syarikat SME ini.

Sebagai contoh, data daripada Bank Negara ada menyatakan bahawa 33% usahawan wanita pada tahun 2013 yang memohon pembiayaan. Ini jumlah yang kita dapat ataupun data yang didapati dari Bank Negara. Ini bermakna 67% tidak memohon daripada mana-mana institusi kerajaan. Jadi, daripada 33% yang memohon pinjaman pula, 87% telah diluluskan.

Jadi saya hendak mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan tahniahlah kepada usahawan-usahawan wanita di seluruh negara kerana satu kadar kelulusan yang sangat tinggi dan mengiktiraf usahawan wanita sebagai usahawan yang berdisiplin dan berpotensi tinggi.

Akan tetapi persoalannya di sini ialah mengapakah peratusan yang memohon itu begitu rendah iaitu hanya 33%? Saya berpandangan bahawa penyebaran mengenai bantuan yang disediakan perlu melalui saluran yang boleh diakses oleh usahawan-usahawan terutamanya usahawan mikro ini. Pihak yang menyediakan bantuan perlu lebih proaktif dan saya berharap pihak kerajaan dapat memikirkan satu cara yang lebih proaktif dalam menyebarkan maklumat-maklumat mengenai apa yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Keduanya pula masalah yang kita tengok ialah akses kepada pembiayaan. Mungkin kekurangan akses kepada maklumat merupakan salah satu lagi faktor kepada kekurangan akses kepada pembiayaan. Jadinya, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan mungkin melalui agensi seperti TERAJU ataupun tadi saya maklumkan melalui INSKEN, boleh membuat satu latihan untuk melatih usahawan-usahawan bumiputera untuk meningkatkan kemahiran berterusan. Kadang-kadang kemahiran yang ditawarkan oleh pihak kerajaan ini sama ada ia bermusim ataupun dalam jangka masa yang sangat pendek. Jadinya, apalah salahnya sekiranya pihak jabatan ataupun agensi yang berkaitan boleh membuat satu program yang boleh ditingkatkan dan dilaksanakan secara berterusan dan dalam jangka masa panjang.

Ketiganya teknologi dan inovasi. Kebanyakan syarikat SME bumiputera masih lagi berada di peringkat penggunaan teknologi tahap rendah, apatah lagi untuk membangunkan produk-produk yang inovasi. Kalau hendak bersaing, ia memerlukan satu produk yang sentiasa berinovasi.

Untuk meningkatkan kemahiran tinggi di kalangan syarikat bumiputera ini, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, bagaimana dengan konsep 'payung' yang pernah dilaksanakan oleh pihak kerajaan suatu masa dahulu? Apakah yang telah kita capai melalui program ini? Apakah manfaat yang telah di kecapai oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana dalam program payung ini? Ini kerana saya ingin mencadangkan terutamanya kepada syarikat bumiputera bersaiz mikro untuk dibimbing dan didedahkan kepada penggunaan teknologi yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat bumiputera yang besar.

■1530

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan merangka satu program yang lebih berkesan dan memberi lebih banyak manfaat kepada syarikat bersaiz makro. Kemudian, ini yang paling banyak diperkatakan, ialah mengenai akses kepada pasaran. Syarikat bumiputera kita dapati mempunyai kemahiran dan fokus yang terhad terutamanya kepada strategi pemasaran dan konsep penjenamaan dan *branding*. Tidak memberi tumpuan kepada pensijilan dan pengiktirafan oleh badan-badan yang memantau kualiti produk.

Hasilnya, mutu produk sangat rendah dan lebih bertumpu kepada pasaran domestik. Jika kita ingin memperbaiki akses kepada pasaran, kita perlu memastikan produk atau perkhidmatan yang disediakan mencapai satu kualiti yang diterima oleh pasaran. Kita tidak boleh bergantung pada perolehan kerajaan sahaja. Syarikat bumiputera perlu bersaing melalui kemahiran dan mutu produk yang lebih baik.

Seterusnya modal insan. Oleh sebab saiz yang kecil dan kewangan yang terhadap dan pasaran yang kecil, tidak hairanlah bagaimana atau pun mengapa sebahagian daripada syarikat bumiputera gagal untuk menarik dan memastikan pekerja yang baik dan berkemahiran tinggi. Pengurusan modal insan ialah satu faktor yang perlu ditekankan.

Seterusnya rangkaian yang terhad ataupun *networking* yang terhad. Ini merupakan satu faktor yang dikenal pasti merupakan masalah syarikat-syarikat SME bumiputera. Dalam perniagaan, faktor ini merupakan satu kemahiran yang perlu dan sekiranya kita mahu mengembangkan perniagaan, mempelbagaikan sumber sedia ada untuk memberi bekalan dan meluaskan pasaran adalah sangat-sangat penting. Majoriti daripada SME ataupun peniaga-peniaga mikro di Malaysia ini melibatkan diri, apa yang kita panggil adalah dalam sektor informal. Sebahagian besar daripada mereka adalah daripada kalangan usahawan mikro bumiputera.

Jadinya, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah yang telah dilaksanakan ataupun yang akan dirancang oleh pihak kementerian dalam usaha untuk membantu mereka yang terlibat secara langsung dalam sektor yang informal.

Saya juga ingin mendapatkan respons daripada pihak kerajaan dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat SME bumiputera yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang menyatakan sesungguhnya wanita ini sangat istimewa dalam pembentangan Bajet 2015. Memang kaum wanita bukan sahaja penyeri tetapi juga merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, strategi kelima kerajaan yang memartabatkan peranan wanita merupakan satu strategi yang kekal dan berterusan.

Saya ingin menyatakan beberapa fakta mengenai usahawan wanita dalam SME. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada data yang sedia ada yang memaklumkan bahawa terdapat 126,910 perniagaan dimiliki oleh usahawan wanita di negara ini. Ini merupakan 17.7% daripada keseluruhan syarikat SME di negara ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan negara Australia, Australia dia 31.5%, Taiwan pula 36.2% dan daripada jumlah yang saya nyatakan tadi iaitu 126,910 perniagaan ini, 91.7% pula adalah dalam sektor perkhidmatan.

Jadinya daripada statistik ini, kita jelas bahawa kerajaan perlu mempertingkatkan peranan dan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan kerana wanita ini, usahawan wanita ini terutamanya mempunyai satu potensi dan rekod pembayaran pinjaman yang baik daripada yang dibuktikan oleh data dari Bank Negara yang menyatakan bahawa 87% permohonan pinjaman diajukan oleh syarikat milik usahawan wanita ini telah diluluskan.

Mungkin kerajaan ataupun pihak agensi yang berkaitan boleh mengambil maklum ataupun telah sedia maklum daripada pengalaman **Grameen Bank** daripada negara Bangladesh yang diasaskan oleh pemenang global iaitu Professor Muhammad Yunus yang membuktikan bahawa golongan wanita, jika diberi peluang untuk mendapatkan pembiayaan untuk menceburi bidang perniagaan adalah merupakan golongan peminjam yang sangat berdisiplin dan akan membayar balik pinjaman mereka.

Di Malaysia cuma 33% sahaja syarikat usahawan wanita yang memohon pinjaman. Bayangkan jika lebih ramai lagi usahawan wanita kalau diberi peluang untuk mendapatkan pembiayaan, tentulah mereka ini berjaya di dalam bidang perniagaan mereka.

Selain daripada itu untuk memperkukuhkan program pengarah wanita bagi mencapai 30% penglibatan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan, penglibatan yang lebih tinggi usahawan wanita dalam bidang keusahawanan secara langsung akan mempertingkatkan lagi peratusan wanita secara keseluruhan dalam kumpulan pembuat dasar.

Beberapa inisiatif khusus perlu dilaksanakan untuk usahawan wanita. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan satu kumpulan fokus iaitu mungkin kalau berkaitan dengan keusahawanan boleh mewujudkan satu panel keusahawanan wanita di mana ia menjadi satu tempat untuk perkongsian maklumat ataupun berdialog berkala bersama dengan persatuan ataupun pengerusi-pengerusi persatuan yang berkaitan dan boleh juga menyelaras segala program yang berkaitan dengan wanita terutamanya dalam program di peringkat antarabangsa dan menyokong inisiatif sektor swasta dalam pembangunan usahawan wanita perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin mencadangkan agar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat menilai semula dan mungkin menyemak ataupun mempertimbangkan keberkesanan program-program pembangunan wanita dalam usaha untuk memastikan usaha untuk memartabatkan peranan wanita dalam pembangunan negara ini adalah secara holistik dan juga tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik hasrat kerajaan untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi pusat penjagaan kanak-kanak di premis pejabat swasta dengan meminda garis panduan yang sedia ada. Banyak kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini oleh ramai terutamanya Ahli-ahli Parlimen wanita baik daripada pihak sebelah sana ataupun pihak sebelah sini yang menekankan betapa pentingnya untuk menubuhkan lebih banyak lagi pusat penjagaan yang lebih baik di premis kerajaan ataupun swasta. Ini mungkin boleh membantu kaum wanita untuk terus bekerja dan menguruskan penjagaan anak-anak mereka. Tanpa sistem sokongan bantuan seperti ini usaha untuk menambah baik peluang wanita untuk kembali ke pasaran kerja memang kita lihat amat sukar dan terhad.

Dalam pembangunan negara yang lestari dan mampan, peranan wanita dalam pembangunan keluarga dan pembangunan negara perlu diseimbangkan dengan sebaik-baik

mungkin. Tanpa keluarga yang bahagia, pembangunan negara akan menjadi kosong dan tidak bermaya. Oleh yang demikian, hasrat kerajaan untuk memartabatkan peranan wanita perlulah disokong oleh semua pihak demi kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu yang akan saya tekankan walaupun ini tidak dinyatakan secara langsung dalam bajet tetapi saya percaya kami di dalam Jawatankuasa JKMR ataupun Jawatankuasa Khas Menangani Rasuah, saya, Yang Berhormat Kota Bharu dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor, kami merasakan ataupun pada kami masyarakat harus memahami bahawa dalam tugas memerangi jenayah rasuah ini dia tiada istilah “ikan kecil” ataupun “ikan besar”.

Rasuah ini adalah satu jenayah yang sangat serius dan sekiranya rasuah ini dipolitikkan, ia boleh menimbulkan kebencian serta perpecahan dalam kalangan rakyat yang akhirnya mewujudkan ketidakstabilan politik, ekonomi dan sosial. Jadinya usaha untuk membanteras rasuah ini bukannya bersifat *one-off* tetapi mestilah *on going*. Rasuah bukan mengenai besar atau kecil nilai ataupun kedudukan individu yang terlibat tetapi lebih kepada kesan yang dibawa.

Bayangkan jika seseorang penguat kuasa yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga sempadan negara menerima rasuah menerima berjumlah RM100, ini sebagai contoh. Dengan tidak membuat pemeriksaan menyeluruh sehingga melepaskan kemasukan sekilo dadah. Ia memberikan kesan kepada generasi muda yang akhirnya terjebak dengan penagihan dadah dan seterusnya terlibat dengan lain-lain kegiatan jenayah hanya untuk mendapatkan wang membeli dadah.

Jadinya tindakan tegas SPRM yang memang kita tahu sangat tegas dibuat secara bersama dengan pasukan petugas khas ataupun STF yang bergabung untuk membersihkan agensi-agensi penguat kuasa melalui tangkapan dan pendakwaan di kalangan agensi penguat kuasa baru-baru ini juga harus kita hargai.

■1540

Ini kerana kalau kita tidak bendung daripada awal, akan melibatkan kerugian kepada hasil cukai negara yang boleh mencecah sehingga berbilion dan mengancam keselamatan negara. Jadinya perubahan struktur dan operasi SPRM telah menampakkan, setakat ini menampakkan impak yang membanggakan. SPRM telah mematuhi Konvensyen Pencegahan Rasuah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu khususnya mengenai pelaksanaan kerjasama antarabangsa, penjenayahan, rasuah dan penguatkuasaan undang-undang telah mengiktiraf 23 amalan baik dan kejayaan usaha untuk memerangi rasuah. Profesor Alan Doig, penyelaras program dan aktiviti pencegahan rasuah antarabangsa yang juga profesor pelawat Newcastle Business School dan anggota Lembaga North East Fraud Forum sendiri mengaku SPRM berada di landasan yang betul untuk muncul sebagai agensi pencegahan rasuah terunggul di dunia.

Jadi transformasi yang dilaksanakan oleh SPRM ini telah menampakkan impak yang amat positif. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka. Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, kadar sabitan kes-kes rasuah pada tahun 2009 ialah sebanyak 54% namun pada tahun 2013 kadar sabitan telah meningkat kepada 84%. Jadinya tanggungjawab pada kami di peringkat jawatankuasa ataupun Jawatankuasa Panel Menangani Rasuah,

tanggungjawab ini untuk memerangi rasuah ini bukan tanggungjawab SPRM saja semata-mata. Jadi untuk memastikan rasuah berjaya dihapuskan, sokongan dan penglibatan segenap lapisan masyarakat baik dari segi pimpinan politik, tokoh korporat, NGO, ketua kampung dan segala-galanya dan seluruh masyarakat harus bersama-sama untuk berganding bahu.

Justeru demi rakyat dan masa depan negara, kita tidak harus berkompromi dalam membasmi rasuah. Jadikan ini kewajipan di mana setiap seorang daripada kita harus untuk bertanggungjawab dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

3.42 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong doa]* Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mulakan ucapan perbahasan saya dengan memetik tiga ayat Allah SWT, pertamanya Allah SWT berfirman *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Maksudnya; “Hendaklah berbelanja orang yang berkelapangan berdasarkan kelapangannya dan barang siapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia berbelanja berdasarkan apa yang diberikan oleh Allah SWT”. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Allah Taala tidak akan membebankan seseorang melainkan kadar apa yang diberikan oleh Allah kepadanya dan Allah Taala akan menjadikan selepas kesukaran itu akan ada kesenangan, Surah Al-Tolaq, ayat 7.

Yang kedua firman Allah SWT *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. “Kewajipan untuk membelanjakan harta itu kepada orang yang berkelapangan adalah berdasarkan kepada kelapangannya dan kepada mereka yang disempitkan rezekinya berdasarkan kadar kesempitannya”, Surah Al-Baqarah, Ayat 236. Yang ketiga firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya; “Dan mereka-mereka iaitu hamba-hamba kepada Allah SWT, Ar-Rahman ialah mereka yang bila mana berbelanja, mereka tidak boros, mereka tidak kedekut dan adalah perbelanjaannya pertengahan antara keduanya”, Surah Al-Furqan, Ayat 67.

Saya mulakan tiga ayat ini mendasari konsep bajet dalam Islam. Bajet dalam bahasa Arab disebut sebagai *mizaniyah*. *Mizaniyah* maknanya berasal dengan nama ‘*mizan*’ dengan maksud neraca. Neraca yang adil, dengan maksud berlaku keseimbangan antara perbelanjaan dan juga pendapatan. Namun apa yang disaksikan, Bajet 2015 yang dibentangkan menyaksikan defisit 17 tahun berturut-turut walaupun kadar defisitnya menurun kepada RM35 bilion sahaja tetapi ia masih lagi bajet defisit, menimbulkan persoalan kepada kita adakah kerajaan mampu untuk sasarkan bajet berimbang 2020. Bagi saya ia amat jauh untuk ke arah itu.

Bajet 2015 dibentangkan dalam keadaan pertamanya rakyat kita sedang mengeluh peningkatan kos hidup dan inflasi yang sangat kritikal. Yang keduanya ialah dalam keadaan kerajaan mencipta hutang yang tinggi RM569 bilion. Yang ketiga dalam keadaan kadar hutang isi rumah yang juga kritikal, RM500 bilion lebih. Kalau kita lihat pada tahun yang lalu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Baru hendak mula Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap saja, fasal defisit itu.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: 16 tahun lalu, kawan-kawan saya yang seusia saya bekerja dengan gaji...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...RM2,000 dengan harga rumah pada ketika itu ialah RM150,000. Namun hari ini graduan yang baru bekerja dengan gaji RM2,500, dengan harga rumah hari ini kalau di kawasan bandar ialah RM400,000. Ini realiti yang sedang dihadapi oleh masyarakat kita pada hari ini. Maka dalam keadaan begitulah kita mengajak untuk seluruh pihak termasuklah kerajaan untuk pada masa akan datang agar lebih berhemah dalam berbelanja supaya kita dapat bentangkan bajet yang lagi baik untuk mesra rakyat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menegaskan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan ini dipanggil bajet kerana kerajaan adalah sama seperti kita juga mempunyai sejumlah wang yang tetap dan terhad untuk dibelanjakan. Pada setiap tahun bajet ialah instrumen penting kerajaan dalam memperincikan unjuran pendapatan dan perbelanjaan bagi sesebuah tahun mendatang. Pendapatan kerajaan yang diperolehi melalui hasil cukai, bukan cukai dan juga pinjaman dan perbelanjaan untuk pengurusan, pembangunan dan pembayaran hutang mestilah ke arah mencapai objektif utama dasar ekonomi iaitu:

- (i) memacu pertumbuhan;
- (ii) mengawal kenaikan harga atau inflasi; dan
- (iii) mengurangkan kadar pengangguran.

Sepintas lalu Bajet 2015 memperuntukkan sehingga 82% untuk tujuan mengurus dan hanya berbaki 18% sahaja untuk tujuan pembangunan. Pendapatan yang akan dipungut berjumlah RM236 bilion pula adalah sebahagian besarnya bersumberkan hasil cukai iaitu sebanyak 17% dan hanya 22% dijangka diperolehi daripada hasil bukan cukai. Bagi tahun 2014, hutang kerajaan dicatatkan pada kadar RM569 bilion iaitu 53% kepada KDNK, menjadikannya menghampiri had siling 55% yang telah ditetapkan oleh kerajaan sendiri. Jika dicampur dengan jumlah tanggungan liabiliti luar jangka, angka hutang ini sebenarnya adalah jauh lebih besar lagi daripada apa yang kita lihat. Bagi tahun 2015 pula, inflasi diunjurkan pada kadar 4% hingga 5% berbanding hanya 3% hingga 4% pada tahun 2014.

Fenomena kenaikan harga ini adalah jelas kesan daripada langkah rasionalisasi dan subsidi dan juga pelaksanaan GST oleh kerajaan pada masa akan datang. Oleh itu tidak hairanlah kerajaan mengumumkan pelbagai imbuhan dalam bentuk pemberian tunai kepada rakyat kebanyakan termasuk pemberian BR1M, baucar buku dan pengurangan kadar cukai pendapatan yang kononnya sebagai membalas jasa rakyat di atas kesanggupan turut serta menanggung beban kewangan yang dibuat oleh kerajaan. Hakikatnya dengan pemberian seumpama itu serasanya rakyat dipaksa diam daripada mengeluh dengan rasa terbeban menanggung peningkatan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Allah Taala menggambarkan kepada kita, kemakmuran sebuah negeri yang bermakna Saba', menggunakan terminologi [*Menyebut perkataan dalam Bahasa Arab*], negeri ini pernah mencapai kemakmurannya ketika penduduknya beriman kepada Allah tetapi musnah binasa, justeru berpaling daripada perintahnya. Allah Taala menggambarkan dalam Surah Al-Saba', Ayat 15, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

■1550

Maksudnya, "*Sememangnya bagi penduduk Saba' itu di kampung mereka satu tanda kebesaran Allah SWT iaitu dua kebun yang luas lagi subur yang terletak di kanan dan juga kiri. Makanlah kamu dari rezeki yang diberikan oleh Tuhan kamu dan bersyukurlah kamu kepadaNya iaitu satu 'baldah', satu negeri yang baik, negeri yang makmur dan juga Tuhan yang Maha Pengampun.*" Kalimah '*baldah tayyibah*' ini dapatlah kita ertikan sebagai sebuah negeri yang berasaskan kepada satunya, ekonomi *barakah*, kedua *good governance* atau dalam bahasa Arab disebut '*al-hukmu soleh*'. Yang mana dalam istilah politik moden berdasarkan ciri-ciri yang digariskan oleh al-Tabari ketika mentafsirkan ayat ini iaitu negara yang mendapat keampunan Allah justeru rakyatnya yang diberikan kemakmuran lantaran ketaatan mereka kepada Allah SWT.

Konsep ekonomi *barakah* ini ada tiga asas. Pertama sumber yang halal. Saya pernah nyatakan dalam ucapan sebelum ini bahawa sistem kutipan cukai GST yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bercanggah dengan Islam kerana ia dikenakan kepada semua pihak, tidak kira kaya ataupun miskin. Itu kaedah yang bercanggah dengan Islam. Kedua, ekonomi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat terima kasih. Yang Berhormat, tadi saya terpanggil Yang Berhormat mengatakan bahawa GST bercanggah dengan hukum sebab yang kaya pun kena, yang susah pun kena. Akan tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa orang miskin tidak dikenakan GST apabila barang-barang keperluan harian mereka kita kira daripada satu sampai beratus-ratus jenis tidak ada GST. Bukankah itu membantu orang miskin? Kerajaan Barisan Nasional sebetulnya dia memudahkan urusan orang miskin. Jadi, memudahkan orang miskin ini bermakna memartabatkan orang-orang yang tidak berupaya. Bukankah ini satu kerja yang baik? Minta ulasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Niat yang baik mesti berdasarkan kaedah yang baik, iaitu kaedah Islam. Niat sahaja tidak cukup. Dalam kaedah cukai dalam Islam, Islam mengenakan syarat. Pertama sekali, cukai hanya boleh dikutip di kala mana kerajaan sudah ketandusan sumber-sumber yang lain. Itu yang pertama. Kedua, di kala tidak ada sumber yang lain maka terpaksa bergantung pada cukai. Perlu juga dilihat dalam keadaan adakah berlaku ketirisan dalam perbelanjaan negara? Itu kaedah yang kedua. Saya cerita kaedah dalam isu cukai.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh cerita tidak negara mana yang tidak perlu cukai? Negara mana? Mana satu dunia yang tidak ada cukai?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Dasar Islam tidak melihat kepada praktik yang sedang berlaku pada hari ini. Kalau hari ini dunia gagal untuk

melihat pada sistem cukai Islam, itu kegagalan dunia. Ia tidak menghalang kita untuk bercakap tentang konsep cukai dalam Islam. Kalau hari ini negara kita bergantung kepada cukai yang begitu tinggi ia tidak menghalalkan untuk kita menerima sistem itu. Kita menerima dalam keadaan terpaksa tetapi mesti ada satu semangat dan juga hajat. Di satu ketika kebergantungan besar kita bukan lagi kepada cukai dan cukai bila diambil mesti ada kaedahnya. Paling akhir, kaedah cukai ialah tidak dikenakan kepada semua pihak tanpa mengira miskin ataupun kaya walaupun hanya pada satu barang sahaja.

Baik yang kedua ekonomi *barakah* saya sebutkan tadi. Untuk mendapat ekonomi *barakah* pertamanya sumber yang halal yang saya sebutkan di awal tadi. Kedua, ekonomi yang mana menyaksikan agihan yang adil ini seperti mana Allah menceritakan tentang konsep [Berucap dalam bahasa Arab] Supaya ekonomi itu tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya, di kalangan kamu sahaja.

Ketiga, yang paling penting ialah perbelanjaan berhemah. Perbelanjaan berhemah ini adalah anak kunci kepada ekonomi. Ini kerana ekonomi dalam bahasa Arab disebut *al-iktisad*. *Al-iktisad* dengan makna bersederhana, bersedang-sedang dan berhemah-hemah. Ini kaedah yang diajar oleh Islam. Bila mana tidak berhemah dalam perbelanjaan berlakulah akhirnya perbelanjaan melebihi pendapatan. Bila pendapatan melebihi pendapatan berlakulah hutang yang bertimbun-timbun. Bila kerajaan berhadapan dengan hutang, kerajaan terpaksa menarik subsidi minyak daripada rakyat.

Ertinya, kegagalan kerajaan menguruskan kewangan negara memangsakan subsidi rakyat. Itu realiti yang berlaku pada hari ini. Sesebuah kerajaan tidak akan mencapai piawai pemerintah yang baik atau *good governance* atau '*al-hukmu soleh*' jika amalan baik dalam pemerintahan iaitu dipanggil *al-ma'aruf* dan juga penolakan terhadap amalan buruk yang disebut *al-mungkar* tidak menjadi polisi utamanya. Antara amalan baik dalam pemerintahan termasuklah keadilan, ketelusan, kejujuran dan kebertanggungjawaban. Manakala amalan buruk yang patut ditolak ialah perkara mungkar termasuklah kezaliman, kedustaan, ketirisan dan pengkhianatan.

Penyalahgunaan kuasa dan rasuah juga adalah termasuk dalam kezaliman dan pengkhianatan. Dalam hal ini kita lihat... sebagai contoh, menggariskan lapan elemen *good governance* iaitu urus tadbir yang baik mempunyai lapan ciri utama iaitu merupakan penyertaan *consensuses* berorientasi, kebertanggungjawaban, telus, responsif, berkesan dan cekap, adil dan inklusif dan mengikut peraturan undang-undang. Ia menjamin bahawa rasuah diminimumkan. Pandangan golongan minoriti diambil kira dan suara terbanyak dalam masyarakat didengar dalam membuat keputusan. Ia juga responsif kepada keperluan semasa dan masa hadapan masyarakat.

Jika kesemua elemen ini disatukan dengan pancaran wahyu Ilahi dan *Sunah Nabawiyah* sudah tentu negara maju berpijak pada *balдах toyyibah wa rabbun ghafur*, akan terjelma dan kemakmurannya akan lebih terasa. Malangnya kita langsung tidak punya apa-apa, *balдах toyyibah* tidak, malah *wa rabbun ghafur* pun jauh sekali. Dengan pola rasuah yang memalukan, kezaliman yang tersohor, penindasan hak asasi yang tidak selesai, kebebasan suara yang tersekat, kedaulatan undang-undang yang menindas, sentimen politik kepuakan yang ekstrem, akhlak buruk yang membarah dan banyak lagi wajah hodoh yang tidak

digambarkan. Maka tidak peliklah bajet dengan peruntukan bernilai berapa bilion sekalipun dan dengan unjuran ekonomi yang lebih cerah masih perlu perangsangan dan juga dana tambahan. Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan pada setiap suku tahun memaparkan secara jelas dan konkrit bahawa ketirisan dan pembaziran berlaku melibatkan jumlah yang sangat besar. Hal ini sangat mendukacitakan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana semua sedia maklum bahawa inflasi ditakrifkan sebagai peningkatan beransur-ansur dalam paras harga barangan dan perkhidmatan. Ia diukur sebagai peratusan tahunan. Mudahnya, sekiranya inflasi menaik, setiap ringgit yang kita miliki akan memberi purata lebih kecil bagi suatu barangan dan perkhidmatan. Dengan kata lain, terdapat kemerosotan dalam kuasa membeli kita. Inflasi boleh dianggap sebagai perkembangan ekonomi biasa selagi peratusan tahunan masih rendah. Namun begitu inflasi boleh menyebabkan krisis apabila peratusan itu meningkat lebih tinggi dari kadar yang telah ditetapkan. Indeks Harga Pengguna yang digunakan untuk menentukan kadar inflasi, mengukur harga peratus lebih kurang 436 item barangan dan perkhidmatan yang biasa digunakan oleh pengguna.

Dengan membandingkan purata harga barangan dan perkhidmatan pada tahun asas dengan purata harga bagi tahun semasa. Dengan kaedah yang sebegini oleh sebab itulah kadar inflasi yang ditetapkan atau diunjurkan oleh kerajaan kelihatan cantik. Sedangkan rakyat jelata keperitan dengan peningkatan harga yang melampau. Harga purata barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh pengguna ini perlu disemak kembali. Ini kerana penentuan barangan dan perkhidmatan tersebut sebahagiannya adalah tidak diguna pakai oleh kebanyakan rakyat. Kadar inflasi yang tinggi akan meningkatkan kos hidup rakyat. Ini akan mengurangkan kualiti hidup mereka seperti terpaksa kerja lebih masa dan membuat kerja sampingan yang akan beri tekanan kepada kehidupan, kebahagiaan berkeluarga. Tekanan memenuhi keperitan ini pula mendedahkan rakyat kepada masalah sosial seperti rasuah, penyelewengan, penipuan dan juga pengabaian tanggungjawab.

Bagi individu pula inflasi akan mengurangkan pendapatan benar mereka. Kadar ini menjadi serius jika kadar kenaikan harga atau kadar inflasi jauh lebih tinggi daripada kadar kenaikan pendapatan wang individu berkenaan. Pengurangan pendapatan benar ini akan berlaku dengan ketara khususnya kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan tetap. Bagi mereka yang menabung, yang menerima pencen, yang memiliki bon dan polisi insurans, nilai yang sebenar dalam erti kata kuasa beli wang tabungan nilai pencen, nilai bon ataupun polisi insurans mereka juga merosot. Ini kerana sewaktu inflasi kadar kaedah benar adalah rendah dan mungkin negatif berbanding keadaan tanpa inflasi. Inflasi juga akan beri kesan kepada pelaburan negara dengan meningkatnya paras harga pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang dieksport boleh kehilangan daya saing. Ini kerana dengan kehilangan daya saing ini pendapatan eksport akan menurun dan ini akan mengurangkan pelaburan dalam industri-industri berkenaan.

Bagi membendung inflasi ini dari berkembang kerajaan perlu serius menangani monopoli dengan mewujudkan persaingan yang lebih sihat dalam industri untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi dan pemodenan teknologi serta daya saing industri dari segi harga produk.

■1600

Seterusnya kerajaan juga perlu memfokuskan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam dengan rancangan gabungan pengangkutan yang teratur dan diurus tadbir oleh kerajaan sendiri seperti di kebanyakan negara Eropah. Mengenai makanan pula kerajaan perlu menggalakkan peningkatan kapasiti pengeluaran makanan agensi-agensi kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kerajaan-kerajaan negeri, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan badan-badan berkaitan diberi galakan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan. Secara kesimpulannya aktiviti ekonomi yang mampu mewujudkan keseimbangan dalam sistem ekonomi, sosioekonomi akan menghindarkan inflasi berlaku dalam negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Islam mengajar masyarakat tidak semata-mata melayani kehendak-kehendak manusia yang tidak terbatas. Namun menyeimbangkan kehendak material dan spiritual manusia secara adil dengan menunaikan kewajipan yang ditetapkan oleh syariat Allah seperti berzakat dengan kadar yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Namun oleh sebab realiti zakat pada hari ini tidak menjadi pendapatan negara. Ia hanya menjadi pendapatan di peringkat negeri sahaja maka perlu ada satu inisiatif baru dengan merujuk kepada kaedah Al-Quran untuk menambahkan kedudukan kewangan kerajaan, memperkasakan kedudukan kewangan kerajaan menerusi konsep infak.

Kalau kita lihat Kerajaan Islam yang lampau, infak daripada orang-orang berharta dan kaya digunakan sepenuhnya untuk pembangunan. Berbeza kita pada hari ini urusan pembangunan boleh kata diambil daripada bajet negara daripada duit negara. Akan tetapi dalam kerajaan silam infak daripada rakyat yang kaya digunakan secara terurus dan mensasar hingga ia digunakan untuk membentuk pembangunan-pembangunan melibatkan rakyat.

Saya ingin mencadangkan bahawa CSR (*corporate social responsibility*) yang kita gunakan diambil secara serius dengan membentuk tabung-tabung yang mensasar keperluan rakyat secara lebih tersusun. Contohnya tabung perumahan dan juga tabung pendidikan dan juga tabung kenderaan. Ketiga-tiga tabung ini jika dapat disusun dan diatur secara bersistem menggunakan akta di bawah Parlimen maka saya yakin boleh membantu meringankan bebanan rakyat pada hari ini.

Untuk seterusnya saya ingin membangkitkan sedikit isu di Terengganu iaitu isu hakisan pantai yang berlaku di tempat saya di Kuala Terengganu khususnya di Parlimen Kuala Nerus. Baru-baru ini penyelidik UMT telah mendedahkan melalui data saintifik bahawa Pantai Tok Jembal di sebelah Lapangan Terbang Kuala Terengganu, Lapangan Terbang Sultan Mahmud telah kehilangan hampir 42 meter kawasan pantai sejak pembinaan tambakan landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Kesan hakisan ini makin meruncing bilamana banyak binaan di kawasan berhampiran pantai termasuk perkampungan nelayan, kemudahan awam dan jalan raya musnah sejak lima tahun yang lalu. Baru-baru ini dilaporkan pula

kemudahan saintifik UMT (Universiti Malaysia Terengganu) yang merupakan makmal sumber tenaga terbaharu bernilai hampir RM500,000 telah musnah akibat hakisan.

Kajian lanjut juga mendapati kesan hakisan ini turut dirasai oleh pantai-pantai sepanjang negeri Terengganu termasuklah Besut, Setiu, Marang, Dungun dan Kemaman yang kian meruncing sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Biarpun kerajaan negeri di peringkat negeri melaporkan bahawa tindakan sudah mula diambil untuk menangani isu ini tetapi sehingga kini tindakan yang diambil langsung tidak memperlihatkan sebarang kemajuan yang memberangsangkan. Lebih malang lagi sehingga hari ini tiada kenyataan rasmi daripada pihak berwajib terutama kerajaan negeri dalam menjelaskan punca hakisan.

Kita menyeru kerajaan di peringkat pusat menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memantau kerajaan negeri agar memastikan setiap pembangunan di kawasan pesisir pantai adalah mengikut garis panduan, kawalan pembangunan bersepadu di zon pantai yang diguna pakai dalam pembangunan di kawasan pantai yang boleh mengelakkan hakisan. Boleh merujuk panduan Kementerian Sumber Asli dalam bidang ini.

Kita juga mengharapkan garis panduan ini dipatuhi oleh pihak berkuasa tempatan, penggerak projek, perunding dan syarikat swasta sebagai panduan dan pematuhan pembangunan di kawasan pantai di seluruh negara. Oleh itu, penguatkuasaan yang lebih rapi perlu dijalankan. Betul apa yang ditekankan bahawa kesan hakisan ini mempunyai impak besar kepada aspek sosioekonomi penduduk, sumber tangkapan nelayan, penempatan perkampungan dan beberapa kesan lain perlu diberi perhatian.

Saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini satu kaedah penambakan laut yang telah diguna pakai di banyak negara seperti Australia yang menggunakan pantai sebagai bahan tambakan dan tidak menggunakan batu dan ia boleh membantu untuk membaik pulih habitat haiwan dan menjadikan pantai itu sebagai pusat riadah dan juga pelancongan.

Yang terakhir ingin saya sebut ialah dalam bentuk soalan. Merujuk kepada Islam agama persekutuan yang termaktub dalam perlembagaan kita. Pada tahun 2010 dalam berita, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah mencadangkan menyebut untuk satu langkah untuk memartabatkan institusi Mahkamah Syariah iaitu mengesyorkan penubuhan Majlis Rayuan Syariah, Mahkamah Tengah Syariah dan menaik taraf kedudukan Mahkamah Tinggi Syariah. Yang kedua menubuhkan pewujudan perjawatan pusat Mahkamah Rayuan Syariah Negeri serta menaik taraf hakim-hakim Mahkamah Syariah. Itu cadangan 2010. 2012 Yang Berhormat Menteri juga menyebut lagi tentang usaha menaik taraf sistem kehakiman syariah melibatkan pertumbuhan hierarki Mahkamah Syariah daripada tiga peringkat kepada lima peringkat.

Saya ingin bertanya, sehingga 2014 apakah hasil daripada kenyataan tersebut, sejauh mana kerajaan telah bertindak dan pada tahap manakah ia telah berlaku untuk menggambarkan bahawa usaha memartabatkan Mahkamah Syariah itu memang menjadi satu benda yang kita sebagai kerajaan sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan. Saya ingat itulah sedikit perbincangan daripada saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

4.07 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian bagi membahaskan tentang Bajet 2015. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya untuk mengemudikan negara yang kita cintai ini sebaik-baiknya. Ini mencakupi daripada skop keamanan, skop kestabilan, kemakmuran ekonomi, hubungan antarabangsa dan sebagainya.

Memang kita akui Kerajaan Barisan Nasional tidaklah sempurna ataupun *perfect* tetapi berdasarkan daripada *a basket of critical indicators* dengan izin, ia jauh lebih baik daripada kebanyakan negara dalam dunia yang berdasarkan daripada *outcome* yang diharapkan oleh rakyat yang demikian...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Jasin boleh mencelah sedikit?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Mungkin Yang Berhormat Jasin terdengar hujah tadi daripada kawan kita Yang Berhormat Kuala Nerus. Daripada mukadimahnyanya dia sudah beri penekanan tidak ada kebaikan langsung daripada bajet yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bagaimana Yang Berhormat Jasin melihat perkara ini boleh berlaku seolah-olah ada di antara kita sudah buta mata hatinya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi seharusnya sebelum kita membuat apa juga tuduhan kita mestilah membuat perbandingan. Sebuah negara yang kita cintai pada ketika ini kita mengecap nikmat yang telah diberikan oleh Allah dengan begitu melimpah ruah tetapi sanggup kita membuat andaian tohmahan-tohmahan yang tidak bertepatan kerana apa yang saya hendak sebut di sini kebaikan, kehebatan serta kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita berbanding dengan negara-negara luar yang sekarang pada ketika ini sedang dicengkam dengan berbagai-bagai masalah.

Saya teruskan kepada ucapan saya adalah amat wajar untuk kita meraikan kejayaan-kejayaan ini termasuklah rekod baru yang telah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita lakarkan iaitu pertamanya tentang indeks Bursa Malaysia dan juga kemasukan modal asing yang terbesar ke negara kita. Seperti saya sebut tadi *indicator* yang terbaik tadi pertamanya adalah tentang pertumbuhan GDP kita. Malaysia telah lebih rancak pertumbuhan kita mencatat sebanyak 6.3% berbanding dengan negara-negara lain yang lebih rendah seperti Singapura hanya 3% sahaja, seperti Amerika 2.2% sahaja, Jepun 0.9%, Eurozone hanya 0.8% dan di bawah landskap ekonomi serta geopolitik dunia yang terus tidak menentu dan juga ganas.

■1610

Itu sebab, janganlah hendaknya kita senang-lenang, sewenang-wenang membuat tuduhan tanpa membuat perbandingan kerana apa yang kita nikmati pada ketika ini seharusnya kita mensyukuri nikmat Allah. Kita mahu kalau boleh apa juga idea-idea yang Ahli-ahli Yang Berhormat bawa, idea-idea yang boleh membawa kepada kebaikan, bukanlah

kemusnahan ataupun membawa cerita-cerita yang tidak baik terhadap negara kita ke tempat-tempat lain.

Seterusnya kita lihat pada kadar pengangguran, matlamat guna tenaga manusia penuh bertahun-tahun pada kadar pengangguran kita hanya 3% sahaja. Manakala banyak negara lain yang sedang bergelut dengan masalah pengangguran yang cukup tinggi seperti di negara China, 4.7%; Australia, 5.7%; Amerika sebanyak 7.2%; Filipina, 7.3%; dan Euro Zon melebihi 11%.

Kita lihat pula pada kadar kemiskinan. Kita hanya 1.7% sahaja. Tidakkah kita bersyukur kepada nikmat Allah sedangkan banyak negara terus dicengkam kemiskinan seperti Amerika, 15%; China, 36%; sahabat yang terdekat dengan kita, Indonesia sebanyak 50%; dan India, 75%.

Untuk keamanan pula, berdasarkan daripada *Global Peace Index*, Malaysia berada pada kedudukan nombor 33 daripada 162 buah negara. Untuk kebahagiaan berdasarkan *World Happiness Index*, kedudukan Malaysia pada tahap 56 daripada 156 buah negara di dunia. Sementara indeks kemakmuran pula, berdasarkan daripada *Legal Firm Prosperity Index*, kedudukan Malaysia pada tahap nombor 44 di dunia.

Dalam pada itu, berkat kegigihan usaha memacu proses transformasi ekonomi negara di bawah MBE yang didorong oleh EPP dan juga 12 NKEA, daya saing negara kita telah mengukuh sepertimana yang telah dilakarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Pencapaiannya amat penting sekali dalam usaha seterusnya untuk kita memacu ekonomi kita agar berpindah daripada ekonomi yang berasaskan daripada industri pembuatan kepada ekonomi yang dirangsang oleh pengetahuan, kecekapan, inovasi dan digital atau dengan izin, daripada *manufacturing driven economy* kepada *knowledge efficiency innovation* dan juga *digital driven economy*.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal kepada pihak kerajaan. Kita ingin tahu, kita sebut berhubung dengan perkara *knowledge driven*, selepas itu kepada *innovation driven economy*. Jadi, apakah status sebenar sumbangan kedua-dua perkara ini kepada GDP negara sekarang dan apakah sebenarnya sasaran kita untuk tahun 2020? Jadi untuk mencapai objektif ini, berapa peratuskah yang kita telah sediakan peruntukan untuk sektor daripada inovasi, daripada *percentage* ataupun peratus GDP kepada kedua-dua perkara *knowledge* dan inovasi tadi supaya kita dapat membuat perancangan daripada awal? Ini kerana dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *as a rule of thumb*, pada negara-negara maju, untuk sektor inovasi ini, diberikan peruntukan sebanyak 2% daripada GDP.

Seterusnya soalan saya yang ketiga, oleh sebab ekonomi dunia pada ketika ini bukan sahaja tidak menentu tetapi juga *hostile* dengan izin. Maka, apakah persediaan kita, persediaan negara untuk menghadapi kemungkinan *downturn* yang akan memberikan impak kepada ekonomi kita dan juga kesejahteraan hidup rakyat seperti kemiskinan, pengangguran ataupun EKR secara keseluruhannya dan seterusnya apakah impak kepada Wawasan 2020 kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada EBM dan juga EKR. Sesungguhnya, ekonomi yang berasaskan kepada modal ataupun EBM ataupun dengan izin, *capital economy*, menjadi prasyarat dalam kita membangunkan ekonomi sesebuah negara. Tuaian daripada

hasil pembangunan itulah baru kita boleh agihkan kepada rakyat atas dasar keadilan teragih ataupun, dengan izin, *distributive justice*. Oleh yang demikian, EBM akan mempunyai sentuhan nilai kemanusiaan kerana ekonomi itu mesra rakyat atau mengutamakan kepentingan dan keperluan rakyat ataupun EKR.

Justeru, saya amat menyokong prakarsa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyeimbangkan di antara EBM dan juga EKR itu tetapi mengutamakan rakyat secara keseluruhannya. Lalu, bajet pada kali ini dirangka dengan sebegitu rupa dan dicanai berasaskan pada prinsip dan falsafah murni tersebut.

Salah satu daripada kekuatan bajet kita yang telah dibentangkan ialah istiqamah ataupun *consistency* serta kesinambungan dalam kita mengejar objektif yang sama seperti meneruskan iltizam dan usaha untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, memantapkan tadbir urus fiskal dan juga memperkasakan agenda bumiputera di samping untuk kita memberikan perhatian kepada objektif baru, misalnya dalam usaha kita untuk memartabatkan peranan wanita dan membangunkan program transformasi belia negara kita.

Mengenai EKR, amatlah dihargai bahawa kerajaan kita betul-betul nampak komited untuk memakmurkan rakyat secara *inclusive* melalui pendekatan ini. Lantaran, kita dapat saksikan bahawa pendapatan golongan orang yang makan gaji akan dinaikkan untuk mencapai sasaran sumbangan komponen gaji kepada KDNK sebanyak 40% pada tahun 2020 berbanding 34% pada masa ini. Usaha ini adalah bertepatan dengan sasaran kerana kumpulan terbesar iaitu merupakan 69% di kalangan guna tenaga kita adalah kumpulan orang yang makan gaji dan juga pekerja.

Keduanya, pendapatan golongan-golongan perniagaan akan dijangkakan melalui pelbagai insentif termasuklah menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi *startup*.

Ketiganya, beban orang berpendapatan tinggi telah diringankan melalui pelbagai pengurangan kadar cukai yang merangkumi individu dan juga syarikat-syarikat besar.

Keempatnya, beban orang-orang berpendapatan sederhana pula dikurangkan melalui pengecualian cukai pendapatan serta pengurangan kadar cukai ke atas syarikat kecil, sederhana, dan juga koperasi.

Kelimanya, beban orang bawahan dipermudahkan dengan menambah bantuan BR1M antara RM50 ke RM300 seorang mengikut taraf pendapatan dan juga taraf perkahwinan masing-masing. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita dapat lihat dan dengar hujah daripada pihak sebelah menakutkan kita seolah-olah kerajaan kita pada ketika ini telah kurang idea. Bahkan, apa yang telah kerajaan bentangkan adalah *inclusive*, menyentuh kepada semua golongan masyarakat.

Bagi orang yang berpendapatan tinggi untuk BR1M ini, sebenarnya banyak cemuhan, kritikan yang telah kita terima tetapi bagi orang yang berpendapatan besar, penambahan ini memang tidak seberapa. Kononnya BR1M ini membebaskan kerajaan sedangkan dengan izin, *the same amount of money are being flown back into the economy* kerana duit yang sama juga akan masuk dalam sistem ekonomi kita.

■1620

Bagi orang miskin, BR1M ini sangat membantu dan besar ertinya walaupun jumlah tanggungan kerajaan sebenarnya sebanyak RM4 bilion. Jumlah ini sebenarnya tidak

membebankan kerajaan langsung kerana tidak menambahkan perbelanjaan kerajaan walau satu sen pun. Disebabkan jumlah tersebut kita kena ambil daripada subsidi yang menguntungkan orang kaya dan hendak dibahagikan kepada orang miskin. Jadi seharusnya jangan sekali-kali mana-mana pihak menimbulkan tentang BR1M ini. Golongan kaya inilah yang sebenarnya memperlekehkan BR1M. Saya tidak terperanjat mereka bersikap negatif sedemikian kerana nikmat yang mereka kecapi selama ini melalui subsidi petrol telah dikurangkan. Tahniah kepada kerajaan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Jasin, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin bukannya kerajaan telah melakukan perkara yang terbaik untuk rakyat terutama rakyat yang *below* 40% yang dikatakan miskin dengan mengurangkan subsidi kerana mengurangkan subsidi ini kerajaan telah bertindak untuk mendapatkan keadilan. Ini kerana rakyat yang mampu yang kaya tidak perlukan subsidi. Kalau kita mahukan kerajaan yang bertanggungjawab kita juga patut jadi rakyat yang bertanggungjawab, maka kita perlu memberikan pengurangan subsidi ini untuk membantu rakyat miskin. Apa pendapat Yang Berhormat Jasin tentang perkara yang saya sebutkan ini?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Minta laluan Yang Berhormat Jasin. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jasin, saya hendak tanya sampai bila kerajaan Barisan Nasional hendak bagi BR1M, BR1M ini? Ini kerana kalau kita melihatkan perkara yang lebih jangka panjang, kerajaan memikirkan tentang bagaimana untuk meningkatkan pendapatan rakyat agar ianya akan mendapat satu masyarakat yang berpendapatan tinggi, barulah kita boleh mencapai negara maju 2020 yang diharapkan oleh Perdana Menteri untuk rakyat berpendapatan tinggi. Kalau BR1M, BR1M, BR1M sampai bila ini?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, saya adalah Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat miskin, Yang Berhormat adalah Ahli Yang Berhormat dari kawasan bandar mewakili orang kaya. Bagi kami, BR1M sangat berguna sekali.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Itu merupakan satu ukuran, pandangan yang sangat dangkal daripada Yang Berhormat Jasin *penalized* seperti begitu. Itu sangat dangkal sebagai seorang Ahli Parlimen....

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat tidak dengar saya cakap tadi. Yang Berhormat tadi. BR1M tadi telah pun, dia *offset* daripada pengurangan subsidi. Kalau fikir Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak bagi kawan-kawan yang lain. Biar saya habiskan ucapan saya kerana nampaknya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Jasin, kawan baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi laluan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Jasin baru balik haji, baiklah...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Ini kerana nampaknya ramai daripada sahabat kita, kalau boleh faham dengan ucapan saya, lebih faham nanti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sekarang apabila kerajaan memperkenalkan tentang GST, sebenarnya...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak payahlah, saya tidak bagi. Nanti saya tidak dapat habiskan nanti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Satu minit sahaja, satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Satu minit sahaja.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang duduklah, Yang Berhormat Sepang.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita berikan kejayaan dan menghargai usaha-usaha murni kerajaan seperti mana yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya ingin menarik pula kepada usaha-usaha penambahbaikan yang perlu dilakukan. Siapakah yang dapat kaedah terbesar. Pertamanya ialah bagi setiap dasar ataupun strategik usaha dan juga program yang hendak kita laksanakan itu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Haji boleh ya?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Waima sembunyi mana sekalipun kerajaan hendaklah memastikan soalan ini akan ditanya siapakah penerima faedah yang terbesar sekali? Kita bagi BR1M, kita bagi macam-macam pertolongan, kita bagi macam-macam keuntungan dan bantuan, tetapi kita hendak tanya siapakah sebenarnya penerima faedah yang terbesar?

Banyak dasar kita dan program yang telah digubal dan telah dilaksanakan oleh kerajaan atas nama rakyat. Ia memberi harapan seolah-olah konon rakyat bawahanlah yang akan mendapat faedah yang terbesar. Malangnya Tuan Yang di-Pertua yang mengaut keuntungan besar dan dasar serta program berkenaan ialah orang kaya. Sebabnya atau program ini adalah *rich buyers*. Contoh terbaik kita dapat lihat daripada subsidi petrol, subsidi diesel, minyak, gula, tepung dan lain-lain subsidi lagi. Penggunaan subsidi petrol oleh pemilik kereta mewah selama satu minggu adalah bersamaan dengan penggunaan subsidi petrol pemilik Honda cup di kampung selama setahun.

Kedua pula, 20% daripada nelayan yang kaya mengaut keuntungan sebanyak 80% daripada subsidi diesel berbanding dengan 80% nelayan-nelayan miskin yang menggunakan hanya 20% subsidi diesel. Jadi atas sebab inilah kerajaan mahu merasionalisasikan pelbagai skim subsidi itu agar ia benar-benar dapat menepati kumpulan sasaran dan tidak pula merosakkan ekonomi kita. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah baru-baru ini Yang

Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah membuat *statement* tentang usaha kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi dan juga harga petrol dan juga diesel.

Keduanya saya juga ingin menyentuh tentang dasar penukaran pinjaman PTPTN kepada biasiswa jika peminjam berjaya mendapat ijazah kelas pertama juga perlu disemak semula. Dasar tersebut Tuan Yang di-Pertua memanglah baik kerana ia menggalakkan komitmen untuk belajar lebih bersungguh-sungguh lagi dan ia menyuburkan semangat meritokrasi tetapi penggubal dasar dan juga pembuat keputusan merupakan satu elemen penting dalam persaingan iaitu padang permainan kita yang tidak sama rata. IPTS yang telah banyak mendapat keuntungan dan mencatatkan kononnya saya tidak tahu murid-murid yang diberikan pelepasan adalah daripada IPTS. Oleh yang demikian anak orang kaya 67% mendapat lebih banyak faedah daripada dasar tersebut berbanding dengan anak orang miskin hanya dapat 33%. Jika dianalisa dari segi kaum pula 81% pelajar bukan bumiputera mendapat faedah manakala hanya 19% sahaja pelajar bumiputera yang mendapat faedah yang sama. Jadi antara impak dasar ini ialah jurang pendapatan antara kaum pula semakin melebar.

Kini diumumkan pula *rebate* sebanyak 10% akan diberikan kepada peminjam yang membayar balik simpanan secara berterusan selama 12 bulan sehingga 31 Disember 2015. Tawaran diskaun yang lebih besar sebanyak 20% diberikan kepada mereka yang membayar secara sekali gus sehingga 31 Mac 2015. Tujuan ini adalah sebenarnya tambah baik, tetapi apa soalan saya siapakah sebenarnya yang mendapat faedah yang besar daripada kemurahan hati kerajaan ini? Tentulah mereka dalam golongan orang-orang yang berada. Maknanya kita menggunungkan bukit dan mendalamkan lagi lurah. Soalan pokok yang perlu kita tanya ialah adakah pendekatan ini akan menyelesaikan masalah kelemahan dan juga kegagalan PTPTN dalam mengungkit dari seramai 174,000 peminjam yang berjumlah sebanyak RM6.4 bilion.

Seterusnya dalam kita meningkatkan gaji dan upah pula saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya kita sentiasa memberikan perhatian kepada golongan pekerja-pekerja pendapatan rendah kerana mereka ini sebenarnya mendepani dua impak daripada banjirir pekerja-pekerja asing. Satu, mereka akan mudah pekerja kerana mereka ini terpaksa bersaing dengan pekerja-pekerja asing.

Keduanya gaji pekerja tempatan sukar meningkat kerana pekerja asing lebih bersedia untuk menerima gaji yang lebih rendah lagi. Dalam pada itu kerajaan lebih banyak menumpukan perhatian dan kewangan dalam usaha kita untuk membawa balik rakyat-rakyat kita yang berada di luar negara yang bekerja di luar negara sehinggakan kita terlupa pelaksanaan gaji minimum pun belum dapat dilaksanakan secara sepenuhnya.

■1630

Seterusnya saya pergi kepada perkara diskriminasi. Pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian kerajaan terhadap diskriminasi yang berleluasa berlaku di sektor swasta. Majikan terbesar sebanyak 90%. Jika masalah diskriminasi ini tidak seiring dilaksanakan, maka hasrat murni kerajaan untuk melonjakkan pendapatan golongan pekerja-pekerja hanya akan dinikmati oleh golongan ataupun kaum tertentu dalam sektor tersebut. Contohnya, contoh diskriminasi kaum yang serius dan sangat berleluasa di sektor swasta boleh diperoleh daripada *Treasures State Study* oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut kajian tersebut, graduan bumiputera adalah merupakan kumpulan terbesar iaitu sebanyak 47.5% menerima gaji

permulaan bulanan bawah RM1,500 berbanding 33.4% graduan Cina dan 41.2% graduan India.

Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, purata kenaikan pekerja Melayu jauh lebih rendah, kenaikan gaji iaitu hanya sebanyak RM7.00 sahaja setahun. Berbanding dengan pekerja Cina sebanyak RM201 setahun dan pekerja India pula sebanyak RM174 setahun. Ini adalah berdasarkan kepada *Treasures Study* daripada Kementerian Pendidikan. Perkara yang lebih menyedihkan lagi bagi semua jenis aktiviti pekerjaan menurut Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, bumi pula mendapat purata gaji bulanan antara 20% ke 40% lebih rendah daripada kaum-kaum lain. Oleh yang demikian, purata gaji bulanan pekerja bumi hanyalah sebanyak lebih kurang RM1,467 sahaja manakala gaji pekerja orang Cina berjumlah sebanyak RM2,331 dan pekerja India pula sebanyak RM1,903.

Justeru di bawah landskap sedemikian, pekerja-pekerja bumiputera hanya mendapat tulang sahaja. Jadi syor saya untuk memastikan supaya keadaan sedemikian tidak terus bermaharajalela, maka diskriminasi ini perlu dihapuskan segera. Justeru saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan memperkenalkan Akta Anti Diskriminasi kerana dalam usaha ini untuk meningkatkan pendapatan gaji 40% kepada GDP kita mungkin akhirnya orang lain yang mendapat keuntungan berganda. Kita tidak mahu perkara ini berlaku melainkan isu ini diselesaikan sekarang. Di samping itu, kerajaan hendaklah segera mengadakan *engagement* yang serius dengan sektor swasta sehingga mereka menghayati benar-benar saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang disebut *that shared piece and collective prosperity are the true guarantors of national success*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi terus kepada jurang yang melebar. Kita dapat lihat di bawah NPE jurang pendapatan telah melebar semula.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya ada banyak lagi Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Berkaitan dengan akta diskriminasi itu, boleh sedikit?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sedikit sahaja.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang Akta Diskriminasi untuk sektor swasta. Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat, adakah Akta Diskriminasi ini hanya untuk sektor swasta ataupun juga diguna pakai untuk sektor awam di mana ramai juga yang berpendapat bahawa terdapat banyak diskriminasi di sektor awam. Apa pula pendapat Yang Berhormat berkaitan perkara ini?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat bersetujulah supaya ia apabila dilaksanakan, ia secara menyeluruh. Saya telah diberi amaran oleh Tuan Yang di-Pertua kerana masa telah cukup. Walaupun saya ada banyak lagi perkara untuk dibangkitkan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu perkara kalau boleh diizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, silakan habiskan satu perkara.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Baru-baru ini telah dibangkitkan tentang pemilikan tanah rizab Melayu yang semakin merosot pada ketika ini. Sebenarnya menurut wasiat Raja-Raja Melayu, tanah untuk orang Melayu dirizabkan sebanyak 50% setelah ditolak gunung-ganang, hutan simpan dan juga tasik. Malangnya pada masa ini, tanah rizab Melayu hanya tinggal sebanyak 11.99% sahaja kerana telah diambil untuk tujuan pembangunan, prasarana dan sebagainya tetapi tidak diganti pun seperti yang dituntut oleh Perlembagaan Negara dan juga menurut Kanun Tanah Negara. Jadi justeru itu saya menyeru pihak kerajaan supaya memperbetulkan keadaan ini. Saya merayu supaya kerajaan terus mengambil tindakan dengan segera untuk melaksanakan tanggungjawab kita bersama seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara kita.

Pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia sebenarnya kita hanya ada sebanyak 32 juta ekar sahaja, Melayu hanya miliki sebanyak 20% sahaja. Kita takut nanti kita akan menjadi pendatang di negara kita sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam. Selepas itu Yang Berhormat Silam.

4.37 ptg.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Masa kena panjang macam itu ya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sehari sebelum Perdana Menteri membentangkan Bajet 2015, saya telah mencadangkan satu tajuk kepada ucapan bajet beliau sebab saya orang Pulau Pinang, saya orang utara, jadi saya gunakan bahasa utara. Tajuk yang saya cadangkan kepada ucapan bajet beliau ialah, "*Pi mai pi mai tang tu*". Yang tau, tau lah. Mengapa begitu? Ini kerana dalam ucapan bajet dan segala-gala pengumuman kerajaan termasuk tadi saya nampak mukadimah Ahli Yang Berhormat Jasin tadi, semuanya nampak baik-baik belaka. Antaranya pertumbuhan ekonomi kekal 5% hingga 6%, kadar pengangguran rendah, lebih rendah daripada 4% dan Yang Berhormat Senator Menteri Ekonomi kata kita ada guna tenaga penuh, purata gaji isi rumah mencecah RM5,900 sebulan, indeks Bursa Saham Malaysia mencecah 1892.65 mata paling tinggi dalam sejarah Malaysia, pelaburan asing mencecah RM38.7 bilion juga rekod paling tinggi dalam sejarah Malaysia.

Semua ini Tuan Yang di-Pertua secara teknikal mungkin tidak salah tetapi rata-rata rakyat Malaysia dapat menilai bahawa walaupun tidak salah, kenyataan pak-pak menteri termasuklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri langsung tidak mencerminkan situasi sebenar kehidupan rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling besar di sini ialah kerajaan telah keliru antara pertumbuhan ekonomi ataupun *economic growth* dan pengagihan kekayaan ataupun *distribution*. Justeru bajet tiap-tiap tahun termasuklah Bajet 2015 ini walaupun dipenuhi berita baik dan pelbagai bunga-bunga tentang pertumbuhan ekonomi hanyalah sekadar *business as usual* dan tidak membawa apa-apa manfaat besar kepada rakyat biasa. Dalam kata lain, "*Pi*

mai pi mai tang tu". Apabila kerajaan menguar-uarkan pertumbuhan ekonomi, rakyat tertanya-tanya ke mana perginya kekayaan yang dicapai? Mengikuti Jabatan Perangkaan dalam laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui kaedah pendapatan ataupun *GDP by income approach* dengan izin, sejak tahun 2005 hingga tahun 2013, pampasan pekerja merangkumi 31% daripada KDNK manakala keuntungan korporat adalah lebih 65%.

Dalam kata lain Tuan Yang di-Pertua, untuk setiap pendapatan RM100, golongan pekerja mendapat RM31, golongan tauke mendapat RM65. Jika benar ada pertumbuhan pun, nampaknya golongan pekerja masih mendapat bahagian yang kecil daripada kekayaan negara. Perlu diingatkan bahawa RM31 tadi termasuklah gaji mereka yang bergaji tinggi seperti pengarah, pengurus besar, pengurus kanan, *fee allowance*, bonus, komisen kepada pengarah-pengarah bergaji besar. Jadi jika kita ambil keluar, tidak ambil kira mereka yang bergaji tinggi maka peratusan gaji pekerja bawahan dan pertengahan kepada KDNK adalah lebih kecil lagi.

■1640

Bandingkan keadaan ini, pampasan pekerja kita 31% ini kepada negara-negara lain di rantau ini seperti Singapura 41.1%, Korea Selatan 43.7%, Taiwan 46.2% dan Jepun 51.9%. Selain itu, jika kita bandingkan terdapat perbezaan yang amat ketara dalam tahap pembangunan di setiap negeri di Malaysia. Contohnya KDNK per kapita Wilayah Persekutuan adalah lebih kurang RM80,000 manakala KDNK per kapita 13 buah negeri lain di Malaysia ini hanya separuh daripada jumlah tersebut. Sekurang-kurangnya lapan buah negeri di Malaysia mempunyai KDNK per kapita yang kurang daripada KDNK per kapita Malaysia iaitu RM33,000. Negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Kinabatangan Sabah, semuanya mempunyai KDNK per kapita kurang daripada RM20,000 iaitu hanya 25% KDNK Wilayah Persekutuan.

Ini menunjukkan ketidakseimbangan dalam pengagihan pembangunan di Malaysia yang hanya tertumpu di beberapa buah tempat. Justeru, wujud juga keadaan di mana ada jurang pendapatan yang begitu besar sekali. Contohnya purata gaji di Putrajaya adalah lebih kurang RM3,137 sebulan berbanding dengan purata gaji bulanan di Sabah RM1,400, Kelantan RM1,600, Perlis RM1,600, Perak RM1,600, Kedah RM1,700. Dalam kata lain mereka yang ada di Putrajaya gajinya adalah dua kali ganda gaji rakyat di negeri-negeri yang saya sebut tadi. Ini belum lagi dikira pembangunan infrastruktur seperti pengangkutan awam, perkhidmatan internet di mana pada masa kini saya nampak fokus pembinaan jaringan pengangkutan awam seperti bas, LRT dan komuter, semuanya berpusat di Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan mengatakan bahawa purata pendapatan isi rumah sudah pun mencecah RM5,900 sebulan. Namun, terbaru Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah Malaysia 2013 keluaran Ogos tahun ini menunjukkan bahawa purata gaji dan upah bulanan pekerja di Malaysia hanya RM2,052 sahaja dan purata gaji bulanan pekerja wanita, gaji mereka sebulan kurang daripada RM2,000 iaitu kira-kira RM1,900 sahaja.

Gaji pertengahan ataupun median pula ialah RM1,500 sebulan. Ini bermakna 50% daripada pekerja di Malaysia masih mempunyai gaji yang kurang daripada RM1,500 sebulan. Dalam keadaan 50% pekerja Malaysia bergaji kurang daripada RM1,500 sebulan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan, berapa orang dalam setiap

keluarga kena keluar bekerja untuk mencapai gaji isi rumah RM5,900 sebulan yang diuar-uarkan oleh beliau.

Bagi pekerja lepasan pula tidak kiralah *fresh graduate* ataupun sudah kerja beberapa tahun. Purata gaji bulanan adalah RM3,400 manakala 50% daripada pekerja lepasan universiti kita tidak kira *fresh graduate* ataupun sudah kerja beberapa tahun, gaji mereka kurang daripada RM3,000. Saya ulang, 50% daripada pekerja yang ada lulusan universiti di Malaysia mempunyai gaji kurang daripada RM3,000 sebulan. Keadaan penggajian ini jelas menggambarkan bahawa jika adapun pembangunan ekonomi yang diuar-uarkan, ia tidak memerikan impak yang besar kepada kekayaan rakyat secara amnya. '*Pi mai, pi mai tang tu*'.

Fenomena ini Tuan Yang di-Pertua, jelas telah ditunjukkan oleh pakar sarjana dan ekonomi termasuklah cendekiawan pembangunan kontemporari David Harvey sebagai satu masalah ekoran pendekatan *new liberal* dalam pentadbiran ekonomi. David Harvey memberi contoh memetik Laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada pertengahan 1990-an bahawa kekayaan mutlak 358 orang yang paling kaya di dunia adalah bersamaan dengan jumlah pendapatan 45% penduduk paling miskin di dunia iaitu seramai 2.3 bilion orang. Dalam kata lain, kekayaan 358 orang yang paling kaya adalah sama dengan jumlah gaji 2.3 bilion orang yang paling miskin.

Pertumbuhan tanpa pengagihan bukan sahaja mewujudkan ketidakadilan antara individu malah menyebabkan ketidaksamarataan pembangunan geografi seperti yang saya sebut sebelum ini. Menurut Harvey, salah satu penyelesaian kepada keadaan sebegini sudah tentu adalah untuk melaksanakan pendemokrasian yang lebih luas terhadap faktor pengeluaran serta nilai surplus ataupun keuntungan. Dalam kata lain, rakyat perlu mempunyai kata putus yang lebih besar dalam aktiviti penajaan keuntungan dan kemudian bagaimana keuntungan tersebut digunakan. Justeru, daripada mengagihkan beban ekonomi kepada rakyat melalui GST seperti yang dirancang oleh Kerajaan Pusat, Pakatan Rakyat telah mencadangkan agar *capital gains* atau keuntungan terutamanya keuntungan luar biasa dikenakan cukai sebagai satu kaedah mengagihkan nilai surplus ataupun keuntungan kepada rakyat Malaysia agar pertumbuhan ekonomi negara boleh dinikmati bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak sentuh sedikit tentang Kementerian Dalam Negeri. Pertama sekali tentang Polis Diraja Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet beliau berkata bahawa akan ada penambahan seramai 11,757 orang anggota PDRM yang baru. Di sini saya ingin bertanya, di mana 11,757 orang anggota polis ini akan ditempatkan. Kini PDRM mempunyai lebih 141,000 orang anggota dengan 41.4% di Unit Pengurusan dan 26.9% di Unit Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Dua unit terbesar dalam PDRM. Justeru, saya menggesa agar 11,757 orang anggota polis baru ini diserapkan sepenuhnya ke dalam Jabatan Siasatan Jenayah sejajar dengan usaha untuk mencegah dan mengurangkan kadar jenayah di negara kita. Menurut Laporan Suruhanjaya Diraja Polis Tun Dzaiddin, pada tahun 2004 PDRM sendiri telah memohon ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan anggota polis dalam Jabatan Siasatan Jenayah kepada 28,000 orang anggota.

Pada hari ini selepas 10 tahun, Jabatan Siasatan Jenayah hanya ada 16,062 orang anggota. Jika ditambahkan dengan 11,757 orang anggota yang baru tadi pun hanya ada

27,819 orang anggota. Masih belum lagi mencapai *target* yang diset oleh PDRM 10 tahun yang lalu. Akan tetapi saya rasa sekurang-kurangnya ini merupakan penambahan yang memenuhi keperluan Jabatan Siasatan Jenayah seperti yang diperakui PDRM sejak tahun 2004. PDRM perlu diperkasakan agar menjurus kepada usaha mencegah dan melawan jenayah dan bukan kepada melawan suara-suara alternatif yang tidak bersetuju dengan parti pemerintah. Berkaitan perkara ini juga perlu saya ingatkan Yang Berhormat Pekan dan ini bukan cadangan. Ini satu peringatan akan janji beliau kepada rakyat seluruh Malaysia untuk mansuhkan undang-undang warisan penjajah Akta Hasutan 1948 seperti yang disebut beliau sendiri semasa PRU-13. Janji mesti ditepati, jangan pula dicapati.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan lagi dengan Kementerian Dalam Negeri. Terdapat satu bajet dalam kementerian di bawah program khusus iaitu Sistem Biometrik warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional Nexcode atau NERS. Sistem ini diperuntukkan RM100 juta untuk tahun 2015 dan Syarikat NERS diberi konsesi 12 tahun mulai 1 Jun 2011 untuk membekalkan satu sistem dan perkhidmatan merekodkan dan memantau kemasukan warga asing ke Malaysia.

Tahun ini merupakan tahun ketiga projek tersebut dilaksanakan dan mengikut perjanjian selepas tiga tahun, satu audit oleh badan bebas yang dilantik kerajaan hendaklah dijalankan ke atas sistem tersebut. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah bilakah audit ini akan dilaksanakan? Saya juga memohon supaya laporan audit yang dilaksanakan dikemukakan di Parlimen memandangkan sistem ini berkost tinggi serta bertujuan memantau kemasukan orang asing ke Malaysia maka ia amat penting untuk kesejahteraan dan keselamatan negara dan Parlimen berhak tahu tentang keberkesanannya.

Saya juga mendapati satu kemusykilan besar iaitu mengikut Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015 sebanyak 1,386,591 Pas Lawatan Kerja Sementara PLKS telah dikeluarkan pada tahun 2013.

■1650

Ini bukan anggaran, ini angka sebenar. Jadi mengikut Perjanjian Sistem NERS ini kerajaan akan membayar RM50 untuk setiap pas yang dikeluarkan. Maka jumlah bayaran kepada Syarikat NERS sepatutnya ialah RM69.3 juta pada tahun 2013. Namun daripada penelitian saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2013, saya mendapati bahawa kerajaan telah membayar Syarikat NERS sebanyak RM105.2 juta. Mengapa ini terjadi? Mengapa ada jurang perbezaan kos tersebut sebanyak RM35.9 juta? Adakah ini terlebih bayar ataupun ada bayaran-bayaran yang lain yang tidak diumumkan kepada orang ramai? Ataupun Tuan Yang di-Pertua, lebih menakutkan lagi terdapat lebih kurang 718,000 pendatang asing yang telah terlepas daripada rekod Jabatan Imigresen walaupun pas sudah dikeluarkan dan wang sudah dibayar kepada Syarikat NERS.

Ini merupakan satu perkara yang amat serius kerana tidak kiralah terlebih bayar RM35.9 juta ataupun terlepas rekod 718,000 pendatang asing, ia mencerminkan kegagalan sistem masa kini yang telah menelan belanja berbilion ringgit untuk memantau kemasukan warga asing ke Malaysia. Saya khawatir Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini merupakan antara faktor yang telah menyumbang kepada kemerosotan kedudukan Malaysia dalam indeks pemerdagangan orang ataupun *human trafficking index* dengan izin di mana kini Malaysia telah

diturunkan kepada tahap tiga tahap yang paling rendah dalam Laporan Pemerdagangan Orang 2014 oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat. Jadi di sini saya ingin memohon kementerian memberikan penjelasan menyeluruh tentang isu ini.

Ketiganya saya hendak sentuh sedikit tentang hal ehwal wanita. Walaupun pada tahun ini bajet kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meningkat sebanyak RM88.2 juta untuk tahun 2015, saya merasa amat hairan dan pelik melihat pengurangan bajet untuk dua program yang amat penting. Saya rasa Yang Berhormat Parit Sulong akan bersetuju dengan saya iaitu Program Vaksinasi HPV dan subsidi mamogram. Masing-masing telah diturunkan daripada RM10 juta kepada RM1 juta iaitu pengurangan sebanyak 90% bagi setiap program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bulan ini bulan Oktober ialah bulan kesedaran kanser payudara. Saya sendiri telah menghadiri pelbagai program yang dilaksanakan di kawasan saya. Mengikut satu kenyataan oleh wakil *National Cancer Society of Malaysia*, "*Lebih 5% wanita di Malaysia mengalami kanser payudara dan angka ini dijangka akan meningkat.*" Ia juga menyatakan bahawa pengesanan awal akan memberikan peluang yang tinggi dan cerah untuk sembuh dan kaedah terbaik bagi pengesanan awal ialah mamogram dan kombinasi pemeriksaan sendiri dan *clinical*.

Kanser serviks pula merupakan kanser kedua paling kerap di Malaysia. Faktor keempat paling tinggi penyebab kematian di kalangan wanita di Malaysia. Vaksinasi HPV boleh mencegah sesetengah kanser serviks tersebut. Dalam keadaan peningkatan penyakit kanser payu dara dan keadaan serius kanser serviks apakah mesej Perdana Menteri mengurangkan perbelanjaan untuk program-program pencegahan faktor maut wanita ini secara mendadak sehingga 90%? Adakah ini bermakna apabila kerajaan terpaksa ikat perut bajet untuk keselamatan, kesejahteraan dan kesihatan wanita akan terdahulu dipotong? Adakah ini juga bermakna keselamatan, kesejahteraan dan kesihatan wanita langsung tidak menjadi agenda penting dalam pentadbiran kerajaan?

Saya mohon Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kini sudah hampir setahun bertugas sebagai Menteri untuk melaksanakan tugas beliau dan menginsafkan Perdana Menteri tentang perkara ini lalu mengembalikan bajet untuk vaksinasi HPV dan program mamogram. Saya berharap Ahli Yang Berhormat Parit Sulong juga boleh menyokong cadangan saya ini.

Satu lagi perkara yang saya nampak saban tahun Tuan Yang di-Pertua, untuk wanita kita sokong ya. Saban tahun Tuan Yang di-Pertua, tiada perbincangan tentang jenayah seksual yang melanda negara kita. Mengikut laporan NGO wanita terdapat 100 orang wanita yang dirogol setiap hari. Ini bermakna seorang wanita akan dirogol, menjadi mangsa rogol di Malaysia setiap 15 minit. Satu statistik yang menyayat hati dan menimbulkan kemarahan. Pada bulan Mei 2014 yang lalu, negara dikejutkan dengan tragedi rogol perempuan berumur 15 tahun oleh 30 orang lelaki di Ketereh, Kelantan. Apa sudah terjadi dengan rancangan kerajaan untuk melaksanakan Akta Pendaftaran Penjenayah Seksual?

Cadangan ini sudah pun dicanang sejak 2007 oleh PDRM dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Namun malangnya sehingga sekarang sudah tujuh tahun, rang undang-undang pun kita belum nampak lagi. Jadi saya mohon supaya

Menteri berkenaan mengambil perhatian tentang hal ini. Saya sendiri menawarkan diri saya untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa perancangan agar kementerian boleh segera membentangkan Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Penjenayah Seksual, rang undang-undang yang amat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pendidikan awal kanak-kanak. Jumlah peruntukan kepada hal ehwal pendidikan awal kanak-kanak saya telitikan mencecah hampir separuh bilion ringgit dalam bentuk peruntukan kepada pelbagai agensi dan program. Ini menunjukkan pengiktirafan kerajaan terhadap pentingnya intervensi awal dalam pendidikan anak-anak kita. Walau bagaimanapun saya hendak bertanya Dewan yang mulia ini, siapakah dia pengasuh dan pendidik paling awal bagi anak-anak kecil kita. Jawapannya sudah tentulah ibu bapanya. Terutamanya dalam budaya kita perempuan yang bekerja sepenuh masa di rumah menjaga keluarga, menjaga anak, menjaga warga emas, menjadi suri rumah tangga.

Namun, saya nampak dalam bajet tiada sebarang insentif kepada ibu sepenuh masa ataupun suri rumah sepenuh masa untuk terus melaksanakan tanggungjawab berat mereka tersebut. Ada bajet untuk bagi mereka yang ingin pulang ke pasaran kerja tetapi jika seseorang wanita tersebut memilih untuk berkerjaya di rumah sebagai suri rumah tangga maka tiada apa-apa pengiktirafan terhadap sumbangan mereka. Saya telah sarankan sejak bajet lepas supaya kerajaan melaksanakan manifesto Pakatan Rakyat, Skim Caruman Sosio Wanita bagi golongan wanita yang memilih untuk berkerjaya sepenuh masa menjadi suri rumah tangga agar masa depan mereka terjamin. Saya harap kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Pekan mengambil serius cadangan ini.

Akhir sekali saya hendak sebut sedikit isu di kawasan saya satu isu yang penting iaitu tentang banjir, fenomena banjir. Dalam Bajet 2015 ini, hampir RM1 bilion telah diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah banjir di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sebelum ini saya pun sudah bertanya soalan tentang projek-projek rancangan tebatan banjir dan projek-projek mendalamkan sungai di kawasan Bukit Mertajam dan sungai-sungai di sekitarnya seperti Sungai Juru, Sungai Junjung, Sungai Prai, Sungai Kulim dan lain-lain lagi. Projek-projek mencegah banjir ini telah dijanjikan sejak RMKe-9 dan RMKe-10 dan kini kita sudah sampai ke penghujung RMKe-10 tetapi batang hidung projek pun belum nampak lagi.

Masyarakat di Bukit Mertajam masih lagi mengalami kejadian banjir. Keadaan banjir kilat sering berlaku akibat infrastruktur perparitan dan saluran yang tidak memadai serta taburan hujan yang agak tinggi baru-baru ini. Jadi saya pohon supaya sebahagian bajet RM1 bilion ini digunakan pada tahun depan. Jangan tangguhkan lagi untuk projek mencegah banjir di Bukit Mertajam dan di Pulau Pinang.

Selain itu, saya juga menyeru agar kementerian mengkaji semula garis panduan perparitan dan saluran untuk pembangunan. Contohnya keupayaan *storm water holding* dinaikkan ke 50 malah 100 ARI terutamanya di kawasan bandar yang dijangka akan mengalami pembangunan yang pesat. Garis panduan ini patut diselaraskan mengikut keperluan pembangunan di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja ucapan bahas saya. Saya mohon kerajaan mengambil serius apa yang saya bangkitkan, apa yang kami bangkitkan terutamanya di pihak

pembangkok kerana jangan asyik kerajaan memberikan rakyat bajet *pi mai, pi mai, tang tu*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada bangun, sudah habis ya. Yang Berhormat Selayang.

■1700

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan tujuh strategi dalam bajet ini yang dipanggil bajet ekonomi keperluan rakyat.

Salah satu strateginya ialah memantapkan tadbir urus fiskal. Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan defisit fiskal akan melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan atau GST mulai bulan April 2015 dan melaksanakan rasionalisasi subsidi terutamanya petroleum. Malangnya, selain daripada tindakan ini, kerajaan tidak mengambil tindakan lain untuk menangani punca masalah defisit fiskal. Meningkatkan pendapatan negara melalui GST dan menjimatkan wang dengan menarik balik subsidi tidak berguna tanpa menyelesaikan punca sebenar ketelusan pembaziran, kelemahan pengurusan dan budaya menganugerahkan projek tanpa tender. Inilah yang menyebabkan perbelanjaan kerajaan melambung tanpa kawalan.

Tanpa pengurusan kewangan yang cekap dan efektif, apa-apa cara untuk menaikkan pendapatan hanya merugikan rakyat kerana duit lebih terjana akhirnya terbazir begitu sahaja dalam sistem yang penuh kebocoran dan tidak akan membawa manfaat kepada ekonomi negara. Jangan kerana kelemahan pentadbiran kerajaan, rakyat dianiayai secara berganda dengan menarik balik subsidi daripada program rasionalisasi subsidi dan kemudian dipaksa membayar lebih untuk barangan keperluan melalui GST.

Oleh sebab tidak ada tindakan yang diambil kepada mereka yang terlibat dalam penyelewengan, ketirisan, pembaziran dan menyalahgunakan kuasa atau mereka dilepaskan, hakikatnya, rakyat memikul beban dan menanggung kerugian ini. Ini merupakan apa yang dipanggil, orang lain makan nangka, orang lain terkena getahnya. Siapa mereka yang telah memakan nangka? Memang mereka yang telah mendapat projek mega, mereka yang mendapat projek penswastaan. Apabila ekonomi baik, mereka mengaut keuntungan besar dan apabila ekonomi rumit atau mengalami kerugian, projek diserahkan semula kepada kerajaan untuk ditanggung.

Contohnya banyak. Daripada Perwaja ke PKFZ, syarikat-syarikat seperti Axiata, dahulu Celcom, PLUS Expressway, Union Group, Union Builders, Time.Com dan banyak lagi. Antaranya syarikat Kuala Lumpur LRT Putra dan Star yang hendak diambil alih oleh Syarikat Prasarana Nasional Malaysia dan akibatnya kerajaan yang telah memberi jaminan... Jumlah jaminan yang diberi oleh kerajaan kepada PLUS ialah RM11 bilion, Syarikat Prasarana Negara Berhad sebanyak RM11.94 bilion, jaminan untuk Khazanah Malaysia Berhad sebanyak RM18.7 bilion, dan jumlah jaminan kerajaan mengikut penyata kewangan Kerajaan Persekutuan 2013 ialah sebanyak RM768.4 bilion dan ini jauh lebih tinggi daripada hutang awam sebanyak RM540 bilion.

Baru-baru ini juga kita telah mengadakan sekali lagi *bailout* kepada MAS. Ini adalah kali ketujuh dan jumlah wang yang akan diberikan ialah RM6 bilion. Kita tahu kerugian MAS bukan disebabkan tragedi MH370 atau MH17. Kemerosotan telah bermula semenjak kawalan

MAS dijual kepada Tajudin Ramli dan akhirnya kerajaan hendak membeli balik saham dengan harga RM8 yang lebih tinggi daripada harga pasaran dan MAS berhutang RM9 bilion. Walaupun Danaharta mendapat penghakiman atas tuntutan sebanyak RM538 juta terhadap Tajudin Ramli, Danaharta melepaskan Tajudin Ramli. Saya telah melihat jawapan yang telah diberikan untuk pelan menyelamatkan MAS tetapi saya tidak melihat apa yang berbeza daripada pelan yang terdahulu. Jika kerajaan tidak dapat menangani masalah kos operasi terutamanya kos bekalan seperti katering, nampaknya RM6 bilion akan dibazirkan sekali lagi.

Antara mereka yang memakan nangka adalah mereka yang memiliki kontrak penjana kuasa bebas atau IPP. Mengikut laporan bertajuk, "Bekalan gas di Semenanjung Malaysia dan cabarannya", Petronas berkata mereka telah mengalami kerugian dengan *profit foregone* sebab harga ditetapkan oleh kerajaan dengan izin, *regulated gas pricing*. Dari tahun 1957 sehingga 31 Disember 2013, jumlah *profit foregone* oleh Petronas ialah RM199.9 bilion. Dari 1 Januari 2013 sehingga suku tahun ketiga tahun 2013 ialah RM20.29 bilion.

Petronas diwajibkan menjual gas mengikut harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Dari 1 Mei 1997, harga jualan kepada sektor kuasa iaitu TNB dengan IPP ialah RM6.40 per *million British thermal unit* sedangkan untuk sektor bukan kuasa dan gas Malaysia mengikut harga kontrak. Pada Oktober 2002, harga jualan kepada sektor kuasa kekal RM6.40 walaupun harga telah naik kepada sektor bukan kuasa RM11.32 dan gas Malaysia RM9.40. Pada 1 Julai 2008, harga jualan kepada sektor kuasa hanya RM14.31 bila harga kepada sektor bukan kuasa ialah RM32.56 dan gas Malaysia RM24.54. Pada 1 Jun, harga kepada sektor kuasa ialah RM13.70 bila harga kepada sektor bukan kuasa ialah RM18.35 dan gas Malaysia RM14.05.

Petronas juga hendak membayar pampasan kepada sektor kuasa sebanyak RM538.5 juta pada suku akhir tahun 2012 kepada sektor kuasa kerana tidak dapat membekalkan gas dan sektor ini hendak mengimport dan menggunakan bahan api yang lebih mahal untuk menjana elektrik. Ramai di dalam bidang perusahaan tempatan menunggu kontrak IPP ditamatkan pada tahun 2015 kerana 50% daripada bekalan telah diberikan kepada sektor kuasa dan perusahaan tidak dapat memenuhi permintaan mereka. Walaupun bekalan gas tidak mencukupi, kita melihat bahawa 1MDB telah membeli IPP, contohnya ialah Tanjong Energy Holding Sdn Bhd daripada Ananda Krishnan pada Mac 2012 dengan harga RM8.5 bilion dan dari Genting dengan harga RM2.33 bilion. 1MDB akan membuat IPO dengan menyenaraikan di Bursa Malaysia aset penjana kuasa dengan jumlah RM11 bilion.

Oleh sebab kerajaan telah berkata kerajaan sangat komited untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi, mengapa kerajaan tidak memberhentikan subsidi gas kepada IPP? Mengapa kerajaan terus mengadakan *regulated pricing*, harga jualan kepada sektor kuasa? Bagaimana perusahaan dan ekonomi Malaysia mendapat pertumbuhan kalau kita meneruskan dengan subsidi kepada kontraktor-kontraktor IPP?

Oleh sebab itu, kita kata, lain orang makan nangka, lain orang terkena getah. Siapakah yang terkena getah? Memang rakyat yang didera. Mengikut laporan ekonomi tahun 2014/2015, kadar inflasi telah meningkat kepada 3.3% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2014.

■1710

Pada masa yang sama untuk tahun 2013, kadar inflasi hanya 1.7%. Kadar inflasi naik sebab rasionalisasi subsidi dilaksanakan pada September 2013 diikuti oleh kenaikan tarif

elektrik pada Januari 2014 dan baru-baru ini kita melihat RON95 telah naik hingga RM2.30. Ini juga akan menyumbang kepada tekanan inflasi.

Tentang GST, bila Australia melaksanakan VAT mereka, Kerajaan Australia membelanjakan untuk empat tahun pertamanya, apa yang telah dikutip oleh GST dan juga membelanjakan tambahan Australia USD7 bilion. Perbelanjaan ini adalah untuk memantau bahawa harga tidak dinaikkan oleh peniaga-peniaga.

Saya telah mengkaji bajet terutamanya bajet Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan saya tidak melihat apa program yang akan dilaksanakan tentang *Anti-Profiteering Act* untuk mengawal bahawa harga tidak dinaikkan yang tidak sepatutnya oleh peniaga-peniaga. Akhirnya kenaikan kos sara hidup berlaku. Mengikut laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan, purata perbelanjaan isi rumah telah meningkat sebanyak 12.1% daripada RM1,953 sebulan pada tahun 2004 kepada RM2,190 sebulan pada tahun 2010.

Bila banding dengan tahun 1993 kenaikan purata perbelanjaan bulanan isi rumah telah meningkat 88.6%. Empat bahan utama iaitu perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api naik 102%. Pengangkutan naik 94.6%, restoran dan hotel naik 64.8% serta makanan dan minuman bukan alkohol naik 60.9%. Bila kita membandingkan kadar pertumbuhan pendapatan iaitu hanya 8.1% berbanding dengan kenaikan perbelanjaan 12.1% dan hutang isi rumah pada tempoh yang sama naik 13%. Ini jelas bahawa kenaikan pendapatan tidak seimbang dengan kenaikan perbelanjaan dan rakyat terpaksa meminjam untuk menampung kenaikan kos sara hidup.

Nisbah hutang isi rumah keluarga Malaysia kepada pendapatan berbelanja atau *disposable income* pada kadar 140% adalah antara yang tertinggi di dunia. Bahagian hutang yang terbesar adalah pinjaman perumahan diikuti oleh pinjaman kenderaan, kad kredit dan hutang persendirian. Keputusan kerajaan untuk menaikkan barang asas seperti minyak akan menjerumuskan banyak keluarga Malaysia kepada paras kemiskinan. Oleh yang demikian saya merayu kepada kerajaan jangan terlepas pandang kepada kumpulan pendapatan pertengahan kerana mereka adalah golongan yang tertekan.

Perumahan atau perumahan mampu milik adalah masalah yang terbesar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pembinaan 80 unit PR1MA, ini adalah tambahan 80,000 unit yang diumumkan pada bajet tahun lalu. Harga yang patut ditawarkan adalah antara RM100,000 sehingga RM350,000. Akan tetapi kita melihat selepas satu tahun masalah yang sama berlaku. Pertamanya harga di kawasan bandar adalah lebih daripada RM350,000 sehingga RM450,000. Memang penduduk tidak mampu untuk membeli kerana pendapatan medium hanya RM3,626. Maknanya mereka hanya mampu untuk membeli rumah antara harga RM150,000 sehingga RM200,000.

Kedua ialah masalah untuk mendapat pinjaman daripada bank untuk membiayai pembelian. Untuk menangani masalah harga, saya meminta Kerajaan Pusat berbincang dengan kerajaan negeri terutamanya Pulau Pinang dan Selangor, saya percaya Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Gombak akan memberikan kerjasama untuk menyelesaikan masalah tanah demi kebaikan rakyat. saya juga bercadang kepada kerajaan mewujudkan institusi khas untuk memberikan pinjaman rumah mampu milik kerana bank

komersial tidak dapat meneruskan pinjaman dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara seperti garis panduan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab dan telah berkuasa dari 1 Januari 2012.

Saya juga meminta kerajaan untuk memberikan penjelasan pertamanya ialah mengapa PR1MA telah masukkan *joint venture* dengan pemaju swasta? Ini akan bererti bahawa harga rumah akan menjadi lebih mahal kerana pemaju swasta akan mencari keuntungan.

Kedua ialah harga rumah telah naik dari RM350,000 kepada RM450,000 dan kita sudah tahu bahawa ini adalah satu harga di mana pemilik tidak mampu untuk membayar. Ketiga ialah mengapa hanya 40% tanah digunakan untuk rumah mampu milik dan baki digunakan untuk bangunan komersial?. Apakah sebab mereka yang telah memiliki rumah dibenarkan membeli rumah PR1MA?

Saya juga hendak menyentuh tentang strategi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi kerana kita ada satu cabaran tentang pendidikan dan mengikut laporan *World Bank Economy Monitor* pada Jun 2014 sebanyak 60% penganggur di Malaysia adalah antara umur 20 sehingga 24 tahun. Sebanyak 25% adalah berijazah. Masalahnya adalah mereka tidak ada *soft skills*. Dalam kajian yang dikendalikan oleh *World Bank* dan *TalentCorp*, responden telah berkata 47% graduan tidak boleh bekerja berdikari, *inability to work independent* dengan izin. Sebanyak 49% tidak ada *skill* untuk dengan izin *problem solving*, sebanyak 51% dengan izin *lack analytical skill*, sebanyak 56% *lack creative* atau *critical thinking*, sebanyak 81% *lack communication skill*.

Negara tidak akan mencapai matlamat untuk bersaing dengan sektor perkhidmatan dan kita tidak akan menjadi negara maju dengan pencapaian tertinggi kalau masalah ini tidak dapat dimenangi. Kerajaan juga hendaklah menangani kekangan kepada perusahaan terutamanya kita tidak dapat melonjak daripada perusahaan kos rendah kepada perusahaan nilai tinggi kerana kita mengadakan masalah *hollowing of* di mana perusahaan telah dipinda ke negara China, Vietnam dan negara-negara lain.

Kita telah mengadakan satu dasar sementara iaitu membenarkan pekerja asing untuk bekerja di sini. Akan tetapi ini bukan satu langkah untuk tempoh masa panjang dan kita hendaklah mengadakan satu dasar untuk menangani masalah ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita ada harapan. Kalau kita lihat dengan bajet alternatif 2015, Pakatan Rakyat telah menunjukkan bahawa kalau kita membuat *reform* menghapuskan rasuah dan ketirisan, jumlah wang yang boleh diijamatkan adalah sebanyak RM11.8 bilion dan ini hanya sepuluh sen daripada setiap ringgit perbelanjaan.

■1720

Kami di sebelah Dewan ini yakin dengan keazaman politik, Malaysia mampu menjimatkan sekurang-kurangnya 10% daripada perbelanjaan perbekalan dan perkhidmatan dengan melaksanakan model perolehan sebagaimana yang dicadangkan oleh *Open Government Partnership*.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ada sumber, kita juga ada bakat. Sebanyak 60% bahan yang dikeluarkan diguna pakai oleh negara di dunia. Kita adalah pengeluaran perusahaan utama di dunia untuk semikonduktor, barangan elektrik dan elektronik. Malaysia

juga dinamakan lokasi perusahaan pertama di dunia oleh Cushman dan Wakefield. Kita ada orang yang berbakat seperti Jimmy Choo, Bernard Chandran, Zang Toi, *inventor pen drive* – Pua Khein Seng, kartunis Lat, pengarah Allahyarhamah Yasmin Ahmad, arkitek Hijas Kasturi, kita ada bakat, kita ada sumber. Masalahnya ialah kita tidak ada pentadbiran yang dapat menangani rasuah, penyelewengan, ketirisan, pembaziran dan penyalahgunaan kuasa. Oleh sebab itu, saya merayu kepada kerajaan untuk mengkaji semula tentang langkah-langkah yang diambil daripada masa ini menderakan rakyat kerana ada alternatif yang lain.

Akhirnya saya hendak mengucapkan terima kasih tentang mengadakan MRT di Selayang ke Putrajaya. Ini memang akan membantu penduduk di Selayang. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang.

5.22 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Bajet 2015.

Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat menitikberatkan keperluan rakyat dalam menyalurkan pendapatan negara untuk membantu keperluan rakyat. Hasil pendapatan ini dapat disalurkan kepada pembangunan sama ada dari segi ekonomi, pembangunan fizikal, modal insan mahupun sosial. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun membentangkan satu bajet yang begitu komprehensif, yang memberi tekanan kepada keperluan rakyat.

Saya hanya akan mengutarakan beberapa perkara iaitu tentang GST ini. Jadi kita sedia maklum bahawa GST akan membawa banyak kebaikan dalam ekonomi negara, saya menyokong pelaksanaan ini. Namun ada beberapa perkara yang saya mahu kerajaan laksanakan serta dititikberatkan terutamanya dalam pelaksanaan dari segi penguatkuasaan yang baik. Integriti kerajaan dalam melaksanakan GST kelak dalam senario ketirisan serta pengurusan kewangan yang lemah, begitu telah pun dilaporkan dalam Audit Negara. Saya berharap tindakan undang-undang yang tegas hendaklah diambil di atas sebarang salah laku dan memerlukan penguatkuasaan oleh pihak berwajib telus serta jujur dalam membuat pemantauan.

Pencerahan secara proaktif dalam membuat *road show* di setiap bandar, daerah dan negeri haruslah diperkasakan. Agar setiap lingkungan rakyat dapat memahami apa itu GST, mekanisme serta manfaatnya. Rakyat perlu di – atau pengguna perlu diberikan ilmu tentang pelaksanaan GST ini. Peniaga juga turut diterangkan dengan terperinci tentang pelaksanaan teknikal GST itu sendiri supaya tiada pihak yang mengambil kesempatan dan apabila GST itu dilaksanakan nanti pada April 2015, *insya-Allah*. Kita mahu pihak berwajib harus memantau dengan aktif setiap perniagaan agar tiada kes mereka yang menaikkan harga barangan sesuka hati akibat pelaksanaan GST ini.

Saya ingin hendak memberi gambaran sebagaimana tadi dibawa oleh Yang Berhormat Selayang, iaitu semasa pelaksanaan di Australia. Pelaksanaan GST pada tahun – *the first four years* dengan izin, Julai 1999 sehingga Jun 2002 dengan izin. Langkah ini telah dibuat oleh negara Australia dengan izin, *provided information and education, publication, website, call centre* dan sebagainya. Apabila pelaksanaan dibuat, *the monitored prices and investigated complaints* sebagai bayangan kepada masyarakat Australia yang mempunyai literasi yang tinggi.

Sebanyak 51,000 komplain dalam masa empat tahun. Di mana 7,000 telah pun di – *were investigated, mostly supermarket and fuel outlets. Refunds, obtain of AUS\$21 million for 2 million consumers.* Sebelas – *eleven court proceedings and 55 impossible undertakings penalties of up to AUS\$10 million per offense,* begitu tegas sekali kerajaan mereka mengambil tindakan. Jadi kita berharap kita juga melihat apa yang patut untuk memastikan semua pihak terutamanya peniaga-peniaga dan mereka tidak ambil kesempatan apabila GST ini dilaksanakan terutamanya kepada rakyat kita.

Keduanya saya ingin menyentuh sedikit tentang rasionalisasi subsidi minyak ini. Saya hanya menyentuh tentang di Sarawak iaitu golongan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam khususnya kepada pengusaha teksi. Mereka menyifatkan kenaikan minyak 20 sen ini sebagai satu yang membebankan. Mereka juga menyedari bahawa menaikkan tambang itu bukan satu penyelesaian. Semakin tinggi tambang, orang tidak naik teksi. Jadi mereka yang sebenarnya ingin saya menyampaikan iaitu supaya mereka merayulah kepada kerajaan, Kementerian Kewangan untuk melihat bagaimana kita hendak membantu terutamanya teksi-teksi yang menggunakan petrol.

Seterusnya saya ingin hendak menyentuh tentang Borneo Mart yang telah pun dilancarkan di Sabah dan Sarawak. Saya tahu Kementerian KPDNKK sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat tidak kira sama ada dari golongan peniaga mahupun pengguna. Kita bergerak selangkah lagi dengan diperkenalkan inisiatif untuk mewujudkan kedai runcit dengan harga murah menggunakan jenama Borneo Mart. Saya tahu ia telah pun dilancarkan, sebuah di Sabah dan di Sarawak juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di Sandakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ya, di Sandakan. Jadi Borneo Mart ini yang sebenarnya adalah satu kaedah – kita bukannya hendak bersaing dengan Kedai Rakyat 1Malaysia, tetapi hanya Kedai Rakyat 1Malaysia lokasinya itu mungkin kadang-kadang di bandar dan sebagainya. Tidak semua penduduk di luar bandar dapat akses kepada Kedai Rakyat 1Malaysia itu. Jadi Borneo Mart ini, saya melihat haruslah dipertingkatkan. Ia diletakkan di pinggir-pinggir bandar dan di luar bandar. Jadi di sana mereka menjadi sebagai yang – merekalah menjadi peruncit kepada barang-barang kawalan dan saya ingin menyebut kalau boleh mereka juga diberi peluang menjadi *transporter* untuk minyak ini, untuk subsidi di luar bandar *on the transportation*.

Oleh sebab bukan apa, hari-hari ini sudah berapa tahun dibuat, kita mengakui memang ada juga ketirisan. Kadang-kadang ada yang sampai saya terima aduan. Satu hantar tempat 'A', satu tempat 'B'. Zon berlainan tetapi seberang jalan sahaja. Jadi ini kadang-kadang apabila

orang ambil minyak untuk dihantar keluar bandar, kalau dia sendiri yang mengeluarkan, dia penjual minyak. Jadi mungkinlah senang mereka buat bil berapa sahaja hendak *claim*, takutlah *claim* angin. Jadi mungkin dengan adanya Borneo Mart ini tadi, mereka terpaksa mereka mengambil minyak daripada *not the same person*lah *supplying* minyak dan juga yang mengedarkan ke kampung-kampung, mengeluarkan resit sendiri. Jadi itu kita berharaplah. Itu dari segi Borneo Mart.

Satu perkara lagi ialah melalui inisiatif ini, apa yang kementerian buat iaitu Borneo Mart ini adalah dengan menggabungkan program-program seperti yang saya sebutkan tadi ya. Ditambah lagi dengan keunikan faktor tempat di Sabah dan Sarawak. Dengan Borneo Mart ini kita akan mewujudkan satu pakej lengkap bagi membolehkan kedai runcit tersebut dapat menjual barangan pengguna pada harga yang lebih murah atau hampir sama dengan di sini, di Semenanjung. Jadi apa yang pasti melalui Borneo Mart ini peniaga akan dapat menjual barangan bersubsidi pada harga kawalan kerajaan dengan margin keuntungan yang lebih baik.

■1730

Seterusnya, saya ingin hendak menyentuh berkaitan dengan Pan Borneo. Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Menteri Kewangan kerana telah pun mengumumkan pembinaan untuk Pan Borneo ini.

Jadi, adalah saya dengar tempoh hari kata-kata mengatakan ini sudah dua, tiga tahun, dah berapa kali. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya penaiktarafan Pan Borneo ini sudah berlaku, bukannya baru semalam, bukannya baru ini. Akan tetapi hanya ia dibuat secara *piecemeal*, bukannya secara satu sebab saya bercakap begini sebab tempat saya sedang dibuat sekarang. Ini sudah bermula dua tahun lepas, penaikan taraf ini dan saya tahu di selatan Sabah pun ada.

Oleh sebab itulah saya tahu ia telah pun berlaku yang sebenarnya. Akan tetapi, kita berharaplah dengan peruntukan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermakna kalau adalah kata orang untuk 900 lebih kilometer di Sarawak dan 600 lebih kilometer di Sabah ini iaitu sebab saya kalau di Sarawak, kalau 900 lebih kilometer itu daripada Lundu ke Miri sahaja. Belum masuk Limbang lagi dan Lawas. Jadi sekarang, penaikan taraf di Limbang dan di Lawas itu sekarang adalah membesarkan, melebarkan *carriageway* yang sedia ada. Jadi kalau boleh, kami di sana minta juga supaya memastikan supaya kami juga di sana tidak akan ketinggalan dalam pembinaan *dual carriageway* ini untuk kawasan di Limbang dan Lawas ini juga dalam penaikan taraf itu.

Satu lagi ialah tentang di kawasan saya juga iaitu tentang projek luar bandarlah, iaitu tentang bekalan air yang saya ingin hendak sentuh *major* projek yang belum siap lagi iaitu menyambung daripada Simpang Ukong ke *sub district* Nanga Medamit, JKR sudah *estimate* dalam lebih kurang 11 juta sahaja. Jadi kalau boleh, ingin menjadi keutamaan sebab di *sub district* itu ada sekolah, ada pejabat-pejabat kecil kerajaan, ada bandar baru kecil, jadi kita mengharapkan bekalan air luar bandar ini disambung. Sudah buat tetapi kita mengharap ini diteruskan lagi sampai ke *sub district* Nanga Medamit.

Di samping itu juga, bahagian jalan raya kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan walaupun sebelum ini saya suarakan tentang projek terbengkalai. Rupa-rupanya *alhamdulillah*, sudah dua minggu ini *re-tender* sudah siap, hendak dimula balik. Kita berharap

fasa keempat Jalan Telahap, Meritam, Telahap, Bung Abai fasa empat akan diteruskan dalam pakej tersebut supaya jalan tersebut akan memberi makna mencapai matlamat sasarannya iaitu untuk membuka tanah-tanah di bahagian pedalaman itu. Supaya ia dapat dimanfaatkan di samping untuk sebagai jalan raya alternatif kepada rakyat di pinggir sungai, lebih kurang dekat 2,000 orang. Pada masa ini pun mereka boleh tetapi ia sangat jauh untuk sampai ke pekan melaluinya tetapi dengan adanya fasa empat itu dalam program ini maka *insya-Allah* ia akan memudahkan, menjadi laluan alternatif kepada rakyat di pinggir sungai untuk sampai ke Pekan Limbang.

Seterusnya, saya ingin hendak menyentuh tentang menaik taraf di Universiti Malaysia Sarawak. Dalam Bajet 2015 yang telah pun dibentangkan Jumaat lalu, dalam bidang pendidikan sebanyak RM450 juta diberikan kepada sekolah kebangsaan, RM50 juta kepada SJK(C) dan SJK(T), sekolah mubaligh, sekolah asrama penuh, MRSM, sekolah agama bantuan kerajaan dan sebagainya.

Jadi kita berharap, pada 18 September lepas, Yang Amat Berhormat Perdana menteri telah pun mengumumkan pembinaan hospital pengajar bagi UniSZA atau Universiti Sultan Zainal Abidin di Terengganu, sebuah universiti yang sangat baru dalam menawarkan program perubatan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Alhamdulillah, ini sebagai satu kemajuan lagi. Akan tetapi hanya sedikit, terus teranglah apa hendak dinafikan, kita tersingkirah sedikit di Sarawak. Tersingkirnya bukan apa, kita bukan hendak minta macam Robin Hood, rampas sini bagi orang miskin, tidak. Yang mana dibuat, buatlah, *alhamdulillah*. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS adalah yang keempat ditubuhkan pada tahun 1995 selepas Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains Malaysia. Kesemuanya ada hospital pengajar dan telah menawarkan program perubatan selama 20 tahun.

UNIMAS juga telah menghasilkan hampir 1,000 orang doktor dan beberapa pakar dalam bidang tertentu serta juga telah melahirkan hampir 300 jururawat terlatih di peringkat ijazah dan UNIMAS juga satu-satunya universiti di Sarawak yang menawarkan program perubatan. Buat masa ini para pelajar dilatih di beberapa hospital di negeri Sarawak, di merata-rata negeri Sarawak dengan kos yang tinggi seperti di Serian, Sibul, Bintulu dan saya difahamkan juga sampai ke utara di Hospital Miri. Hendak pergi Hospital Limbang, kecil sangatlah. Tak apa, kena pakai pasport lagi. Mungkin sebab itu tak sampai Limbang. Keputusan kerajaan sekarang adalah agar UNIMAS berkongsi dengan Kementerian Kesihatan pula iaitu Hospital Petrajaya yang sedang dalam pembinaan. Akan tetapi saya rasa UNIMAS memerlukan sebuah hospital pengajar yang khusus dan adalah wajar untuk UNIMAS diperuntukkan sebuah hospital pengajar atas sebab disebut di atas serta keperluan mendesak negeri Sarawak yang tiada hospital pengajar yang boleh mendatangkan manfaat bukan hanya Sarawak, tetapi Sarawak dan Sabah, Malaysia Timur. Untuk menyediakan kemudahan perubatan dan khidmat kesihatan latihan yang sama tarafnya dengan universiti-universiti lain.

Kita tahu, kelebihan hospital pengajar ini, mereka adalah tempat orang belajar dan pastinya akan mendapat prioriti untuk mendapatkan peralatan-peralatan, perantian-perantian

yang canggih. Itulah kelebihanannya, lainlah kalau hanya berlatih di hospital-hospital yang saya tahu kadang-kadang kita dengar, *internship* pun kompelin, tak tahan. Macam ada satu *student* belajar dekat Ireland, buat *housemanship* sana dengan dekat kita di Kuching, separuh nyawa dia kata, berbeza. Jadi manalah ada masa untuk kita hendak menumpukan, *on specialize in something*, dengan peralatan perantian yang canggih-canggih.

Jadi mungkin *insya-Allah*, dengan kita berharap kerajaan menimbang dan melihat perkara ini supaya UNIMAS dapat diberikan sebuah hospital pengajar untuk Sabah dan Sarawak khususnya, Malaysia Timur. Saya tahu UMS belum adalah. Saya mintalah kepada kerajaan melihat perkara ini. Satu lagi ialah tentang *technical vocational education* ini. saya perhatikan keperluan *technical vocational education* ini di masa hadapan adalah penting dan signifikan bagi negara untuk mencapai Wawasan 2020. Saya menyokong peruntukan dalam Bajet 2015 sebanyak RM1.2 bilion untuk kolej vokasional serta bagi menyokong hasrat ini.

Jadi saya berpandangan, selain menaikkan taraf kolej vokasional, peruntukan secukupnya jugalah perlu diagihkan kepada kolej komuniti. Bukan hanya atas memantapkan keperluan teknikal vokasional negara tetapi membantu keperluan pelbagai di peringkat komuniti itu sendiri melalui pendidikan sepanjang hayat. Dengan cara ini komuniti ini dapat terus diupayakan peluang dan ruang dalam bidang ekonomi dan sosial. Saya yakin pengagihan bajet ke kolej komuniti bagi tujuan peluasan peningkatannya menambah keupayaan *accessibility* masyarakat terutamanya juga di kawasan saya tidak ketinggalan. Yang sebenarnya sampai hari ini, saya memohon untuk sebuah kolej komuniti ini di Limbang.

Satu lagi ialah tentang iaitu juga di Limbang, Sekolah Menengah Kerajaan Limbang. *The first SMK* di Limbang yang dibina pada tahun 1952. Anak murid, pelajar-pelajar masa ini sudah 1,000 lebih. Satu sesi, dulu dua sesi. Kita dahulu masa belajar, kita sesi petanglah, tingkatan satu, tingkatan dua. Sekarang ini satu sesi sebelah pagi tetapi apa lagi, asrama pun tukar jadi *class room*. Daif pula itu, asrama kayu. Asrama wanita, *student* perempuan.

■1740

Jadi saya merayulah kepada kerajaan supaya walaupun tidak penggantian selebih tetapi cubalah bantu untuk beberapa bangunan di SMK Limbang ini untuk dinaik taraf, dibina bangunan-bangunan baru untuk menggantikan yang asrama lama, asrama wanita yang sudah di *convert* jadi *classroom*. Jadi kalau boleh, kadang-kadang rasa malu juga. Kebetulan pula melintas jalan besar Pan Borneo yang menuju ke Brunei. Jiran kita mengintai pun nampak juga, kenapa sekolah macam ini, sekolah menengah pula itu. Jadi kita kena jaga-jagalalah. Kami sana Limbang berjiran orang kaya, negara kaya. Orang lain tidak rasa, kami berdiri di sempadan itu, kalau rakyat berdiri dekat sempadan dia tengok kanan, huh dia puji habis. Dia tengok sebelah kiri tempat sendiri, sudah, habis tempat sendiri.

Jadi kita kena lihat, kami tidak sama. Itu nasib kami yang berjiran dengan orang kaya ini. Bagi orang terus terang, kalau di Sarawak, kalau orang di Serian kah, orang di Sri Aman kah, *to them maybe there's the best already*. Tapi bagi kami di sana bila sudah kena banding depan mata, lain juga rasa kita. Jadi kita berharaplah, mana-mana prasarana-prasarana ini dapat dibangunkan, diperbaharui. Kita tahulah, bukan kita hendak *we want to get everything all in one goal* tetapi kita mengharapkan benda ini berterusan, jadi nampak perubahan. Rakyat tanya, *what is the next project* YB, apa lagi hendak buat? Apa projek tahun ini? Inilah

persoalan-persoalan rakyat tapi *alhamdulillah* saya tidak nafikan sejak 2008 sampai hari ini *alhamdulillah*, banyak perubahan yang tidak pernah difikirkan, yang tidak pernah terlintas. Akan tetapi apa sebab yang sebelum itu *wallahualam*. Tidak hendak cerita lama lah. Kita buka cerita baru.

Jadi satu juga tadi disebut oleh Yang Berhormat Jasin iaitu tentang PTPTN. Saya pun juga merayu kepada peminjam, yang mereka telah pun sudah bekerja, sudah graduate, sudah senang lenang, tidak tahulah kenapa tidak mahu bayar. Betullah kalau orang Islam, hutang wajib bayar. Jadi kita fikirlah habis-habis. Kalau tidak pun sikit-sikit usaha untuk membayar itu ada sebab bukan untuk apa, bukannya cerita kata hendak bagi pinjaman, kita hendak minta generasi baru kita dapat, anak-anak kita, adik-adik kita, cucu kita dapatlah menyambung. Kita tahu masalah kita. Kalau di tempat saya juga terus terang, banyak. Kalau Limbang dulu susah sangat hendak belajar itu. Keluar itu, ada setengah-setengahnya itu saya tanyalah apa punca pakcik ini dulu. Dia ini dulu rajin belajar, hendak pergi tidak boleh. Tidak boleh belajar, tidak ada duit, tidak ada ini.

Jadi kita ingatlah semua ini kan. Jadi kita mengharap kepada siapa-siapa yang telah pun berjaya itu supaya bayar-bayarlah hutang PTPTN demi untuk kelangsungan generasi baru kita mendapat pendidikan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ya, ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sahabat saya Yang Berhormat Limbang, soal hutang PTPTN ini. Adalah laporan yang kita terima bahawa ada segolongan atau segelintir agen yang mencari peminjam-peminjam PTPTN yang kononnya mereka ini diberi tempat pengajian di IPTS yang begitu banyak sudah tumbuh macam cendawan yang mencari penuntut-penuntut pelajar kepada institusi-institusi yang berkenaan. Jadi apabila tamatnya pengajian penuntut-penuntut ini daripada *private* institusi ini ataupun institut pengajian awam ini, maka tidak dapat sebarang pekerjaan dan masih menganggur. Ada juga yang berpendapat bahawa kelayakan diploma misalnya, *certificate* daripada institusi ini tidak layak untuk diberi jawatan. Ini seolah-olah memerangkap kita untuk memberi peluang ruang mereka ini kepada institusi-institusi swasta ini. Apa pendapat Yang Berhormat soal kewujudan institusi-institusi yang tidak bertanggungjawab ini dan ejen-ejen yang mempengaruhi penuntut-penuntut kita?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Limbang, lepas ini boleh gulung.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Okey. Terima kasih sahabat saya daripada Putatan. Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Putatan tersebut, sebenarnya saya baru dari kawasan. Dua hari lepas seorang ibu bawa cucu dia dua orang. Dia bawa satu tawaran, tidak payah sebutlah institusi swasta mana. Dia bawa satu keping tawaran, Yang Berhormat, ini cucu saya. Saya ingat anak dia. Cucu saya. Mana emak dia. Emak dia sekarang sedang belajar di KL. Ada satu kolej, adalah. Bagaimana ini Yang Berhormat? Ini

kena bayar, ini kena bayar, ini kena bayar, kena bayar. Jadi saya pun bingung juga tengok. Sekali tengok di sana, anda akan mendapat bayaran daripada PTPTN, yayasan ini, yayasan itu, macam-macamlah dia buat di sana. Jadi sejauh mana kesahihan perkara tersebut.

Jadi anak sentiasa *call* emak. Soalan pertama, macam mana anak masuk. Rupanya yang anak dia belajar ini ibu tunggal, di KL ini. Anak ditinggal dengan nenek. Jadi tanya mak apa buat anak saya dulu, yang pertama. Soalan kedua, boleh hantar duit. Boleh hantar duit tidak? Untuk apa? bayar ini, bayar itu, bayar ini, bayar itu. Jadi saya rasa bukan apalah ini Yang Berhormat Putatan ya, saya mintalah kalau boleh, betul, ini perkara ini serius. Banyak sebelum ini banyak. Tidak payah sebutlah nama-nama kolej. Sampai kami di Limbang, dia datang banyak. Ini *offer*, ini *offer*, itu *offer*, itu dan bukan kita menafikan. Akan tetapi kalau boleh kita kerajaan kena lihat betul-betul jugalah kesahihan ini yang mencari *student* ini, mencari ini ke pelosok negeri, *student* ini sampai ke Kapit.

Ada setengahnya bila sudah diberi penerangan oleh kita, *at one , there is one college*, berpuluh orang datang, kena *interview*, ini semua. *Then* berapa orang sudah pergi. Setengahnya itu mungkin tergerak hati hendak jumpa kita, kita bagi penerangan begini, begini, begini. Semua tidak jadi tahu, dapat juga diselamatkan. Sebab masalah dia, bila dia ini yang menjadi beban ini kepada orang tua balik. Sebab sejauh mana dan saya difahamkan kursus mereka ini kadang-kadang bila dapat PTPTN hanya untuk bayar kursus, *pocket money* sendirilah. Tidak ada bukti pun. Jadi saya mintalah supaya kerajaan melihat perkara ini supaya memastikan yang tumbuhnya macam cendawan ini rasanya terpaksa dilihat semula dan juga tentang sama ada sijil yang diterima, diploma tadi, kita pun kena lihat juga lah. Mudah-mudahan ia bukanlah sesuatu yang palsu dan tidak mencapai kita punya standard di Malaysia ini. Jadi kita mintalah kepada kerajaan untuk melihat perkara tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri untuk menggulung, tadi sedikit fasal Pan Borneo saya terlupa. Saya mintalah kepada kerajaan, Kementerian Kerja Raya melihat sebab pada Rancangan Malaysia Kelapan, tahun 2001, terus terang kerja saya dulu, saya sendiri yang terbabit untuk membuat pengiraan untuk *bypass* negara jiran. Sekarang ini Pan Borneo melalui negara jiran, sampai Miri masuk negara orang, masuk Limbang balik negara Malaysia, masuk balik daerah negara asing, keluar masuk Lawas, Malaysia sampai Sabah, Malaysia.

Dulu pernah kita telah mengira *bypass* untuk *bypass* untuk membuka juga kawasan pedalaman ini, kawasan pergunungan. Sebab sekarang kita sudah ada saluran gas, paip gas daripada Komanis sampai ke Bintulu. Kalau *pipe line* sudah boleh dibuat, ertinya apa salahnya laluan yang sama juga ataupun berdekatan mencari teren yang bagus untuk memikirkan bagaimana hendak membuka juga jalan raya untuk *bypass* negara jiran yang ada sekarang. Membuka kawasan pedalaman dan juga siapa *decide* hendak lalu negara jiran, hendak *sightseeing* mana-manalah. Ataupun yang hendak lalu *bypass* negara jiran kita.

Jadi inilah permohonan saya juga kepada kementerian, kerajaan supaya melihat perkara ini dalam *study* yang dibuat. Saya tahu dulu pernah buat, sudah ada *study* daripada sesi terbabit, pengiraan dan lepas itu ada juga *study* dibuat oleh konsultan, *feasibility study* dengan izin dibuat dari Sabah hingga Miri, Sarawak. Jadi kita berharaplah ia akan menjadikan prioritiya dinaikkan.

■1750

Jadi saya rasa itu sahaja yang saya ingin hendak sampaikan selain daripada permohonan yang baru-baru, semalam kenduri kahwin di Limbang, saya mendapat aduan iaitu tentang – ini kepada Kementerian KPKT lah. Kalau boleh tambah-tambah *strength* pegawai-pegawai bomba di Limbang. Pada masa ini, *staff strength* hanya 25 orang – lima orang pentadbiran, 20 orang *operation*. Bila ada kebakaran atau ada apa-apa masalah, semua keluar. Syif hanya dua, 24 jam. Ini terus terang, memang saya rasa keberkesanan mereka itu kurang. Saya juga dapat *info* bahawa dengan izin, *the only fire station* di Sarawak yang masih dua syif hanya Limbang. Jadi saya mintalah kepada kerajaan supaya menambah tujuh atau 10 orang lagi pegawai supaya ada tiga syif untuk keberkesanan walaupun perkara begini tidak selalu, *nauzubillahi min zalik*, tetapi bila terjadi, banyak yang layak terima BR1M selepas itu.

Jadi saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Bajet 2015. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang. Selepas ini Yang Berhormat Setiu.

5.51 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan bajet ataupun perbelanjaan tahun 2015.

Saya hendak menggunakan peluang ini untuk menunjukan beberapa soalan penting kepada pihak Kementerian Kewangan. Saya hendak merujuk dengan lebih spesifik kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2013 ataupun dengan izin, *Federal Government Financial Statement 2013* khususnya kepada Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut ataupun *Statement of Memorandum Account of Recoverable Loans*.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, *Memorandum of Recoverable Loans* ini adalah pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri, badan berkanun, syarikat-syarikat, *cooperative* dan juga kepada individu. Pada tahun 2013, jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada kesemua badan dan syarikat ini ialah RM92.5 bilion, bukan satu jumlah yang kecil. Saya hendak menyenaraikan pinjaman ini kepada beberapa kategori supaya pihak kementerian boleh menjawab soalan dengan lebih fokus.

Kategori pertama ialah pinjaman daripada syarikat swasta yang ada tunggakan pinjaman seperti yang disenaraikan dalam Laporan Audit Negara 2012, Jadual 2.28 dalam Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Jadual 2.28 ini menyenaraikan semua syarikat swasta dan juga GLC yang ada tunggakan kepada Kerajaan Persekutuan kerana mereka tidak mampu ataupun tidak mahu bayar balik ataupun *service loan* dengan izin, atas pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan ini.

Saya hendak memberi beberapa contoh, Tuan Yang di-Pertua. Perwaja Steel Sdn Bhd dan juga Equal Concept Sdn Bhd, kedua-dua syarikat ini adalah syarikat yang menguasai dan juga mengeluarkan besi di Kemaman, Terengganu dan jumlah baki pinjaman mereka mengikut

penyata kewangan Kerajaan Persekutuan ialah RM200 juta pada tahun 2012. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara, tunggakan pinjaman oleh Perwaja Steel ialah RM32 juta dan Equal Concept ialah RM22 juta. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara, kedua-dua syarikat ini tidak membayar satu sen pun pada tahun 2012 kepada Kerajaan Persekutuan.

Tadi kawan-kawan di sebelah sana telah membangkitkan isu PTPTN di mana kerajaan sekarang sedang melakukan tindakan yang keras terhadap orang yang tidak mahu membayar hutang PTPTN. Sekarang sedang mencari mereka dan hendak *blacklist* mereka, tidak benarkan mereka daripada keluar ke luar negara.

Akan tetapi pada masa yang sama, ada syarikat-syarikat dan juga individu di Malaysia yang enggan bayar balik hutang yang besar kepada Kerajaan Persekutuan termasuk Perwaja Steel dan Equal Concept, RM200 juta pada tahun 2013, ini merupakan sesuatu yang saya rasa tidak adil terutamanya kepada *taxpayer*, dengan izin.

Satu lagi syarikat yang saya rasa semua dalam Dewan yang mulia ini telah mengenali iaitu National Feedlot Corporation. Pinjaman sebanyak RM250 juta pada tahun 2012. Tunggakan pada tahun 2012 ialah RM7.8 juta dan mengikut Laporan Ketua Audit Negara, satu sen pun tidak dibayar balik mengikut tunggakan ini kepada Kerajaan Persekutuan. Saya rasa ini memang tidak adil. Saya tahu ada kes yang sedang dikendalikan terhadap *Director* National Feedlot Corporation ini, tetapi saya hendak minta kementerian untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut apa tindakan dan juga rancangan sedang dan akan diambil supaya pinjaman ini boleh dapat balik oleh kerajaan?

Satu lagi contoh, Lebuhraya Shapadu. Hendak? Okey, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Serdang. Sedarkah Yang Berhormat Serdang, adakah rekod-rekod yang Yang Berhormat Serdang lalui bahawa terdapat tindakan oleh kerajaan bahawa di antara peminjam-peminjam ini termasuk Perwaja Steel yang *loan* mereka di *write off*? Ada tidak rekod di mana *loan* mereka di *write off*? Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Sungai Petani, itu adalah soalan yang begitu baik. Saya hampir lupa untuk memberitahu Dewan yang mulia ini sebenarnya Perwaja Terengganu Sdn Bhd telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan mengikut penyata kewangan, jumlah hutang adalah lebih kurang RM3.8 bilion. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara, jumlah ini sedang di *write off* oleh Kerajaan Persekutuan. Saya rasa Dewan yang mulia ini juga tahu bahawa sebab kenapa hutang yang berjumlah besar ini terpaksa diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan kerana ketirisan pengurusan yang berlaku semasa kroni-kroni pihak tertentu menguasai dan menguruskan Perwaja Terengganu.

Pada masa yang sama, mengikut Laporan Ketua Audit Negara ini, Perwaja Steel dan Equal Concept juga diberikan *write off* ke atas pinjaman mereka. Pada tahun 2012, sejumlah RM58.1 juta untuk Perwaja Steel dan RM41.5 juta untuk Equal Concept. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sekarang Perwaja Steel dan Equal Concept bukan lagi milik kerajaan tetapi adalah milik pihak swasta.

Jadi soalan saya ialah kenapa pihak swasta ini terus diberikan *write off* ke atas pinjaman mereka yang begitu banyak tetapi pada masa yang sama, untuk peminjam PTPTN

yang tidak mampu untuk bayar balik oleh sebab mungkin ada peminjam yang menghadapi masalah kewangan dan sebagainya, dipaksa, *diblacklist* dan sebagainya?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Sepang boleh sikit?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Serdang, Serdang.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Serdang, Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Sepang dekat sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Okey. Minta maaf Yang Berhormat Sepang. Tadi saya mendengar daripada ucapan Yang Berhormat Serdang tadi, adakah Yang Berhormat Serdang ini mencadangkan bahawa kerana Perwaja Steel dan beberapa badan korporat ini tidak bayar hutang, maka kita mansuhkan semua orang PTPTN tidak payah bayar, dan kita menggalakkan mereka supaya tidak membayar hutang?

Terima kasih.

■1800

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya rasa itu adalah soalan yang baik. Jawapan saya ialah saya menyeru supaya kerajaan ada satu *stand* yang konsisten. *Consistent stand* ialah jikalau hendak *go after the PTPTN devotees* sebenarnya mesti mengambil tindakan yang tegas terhadap orang ataupun syarikat yang tidak mahu ataupun tidak mampu untuk bayar balik kepada Kerajaan Persekutuan. Saya rasa *consistent stand* itu tidak ada pada Kerajaan Persekutuan buat masa sekarang.

Tadi saya memberi satu lagi contoh Lebuhraya Shapadu baki pinjaman RM83.9 juta pada tahun 2012. Tunggakan RM79.15 juta. PK Agro Cars Sdn.Bhd jumlah pinjaman RM19.1 juta, tunggakan RM9.95 juta. White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd. pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan RM10.4 juta, tunggakan sebanyak RM8.54 juta. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua apabila saya membuat penyelidikan ataupun siasatan kepada White Heron Dairy Farm ini, ini ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan pada tahun 2006, lepas itu terus dapatkan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan tetapi tidak berjalan langsung. Akan tetapi syarikat ini masih lagi mempunyai tunggakan yang banyak. Kenapa Kerajaan Persekutuan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap *shareholder* ataupun *director* syarikat-syarikat seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada bajet perbelanjaan 2015, *budget speech* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa projek lebuh raya yang baru termasuk SUKE, DASH dan sebagainya dan saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini jumlah perbelanjaan yang diumumkan begitu banyak lebih kurang RM16.1 bilion untuk empat *highway* ataupun lebuh raya yang diumumkan tetapi ini tidak dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan.

Saya hendak menyeru pihak kementerian supaya boleh mendedahkan atau memberitahu Dewan yang mulia ini apakah RFP ataupun syarat-syarat yang diberikan kepada syarikat-syarikat *concessionaire* untuk SUKE, DASH dan lebuh raya yang lain yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana apa yang saya hairan ialah isu yang sekarang saya bangkitkan mengenai Lebuhraya Shapadu ini akan kembali lagi di

mana ada satu syarikat mendapatkan *soft loan* dengan izin daripada Kerajaan Persekutuan tetapi selepas itu tidak boleh membayar balik kepada kerajaan. Mereka boleh kutip tol tetapi beban pinjaman ini akan diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak Yang Berhormat Menteri memberi berita terkini mengenai rancangan yang sedang diambil untuk menuntut bayaran balik ke atas semua syarikat swasta yang sekarang sedang berhutang kepada Kerajaan Persekutuan dan yang juga ada bayaran tunggakan.

Tuan Yang di-Pertua, kategori yang kedua ialah syarikat yang dimiliki Kerajaan Persekutuan dan juga badan berkanun yang mempunyai hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Saya rasa contoh yang terbaik ialah Port Klang Authority (PKA) yang berhutang sebanyak RM3.8 bilion kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 akibat daripada pinjaman untuk membiayai *bon holder* Port Klang Free Zone. Bekas Pengerusi PKA Datuk Teh Kim Poh telah mengakui bahawa PKA tidak mampu membayar balik jumlah hutang kepada Kerajaan Persekutuan jikalau hutang ini tidak distruktur semula ataupun *not restructured*, dengan izin dan ini juga telah dinyatakan dalam Laporan Audit Negara tahun 2012.

Mengikut maklumat yang saya terima PKA telah menghentikan bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2012. Saya hendak mendapatkan pengesahan daripada pihak Kementerian Kewangan sama ada maklumat ini benar atau tidak. Saya juga hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Port Klang Authority belum lagi mengeluarkan laporan tahunan untuk tahun 2012 dan saya menyeru kepada pihak kementerian supaya laporan tahunan ini dikeluarkan dengan secepat mungkin supaya butir-butir kewangan boleh diketahui dengan lebih mendalam lagi kerana ini boleh memberitahu kita sama ada pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada PKA ini telah distruktur semula.

Saya juga hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Perbadanan Aset Kereta Api ataupun Railway Asset Corporation mempunyai tunggakan yang begitu tinggi iaitu RM1.07 bilion mengikut Laporan Ketua Audit Negara. Kita tahu bahawa KTM sekarang ini mengalami kerugian yang besar setiap tahun dan memang tidak mampu untuk membayar balik Kerajaan Persekutuan dan saya minta penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan apakah rancangan untuk memulihkan Perbadanan Aset Kereta Api supaya tunggakan ini boleh dikurangkan.

Saya juga hendak memberitahu Tuan Yang di-Pertua bahawa hutang Indah Water Konsortium yang dimiliki 100% oleh Kementerian Kewangan telah mencecah RM2 bilion pada tahun 2013. Pada masa yang sama kerugian IWK pada tahun 2013 ini adalah RM203 juta. Rizab ataupun *reserve* IWK adalah (-RM1.2) bilion manakala *share capital* dengan izin ialah RM100 juta sahaja. Saya rasa ini bukan satu situasi yang *sustainable* dengan izin dan saya hendak minta kerajaan untuk memberikan penjelasan apakah rancangan kerajaan untuk menangani hutang IWK yang akan kian naik jikalau kerugian operasi ini diteruskan. Saya juga mohon kementerian memberi penjelasan mengapa GLC-GLC berikut yang berhutang kepada Kerajaan Persekutuan ini gagal membayar balik tunggakan.

Tuan Yang di-Pertua, ini ialah situasi yang saya memang tidak boleh faham kenapa satu agensi ataupun satu syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan misalnya tidak mahu

bayar balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Saya beri contoh Malaysian Technology Development Corporation yang dimiliki 100% oleh Khazanah Nasional dengan hutang sebanyak RM690 juta pada tahun 2013 ada tunggakan sebanyak RM25 juta pada tahun 2012. Malaysian Venture Capital Management Berhad dengan hutang sebanyak RM490 juta pada tahun 2013, ada tunggakan sebanyak RM222.8 juta pada tahun 2012. Syarikat Prasarana ada hutang sebanyak RM475 juta pada masa yang sama ada tunggakan sebanyak RM0.78 juta pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya adakah sebab kenapa syarikat-syarikat ini tidak mampu membayar hutang balik kepada Kerajaan Persekutuan kerana mereka mengalami kerugian yang berterusan dan jikalau ini ialah situasi yang sebenarnya apakah rancangan kerajaan untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang aneh sekali ada syarikat GLC yang mempunyai keuntungan setiap tahun tetapi pada masa yang sama tidak mahu bayar balik hutang kepada kerajaan ataupun ada tunggakan yang belum dibayar balik kepada syarikat-syarikat GLC berikut seperti Malaysian Debt Ventures ada keuntungan sebanyak RM23 juta pada tahun 2013 tetapi pada masa yang sama ada tunggakan sebanyak RM194 juta pada tahun 2012 dan hutang kerajaan sebanyak RM622 juta pada tahun 2013. CTRM Malaysia yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan diperbadankan ataupun MOF Incorporated mendapatkan keuntungan sebanyak RM12 juta pada tahun 2013 tetapi pada masa yang sama ada tunggakan sebanyak RM12 juta pada tahun 2012 dan hutang kerajaan sebanyak RM88 juta pada tahun 2013.

■1810

Saya juga hendak tanya pihak kementerian kenapa pinjaman sebuah syarikat *Columbia Aircraft Manufacturing Corporation* yang mempunyai tunggakan sebanyak RM49.7 juta pada tahun 2012 telah dihapuskan pada tahun 2013. Ini adalah satu contoh yang begitu aneh kenapa hutang oleh syarikat seperti ini boleh dihapuskan sebegitu sahaja.

Kategori yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah pinjaman pihak swasta yang tidak disenaraikan dalam Laporan Ketua Audit tetapi saya begitu yakin ada kemungkinan yang besar bahawa hutang syarikat-syarikat swasta ini tidak mampu atau pun tidak boleh dibayar balik oleh syarikat-syarikat ini kepada Kerajaan Persekutuan. Saya beri contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh gulung ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya boleh. Lima minit lagi. Ada satu syarikat yang dipanggil InventQjaya yang ditubuhkan pada masa Tun Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri tahun 2004. Ia telah *dormant* sejak 2004, mengalami kerugian sebanyak RM26.9 juta tetapi pada masa yang sama mempunyai pinjaman sebanyak RM244 juta kepada Kerajaan Persekutuan.

Kategori keempat yang *last* sekali Tuan Yang di-Pertua ialah pinjaman pihak GLC yang tidak disenaraikan sebagai mempunyai tunggakan tetapi ada juga kemungkinan yang besar bahawa pinjaman oleh pihak GLC ini tidak dapat dibayar balik dengan sempurna. Saya beri satu contoh. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) mempunyai hutang sebanyak RM528 juta pada tahun 2013. Ini meningkat daripada RM397 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, kerugian SYABAS adalah RM98 juta. Rizab atau pun *reserve* SYABAS adalah -2.1 bilion

manakala syer *capital* adalah RM65 juta sahaja. Adakah hutang SYABAS akan dibayar dengan mengenakan harga air yang lebih tinggi ke atas penduduk di Selangor akibat daripada Projek Langat II.

Saya juga hendak tanya adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk *declassified* MOU di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor yang ditandatangani oleh bekas Menteri Besar Selangor. Sebelum saya menggulung saya juga hendak minta Kementerian Kewangan untuk menyenaraikan semua projek-projek yang telah dibiayai oleh pembinaan PFI Sdn. Bhd. yang telah meminjam sebanyak RM20 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau pun (EPF). Pembinaan PFI Sdn. Bhd. ini ditubuhkan pada tahun 2006 tetapi sampai hari ini tiada maklumat apa pun yang dikeluarkan tentang projek yang menggunakan dana pembinaan PFI ini.

Saya ada cadangan kepada Ketua Audit Negara supaya membuat satu audit yang terperinci untuk semua GLC yang mempunyai hutang kepada Kerajaan Persekutuan dan juga mengenal pasti kenapa hutang-hutang ini tidak dibayar balik. Pada masa yang sama saya juga mencadangkan supaya Ketua Audit Negara mengemukakan syor-syor spesifik yang boleh membantu syarikat-syarikat GLC mengurangkan tunggakan dan juga hutang kepada Kerajaan Persekutuan.

Soalan akhir saya Tuan Yang di-Pertua, kenapa kerajaan tidak mengambil tindakan yang agresif terhadap syarikat dan individu yang berhutang berbilion-bilion ringgit atau pun beratus-ratus juta ringgit ini kepada kerajaan dan tidak bayar balik satu sen pun kepada Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi pada masa yang sama, kerajaan mengambil langkah yang begitu keras terhadap peminjam PTPTN yang berhutang dengan jumlah yang jauh lebih rendah dari segi individu berbanding dengan syarikat-syarikat dan individu-individu yang berkaitan yang telah disenaraikan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan juga Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Setiu. Selepas Yang Berhormat Setiu Yang Berhormat Lembah Pantai.

6.14 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh Bajet 2015 yang telah dibentangkan tempoh hari dan saya yakin bahawa ia telah dirangka dan juga diperhalusi secara teliti bagi menepati kehendak dan aspirasi rakyat. Saya berpendapat bahawa tidak mungkin bajet yang dibentangkan ini dapat ditangani oleh pihak sebelah sana.

Ini kerana sekiranya dilihat kepada bajet pihak pembangkang ini dia lebih kepada idea yang sudah basi. Dia kata bagi menampung perbelanjaan pembangunan ini dia tersebut dia kata akan diambil daripada hasil penjimatan yang dilakukan melalui pengurangan ketirisan di pihak kerajaan. Ini yang banyak ditekankan oleh pihak sana dan hanya berkisar pada isu yang pada saya tidak berapa jelaslah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Duduklah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi- hai, baru hendak *start* sudah duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan senang peguam hendak minta bekas hakim duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ha, itulah dia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Di Parlimen boleh.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi pada saya bahawa pembangkang ini tidak berinovasilah dan tidak kreatif dalam memberikan idea-idea, apatah lagi kalau hendak memimpin negara esok. Itu pun kalau mimpi menjadi kenyataan. Mungkin juga kerajaan juga lah yang perlu menasihati pihak pembangkang ini supaya dapat berjimat cermat. Lihat sahajalah penjimatan yang diuar-uarkan oleh pihak pembangkang. Biasanya dalam bajet mereka tidak selaras dengan krisis yang berlaku.

Contoh yang terbaiknya langkah Kajang lah, kita tahu lah macam mana perbelanjaan yang digunakan. Tujuan sebenar kerana ketamakan oleh seseorang.

Seorang Ahli: Keluar tajuklah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini peringkat dasar. Saya ingat sebelah sana pun lagi banyak yang keluar tajuk. Saya hanya cerita pasal berjimat cermat, bajet. Hai, Yang Berhormat Sepang nampak macam hendak bergaduh dengan saya pula ini. Cukuplah bergaduh dengan orang lainlah, cukuplah. Jadi menyentuh terus mengenai dengan pengumuman bajet tempoh hari, saya menyambut baik pertambahan sebanyak RM9.8 bilion yang menjadikan jumlah peruntukan bajet tahun ini kepada RM273.9 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan juga pembangunan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Malah di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima jumlah peruntukan yang tertinggi iaitu sebanyak RM29.3 bilion diikuti dengan sektor sosial dan seterusnya yang lain. Saya amat berpuas hati kerana terdapat pertambahan bagi sektor keselamatan iaitu sebanyak RM4.9 bilion bagi Bajet 2015 berbanding RM3.9 bilion pada Bajet 2014. Jadi saya berharap peruntukan ini nanti dapat digunakan sebaik mungkin dalam menjaga keselamatan rakyat dan juga negara kita khususnya setelah banyak insiden-insiden yang tidak diingini berlaku di bahagian Sabah dan sebagainya yang menimbulkan keresahan kepada rakyat. Jadi, isu keselamatan ini tidak boleh kita pandang ringan kerana ianya turut melibatkan imej dan kedaulatan negara kita.

Saya juga tertarik kepada apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut tentang Skim Perumahan Belia atau *Youth Housing Scheme*. Jadi, kita sedar bahawa pemilikan rumah bagi sesetengah golongan belia adalah amat sukar sekali. Untuk mengumpulkan deposit atau pendahuluan sahaja bagi pembelian rumah memerlukan masa yang agak panjang. Di sini juga saya ingin memohon agar penerangan diberikan tentang skim ini dapat diperluaskan agar mampu memberi pemahaman kepada rakyat di pihak akar umbi khususnya kepada golongan belia sememangnya ia sedang tercari-cari untuk mendapatkan rumah idaman mereka.

Jadi, saya turut berharap agar kerenah birokrasi di peringkat agensi dan sebagainya dapat dikurangkan selain daripada SOP yang sama perlu diguna pakai di seluruh cawangan

agensi yang terlibat bagi melenyapkan ketidakpuasan hati rakyat yang berminat dalam skim ini. Terlanjur menyentuh isu perumahan ini, saya ingin menyeru agar pihak sebelah sanalah untuk berhenti daripada menghasut.

■1820

Kalau ada menghasut golongan-golongan belia ini, cukuplah menghasut-menghasut itu ya. Daripada membenci pihak kerajaan, kerajaan sudah buat elok. Ini kerana sekiranya dirujuk kepada bajet pembangkang dalam isu perumahan ini, pendirian mereka berhubung dengan kuantitatif *easing* dengan izin, digunakan untuk memomokkan kepada rakyat di negara ini serta dijadikan sebagai satu senjata. Senjata dalam memberikan pemahaman yang kurang tepat dalam mempengaruhi minda golongan belia kita terhadap konsep pemilikan rumah di negara ini. Seharusnya pihak pembangkang melihat dahulu bagaimana apa kaedah sebenarnya yang kerajaan guna pakai dalam berhadapan permasalahan ini. Saya yakin bahawa sudah pasti mekanisme yang digunakan dipadankan dengan pelbagai faktor dan juga ekosistem ekonomi di negara kita. Saya juga pasti bahawa ramai ibu bapa yang menghela nafas panjang, lega berikutan dengan pengumuman bantuan bagi pelajar sekolah.

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana masih meneruskan bantuan prasekolah yang dapat memanfaatkan sejumlah 5.4 juta pelajar sekolah rendah dan menengah dengan bantuan berjumlah RM540 juta. Semua akan terima, tidak kira anak kerajaan ataupun pihak pembangkang, semua akan terima. Ini sedikit sebanyak dapat membantu ibu bapa dalam berhadapan dengan pelbagai kos permulaan persekolahan. Malah Program Baucar Buku 1Malaysia yang sememangnya banyak membantu oleh pelajar di negara ini turut disambung iaitu bantuan dinaikkan seadanya. Jadi, bantuan seperti ini wajar diteruskan sampai bila-bila kerana saya melihat ianya dapat terus pergi kepada golongan sasaran. Namun, saya hairan apabila pihak sebelah sana juga tidak pernah pun memuji langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan ini kerana bantuan ini akan sampai terus kepada golongan yang kita sasarkan.

Sekiranya kita bercakap tentang bajet, tidak lengkap sekiranya kita tidak menyentuh mengenai dengan golongan istimewa, maksud saya Golongan Kelainan Upaya (OKU), bantuan bagi golongan ini tidak pernah disentuh, saya rasa pihak di sebelah sana tidak pernah sentuh tentang bantuan ini dan seolah-olah golongan ini terus dipinggirkan. Keistimewaan yang diberikan kepada golongan ini bukan bererti memanjakan mereka sehingga tidak mampu berdikari dan hanya mengharapkan pertolongan semata-mata. Namun hakikatnya golongan ini sebenarnya terpaksa bersaing di padang yang tidak sama rata. Maka dengan ini saya amat bersyukur walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak memfokuskan terhadap perkembangan pembangunan ekonomi, namun hal kebajikan bagi golongan OKU ini tidak pernah diabaikan pada setiap tahun. *Alhamdulillah* bantuan bagi OKU ini dinaikkan pada RM350 berbanding RM300 pada tahun lalu.

Selain itu pihak sebelah sana juga saya rasa tidak menyentuh pun tentang memartabatkan wanita. Tidak disentuh dalam bajet, bajet kalau itu. Sebab kalau kita lihat golongan wanita ini dia dalam fokus kita strategik kelima dalam bajet iaitu memartabatkan golongan wanita jelas menunjukkan bahawa keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap golongan ini. Malang sekali golongan ini telah tercicir daripada Belanjawan Pakatan Rakyat

sendiri yang kononnya belanjawan berkebijakan. Namun ternyata kebajikan dan peranan wanita tidak dimartabatkan sewajarnya. Begitu juga dengan tentang bumiputera juga saya rasa tidak disentuh oleh pihak pembangkang.

Dalam bajet pakatan tidak langsung menyentuh secara khusus perancangan untuk membantu masyarakat bumiputera. Mereka mengamalkan konsep sama rata terhadap semua. Sedangkan jika dinilai secara adil, bumiputera ini harus dibantu secara khusus bagi menyeimbangkan dan merapatkan jurang ekonomi. Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan kadar cukai pendapatan koperasi yang dikurangkan kepada 1 hingga 2 mata peratusan selain yuran kesetiausahaan dan juga pemfailan cukai juga dibenarkan untuk golongan cukai. Kerana ini amat bertepatan dengan sektor koperasi negara ini berkembang pesat malah ianya menjadi salah satu *main player* dengan izin dalam menerajui ekonomi Malaysia.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai dengan kawasan saya. Kajian berkenaan dengan kemungkinan pembinaan LPT Fasa 3 telah dijalankan pada tahun 2007 lagi tetapi LPT 3 ini merupakan sambungan daripada LPT 2 yang dijangka siap pada bulan 12 nanti. Projek ini sebenarnya menghubungkan Kuala Terengganu ke Pengkalan Kubur Kelantan dan projek ini dijangka dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 yang bermula 2016. Akan tetapi seelok-eloknya ia diadakan lebih awal kerana ia melibatkan cadangan jajaran lebuh raya sepanjang 150 kilometer yang perbelanjaannya hanya lebih kurang RM3.5 juta berbanding dengan lebuh raya yang dibuat di negeri Selangor.

Kalau kita lihat Lebuh Raya Damansara-Shah Alam sepanjang 47 kilometer perbelanjaannya lebih kurang RM4.2 bilion dan projek LRT 3 menghubungkan bandar utama sehingga Shah Alam dan Klang dianggarkan RM9 bilion. Kita minta LP3 hanya RM3.5 bilion sahaja. Itu pun kalau Kelantan hendak juga. Pasir Puteh Hendak ya? Hendak juga. Maknanya ia melalui daerah Kuala Terengganu-Setiu-Besut-Jajaran Pasir Puteh-Jajaran Bachok, Yang Berhormat Bachok hendak juga? Jajaran Kota Bharu? Yang Berhormat Kota Bharu tidak ada... [Disampuk] Jajaran Pasir Mas? Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada. Sebelum berakhir di jajaran Tumpat.

Jadi saya minta supaya dipercepatkan. Di Selangor tidak payah bagi sebab dia nampak macam tidak mahu, banyak songeh di Selangor ini. Kita hendak bagi macam-macam alasan. Dia sudah kaya, *reserve* dia pun banyakkkan, RM3 bilion. Banyak sangat, dia sudah tidak mahu, Selangor ini. Kita buat apa-apa pun di Selangor dia akan *complain*. Berbeza di Kelantan, Kelantan dia tidak *complain*, kalau tidak buat baru dia *complain*. Akan tetapi di Selangor ini kita buat baik macam mana pun *complain* juga yang ada.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak masuk Kuala Nerus ini. LPT3 tidak masuk ini.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ada, tidak siap lagi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bulan 12 siap.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Lapan tahun baru siap.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Hendak siap bulan 12, bulan Mac akan diserahkan kepada kerajaan.

Satu lagi, di daerah saya adalah projek untuk tebatan banjir. Asalnya projek tebatan banjir ini, kalau banjir di Setiu ini kalau berlaku tiga empat kali setahun. Asalnya RM350 juta belanja. Akan tetapi akhirnya diturunkan sehingga RM200 juta. Jadi, saya sudah bertanya di Parlimen pada tahun 2013 dan jawapan akan dimulakan 2015 tetapi sampai sekarang pun saya tidak nampak lagi ada ura-ura untuk projek tersebut dijalankan.

■1830

Jadi saya minta pihak kementerian untuk memberi perhatian kepada perkara ini. Jadi akhir sekali saya ingin menyatakan pendirian saya bahawa kenyataan pihak sebelah sana itu yang menyentuh soal pembangunan desa dalam bajet mereka adalah tidak sesuai dan sebagainya dan adalah kurang tepat. Jadi untuk menyatakan kerajaan mengabaikan industri ini adalah tidak wajar sama sekali. Ini kerana pelbagai program telah dijalankan oleh pihak kerajaan dalam melestarikan industri desa termasuklah di sektor pertanian dan sebagainya melalui Kementerian Pertanian dan Pembangunan Asas Tani. Contohnya bajet kali ini, kerajaan telah mengumumkan pembukaan 65 buah pasar tani kekal dan juga 50 buah pasar ikan di beberapa lokasi terpilih mulai tahun 2015 hingga tahun 2017. Jadi sudah pastilah perkara ini akan merancakkan ekonomi setempat.

Merujuk kepada perkara tersebut, saban tahun pembangunan infrastruktur di seluruh negara telah dipertingkatkan dan ia amat membanggakan apabila prestasi fizikal program jalan luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik dan sebagainya telah mencatat banyak kejayaan. Kalau ingin diungkit bagi saya pihak sebelah sana ini banyak sebenarnya tidak henti-henti untuk menggagalkan banyak misi-misi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan dan sebagainya untuk menaikkan. Jadi ini boleh dilihat apabila pihak Selangor sendiri menghadapi masalah air pun tidak terima, bina Loji Langat 2 dan sebagainya. Banyak songeh seperti saya cakap tadi.

Maka dengan ini saya amat berharaplah pihak sebelah sana dapatlah melapangkan dada serta menerima bajet yang telah dibentangkan tersebut dengan penuh keterbukaan bagi menjuarai kepentingan rakyat. Jadi tidak perlulah mana ideologi yang berlainan antara kita ini, tidak kiralah. Pihak sebelah sana ini terus menutup mata, kedua-dua belah mata ditutup, kedua-dua telinga dipekakkan dan hati dibutakan. Tidak payahlah ya, jadi setujulah dengan kita dan kita sama-sama berganding bahu dalam menjayakan pelbagai program yang telah pun dirangka bagi kelangsungan kesejahteraan rakyat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Itu sahaja ucapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya lepas Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kota Samarahan.

6.33 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang kepada Lembah Pantai untuk berbahas pada kali ini dan saya mulakan dengan menghayati firman Allah SWT yang saya sebut dalam belanjawan tahun lepas. Surah Al-Anfal, ayat 27 yang bermaksud, "*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan juga janganlah kamu mengkhianati amanat yang dipercayakan kepada mu sedang kamu mengetahui*".

Tuan Yang di-Pertua, amanat dan matlamat demokrasi. Sebaiknya saya mengingatkan diri saya dan semua kita di sini tentang beberapa prinsip asas dalam sistem demokrasi berperlembagaan yang menjadi teras kenegaraan kita. Amanat Yang Dipertuan Agong adalah supaya kita membina sebuah negara yang adil lagi sejahtera. Amanat dan matlamat utama sebuah kerajaan yang berteraskan demokrasi adalah memerintah secara adil demi kepentingan rakyat mengikut perlembagaan. Oleh kerana itulah pihak pembangkang sebagai punyai matlamat utama untuk mempertahankan hak kepentingan rakyat melalui suara membangkitkan dan membantah dalam proses demokrasi rangka mengikut perlembagaan.

Pendek kata dalam demokrasi, kerajaan akan memerintah dan pembangkang akan mempertahankan hak rakyat mengikut perlembagaan. Oleh yang demikian, kedua-dua pihak ini memainkan peranan demi mengimbangi antara kuasa dan juga hak, *the loyal of position, loyal to country, loyal to King*, dengan izin. Jadi kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan pembangkang mestilah dilihat sebagai dengan izin, *integral to democracy* sama penting untuk demokrasi.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, amanat prinsip demokrasi ini sekarang bukan lagi dipertahankan atau diperkukuh malah di bawah kepimpinan kerajaan yang menobatkan bahawa satu ketika dahulu negara memiliki demokrasi terbaik, "*we have the best democracy in the world*" memetik kata-kata Yang Berhormat Pekan dan dipandu prinsip wasatiah, kesederhanaan, diserang dan nampaknya akan dikorbankan untuk kepentingan serta kelangsungan golongan elit melalui penggunaan undang-undang yang berterusan. Bekas penjajah iaitu Akta Hasutan dan juga penggunaan sistem kehakiman untuk memenjarakan Ketua Pembangkang Dato' Seri Anwar Ibrahim. Selagi salah guna kuasa ini berterusan, selagi itu suara majoriti rakyat akan berkumandang bukan sahaja di dalam Dewan tetapi di seluruh pelosok negara supaya keadilan dan kebenaran ditegakkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bersuara demi keadilan dan kebenaran, tugas dan tanggungjawab pihak pembangkang termasuk saya sendiri ialah untuk membahaskan usul Belanjawan 2015. Kita melakar masa depan Malaysia, kita mahu negara yang terus maju, semua pihak mahukan sebegitu maka belanjawan kita pada hemat saya harus menyasar permasalahan mengenai kelebaran jurang pendapatan dan kualiti pendidikan yang semakin menurun. Kualiti pendidikan saya sebut sebagai bekas pelajar sekolah kebangsaan dan punyai seorang anak yang bersekolah di sekolah kebangsaan. Jadi pada saya, belanjawan kali ini gagal, tidak menjadikan kedua-dua masalah utama ini sebagai tumpuan yang terpenting. Golongan berpendapatan tinggi diberikan pelepasan cukai sementara golongan berpendapatan rendah diberikan bantuan BR1M yang lebih besar tanpa penyelesaian jangka masa panjang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ampang tadi.

Jadi kerajaan juga masih gagal melakukan proses konsultasi yang melibatkan semua pihak berkepentingan sebelum pembentangan bajet. Saya pernah mencadangkan sebelumnya supaya kita adakan sebuah Jawatankuasa Polisi atau Dasar Fiskal Parlimen ataupun Jawatankuasa Persekutuan Belanjawan Parlimen yang boleh sahaja kita tubuhkan melalui sebuah usul untuk pelantikan jawatankuasa khas di bawah *Standing Order 19(4)* yang tidak dikuasai oleh cabang eksekutif kerajaan. Apa yang saya lihat bila Kerajaan Barisan Nasional enggan untuk menubuhkan jawatankuasa seperti ini, ia memperlihatkan keangkuhan dalam pentadbiran negara.

Era, ini saya memetik kata-kata Yang Berhormat Pekan juga, dia cakap banyak kenyataan diberikan, "*the know it all government where the government knows best*" dengan izin sudah berakhir. Saya fikirkan tiba masanya bagi Barisan Nasional mengiktiraf bagaimana untuk melaksanakan keputusan secara lebih kolektif. Saya simpulkan pada peringkat pertama, belanjawan yang dibawa, dibentangkan oleh Perdana Menteri adalah belanjawan yang mesra golongan kaya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah disebut berkenaan GST. Umum tahu cukai ini cukai regresif dan GST diperkenalkan kerana kerajaan gagal untuk mencipta pembayar-pembayar cukai baru di Malaysia. Hanya 14%, kurang 14% pekerja kita yang membayar cukai berbanding dengan negara maju di United Kingdom hingga 90% yang layak membayar cukai. Walaupun Perdana Menteri mendabik dada menaikkan kadar gaji berbanding KDNK kepada 31%, kerajaan juga mengeluarkan kenyataan bahawa gaji purata bagi isi rumah rakyat Malaysia RM5,900 sebulan. Ini disebut oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi tetapi nombor-nombor, angka-angkat yang dipilih menerusi cari *picking* ini tidaklah menunjukkan hakikat bahawa rakyat Malaysia itu mempunyai kehidupan yang lebih baik.

Gaji medium berapa Tuan Yang di-Pertua? Gaji medium menunjukkan lebih 50% daripada rakyat Malaysia punyai pendapatan kurang RM1,500 sebulan, lebih 50%. Dalam sebuah laporan yang bertajuk "*Piketty and Plutonomy, The Revenge of Inequality*", dengan izin, terbitan *Bank of America Merrill Lynch* menyatakan hanya terdapat dua cara untuk mengatasi jurang pendapatan atau jurang kekayaan. Satu, pendidikan yang berkualiti tinggi; dan kedua, sistem cukai yang fokus terhadap 1% terkaya di sesebuah negara. Oleh sebab itulah Pakatan Rakyat menganjurkan, *we introduce Capital Gains Tax instead of GST*. Ini pun tidak mahu dibincangkan secara menyeluruh, dan yang ada hanyalah serangan demi serangan.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, saya pun terkejut kerana saya dapat laporan, Malaysia berada pada tangga keempat tertinggi di dunia dalam aspek pemusatan kekayaan. Kekayaan mereka yang terkaya di Malaysia bernilai setaraf dengan 18% KDNK, lebih kurang USD52.25 bilion. Bandingkan dengan United Kingdom, UK kan maju, dengan Jepun. Kita 18% KDNK. Di UK hanya 6.8%, di Jepun 1.9% daripada KDNK mereka. Jadi lebarnya kaya dan miskin itu adalah masalah yang serius di Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya harap dapat beri perhatian kerana saya tahu Yang Berhormat Arau pun fokus terhadap isu kesenjangan ekonomi, *inequality*. Banyak benar ya para *economist* dan kadang-kadang buku yang dibawa adalah buku yang sama yang saya baca. Jadi saya harap jangan baca buku yang sama sahaja tetapi idea juga diterima pakai.

Oleh sebab itulah perkara-perkara sebegini, fakta-fakta sebegini yang menyebabkan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh menuntut agar jumlah cukai yang dibayar oleh 20 orang individu terkaya di Malaysia didedahkan kepada Ahli Parlimen.

Tadi Yang Berhormat Serdang sebut hutang-hutang, bukan hutang PTPTN kerana hutang ini untuk hutang besar-besar seperti Perwaja Terengganu. Mungkin Yang Berhormat Arau mungkin boleh minta Setiausaha beritahu tadi ya dalam *Hansard*. Banyak benar hutang yang kalau kita kumpulkan... Kita kena adil. Hendak ambil daripada pelajar, okey. Hendak kena ambil daripada mereka yang maha kaya yang berhutang tidak bayar...

Tengok Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau setuju dengan saya. Diberikan buku, '*The Color of Inequality*'. Saya menunggu beliau menubuhkan Jawatankuasa Fiskal Parlimen melibatkan kedua-dua kita.

Justeru, kita harus cari sebuah sistem cukai yang lebih adil untuk dikenakan kepada semua individu termasuk kemungkinan melihat kepada cukai hadiah, cukai harta pusaka, cukai keuntungan modal dalam usaha untuk mengecilkan kejayaan.

Idea ini sebenarnya difikirkan oleh Thomas Piketty dan diambil bagi negara Perancis, Amerika Syarikat, UK, Jerman. Semua menunjukkan kalau kita biar golongan yang kaya terus menerus dengan *trend* sedemikian, maka jurang itu akan lebih melebar dan rakyat yang miskin akan lebih terhimpit.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang GST, saya hendak ambil satu contoh kerana beberapa Ahli Parlimen yang menyokong GST, bukan Pakatan Rakyat lah, mengatakan ia lebih adil, maka kerajaan telah mengeluarkan sebuah senarai barangan *zero rated* atau barangan yang tidak dikenakan cukai. Saya terkejut kerana barangan mewah atau makanan mewah seperti udang kara atau bahasa mat saleh, *lobster*, juga terkandung dalam senarai tersebut. Saya cari, nampaklah di bawah pembekalan bekalan sifar, udang kara. Saya berasa agak hairan kerana warga di kawasan saya bahagian Kerinchi, Taman Seri Sentosa, mereka tidak terbiasa dengan makanan sedemikian. Nampaknya pelepasan GST juga tertumpu kepada golongan yang berpendapatan tinggi.

Saya selidik lagi, didapati ada sebuah projek *Integrated Lobster Aquaculture Park* atau iLAP di Semporna Sabah dan saya dapat juga membaca Laporan Impak Alam Sekitar yang diterbitkan oleh DHI Water and Environment Malaysia Sdn Bhd yang boleh dimuat turun daripada laman web Kerajaan Negeri Sabah.

Saya dimaklumkan bahawa Laporan DEIA ini tidak diluluskan. Namun, projek diumumkan. Saya minta pengesahan daripada Menteri. Tiga buah badan yang mencadangkan projek ini adalah Dardan Aqua Farm, Yayasan Sabah dan Ever Nexus Sdn Bhd. Ada juga dalam NKEA atau *National Key Economic Area* juga dilaporkan akan memberikan geran. Tadi Yang Berhormat Serdang kata senarai geran, geran-geran dekat Malaysia ini tak pernah dibayar balik. Saya harap geran ini kena bayar balik. Gerannya sebanyak RM68.5 juta untuk membiayai ladang sinergi dan program latihan bagi projek tersebut.

Jadi saya merasakan tujuan barang mewah seperti udang kara, hendak melariskan pasaran udang kara, kemudian memastikan kroni yang dipilih terus dapat keuntungan serta-merta. Saya difahamkan juga akan disalurkan pembekalan udang kara ini kepada sebuah restoran The Red Lobster dengan izin, di Intermark.

Jadi saya pohon kepastian, saya pinta, kerana kadang-kadang semua ini tidak dapat kita baca daripada iklan-iklan pro GST yang juga kami bayar menerusi pembayar cukai. Jadi saya berharap dapat dijelaskan apakah rasional projek tender terus, laporan impak alam sekitar tidak diluluskan tetapi sampai ke bahan mentah dikecualikan, dapat *zero rated* untuk memastikan *the supply were be made at the lower price* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang BR1M. Pada saya, saya sebut tadi yang saya bimbang ia tidak menyelesaikan masalah dari segi jangka masa panjang. Kajian Pew yang saya ambil melaporkan antara sebab utama kenapa *inequality* yang melebar di Malaysia adalah, 28% sebabnya gaji pekerja rendah, 27% pula sebabnya kerana dasar-dasar Kerajaan Malaysia yang tidak menekankan bagaimana untuk mengatasi masalah jurang pendapatan ini.

Jadi pada saya, cadangan balas harus diperkenalkan dasar untuk membantu rakyat. Tidak cukup dengan RM900 sebulan yang belum dilaksanakan sepenuhnya. Semasa saya selidik terdahulu, hampir 30 syarikat dikecualikan daripada pelaksanaan gaji minimum tetapi sekurang-kurangnya kita harus memberi rakyat RM1,200. Pelbagai kajian dilakukan oleh pakar-pakar dalam dan luar negara. Saya hendak sebut kerana sebelumnya...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Boleh saya habiskan dahulu? Yang Berhormat Bagan Serai, sebentar.

Saya hendak sebut kajian Profesor Dr. Fatimah Kari, saya juga sebut sebelumnya semasa baru-baru keluar, Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya.

Universiti Malaya sejak jam 4 petang tadi sudah jadi gelap gelita kerana elektrik tidak ada untuk memastikan individu-individu yang digelar dari Pakatan Rakyat tidak boleh masuk. Inilah antara taktik-taktik yang inovatif tetapi tidak menjadikan universiti tersebut tersohor di dunia.

Jadi Profesor Dr. Fatimah Kari menunjukkan menerusi potongan subsidi kerajaan secara berperingkat, disebut *the rationalization of subsidies*, rakyat khususnya isi rumah Melayu dan Bumiputera yang miskin adalah golongan paling terkesan kelak sama ada di bandar atau luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan ini dijangkakan akan kembali seperti era tahun 1970 dalam tempoh terdekat atau sederhana sekiranya isu jurang pendapatan tidak dikawal menerusi dasar kerajaan. Model ekonomi yang diguna pakai Dr. Fatimah menunjukkan potongan subsidi tersebut juga meningkatkan kadar kemiskinan di desa.

Terpenting, *this is the clincher*, dengan izin, BR1M dikenal pasti sebagai pemberian yang tidak mampu menyelamatkan rakyat daripada perangkap kemiskinan yang bakal menanti. Jadi ini bukan bermaksud bahawa saya tidak bersetuju dengan BR1M. Apa yang saya hendak bawakan di sini adalah penyelesaian itu haruslah bersifat dasar.

Silakan Yang Berhormat Bagan Serai, harap pendek. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Lembah Pantai yang kita nampak ini undang untuk orang kayalah, undang kara tadi. Akan tetapi Yang Berhormat Lembah Pantai tidak nampak kah banyaknya perkara yang tidak dikenakan GST?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Okey, terima kasih. Saya dah dapat *point*. Saya hendak habiskan ucapan saya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sekejap. Buah-buahan, roti, serbuk, mi, adakah ini dimakan sahaja oleh orang-orang kaya? Orang-orang miskin pun makan yang ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dapat *point*. *Thank you*, terima kasih

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Minyak tidak dikenakan. Oleh sebab itulah kena tengok betul-betul sebelum bercakap.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, harap potong. Saya sudah dapat *point*. Pendek, masa tidak panjang, ramai orang hendak berucap. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu masalah Yang Berhormat Lembah Pantai. Dia tidak mahu hendak dengar langsung.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri berwajib...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu masalah Yang Berhormat Lembah Pantai. Masalah orang kaya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Bagan Serai, harap hormat. Ini *floor* saya. Saya akan minta Menteri berwajib untuk jawab pasal saya soal secara spesifik undang kara yang dikecualikan yang tidak membantu bagi masyarakat yang berpendapatan rendah dan juga menengah.

■1850

Kesan pemotongan subsidi bahan api Tuan Yang di-Pertua, di sini mereka dapati pertambahan sebanyak 37.5% daripada bumiputera bandar dan 23.3% daripada bumiputera luar bandar akan berada dalam risiko miskin tegar kerana potongan subsidi bahan api. Mereka ini dikategorikan sebagai berisiko tinggi sekiranya terjadi kejadian yang tidak disangka. Jadi saya pohon Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan merenung sedalam-dalamnya impak yang bakal terkena kepada rakyat Malaysia khusus kepada golongan bumiputera dan warga miskin kota yang sering disebut dan diperjuangkan oleh UMNO dan BN.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan. Saya fikir sekarang ini sudah dalam keadaan yang amat serius. Kita jauh ditinggalkan dalam ranking internasional, antarabangsa oleh negara Vietnam apatah lagi oleh Korea Selatan dan Singapura. Saya tahu kerana inilah perbualan yang wujud antara ibu-ibu dan ayah-ayah di sekolah-sekolah kebangsaan. Bayangkan pakar dari Bank Dunia, Frederico Gil Sander menyatakan kualiti pendidikan yang menurun jauh lebih membimbangkan daripada masalah bebanan hutang isi rumah sekitar 140% berbanding pendapatan boleh guna.

Apa yang saya terkesan dalam belanjawan kali ini ialah pemotongan peruntukan. Latihan profesional guru-guru dikurangkan dari RM1.54 bilion kepada RM960 juta. Saya tidak faham apabila belanjawan kali ini memperuntukkan sebanyak RM9.4 bilion untuk pendidikan secara keseluruhan. Kenapa dikurangkan kepada latihan guru-guru? Ini kerana yang akan menjadi mangsa ialah pelajar. Kualiti pendidikan yang diterima berkait rapat dengan kualiti guru

yang mengajar. Jadi saya harap kerajaan mengambil kira. Perdana Menteri tidak boleh memotong dalam bab yang begitu fundamental kepada perkembangan anak-anak. Pada ketika peruntukan untuk JPM meningkat daripada RM16.45 bilion kepada RM19 bilion peningkatan sebanyak 15% seharusnya ditumpukan kepada masa depan anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua isu perumahan. Ini kerana apabila sudah tempang aras bagaimana kita mengira dan menjangkakan kehidupan rakyat terbawah maka kita juga harus melihat bagaimana dengan *target* dan sasaran bagi perumahan mampu milik. Malaysia ini – perumahan di Malaysia ini lebih tidak mampu dimiliki berbanding dengan Singapura, Jepun dan Amerika. Laporan Demografia melabelkan perumahan sebagai sangat tidak mampu dimiliki sekiranya harga rumah berada pada kadar 5.1 kali gaji tahunan rakyat sesebuah negara. Di Malaysia berada bukan 5.1 kali, 5.5 kali daripada gaji tahunan berbanding 5.1 di Singapura. Jepun, Tokyo, Yokohama hanya 4.4 sementara Osaka, Kobe, Kyoto pada kadar 3.5 sahaja. Saya juga merujuk kepada *household income survey* dan kadar pinjaman serta kemampuan kredit yang menunjukkan 75.9%, hampir 80% rakyat Malaysia tidak mampu memiliki rumah melebihi harga RM250,000 ke atas.

Sebanyak 52.8% tidak mampu memiliki rumah harga RM150,000 ke atas. Di Lembah Klang gaji minimum untuk beli rumah memerlukan pendapatan bermula RM9,360 sebulan seisi rumah. Seolah-olah memaksa orang kita terpaksa tinggal di Tanjung Karang untuk *to survive*, dengan izin. Laman web rumah mampu milik untuk Wilayah Persekutuan menyenaraikan projek perumahan mampu milik. Saya dapati di Kuala Lumpur yang paling murah RM269,900, The Parc Tower Setapak Jaya Baru. Di Lembah Pantai di Kampung Limau, kawasan saya – Kampung Limau ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua datang pun tahu *they cannot afford it* setinggi RM300,000. Di persoalan yang besar adalah siapakah warga-warga di antara kita yang dapat, mampu memiliki unit-unit tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan yang saya mahu tekankan di sini adalah di Malaysia RM900 sebulan hanyalah RM4.33 sejam. Saya hendak banding dengan Shenzhen, China RMB16.5 sejam, tukar RM8 sejam berbanding dengan di Malaysia RM4.33 sejam. Jadi pada saya harus diambil kira dengan serius kerana pekerja di Malaysia tidak dibayar gaji secara setimpal sebanyak 45%. *Their productivity is higher than how much they bring home*, dengan izin.

Ya, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang lagi?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Hendak habis sudah, terima kasih. Saya dapat baca *body language*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk mengambil kira tanggungjawab memimpin dengan adil dan saksama. Kita mahukan badan keselamatan yang profesional, negara yang makmur. Kesemua ini mampu kita kecapai menerusi pengurusan kenegaraan yang mementingkan rakyat bukan sesetengah mereka yang terpilih. Dari segi kehakiman kerajaan harus hentikan pendakwaan secara terpilih.

Kita tanya kenapa mantan Presiden MCA tidak didakwa? Kita tanya kenapakah Peguam Negara tidak merayu kepada keputusan mahkamah berkait dengan Razak Baginda dalam kes pembunuhan Altantuya? Ini persoalan yang serius kerana ditanya oleh mereka dalam negara, mereka di luar negara. Justeru saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan memetik kata-kata daripada Syeikh Yusuf al-Qaradawi, Presiden Kesatuan Antarabangsa Ulama Islam Sedunia. *“Puji terhadap Malaysia itu amat membanggakan saya.”* Pertama berkait dengan kes Anwar Ibrahim, Permatang Pauh.

Beliau menyebut;

“Mahkamah sebelum ini telah membebaskannya daripada tuduhan itu. Akan tetapi jelas bahawa terdapat pihak yang merekayasa komplot dan tidak mempedulikan kebaikan negara dan masa depan rakyat”.

Dia sebut lagi tentang Malaysia.

“Sesungguhnya kami percaya bahawa kemajuan Malaysia, kebangkitan dan kekuatannya terpancar daripada ketinggian nilai-nilai kebebasan dan demokrasi dan pengukuhan prinsip-prinsip kepelbagaian pemikiran serta persaingan yang mulia demi berkhidmat untuk negara yang berdaulat ini.”

Kita semua punyai tanggungjawab. Apa yang saya pinta Yang Berhormat Pekan, Perdana Menteri bila merangka pelan belanjawan apa sekalipun fikirkan tentang masa depan yang kita akan tinggalkan buat rakyat Malaysia secara keseluruhan. Terima kasih, saya menyokong yang baik tetapi kebanyakannya tidak baik, saya harap dapat diperbaiki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, ya Yang Berhormat Kota Samarahan, selepas itu Yang Berhormat Sepang.

6.58 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya memanjat rasa syukur ke hadrat Allah SWT dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang untuk saya untuk turut sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2015.

Pertama sekali tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang bertemakan, “Ekonomi Keperluan Rakyat” yang amat bertepatan dengan keperluan dan aspirasi semasa pelbagai lapisan rakyat demi mentransformasikan kualiti kehidupan yang lebih bermakna dan konsisten. Berasaskan pelbagai inti pati dan sorotan yang lengkap, maka saya melihat adunan bajet kali ini amat bertepatan dengan arus transformasi pembentukan masyarakat dan negara yang berupaya merealisasikan acuan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet 2015 yang bertemakan “Ekonomi Keperluan Rakyat” inti pati tujuh strategi utama yang ditetapkan cukup bersifat menyeluruh dan merangkumi setiap aspek kehidupan rakyat Malaysia. Tujuh strategi bajet berkenaan iaitu memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, memantapkan tadbir urus fiskal, mengupayakan

modal insan dan keusahawanan, memperkasakan agenda bumiputera, memartabatkan peranan wanita, membangun peranan transformasi belia negara dan mensejahterakan rakyat jelas menunjukkan keprihatinan dan konsistensi kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memelihara keseimbangan pembangunan rakyat dan aspirasi negara.

■1900

Secara ringkasnya Bajet 2015 memperuntukkan sejumlah RM273.9 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM9.8 bilion berbanding peruntukan pada tahun 2014. Petunjuk pemikiran strategik yang dipaparkan memperlihatkan pada tahun 2015 kutipan hasil Kerajaan Persekutuan diunjurkan sebanyak RM235.2 bilion yakni peningkatan sebanyak RM10.2 bilion berbanding pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan bajet ekonomi kesejahteraan rakyat juga memberikan ruang kepada kerajaan secara berterusan menyediakan ekosistem yang kondusif dan komprehensif dalam melonjakkan pelaburan domestik dan asing secara konsisten. Impaknya saya amat yakin komitmen dan iltizam yang ditunjukkan berjaya membantu mewujudkan suasana ekonomi sejagat yang konstruktif dalam masa yang singkat tetapi kekal anjal untuk diwarisi kepada generasi kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam mengurus tadbir kembali subsidi bagi memastikan subsidi kerajaan lebih dinikmati oleh golongan yang wajar menerima bantuan. Dalam proses penyusunan kembali subsidi ini pelbagai bantuan dapat disalurkan seperti BR1M dan pelbagai bantuan pembangunan negara kelak. Kerajaan juga prihatin dalam kos sara hidup yang semakin meningkat dan melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan pendekatan yang ditetapkan, saya yakin strategi sebegini dapat membantu mengurangkan kos yang ditanggung oleh rakyat pada masa ini. Melalui pelaksanaan GST yang akan diperkenalkan pada April 2015, kemampuan negara memperoleh pendapatan dijangka RM235.2 bilion pada tahun hadapan. Sebanyak RM4.9 bilion daripada hasil GST akan disalurkan untuk keperluan rakyat melalui pakej-pakej bantuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Justeru itu melalui penelitian saya segala bentuk perancangan pembangunan diterjemahkan oleh kerajaan sejajar dengan peredaran masa, ekonomi negara dan juga pencapaian ekonomi global antara negara-negara maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya kemukakan di sini ialah isu pendidikan. Sistem pendidikan negara kita telah mengalami evolusi penting sejajar dengan pembangunan dan kemampuan negara. Evolusi pendidikan ini telah melalui lima fasa iaitu di antaranya fasa pra merdeka, zaman pascamerdeka, zaman Dasar Ekonomi Baru, zaman dasar pembangunan negara dan zaman dasar wawasan negara. Dalam proses evolusi tersebut terdapat banyak isu dan cabaran telah berlaku. Kerajaan berjaya dan menyedari bahawa pelaburan dalam bidang ini ialah prasyarat kepada perjalanan penjana tamadun negara yang produktif, makmur dan sejahtera sepanjang hayat. Setiap tahun kita menyaksikan peruntukan besar diberikan kepada bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM56 bilion ataupun 20% dalam bajet diberikan kepada sektor pendidikan membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memantapkan sektor pendidikan. Berdasarkan peruntukan sebanyak RM800 juta yang disediakan untuk sekolah, saya amat berharap agar peruntukan ini dapat disalurkan untuk menaiktarafkan

sekolah-sekolah di sekitar Kota Samarahan. Daripada sebuah kampung kecil dengan penduduknya menjalankan aktiviti pertanian kecil-kecilan, Kota Samarahan kini membangun sekali gus menjadi sebuah sub bandar dan dikenali sebagai kota ilmu.

Pembangunan berasaskan pendidikan yang dilaksanakan di kawasan ini telah menjana peluang ekonomi kepada penduduk. Senario yang wujud secara nyata memberikan ruang kepada mereka untuk mempelbagaikan kegiatan bagi meraih semaksimum mungkin pendapatan serta menawarkan peluang pekerjaan. Pembinaan pelbagai pusat pengajian tinggi awam dan swasta dan pusat penyelidikan telah menjadikan Samarahan menjadi fokus ataupun tumpuan orang ramai. Namun begitu, apabila kita bercakap berkaitan dengan perkembangan ilmu, kemahiran dan nilai di Kota Samarahan, petunjuk penanda aras terbaik Kota Samarahan sebagai kota ilmu di Sarawak tidak berupaya diimbangi dengan kemampuan pembinaan prasarana sekolah rendah dan sekolah menengah. Saban hari pertumbuhan kawasan perumahan, pembesaran kampung dan hartanah bagai cendawan tumbuh selepas hujan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kapasiti pendidikan khususnya sekolah menengah di kawasan ini hanyalah bergantung kepada tiga buah sekolah menengah iaitu SMK Wira Penrissen, SMK Kota Samarahan dan SMK Muara Tuang. Setiap sekolah ini terpaksa menampung lebihan pelajar dan ada sekolah mencapai 2,500 orang pelajar. Secara relatifnya berdasarkan kedudukan semasa didapati kapasiti sebuah bilik kelas telah melebihi 45 orang pelajar. Tambahan pula dengan kemudahan dalam sekolah yang amat terhad mengundang kesan langsung kekusaran dan kebimbangan di kalangan kepimpinan sekolah dan juga ibu bapa. Perkara yang paling merisaukan kita dari sudut keperluan psikologi pembelajaran di kalangan para pelajar. Dalam hal ini para pelajar terpaksa melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam dunia kelas terapung setiap hari. Situasi begini sememangnya memberikan kesan negatif terhadap prestasi pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sebagai sebuah bandar kota ilmu seharusnya kawasan ini perlu mempunyai kesinambungan dari segi prasarana sekolah. Oleh yang demikian, kita amat berharap peruntukan RM800 juta melalui Bajet 2015 ini dapat disalurkan kepada bahagian Samarahan untuk menyelia ataupun menyelaras sekolah-sekolah, kemudahan-kemudahan sekolah di kawasan kita. Dengan permohonan pembinaan sekolah menengah yang baru seperti sekolah menengah Seri Samarahan dapat mempertingkatkan lagi kemudahan prasarana bagi menampung pertambahan pelajar yang kian hari kian meningkat.

Di kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan suara permohonan hati rakyat di Kota Samarahan agar Kementerian Pendidikan dapat menaiktarafkan SMK Muara Tuang ataupun kelulusan ganti semula dipertimbangkan dalam bajet ini. Begitu juga permohonan dewan sekolah bagi SMK Asajaya dan SMK Kota Samarahan dapat diberikan ruang kerana dengan wujudnya dewan ini dapat memperkemaskan lagi sistem pendidikan di sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah isu pendidikan saya ingin menekankan lagi satu isu iaitu berkaitan dengan permohonan pembinaan UNIMAS. Perkara ini saya rasa telah disentuh oleh Yang Berhormat Limbang tadi, namun begitu saya tertarik untuk memperhalus permohonan ini memandangkan pada minggu lepas satu perjumpaan, satu dialog bersama pemimpin masyarakat dan tenaga akademik dan ini merupakan isu ataupun perkara yang amat

diperlukan pada masa ini di Kota Samarahan khasnya untuk meningkatkan sistem pembelajaran di UNIMAS. Saya menyuarakan hasrat warga UNIMAS, Kota Samarahan agar dibina sebuah hospital pelajar memandangkan keperluan bagi memastikan sistem pendidikan khasnya fakulti perubatan berjalan dengan baik dan lancar. Fakulti Perubatan UNIMAS telah ditubuhkan sejak 20 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1995 dan telah menghasilkan ramai graduan, doktor-doktor dan juga jururawat-jururawat profesional. Pada masa ini kampus tetap untuk fakulti perubatan telah dipindahkan daripada bangunan berdekatan dengan hospital umum dan sudah ditempatkan di tapak kekal UNIMAS di Kota Samarahan dan kita mengharapkan fakulti perubatan ini dilengkapi dengan pembinaan hospital pelajar bagi fakulti perubatan.

■1910

Keseriusan untuk membina hospital ini amat jelas sekali bukan saja memberi faedah dan manfaat kepada fakulti perubatan di UNIMAS untuk mendapat sistem pendidikan yang bagus, sistem pendidikan yang terbaik kerana kita pun mengetahui bahawa hospital Kementerian Pendidikan tidak sejajar dengan keperluan hospital pengajar bagi universiti. Jadi, kita amat berharap pertimbangan diambil untuk memastikan Hospital UNIMAS ini dapat dilaksanakan di Kota Samarahan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya berkaitan dengan ekonomi luar bandar. Kawasan luar bandar merupakan salah satu penyumbang utama ekonomi dari sudut pelbagai sektor dan bidang. Perusahaan kecil dan sederhana begitu penting pada hari ini kerana PKS mewakili 97.3% daripada semua perniagaan di Malaysia dan menyumbang 32.4% kepada KDNK dan 56% tenaga kerja serta menyumbang 19% daripada jumlah eksport. Oleh yang demikian, saya amat yakin bahawa masih terdapat ruang bagi meningkatkan lagi tahap produktiviti di kalangan PKS.

Saya mengalu-alukan peruntukan dana sebanyak RM375 juta oleh SME Bank dan juga pelabur swasta yang dinyatakan dalam Bajet 2015 ini. Dana yang disediakan ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan usahawan desa dan luar bandar terutama dalam melakukan satu anjakan paradigma dalam usahawan mereka. Saya ingin menyarankan agar kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan dan prasarana bagi mewujudkan lebih banyak kawasan industri PKS terutama kepada usahawan bumiputera. Kawasan Kota Samarahan tidak ketinggalan untuk memohon peruntukan bagi tujuan berkenaan.

Namun begitu satu lagi masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha produk tempatan ialah tiada ruang dan peluang untuk melakukan pemasaran produk mereka. Kebanyakan peniaga-peniaga hanya melakukan pemasaran produk melalui jualan dan perniagaan di tepi jalan tanpa pengurusan yang baik dan tersusun. Oleh itu, saya ingin mencadangkan di sini agar kementerian dapat mewujudkan *marketing group* atau pusat produk tempatan di Asajaya bagi mengurus pemasaran produk-produk tempatan berkenaan.

Dengan wujudnya pusat produk tempatan ini, saya harap dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat setempat dan memudahkan hubungan antara masyarakat setempat dengan golongan usahawan yang lebih besar. Begitu juga bantuan dan khidmat daripada kumpulan profesional seperti FAMA dan LKIM amat diperlukan untuk membantu usahawan-usahawan tempatan untuk meneroka pasaran yang lebih luas di luar sana. Tuan

Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.26 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi pembangunan dan operasi mempergiatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja serta aktiviti keusahawanan. Walau bagaimanapun saya merasakan peruntukan ini lebih tertumpu kepada peningkatan sendiri wanita di bandar.

Oleh yang demikian, saya amat berharap kementerian dapat memperuntukkan dana ini untuk pembangunan wanita di luar bandar seiring dengan keperluan wanita di bandar. Bagi kawasan Kota Samarahan, pelbagai aktiviti keusahawanan melibatkan wanita tempatan telah dilaksanakan. Diharap kementerian dapat terus memberi peluang kepada golongan ibu tunggal yang berminat dalam keusahawanan dan memberi bukan saja dana malah bantuan perkhidmatan dan bimbingan.

Selain daripada itu, saya ingin juga membawa suara wanita Samarahan dan Sarawak khususnya untuk memohon agar kerajaan meneruskan program *Purple DNA Project* yang sebelum ini berjaya melahirkan pelbagai kelompok wanita dalam pelbagai bidang. Program *Purple DNA Project* berjaya memperkasakan ekonomi golongan keperluan khas menggunakan pendekatan keusahawanan sosial yang menyediakan peluang perniagaan secara tersusun untuk meningkatkan pendapatan peserta. Produk yang dihasilkan juga telah berjaya memasuki pasaran antarabangsa dan jelas menunjukkan keberhasilan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana keprihatinan dengan pembangunan penduduk Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan RM45 bilion bagi menaik taraf kemudahan dan infrastruktur di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, kita ingin mengambil kesempatan di sini agar Kota Samarahan diberi peruntukan memandangkan Kota Samarahan masih mengalami masalah bekalan air bersih yang tidak mencukupi memandangkan kemudahan yang sedia ada tidak dapat menampung peningkatan jumlah penduduk di kawasan berkenaan. Kita amat berharap peruntukan sebanyak RM394 juta yang disediakan untuk program bekalan air bersih luar bandar dapat membantu mengatasi masalah air bersih ini di beberapa kawasan di Kota Samarahan. Harapan kita juga projek bekalan air Asajaya fasa dua dapat dipertimbangkan dalam bajet ini. Sebagai sebuah bandar tumpuan selain Kuching, seharusnya masalah air ini perlu diselesaikan dengan seberapa segera.

Begitu juga kita menarik perhatian kementerian untuk meningkatkan lagi pembekalan elektrik di kawasan Parlimen Kota Samarahan. Peruntukan sebanyak RM1.1 bilion di harap dapat membantu masalah elektrik yang membelenggu kawasan luar bandar khasnya kawasan Asajaya dan Sadong Jaya. Kampung-kampung di Kota Samarahan sering mengalami *breakdown* disebabkan kapasiti elektrik dan juga permohonan RES yang masih banyak perlu dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik peruntukan RM26 juta untuk mendirikan tambahan sepuluh batang tiang lampu di 22 kampung di seluruh negara berikutan terdapat kampung-kampung yang belum mempunyai kemudahan ini. Saya amat berharap Kementerian Luar Bandar dapat mempercepatkan penyambungan bekalan elektrik berkenaan kerana ia dapat memberikan keselesaan kepada penduduk-penduduk kampung. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga memohon kepada Kementerian Luar Bandar dapat

mempertimbangkan jaringan-jaringan jalan raya kampung dan kawasan pertanian di Asajaya dan Samarahan. Hal ini amat penting bagi memastikan hasil pertanian dapat dikeluarkan dan dipasarkan dengan baik.

Tambahan pula Kota Samarahan menjadi hab hubungan di antara bandar-bandar sekitar iaitu Asajaya, Samarahan dan Serian. Jika jaringan jalan raya dipertingkatkan, bukan saja memudahkan pergerakan rakyat malah membantu pertumbuhan ekonomi kawasan sekitarnya. Dalam hal berkaitan jalan raya juga kepadatan penduduk yang kian bertambah menyebabkan jumlah kenderaan yang melalui Kota Samarahan semakin meningkat. Contohnya di Jalan Dato Mohd Musa yang sering mengalami masalah kesesakan yang sangat tinggi. Oleh yang demikian saya mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat melebarkan lagi jalan Dato Mohd Musa atau pun menyediakan inisiatif lain seperti mewujudkan *flyover* di kawasan ini dan juga membekalkan lampu jalan di sepanjang jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan yang baik merupakan asas kehidupan yang lebih produktif. Kerajaan juga sedang berusaha menjaga kebajikan rakyat Malaysia dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kesihatan. Di Samarahan kita mempunyai dua pusat kesihatan dan dua klinik desa. Oleh yang demikian kita mengharapkan peruntukan pada tahun ini dapat membantu kita meningkatkan lagi kemudahan prasarana, klinik kesihatan di Kota Samarahan, khususnya Klinik Kesihatan Kota Samarahan. Klinik ini terlampau sempit dan juga menempatkan pelbagai perkhidmatan dan kita rasa keselesaan perkhidmatan yang disediakan oleh klinik kesihatan ini tidak dapat dinikmati oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan utama rakyat di Kota Samarahan ialah pertanian khususnya sebagai peladang dan juga nelayan selain bekerja di sektor swasta dan sektor awam. Melalui peruntukan RM6 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan cadangan kerajaan membuka 65 buah pasar tani kekal dan 50 buah pasar ikan, diharap kerajaan dapat membina pasar jualan di kawasan Kota Samarahan bagi membantu peniaga-peniaga tempatan mendapat ruang perniagaan yang lebih selesa.

■1920

Pada masa ini, penjual-penjual ikan hanya menjual kepada orang tengah dan juga menjual di kawasan-kawasan yang tidak strategik menyebabkan kurang pendapatan bagi para nelayan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya gulung.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya pengisian bajet kali ini menjadi inspirasi untuk kerajaan dan rakyat bersama-sama menjayakan Program Transformasi Kerajaan dan ia menjadi satu batu loncatan ke arah anjakan paradigma dalam memajukan negara dan segenap pelosok aspek kehidupan. Dasar ekonomi yang berorientasikan rakyat meliputi keutamaan-keutamaan, kepentingan-kepentingan rakyat seperti kos sara hidup pendapatan isi rumah, peluang pendidikan, peluang pekerjaan, peluang perniagaan, kualiti hidup, perumahan, latihan, kemahiran, keusahawanan dan keselamatan. Saya yakin bajet ini akan benar-benar memberi kesejahteraan dan keselesaan kepada rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Kota Samarahan mohon menyokong bajet ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Silam. Ada Yang Berhormat Silam? Yang Berhormat Silam ada? Oh, Yang Berhormat Labuan. Sila.

7.21 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan perbincangan ini dengan menyatakan- berkongsilah rasa lucu, rasa geli hati dengan ucapan daripada wakil-wakil khususnya daripada Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak yang menyokong GST, yang kita tahu bahawa cukai GST ini adalah cukai yang berbentuk regresif yang mana kesan yang paling ketara rakyat yang miskin akan menanggungnya dan kita tahu secara relatifnya masih ramai lagi rakyat Sarawak dan Sabah yang dalam kesusahan. Jadi apabila Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak ini menyokong GST, memang satu perkara yang menggelikan hati kitalah... *[Dewan riu]*

Kedua, saya juga geli hati, saya juga rasa lucu apabila Yang Berhormat Jasin dalam ucapannya mengatakan, "*Saya mewakili rakyat Jasin yang miskin.*" Persoalannya, sejak bila pula Parlimen Jasin ini pernah dimenangi oleh pembangkang? Yang saya tahu, semenjak pilihan raya yang pertama sampailah sekarang Jasin sentiasa diwakili oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional. Bagaimanakah setelah lama Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional mewakili rakyat Jasin, tiba-tiba Yang Berhormat Jasin masih mengatakan saya mewakili ramai rakyat miskin di Jasin. Ini menunjukkan bahawa kegagalan Barisan Nasional dari segi kata orang itu *alleviate*, dengan izin, kemiskinan di kalangan rakyat Jasin. Begitu juga beliau apabila menyatakan kehilangan tanah-tanah Melayu. Yang Berhormat Jasin, selama ini yang masih perintah ialah Barisan Nasional. UMNO adalah parti yang menjadikan Bahasa Melayu itu sebagai ia punya tunggak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masuk semula Yang Berhormat Jasin nampaknya nanti dalam Dewan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apalah, *it's okay.* Memang saya hendak *provoke* dia sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oleh sebab tadi saya bangun, dia tidak hendak bagi . Saya hendak katakan kepada Yang Berhormat Jasin bahawa bukan sahaja tanah orang Melayu, kalau kita hendak bercakap tentang kegagalan UMNO menjaga kepentingan Melayu ini boleh baca buku "*The Color of Inequality*". Ini tulisan daripada Profesor Muhammed Abdul Khalid. Seorang yang saya rasa ahli ekonomi yang telah membentangkan dengan seperti mana kata-kata pendahuluan dia yang mengatakan bahawa – ada buku itu tetapi kalau tidak faham lagi tidak tahulah. Saya hendak mengatakan bahawa kalau ada buku itu masih sokong UMNO lagi memang peliklah. Mungkin Bahasa Inggeris tidak faham, sebab itu masih sokong UMNO lagi.

Akan tetapi buku itu mendedahkan kegagalan UMNO. Kegagalan UMNO untuk mempertahankan agenda bumiputera... *[Disampuk]* Ini bumiputera baik GLC kah, baik individu kah, dari segi pendidikan buku ini menyatakan adalah kegagalan yang antaranya kegagalan

Barisan Nasional iaitu UMNO. Jadi pelik apabila Yang Berhormat Jasin ini masih lagi- sudah hampir 50 tahun masih lagi mengadu hilangnya kepentingan tanah-tanah Melayu. Bukan sahaja tanah Melayu, banyak lagi. Bahasa Melayu siapa yang pertahankan? Jadi saya hendak mengatakan Yang Berhormat Jasin kalau boleh sebelum bercakap itu kena tahu apa yang hendak di cakap itu. Itu yang pertama, saya mulakan dahulu dengan adegan lucu dululah.

Seterusnya saya hendak mengatakan bahawa bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga, bagi saya satu bajet yang kehilangan *priority*, keutamaan. Saya hendak bagi contoh, bajet ini antaranya memperuntukkan RM30 juta untuk mencetak Al-Quran. Saya hendak tanyalah kepada kementerian usul kepada Kementerian Kewangan. Adakah apabila kita mencetak Al-Quran ini dengan kita *spend* RM30 juta hendak menjadi yang kedua selepas Arab Saudi menunjukkan bahawa kita ini kononnya cintakan Al-Quran? Sebenarnya Al-Quran mengehendaki kita bukan untuk *print* Al-Quran, yang Al-Quran ajar kita ialah supaya kita bagaimana melaksanakan ajaran Al-Quran. Itu pentingnya.

Al-Quran kata dalam Surah Taha... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Untuk Yang Berhormat Lenggong saya hendak terjemahlah, mungkin dia tidak faham... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Sesiapa berpaling daripada Al-Quran, Allah SWT janji kehidupan yang sempit*". Kehidupan yang penuh dengan cacamerba. Sekarang kita telah melihat, kita bercakap tentang Al-Quran, Al-Quran kata... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "*Wahai orang yang beriman, tunailah janji*".

Kerajaan Barisan Nasional melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji di seluruh negara. Oleh kerana sekarang telah disebarkan melalui Internet, makna seluruh dunia telah dengar janji daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita akan menghapuskan Akta Hasutan. Al-Quran kata kalau sekiranya kita janji, kita kena laksanakan. Kenapakah sampai sekarang kerajaan tidak mahu kotakan janji itu? Apa guna kamu cetak Al-Quran RM30 juta? Saya hendak katakan RM30 juta itu lebih baik kamu gunakan untuk menolong rakyat khususnya *hardcore*. Rakyat yang betul-betul *hardcore* dari segi kemiskinan ini, itu ajaran Al-Quran. Oleh sebab itu ayat Al-Quran dalam Surah Al-Maun... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], Allah SWT menyifatkan orang yang menipu agama antara orang yang tidak ambil kisah tentang orang miskin.

Oleh sebab itu saya hendak mengatakan bahawa, jangan bangga dengan RM30 juta cetak Al-Quran. Shah Iran masa memerintah Iran, di samping kezaliman dia juga cetak Al-Quran. Berbangga dengan dia cetak Al-Quran. Akan tetapi di sana dia bertindak zalim kepada rakyat dia. Ini bagi saya bukan *priority*, kita mesti "*Taqdimul Aham Minal Muhim*", kita mesti mengutamakan yang lebih penting daripada yang penting. Adakah cetak Al-Quran ini kita hendak sama, hendak lawan Arab Saudi atau hendak duduk nombor dua? Apa yang kita bangga dengan Arab Saudi ini? Dari segi *track record human right, failed*. Dari segi hendak-banyaklah kalau hendak cerita dari segi demokrasinya, dari sudut bagainya apa yang kita boleh banggakan, yang kita hendak sibuk sangat. Hendak tunjukkan bahawa kita sebuah negara Islam mencetak Al-Quran. Persoalannya di mana Al-Quran dalam sistem politik kita? Di mana Al-Quran dalam kita melaksanakan polisi-polisi dalam negara kita?

Begitu juga saya hendak tanya kepada kerajaan, apa rasionalnya kita hendak wujudkan sampai *target* sampai 2023, 60,000 *PhD holder* dalam Program *MyBrain*. Kita hendak lahirkan *PhD holder*, hendak lahirkan Profesorlah ini, yang kita hendak lahirkan bukan setakat orang yang ada PhD. Apa guna orang ada PhD seperti Profesor Azmi Sharom, seperti Profesor Dr. Abdul Aziz Bari, seperti profesor yang tidak boleh balik ke Malaysia itu, yang belajar di *Columbia University*. Profesor Adli dan juga isterinya Mutiara.

■1930

Ini orang yang dikatakan mereka yang mempunyai bukan sahaja ilmu yang tinggi tetapi memang seorang ilmuwan. Aidil Bahari, pakar Perlembagaan. Profesor Azmi Shahrum juga pakar Perlembagaan. Tiba-tiba orang yang ada PhD ini, apa kita buat dalam negara kita?

Saya rasa tidak ada dalam sebuah negara, seorang yang memberikan pendapat undang-undang berkaitan dengan bidang dia, tiba-tiba didakwa di mahkamah. Malaysia sahaja yang ada sebuah negara yang boleh mendakwa seorang profesor undang-undang di mahkamah kerana bercakap tentang undang-undang.

Oleh sebab itulah saya rasa program *MyBrain* ini dia akan *going to drain*lah sebab bagi saya, kalau kita hendak buat *MyBrain* pun, kita tak harus hanya *confine* kepada hendak dapat PhD. Saya hendak tanya, apa guna dapat PhD kalau profesor pun kadang-kadang macam profesor kangkung? Ada profesor yang sanggup bercakap untuk hendak *please* kerajaan yang memerintah. Apa yang kita hendak ialah supaya program *MyBrain* ini, duit yang dibelanjakan RM112 juta itu betul-betullah satu program yang memang betul-betul kita, apa yang dipanggil mementingkan kepentingan *brain* itu... [Disampuk] Ha! Apa ya Yang Berhormat Lenggong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Lenggong hendak bangun, saya bagi, tak ada masalah.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang berkaitan dengan isu *wealth accumulation* ataupun pengumpulan kekayaan. Saya ingin menyatakan bahawa satu perkara yang agak yang telah pun dibangkitkan dalam buku ini... [Menunjukkan beberapa naskhah buku] Yang saya rasa saya ingin berkongsi di sini di mana buku ini menyatakan kerajaan seharusnya menumpukan soal bukan perbezaan pendapatan ataupun *income disparity* tetapi lebih penting adalah bagaimanakah kita boleh memastikan pemilikan kekayaan negara ini dapat dimiliki secara adil dan *equitable*.

Rasionalnya begitu jelas kerana apabila seorang yang berpendapatan tinggi, seorang bapa dan ibu yang berpendapatan tinggi, dia tidak boleh memindahkan, tidak boleh *transfer salary* itu kepada anak dia. Apa yang dia boleh adalah memindahkan dalam bentuk *landed property*. Oleh sebab itulah buku ini menyatakan, kalau kita lihat kepada pemilikan harta, rupanya memang masih lagi berlakunya satu jurang yang begitu dalam antara orang kaya dan orang yang miskin.

Saya hendak bagi contoh bagaimana kita lihat negara kita betapa walaupun dalam bajet ini mengutarakan dua polisi untuk hendak meminta supaya rakyat memiliki harta, tetapi realitinya, realiti yang berlaku adalah kenaikan *income* untuk tempoh beberapa dekad ini terlalu rendah dibandingkan dengan kenaikan harga rumah. Kenaikan harga rumah, dalam buku ini

menyatakan daripada tahun 1978 sampai ke tahun 2000 lebih, dia kata apa? Lebih kurang kenaikan dia sampai 155% sedangkan kenaikan gaji pekerja-pekerja ini kita kata kalau contohnya keranikah ataupun mana-mana yang bekerja di tempat-tempat ataupun di ibu kota ini, kenaikan dia begitu rendah. Kalau 60% naik sekali pun untuk tempoh beberapa tahun, dia terlalu jauh dibandingkan dengan kenaikan harga barangan dan juga kenaikan harga *property* ini.

Jadi bagi lepasan-lepasan ijazah ini yang baru sahaja keluar universiti, mereka memerlukan tempoh masa yang begitu panjang untuk memiliki harta. Kerana apa? Walaupun mereka mungkin dapat gaji RM2,000 atau RM3,000 bekerja di Kuala Lumpur, gaji yang diterima itu tidak memungkinkan untuk mereka memiliki harta sebab kenaikan harga rumah khususnya, terlalu mendadak. Apatah lagi Malaysia ini mengamalkan dasar iaitu orang-orang luar boleh memiliki harta. Tidak seperti Singapura, Filipina dan juga Thailand.

Di Malaysia, orang Singapura boleh memiliki harta. Kalau di Johor itu, permintaan ke atas rumah-rumah yang banglo dan sebagainya memang tinggi kerana ramai orang Singapura yang mampu beli. Sudah tentu pemaju yang ingin dapatkan keuntungan, dia akan buat rumah-rumah begitu.

Persoalannya, adakah kerajaan telah membuat satu kajian ataupun *concern* dengan kajian-kajian yang dibuat oleh seperti Profesor Mohamad ini yang menunjukkan bahawa *wealth accumulation* di Malaysia ini, jurang dia begitu dalam antara orang-orang miskin dengan orang-orang orang kaya.

Jadi saya hendak mengatakan, kerajaan mestilah mempunyai satu dasar yang jelas, satu formula yang jelas untuk menyelesaikan masalah jurang perbezaan dari segi *wealth accumulation* ini. Ini kerana, jika kita tidak mendepani ataupun tidak bersungguh-sungguh mencari satu formula bagi menyelesaikan masalah ini, apa sahaja program yang dibuat oleh kerajaan dalam bentuk *ad hoc*, dalam bentuk *one-off* ini, dia hanya mungkin *politically* popular. Dia mungkin satu polisi yang populis tetapi untuk jangka panjang, dia tidak membantu rakyat.

BR1M sebagai contoh, dia bukan satu program yang *sustainable*. Dia hanya boleh membantu mungkin untuk jangka pendek. Oleh sebab itulah negara-negara, di dalam majalah *Ekonomi*, dalam majalah *Guardian*, mereka telah sekarang ini...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Kacau kejam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada orang bangun?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Ada, Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang ini. Ini bercakap pasal BR1M ini. Dulu RM300, selepas itu naik RM600, ini RM900. Satu tahun RM1,500, RM3,000, RM6,000, RM7,000 ini, sampai bila dan dekat mana dia punya silingnya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya percaya siling itu akan berhenti kalau Barisan Nasional pun berhenti [Ketawa] Itu siling dia. Selagi ada Barisan Nasional, khususnya dekat hendak pilihan raya, tengok lah nanti. Satu tahun lagi hendak pilihan raya, mungkin kita akan menyaksikan kenaikan

yang mungkin tak munasabah. Akan tetapi dia boleh buat sebab saya kata tadi, ini adalah polisi yang populis. Polisi yang memang memudahkan untuk kita hendak menipu rakyat di Jasin, di tempat-tempat orang Sabah dan Sarawak. Memang popular. Apabila kita bercakap soal... [Disampuk] Di Lenggong memang pun isu macam itu senang. Cuba bercakap di Shah Alam, cuba bercakap di kawasan-kawasan bandar, memang tak dapatlah.

Saya hendak katakan bahawa kalau kerajaan bercakap tentang, saya setuju dengan kerajaan bahawa memang rasionalisasi subsidi ini memang dari segi ekonominya boleh kita, *it is viable*. Memang orang kata subsidi ini *stop the market*, sebabnya subsidi dalam bentuk pukal ini adalah subsidi yang tidak pergi kepada sasaran. Akan tetapi dalam rasionalisasi subsidi itu sendiri pun, kita masih boleh pertikaikan.

Kerajaan sebagai contoh, kata kita *cut-off* ataupun kita *slash* subsidi dari segi petroleum, tetapi kalau ikut dalam Laporan Ekonomi, termasuk juga subsidi ini ialah pampasan kepada untuk *toll concession*. Maknanya pemegang-pemegang konsesi ini juga apabila dia tak naikkan tol, mereka juga dapat subsidi. Maknanya, mereka dapat subsidi. Sebagai contoh, Lebuhraya Damansara-Puchong. LITRAK tak naikkan tol, tahun 2014 didedahkan sampai RM89 juta dapat subsidi. RM89 juta itu siapa yang untung? Rakyat ataupun pemegang konsesi? Di mana rasionalisasinya?

Dalam Laporan Ekonomi Tahun 2014 ini menyatakan bahawa termasuk subsidi itu adalah pampasan kepada pemegang tol. Jadi kerajaan mengakui bahawa pemberian RM89 juta sebagai contoh kepada LITRAK, satu syarikat yang sudah kaya, dapat lagi RM89 juta. Sudahlah naik tol itu dah untung, selepas itu tak naikkan tol, dapat pula pampasan dalam bentuk subsidi. Saya hendak tanya dari segi rasionalisasi, mana rasionalnya? Syarikat sudah kaya, dapat pula subsidi lagi. Yang ini kenapa kerajaan tak cakap? Yang ini kenapa kerajaan tidak *slash*? Kalau betul kita hendak minta rakyat supaya, hendak tolong rakyat, kenapakah dalam hal ini kita tidak tolong rakyat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, silakan.

■1940

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang, apakah tindakan kerajaan sementara untuk merealisasikan subsidi tetapi untuk IPP tidak ada dikenakan apa-apa penarikan untuk mereka. Adakah ini disebabkan IPP itu milik kerajaan atau milik *share partner* kerajaan ataupun milik individu yang tidak boleh diganggu gugat? Apa pendapat Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya rasa ini, terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Ini termasuk dalam dipanggil budaya *rank sinking*, apabila syarikat-syarikat ini, kita tahu syarikat-syarikat ini memang syarikat-syarikat yang ada hubungan dengan pemimpin-pemimpin itu dalam Barisan Nasional. Apabila mereka ini diberikan kontrak, diberikan konsesi yang *load sided*, ini bukan kita cakap. Ini TNB sendiri, Petronas semua mengatakan perjanjian konsesi IPP ini ialah perjanjian yang *load sided* yang memang menguntungkan sebelah pihak. Seperti mana juga perjanjian yang melibatkan pembinaan lebuhraya. Semuanya tidak memihak kepada rakyat. Walaupun kerajaan memeterai perjanjian itu bagi pihak rakyat.

Sepatutnya mana-mana kerajaan yang *enter into contract* dengan mana-mana pihak, dia sepatutnya mewakili rakyat. Apabila mewakili rakyat, dia mesti mementingkan kepentingan rakyat. Akan tetapi dalam IPPkah, dalam semua ini kita lihat yang untungnya adalah kroni-kroni ini dan kita tahu sebab kroni-kroni ini jugalah yang akan memberi sumbangan kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya. Sebagai balasan mereka dapat sesuatu. Ini tidak payah hendak sorok memang semua orang sudah tahu. Ini *open secret* orang kata. Jadi saya hendak mengatakan bahawa kalau kita bercakap dari segi hendak rasionalisasi subsidi, kita berlaku jujur. Kerajaan juga mesti *explain* rasionalisasi dari segi benda lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah boleh gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 20 minit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Baru mula. Saya hendak kata juga sempena berkaitan dengan isu pendidikan. Tadi saya rasa isu pendidikan, PTPTN telah pun didedahkan. Kadang-kadang saya pun pelik. PTPTN ini dia adalah salah satu juga subsidi juga di mana kerajaan telah, ini juga termasuk dalam dia memberikan, memanglah kita tahu. Saya pun hairan, kalau kita lihat di seluruh dunia ini, sudah banyak negara yang boleh bagi pendidikan percuma kepada rakyatnya. Maknanya memberikan pendidikan percuma ini bukan suatu yang kata orang *its a toll order*lah dengan izin. Ataupun satu yang mimpi.

Hakikatnya pemberian pengajian percuma kepada rakyat termasuk ke peringkat *higher education* dan sekarang ini kalau baca dalam majalah ekonomi, dalam majalah *The Guardian* yang mengatakan antara super model dalam ekonomi ini ialah negara *Nordic countries*, Finland, Sweden, Norway dan Denmark. Ini negara-negara yang patut kita boleh contohi sebab negara ini walaupun dari satu segi memang cukai kata tinggilah, tetapi negara ini juga pernah mengalami masalah sebelum ini tetapi mereka telah bangun, keluar daripada masalah itu, telah berjaya membentuk satu ekonomi yang kukuh.

Sebagai contoh saya hendak beri contoh, Norway sebagai contoh. Dia pun ada konsep IMDB juga, *sovereign fund* itu ada tetapi *sovereign fund* itu digunakan sebetul-betul untuk *future generation*. Oleh sebab itu peruntukannya untuk dalam, dia digunakan betul-betul untuk dengan tujuan supaya *future generation* ini tidak akan mengalami masalah kalau sekiranya berlaku apa-apa. Oleh sebab itulah saya hendak mencadangkan supaya kerajaan, *instead of* kita bagi BR1M dan sebagainya *why don't*, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan, kita boleh buat sebagai contoh, kita buat seperti mana di negara *Child Trust Fund Policy*. Ini di UK di mana kanak-kanak ini daripada awal lagi ibu bapa telah pun ada satu *fund* dipanggil *child trust* untuk memastikan kanak-kanak ini dia punya, nanti kalau dia masuk universiti, mereka akan dapat manfaat daripada *fund* ini.

Ini saya rasa Kerajaan Negeri Selangor telah buat. Oleh sebab itulah kita harap Kerajaan Negeri Selangor ini dan saya tahu memang Barisan Nasional dia memang dia pun tahu susah hendak dapat balik Selangor. Oleh sebab itu walaupun berlakunya krisis di Selangor, saya rasa dia orang pun tahu, dia tidak boleh *exploit*, sebab dia tahu dia tidak boleh hendak *exploit* sebab terlalu *alhamdulillah*, terlalu *strong* kerajaan itu. Oleh sebab itulah kita percaya sekiranya polisi-polisi Selangor ini betul-betul difahami oleh rakyat, rakyat juga akan

minta supaya polisi ini diperkenalkan di peringkat pusat. Oleh sebab itu tidak mustahil. Oleh sebab itulah UMNO tahu kalau sekiranya Selangor berjaya memerintah, Pakatan Rakyat berjaya memerintah, dia membahayakan Barisan Nasional di peringkat pusat.

Oleh sebab itu UMNO tidak begitu selera bergembira apabila menang di Kedah tetapi dia terasa kecewa sebab tidak dapat kuasai Selangor sebab dia tahu Selangor ini satu negeri pakatan yang *insya-Allah* akan boleh menjadi satu model kepada pemerintahan tiga bangsa iaitu Cina, Melayu, India. Walaupun berlainan agama, berlainan *races* tapi dia boleh menunjukkan satu kerajaan yang boleh, menjadi satu kerajaan idaman kepada rakyat Malaysia.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, boleh saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, silakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini hendak tanya, dok puji-puji Selangor ini, puji Yang Berhormat Menteri Besar lamakah? Yang Berhormat Menteri Besar baru ini tidak sampai sebulan. Kalau sudah betul Yang Berhormat Menteri Besar lama itu betul, sebab apa yang hendak tukar Menteri Besar ini? Cara cakap itu macam polisi Selangor itu betul, puji Yang Berhormat Menteri Besar lama. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri Besar lama okey sudah, dia boleh tukar pula Yang Berhormat Menteri Besar baru. Jadi Yang Berhormat Menteri Besar baru ini sudah bersedia pula akan menghadapi nasib macam mana Yang Berhormat Menteri Besar lama. Hendak tanyalah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah, okey. Sebelum saya jawab itu, saya rasa kena jawab juga yang Terengganu itulah. Terengganu itu pun UMNO tukar Yang Berhormat Menteri Besar. Tidak bising pula.

Seorang Ahli: Betul. *[Tepuk]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: UMNO tukar Yang Berhormat Menteri Besar, dia kata Yang Berhormat Menteri Besar itu tidak bagus. Bagi kita UMNO pula di Terengganu itu yang lama pun tidak bagus, yang baru pun tidak bagus dan kita daripada bagus semakin *best*. Masalah apa? Dulu bagus, sekarang bertambah *best*, apa masalah. Yang tidak *best*nya kalau sekiranya Yang Berhormat Tanjong Karang jadi Yang Berhormat Menteri Besar, itu habislah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa sudah habis ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah, cukuplah sekali. Saya hendak cakap sikit berkenaan Sepanglah ya. Saya minta pertamanya Kementerian Pendidikan. Saya hendak tanya memang saya hendak tanya khususnya berkaitan dengan isu berkaitan dengan jalan ya. Saya minta supaya, saya kata berapa kali sudah Sepang ini pintu masuk berjiran dengan Putrajaya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tadi punyalah marah, itu minta juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini satu lagi. Kalau duit Yang Berhormat Lenggong saya tidak minta, itu duit kita semua. Yang Berhormat Lenggong itu pun

tidak faham. Apalah Yang Berhormat Lenggong. Patutlah dia menang di Lenggong sebab rakyat dengan Ahli Parlimen sama saja. Saya hendak katakan kepada Barisan Nasional, kepada kerajaan supaya khususnya jalan hendak dari lebuh raya dan jalan di....

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Berapa kali lawan Tanjong Karang tidak pernah menang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jalan-jalan dekat dengan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat lawan Tanjong Karang pun kalah tahun 2008.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepang, tulis suratlah senang Yang Berhormat Sepang. Tulis surat bagi saja, kami pun tidak mahu dengar sudah. Sudah habis waktu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:di KL Circuit itu, saya minta..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tulis suratlah senang Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:di Sepang Circuit itu supaya ada lebuh raya sampai hendak menuju ke Sungai Pelek supaya jalan itu dibesarkan. Jalan itu khususnya setiap hari Sabtu dan Ahad memang satu kesesakan yang teramat sangat. Saya minta kerajaan tolong. Hari itu saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan telah melawat Sepang dan saya telah bagi tahu pada dia supaya khususnya walaupun bukan kementerian dia tapi kalau kita hendak menarik pelancong datang ke Sepang, memang banyak tempat menarik di Sepang itu. Saya minta supaya kerajaan tolong. Saya sudah beberapa kali ditanya oleh rakyat, bila lagi hendak buat? Saya kata kalau kami di sana, sudah lama kami buat.

Saya pun pelik, di Sepang ini tidak pernah dari bumi Allah jadikan sampai sekarang baru kali ini pembangkang menang. Selama ini semua Barisan Nasional menang. Pernah Yang Berhormat Menteri dia ialah Yang Berhormat Menteri yang jaga bahagian JKR. Akan tetapi jalan di Sepang, ya ada masalah apa?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Pembangkang menang pun nasib. Itu sebab pecah tiga undi. Kalau tidak, tidak merasa jadi Ahli Parlimen. Kalau ikut itu, Sepang pun tidak menang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menang tetap menang. Mana ada pecah-pecah undi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab Sepang tiga penjuru, dia menanglah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau Tanjong Karang 2008, sebab itulah kata kalah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Cakap-cakap kencing orang.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Menang dengan satu undi pun menang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya sebenarnya tidak ada masalah. Saya bersetuju 100% dengan Yang Berhormat Tanjong Karang sebab saya berterima kasih

sebab saya difahamkan Yang Berhormat Tanjong Karang telah pun, saya difahamkan oleh calon daripada BN Sepang itu sebenarnya dua orang yang bertanding di Sepang itu calon bebas itu daripada Barisan Nasional ditaja oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, saya difahamkan begitu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Oh, ditaja ya.

■1950

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya difahamkan pula yang lawan saya Datuk Mohd. Zin itu pula menaja dua calon Barisan Nasional di Tanjong Karang itu yang berlaku sebab dia sama-sama dia bergaduh dia taja itu saya difahamkan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kapar dia orang taja lima.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak benar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan marahlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kapar dia orang taja lima.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau sudah tahu macam itu tidak usahlah cakap banyak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang baik hati hendak bagi Yang Berhormat Sepang menang, terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini sebab kasihan dekat Yang Berhormat Sepang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kira bukan menang originallah ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kasihan dekat Yang Berhormat Sepang, kasihan dekat Yang Berhormat Sepang. Tahun 2008 Yang Berhormat Tanjong Karang kalah bagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini permainan dalam UMNO ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kira bukan menang originallah ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tukang hasut pun hendak cakap banyak, Allah. Sudah menang nasib, duduklah!

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini kira memang nasiblah ini, Yang Berhormat Tanjong Karang menang nasiblah ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini menang nasib.

[Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak puas hati ini, tidak puas hati ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Lawan saya satu dengan satu, tahun 2008 kalah lari.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini kira kita boleh...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu cerita lama.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apalah saya bagilah menang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya habiskanlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Keduanya saya minta juga jalan ya usulnya jalan di Dengkil itu antara Dengkil ke Putrajaya. Saya minta ada satu simpang empat itu di situ saya minta supaya buatlah jejantas *flyover* kerana di situ kesesakan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sudah tulis surat sahaja cukuplah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ketiganya saya minta, saya difahamkan ada tiga buah sekolah baru akan dibina di Sepang sampai sekarang saya tidak tahu sekolah apa itu. Apa yang saya minta sangat, rakyat minta sangat di Kota Warisan. Saya minta supaya sekolah menengah ditubuhkan di situ sebab sekarang ini pelajar di situ terpaksa bersekolah di Bandar Baru Salak Tinggi yang juga telah *overload*. Jadi saya minta supaya kerajaan tolong beritahu bilakah. Terakhirnya saya minta walaupun dalam bajet tidak ada peruntukan tentang hospital tetapi saya minta supaya tolonglah Sepang ini. Barisan Nasional memerintah tidak pernah langsung hendak adakan. Sepang ada tiga DUN tetapi tidak ada satu hospital pun. Minta tolonglah bina satu hospital di Sepang untuk memenuhi keperluan rakyat Sepang. Jadi saya harap ini antara permintaan-permintaan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Labuan.

7.52 mlm.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya sama-sama membahaskan ucapan dasar Bajet 2015 oleh Menteri Kewangan yang mana telah menggariskan satu bajet ekonomi keperluan rakyat dengan tujuh strategi utama memperkukuh pertumbuhan ekonomi, memantapkan tadbir urus fiskal, mengupayakan modal insan dan keusahawanan, memperkasa agenda bumiputera, memartabatkan peranan wanita, membangun program transformasi belia negara dan sudah tentu menyejahterakan rakyat. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan pasukan yang telah berjaya mengadakan satu bajet yang cukup baik, *complete* untuk keadaan semasa di mana kita sekarang berada di penghujung RMKe-10. Kita akan memulakan tidak lama lagi RMKe-11 sebagai Rancangan Malaysia yang terakhir sebelum negara kita ingin diumumkan sebagai negara maju dalam tahun 2020.

Tahniah juga kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah membawa negara ini sehingga ke tahap yang kita kecapai pada masa ini. Dalam kita mendekati sasaran untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 strategi yang lebih agresif telah dilaksanakan di mana Program Transformasi Nasional, transformasi ekonomi, transformasi kerajaan semuanya telah dapat dilaksanakan dengan baik di mana pada masa ini momentumnya begitu dirasakan. Ini ialah peluang terakhir untuk kita memastikan momentum yang sedia ada ini akan terus dilonjakkan lagi.

Lain daripada yang diperkatakan oleh rakan-rakan kita di sebelah yang mana merasakan keputusan banyak dibuat adalah keputusan populis. Akan tetapi saya ingin mengucapkan tahniah sebenarnya kepada Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan kita bersama-sama dengan barisan Kabinet kerana semuanya begitu berani membuat keputusan berani yang mana ia adalah keputusan yang penting. Walaupun keputusan yang tidak popular dalam masa jangka pendek untuk memastikan strategi untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi dan memantapkan tadbir urus fiskal itu akan dapat dicapai.

Di antaranya kita telah mengumumkan dan akan melaksanakan GST pada tahun hadapan dan begitu juga rasionalisasi subsidi. Di mana ia adalah satu keputusan yang tidak berapa popular sebenarnya tetapi adalah satu keputusan yang penting untuk negara. Seperti yang baru didengar tadi BR1M yang diperkatakan adalah sesuatu langkah yang tidak bijak tetapi sebenarnya ia adalah sebahagian daripada rasionalisasi subsidi. BR1M ialah satu langkah untuk memastikan dalam kita melaksanakan rasionalisasi subsidi ini maka kelompok-kelompok yang mempunyai pendapatan yang sederhana rendah dan rendah akan dapat dibantu untuk memastikan dalam masa pendek ini mereka tidak tertekan. Saya juga melihat di antaranya program-program yang amat baik dan perlu dilaksanakan mungkin lebih daripada bajet yang telah diberikan ataupun yang diumumkan ialah memantapkan modal insan dan keusahawanan dan juga memperkasakan agenda bumiputera.

Pada masa ini saya lihat pembangunan modal insan ini adalah lebih diperlukan dibandingkan dengan pembangunan-pembangunan fizikal. Ini ialah disebabkan untuk kita meningkatkan produktiviti negara kita memerlukan kerja yang lebih agresif untuk memastikan warga kita menjadi lebih produktif dan kita akan dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Macam mana pun, walaupun kita mempunyai bajet yang begitu cantik tetapi di sini saya juga ingin menekankan bahawa kita perlu memastikan bajet-bajet ini dilaksanakan dengan lebih efisien. Maksud saya adalah dari segi kawasan-kawasan ataupun industri-industri yang mana yang perlu diberikan penekanan. Saya ingin memberi contoh seperti di beberapa kawasan di mana persaingan berlaku di antara satu kawasan dengan satu kawasan lain di dalam mendapatkan bajet untuk pembangunan infrastruktur dan sebagainya. Sehingga ia sedikit sebanyak mengurangkan daya saing kita sebagai satu negara.

■2000

Sebagai contoh, saya ingin beri contoh satu kawasan yang saya lebih *familiar*, dengan izin, iaitu kawasan yang saya wakili iaitu Labuan. Labuan adalah sebuah pulau yang *alhamdulillah* sedang membangun dengan rancak di mana selain daripada ia sebuah pusat kewangan dan perniagaan luar pesisir ia juga adalah sebuah hab minyak dan gas dan ia telah pun mengalami pembangunan yang begitu pesat terutamanya di dalam jangka masa lima tahun ataupun tiga tahun yang lepas sehinggalah Labuan mengalami kekurangan rumah, kekurangan tempat berniaga ataupun kedai-kedai dan ruang perniagaan, mengalami kekurangan hotel dan mengalami kekurangan kawasan perindustrian.

Jadi, Labuan sebenarnya memerlukan bajet untuk kita bantu supaya momentum yang sedang baik ini dapat kita jadikan ia sebagai satu kejayaan yang akan memberi sumbangan kepada negara. Ia adalah satu yang sudah *develop* untuk sekian lama dan kita juga mendengar di sana sini ada perancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan minyak

dan gas ataupun *industrial park* yang saya lihat ia mungkin *redundant* dengan apa yang sedang berlaku di Labuan. Labuan ini dia sudah di hadapan sebenarnya kalau dalam industri minyak dan gas ini dan boleh dikatakan hampir kesemua syarikat besar minyak, *the oil majors* ini sudah berada di Labuan, *service providers* yang MMC dan juga yang *local Malaysian* sudah berada di Labuan dan sudah melabur berbilion-bilion ringgit.

Jadi, kadang-kadang ia menjadikan sesuatu yang membingungkan kepada pelabur-pelabur ini apabila kawasan di mana kerancangan pembangunan industri itu sedang berlaku tetapi di tempat lain pula yang ingin dibangunkan. Pada masa yang sama sebenarnya kita sebagai satu negara Malaysia juga bersaing dengan negara-negara lain seperti Brunei Darussalam, Philipine dan juga Vietnam dari segi *logistical hub* kepada *upstream activities* minyak dan gas. Jadi, saya lihat pihak kementerian perlu memberi usaha ataupun perhatian yang lebih serius dalam hal ini untuk memastikan negara kita tidak mengalami kerugian dari segi persaingan dan mendapatkan pelaburan daripada dalam dan luar negara.

Labuan juga sebenarnya sebuah bandar yang agak besar kalau dilihat dari segi geografinya yang berada di bawah Selatan Barat Sabah dan juga Utara negeri Sarawak. Sudah berbilion-bilion ringgit dilaburkan di Labuan. Kita mempunyai *airport* yang begitu cantik dengan *runway* yang 3.5 kilometer yang sudah di *upgrade* baru-baru ini yang menelan belanja berbilion-bilion ringgit. Kita juga mempunyai pelabuhan yang mempunyai kedalaman yang asli, di mana banyak kapal dapat dilihat berlabuh, kalau siapa-siapa ada datang ke Labuan dan begitu juga dengan prasarana-prasarana yang lain termasuklah Labuan mempunyai jabatan kerajaan ataupun agensi kerajaan yang melebihi 80 buah.

Jadi, saya lihat Labuan sebenarnya adalah satu kemajuan yang patutnya memberi perkhidmatan ataupun patutnya dikongsi manfaatnya oleh kawasan-kawasan lain yang berdekatan dengan Labuan seperti Kuala Penyu, Beaufort, Papar, Kimanis dan Sipitang dan begitu juga kawasan-kawasan utara Sarawak seperti Limbang dan Lawas. Logiknya, memang sepatutnya Labuan ini secepat mungkin perlu disambung dengan tanah besar.

Jadi, permintaan-permintaan yang selalu kita dengar sama ada di Labuan dan juga dari Sabah yang menginginkan jambatan daripada Pulau Labuan ke tanah besar Sabah yang cuma jaraknya sebenarnya boleh dikatakan 10 kilometer sahaja kalau ada *reclamation* dan kita singgah dahulu di satu pulau di antara dua kawasan ini malah saya lihat kurang daripada 10 kilometer adalah satu yang *viable* dan sesuatu yang akan memberi keuntungan dan manfaat kepada bukan sahaja Labuan tetapi juga kepada negeri Sabah dan seterusnya kepada Malaysia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Silakan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Labuan soal *viability* yang mana saya mendengar Yang Berhormat Labuan menyatakan penyambungan. Soal penyambungan ini ada dua cara. Satu jambatan, satu *connectivity* antara kepulauan sebelum mendarat kepada Membakul, Kuala Penyu ataupun Menumbok. Kimanis jauh sedikitlah. Kalaulah cadangan Yang Berhormat Labuan soal menyambung kepada tanah besar negeri Sabah bagaimana pula dengan istilah Pulau Labuan itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya Labuan itu bukan

lagi dipanggil Pulau Labuan tetapi Labuan sahaja dan ini juga memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia daripada tanah besar, dari Sarawak untuk berkunjung ke Labuan walaupun ia pada ketika ini dianggap sebagai *duty free* ataupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Pulau Pinang masih Pulau Pinang walaupun ada jambatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, itu jambatan tetapi soal menyambung ini bererti ditimbus laut itu supaya bersambung kepada Pulau Daat dan terus kepada Membakul yang dekat sekali. Jadi, adakah cadangan Yang Berhormat Labuan ini boleh disambut baik oleh kedua-dua kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan? Saya menyokong kalau mimpi ini dapat ditunaikan oleh Kerajaan Pusat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan kerana menyokong cadangan ataupun permintaan orang Labuan untuk jambatan itu diadakan. Sebenarnya tadi saya ingin menjawab bahawa Pulau Pinang masih dipanggil pulau walaupun disambung dengan jambatan tetapi sudah dijawab oleh Tuan Yang di-Pertua. Sama fikiran kita Tuan Yang di-Pertua.

■2010

Sebenarnya *Singapore* pun masih dipanggil pulau walaupun ia disambung dengan tambak dengan Johor dan lihatlah apa yang terjadi dengan *Singapore* dan Pulau Pinang apabila ia disambung atau pun di *bridge* dengan tanah besar. *Singapore* menjadi begitu maju dan berdaya saing dan begitu juga Pulau Pinang dan ia memberi manfaat bukan sahaja kepada pulau itu tetapi kepada seluruh negara.

Ini juga akan berlaku di Labuan dan di selatan negeri Sabah di mana pada masa ini juga sebenarnya pembangunan begitu pesat berlaku di Sipitang dan sudah tentu Sipitang memerlukan *support service* daripada infrastruktur-infrastruktur yang sudah ada. Jadi, Labuan mempunyai *airport* dan pelabuhan, *port* di mana *airport* Labuan yang tidak mempunyai terminal kargo, setelah kita tanya di Parlimen, kementerian baru-baru ini memberi jawapan bahawa setelah mereka memeriksa memang perlu sangat untuk mengadakan *cargo terminal* di Labuan. Persetujuan keputusan telah pun dibuat oleh *Ministry of Transport* untuk mengadakan terminal kargo di Labuan dan sekarang saya juga bersama-sama dengan MoT memohon supaya pihak APU memberikan peruntukan kewangan untuk memastikan terminal kargo yang diperlukan secepat mungkin itu akan dapat dibina secepat mungkin tahun ini mudah-mudahan.

Di Labuan sebenarnya saya difahamkan *economic growth* melebihi *national* punya *economy growth* di mana didaftarkan sebanyak 8%. Jadi, ini lagi satu yang saya lihat kerajaan patut memberi pertimbangan untuk memastikan negara kita berkembang dengan lebih pesat dan kita akan dapat mencapai *target* atau pun sasaran yang kita ingin capai untuk menjadi negara maju dalam tahun 2020 adalah untuk memastikan *growth* yang berterusan dan *growth* yang berterusan ini saya lihat akan dapat dicapai sekiranya kawasan-kawasan yang mempunyai pembangunan yang pesat diberikan *empowerment* supaya pelaksanaan polisi atau pun *respond* kita kepada keperluan-keperluan ekonomi itu akan menjadi lebih cepat dan efisien.

Jadi, ini adalah di antaranya yang saya lihat perlu dilaksanakan di Malaysia setelah kita melalui pembinaan negara atau pun pembangunan negara selama melebihi 50 tahun

sehinggalah kita menjadi negara yang telah membangun dengan pendapatan sederhana. Jadi, untuk kita mempertingkatkan lagi *growth* dan untuk memastikan kita dapat mencapai negara maju berpendapatan tinggi, saya lihat *empowerment* perlu dilakukan atau pun diberikan kepada negeri-negeri atau pun kawasan-kawasan yang sedang pesat membangun.

Ini adalah sesuatu yang saya sendiri merasakan bahawa Labuan dalam keadaan membangun begitu pesat tetapi disebabkan oleh kerenah-kerenah birokrasi banyak juga sebenarnya perkara yang kita perlukan pelaksanaan yang lebih cepat menjadi kekangan apabila birokrasi itu begitu ketat. Ini termasuklah terutamanya sebenarnya kelulusan-kelulusan yang berkaitan dengan tanah di mana Labuan sebagai sebahagian daripada Wilayah Persekutuan, keputusan-keputusan atau pun kelulusan-kelulusan mengenai yang berkaitan dengan tanah itu terpaksa dimesyuaratkan di Exco Tanah di Kuala Lumpur di mana di Kuala Lumpur ini juga mempunyai isu-isu yang banyak sehinggalah ia sedikit sebanyak melambatkan.

Di sini saya mengucapkan terima kasih jugalah kepada kerajaan yang mana telah memberi banyak *respond* atau pun bantuan terutamanya *the last few decade* di mana Labuan telah menjadi kawasan yang begitu membangun dan saya harap peluang untuk Labuan terus membangun ini akan diberikan sokongan yang padu dan *insya-Allah* di peringkat jawatankuasa saya akan mengetengahkan lagi isu-isu yang lebih *detail* mengenai perkara-perkara yang perlu dibawa dalam perbincangan bajet ini berkenaan dengan keperluan Labuan. Maka, dengan itu saya ucapkan terima kasih dan Labuan mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kluang.

8.16 mlm.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mula dengan perbincangan tentang dua fenomena ekonomi yang tidak diambil kira oleh belanjawan Perdana Menteri baru-baru ini. Pertama ialah harga minyak mentah. Harga minyak mentah dalam belanjawan atau pun *Revenue Book 2* dinyatakan bahawa harga minyak mentah di kira akan ada di tahap USD 110 *per barrel* untuk tahun ini tahun 2014 dan untuk tahun depan tahun 2015 dijangka akan di tahap USD105 *per barrel* untuk tahun depan.

Akan tetapi hakikatnya apa yang telah berlaku ialah dalam beberapa minggu ini harga minyak mentah sudah turun ke tahap USD85 *per barrel*. Ini bermakna harga minyak mentah antarabangsa telah turun hampir 25%. Apa kesannya kepada bajet kita atau belanjawan kita? Menurut seorang analisa dalam *The Edge Financial Weekly* minggu lepas dikatakan setiap USD *per barrel*, ketulenan setiap USD *per barrel* akan mengakibatkan kehilangan hasil RM650 juta kepada kerajaan persekutuan.

Dengan kata yang lain, kalau harga minyak mentah dikurangkan sebanyak USD20 *per barrel* iaitu di tahap USD85 *per barrel* untuk satu tahun, kerajaan akan mengalami kekurangan hasil sebanyak RM13 bilion atau 4% jumlah belanjawan yang sedia ada iaitu RM273.9 bilion. Kalau harga minyak mentah dikurangkan sampai tahap USD30 *per barrel* sampai ke tahap USD75 *per barrel*, ini bermakna kerajaan akan kehilangan RM19.5 bilion atau 7% hasil yang dijangka akan dapat dalam tahun depan. Kalau minyak mentah antarabangsa di tahap USD65

per barrel, iaitu kekurangan USD40, ini akan bermakna kerajaan akan kehilangan RM26 bilion hasil iaitu 9.4% hasil yang dijangka akan dapat dalam belanjawan ini.

■2020

Saya minta Menteri Kewangan, Yang Berhormat Pekan, untuk memberi kenyataan dalam Dewan *or ministerial statement* dalam Dewan supaya menjelaskan isu-isu yang terlibat dalam harga minyak mentah antarabangsa. Ini kerana harga minyak mentah antarabangsa bukan sahaja akan mengurangkan subsidi dari satu kesannya, tetapi juga akan menyebabkan kekurangan hasil yang agak serius dan ini memerlukan satu kenyataan kementerian ataupun *ministerial statement* dalam Parlimen ini secepat mungkin. Saya rasa kementerian boleh mengambil kesempatan apabila menjawab dan bermula dengan itu, supaya memberitahu kita apa kesan harga minyak mentah terhadap belanjawan yang akan datang dan apa defisit baru kalau minyak mentah di tahap USD65 *perbarrel*, di tahap USD75 *perbarrel*, di tahap USD85 *perbarrel*, apa kesannya terhadap defisit kita. Ini saya rasa semua memberi perhatian ini kerana ini akan ada kesan besar kepada ekonomi kita.

Fenomena yang kedua yang saya rasa kerajaan tidak mengambil kira dalam membentuk atau membentangkan bajet ini ialah isu *stagflation*. Dalam Laporan Ekonomi, memang ada perbincangan tentang inflasi. Inflasi ini memang ada perbincangan walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau berkata mungkin harga akan naik, mungkin harga akan turun, tetapi dalam Laporan Ekonomi agak jelas dan saya memetik Laporan Ekonomi, "*Bahawa pada tahun 2015, inflasi dijangka meningkat di antara 4% hingga 5% terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan kesan limpahan pengurangan subsidi minyak berkuat kuasa Oktober 2014.*" iaitu bermakna dalam Laporan Ekonomi, kerajaan mengakui bahawa GST dan rasionalisasi subsidi memang ada impak terhadap inflasi.

Akan tetapi, saya *quote*, "*Kos domestik kekal menjadi faktor utama yang mendorong inflasi pada tahun 2015 memandangkan tekanan kos luar yang rendah. Pelaksanaan GST akan memberi impak sementara kos barangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, perkembangan kapasiti yang kukuh sejak beberapa tahun yang lalu akan membantu mengurangkan tekanan kos manakala sentimen pengguna yang lebih berhati-hati akan menyumbang kepada penyederhanaan permintaan dan mengelakkan peningkatan inflasi yang lebih ketara.*"

Ini pandangan *Treasury*. Saya rasa ini *wishful thinking*. Kenapa saya rasa ini *wishful thinking* kerana ini tidak mengambil kira fenomena *stagnation* iaitu *on the one hand* ada fenomena inflasi, tetapi *on the other hand*, *stagnation* berlaku juga. Iaitu ekonomi kita tidak bergerak kerana semua orang, semua pengguna, semua pembeli tidak membeli-belah. Semua orang menjadi berhati-hati apabila mereka memberi-belah, tetapi GST dan rasionalisasi subsidi mengakibatkan inflasi. So, inflasi tetap ada, tetapi ekonomi tidak berkembang, tidak ada orang yang membeli belah, maka tidak ada *business*. Kalau tidak ada permintaan domestik, *if there is no domestic demand*, kalau tidak ada *domestic demand*, tidak ada permintaan domestik, maka ekonomi tidak akan bergerak. So, *we will have stagflation and inflation*. Saya juga minta kementerian untuk menjawab soalan ini kerana soalan *stagnation* adalah soalan serius. Ini

pernah berlaku dalam sejarah tetapi tidak diambil kira oleh kerajaan apabila membentangkan bajet ini.

Fenomena atau isu ketiga dalam ekonomi antarabangsa ialah bahawa ekonomi di China, Eropah dan Amerika Syarikat tidak berkembang atau tidak berkembang secepat seperti yang kita harapkan. Dalam Laporan Ekonomi, dalam belanjawan, kita berharap kita di Malaysia, kerajaan berharap di mana ekonomi negara China akan berkembang dengan baik, ekonomi Eropah akan berkembang dengan baik, ekonomi Amerika Syarikat akan berkembang dengan baik. Akan tetapi saya minta kerajaan berikan *assessment* berasas *latest* IMF dan *latest World Bank figure* supaya kita ada *assessment* ataupun penilaian keadaan ekonomi antarabangsa terutamanya di negara China, Eropah dan Amerika Syarikat yang lebih realistik.

Pandangan saya ialah penilaian kita dalam belanjawan kita tidak begitu realistik. Kita masih berasa ekonomi ketiga-tiga ekonomi besar ini akan terus berkembang. Akan tetapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat baca berita dari Eropah, berita dari Amerika Syarikat, berita dari China kenapa harga minyak mentah turun, kerana ekonomi China telah perlahan.

Ini saya rasa memerlukan penjelasan daripada kerajaan iaitu, satu, harga minyak mentah, kedua, *stagflation* dan ketiga, isu penilaian keadaan ekonomi Eropah, China dan Amerika Syarikat.

Dalam tahun ini atau tahun hadapan, belanjawan ini saya rasa boleh disifatkan sebagai belanjawan yang saya sifatkan sebagai *a painful budget*, belanjawan yang memedihkan. Kenapa belanjawan ini belanjawan yang memedihkan? Ini kerana pelaksanaan GST dan rasionalisasi subsidi. Dua-dua ini akan mengakibatkan kesan yang kita tidak ambil kira.

Dalam ekonomi, biasanya pakar ekonomi hanya akan ambil kira kesan-kesan dengan angka sahaja, dengan *percentage*, dengan *numbers*, tetapi kesan-kesan terhadap insan, kesan-kesan terhadap rakyat itu tidak diambil kira. Akan tetapi sebagai ahli politik, sebagai *policy maker*, kita mesti mengambil kira kesan-kesan terhadap rakyat jelata. Apa kesan itu?

Satu, rasionalisasi harga minyak. Saya rasa ini tidak perlu dibuat sekarang sebelum kita membekalkan pengangkutan awam yang selesa, pengangkutan awam yang baik. *Policy sequencing is very important*. Apa yang kita utamakan agak penting. Kita tidak boleh mengutamakan dasar yang akan mengancam kehidupan rakyat jelata tanpa mengira risiko itu. Apa risiko itu?

Kalau kita naik harga minyak tanpa pengangkutan awam yang selesa, pengangkutan awam yang baik, kita akan mengakibatkan ramai yang memakai Kancil, mereka akan memilih motosikal. Kalau mereka memilih untuk menggunakan motosikal, maka kemalangan jalan raya akan meningkat. Malaysia sudah ada kemalangan maut di jalan raya yang paling tinggi per kapita di seluruh dunia. Kita ada *level* atau *proportion* per kapita kita yang paling tinggi. Kenapa? Kita ada 11 juta buah kereta, 11 juta buah motosikal.

■2030

Kita ada motosikal yang sebanyak kereta tetapi tidak ada pengangkutan awam yang selesa, pengangkutan awam yang sesuai. Pengangkutan awam yang sesuai dan selesa tidak perlukan kos yang tinggi. Kos yang tinggi itu untuk membiayai MRT, sebenarnya membiayai kroni tetapi yang diperlukan ialah satu sistem pengangkutan awam yang berasaskan bas. *If that is a bus base public transport*, kita boleh buat banyak tetapi ini tidak diambil kira, harga

minyak terus naik tanpa mengira kos kepada rakyat jelata dari segi kos lain, bukan kos secara mata wang tetapi kos lain yang akan berlaku.

Rasionalisasi subsidi dan juga GST akan mengakibatkan kesan-kesan yang lain seperti lebih ramai rakyat mungkin terpaksa bekerja dua, tiga kerja dalam satu hari. Mungkin mereka terpaksa jadi penjaja tetapi dalam satu keadaan di mana tidak ada orang membeli-belah, dalam satu keadaan di mana tidak ada orang bersedia untuk membeli-belah, kita akan menghadapi satu masalah *that everyone must work*. Setiap orang memerlukan kerja yang lebih banyak tetapi tidak ada orang akan membayar atau membeli-belah. Kalau ini tidak dikawal, kita akan ada satu keadaan di mana jenayah akan naik, kes jenayah mungkin akan naik mungkin disebabkan sebab-sebab ekonomi dan ini tidak ditangani. Saya minta kerajaan supaya boleh menanganinya ekonomi secara holistik dan dengan mengambil kira faktor-faktor yang bukan angka tetapi ada kesan terhadap rakyat jelata.

Saya juga ingin membincangkan isu di Johor, isu CIQ ataupun isu tol EDL. Saya minta kerajaan untuk mengkaji semula supaya menghentikan tol di CIQ. Tol di CIQ ini telah mengakibatkan, tol yang dinaikkan di Singapura secara balas dendam dan saya sifatkan kedua-dua kerajaan, Kerajaan Malaysia dan MRCB sebagai kroni memang tamak untuk mendapatkan lebih banyak tol untuk MRCB. Akan tetapi Kerajaan Singapura kiasu, Kerajaan Singapura kiasu, Kerajaan Malaysia tamak. Saya rasa ini perlu dihentikan. Apa yang kita buat di sini telah mengakibatkan masalah terhadap rakyat jelata. Rakyat jelata dipaksa bayar tol sepuluh kali ganda daripada RM3.20 di sebelah sini dan RM1.60 di sebelah sana. Sekarang ini mereka kena bayar tol yang sepuluh kali ganda. Saya minta kerajaan berjasa baik, kerajaan memahami apa sebenarnya berlaku di Johor Bahru dan memperbaiki situasi dengan menghapuskan tol EDL dan CIQ.

Buat sementara ini saya juga minta kerajaan mengimbangkan, mengadakan *walkertator* untuk membenarkan rakyat Malaysia menggunakan tambak Johor, menggunakan *causeway* secara jalan kaki. Dengan *walkertator* yang tidak memerlukan kos yang tinggi, kita boleh bantu rakyat jelata supaya mereka dapat bekerja di Singapura. Juga saya minta kerajaan mengarahkan MRCB untuk mengadakan *short term major* supaya memaksa MRCB memberikan bas secara percuma. MRCB diberikan ganti rugi sejak tahun 2012, RM11 juta setiap bulan tetapi dijangka MRCB akan mendapat keuntungan RM13 juta sebulan selepas tol dilaksanakan di CIQ iaitu bermakna MRCB sekurang-kurangnya mendapat RM2 juta lebih daripada pampasan kerajaan yang sebelum itu. Sebanyak RM2 juta ini mesti dikeluarkan, mesti disalurkan untuk membantu rakyat jelata supaya sekurang-kurangnya bas percuma boleh diadakan untuk semua di kawasan tersebut.

Saya juga ingin sentuh isu pengangkutan awam. Pengangkutan awam seperti tren ke Singapura dan perkhidmatan kereta api di Johor, perkhidmatan kereta api di seluruh negara memerlukan satu pelan yang lebih berjangka panjang. Sekarang ini saya rasa projek-projek pengangkutan awam ini tidak dirancang secara holistik. Kita ada banyak projek-projek *piece* kita ada projek *high speed rail*, kita ada projek *double tracking* tetapi tidak sambung, projek-projek yang sedia ada ini tidak sambung, tidak ada kaitan, tidak diberikan sinergi, tidak ada sinergi. Saya berikan satu contoh, *high speed rail* dicadangkan melalui Batu Pahat dan Muar di Johor tetapi stesen kereta api yang penting di Johor ialah di Kluang.

Sekurang-kurangnya kerajaan memerlukan satu *rail wing* untuk menyambung kedua-dua kawasan. Kalau *track* itu di Muar dan di Batu Pahat, kita terima tetapi kereta api KTM mesti bersambung, mesti ada kaitan dengan *high speed rail*. Kalau tidak kita bina pelbagai projek tetapi projek-projek ini tidak bawa sinergi, tidak bawa kebaikan jangka panjang untuk rakyat jelata.

Saya rasa ini amat penting. Kita mesti ada satu pelan atau *blueprint* untuk pengangkutan awam jangka panjang sekurang-kurangnya sampai tahun 2030 untuk mengadakan *model share* di mana 50% rakyat guna kereta, 50% rakyat guna pengangkutan awam. Untuk kereta api, apabila kita bina sistem kereta api, pengalaman di seluruh dunia ialah bahawa kereta api kalau hanya untuk *passenger* sahaja, tidak akan menguntungkan sesiapa kerana *passenger load* ini tidak akan membawa keuntungan yang mencukupi untuk *sustain* sistem tersebut. Kita mesti ada kargo juga, mesti ada cara untuk menggunakan kereta api untuk kargo. Ini memerlukan satu pelan induk, satu *blueprint* yang lebih terperinci yang lebih baik untuk pengangkutan awam kita.

Sebelum saya menggulung, saya ingin menyentuh isu-isu yang dekat dengan hati penduduk di Kluang, pengundi di Kluang. Satu ialah isu tentang air. Air di kawasan Kluang memang, kualiti air memang agak teruk dan saya ingin minta kementerian, saya diberitahu, dimaklumkan bahawa satu Akta Air Minuman Bersih dicadangkan tetapi akta ataupun rang undang-undang ini belum dibincangkan secara terbuka, belum tahu bila ini akan dibangkitkan. Saya rasa ini agak diperlukan, kita perlukan satu akta atau rang undang-undang air minuman bersih supaya kita boleh jaga kualiti air yang dibekalkan kepada rakyat jelata.

Juga jenayah di kawasan Kluang agak serius. Satu sebab kalau saya balik kawasan jumpa dengan kawan-kawan, jumpa dengan pengundi, satu sebab ialah pusat judi atau pusat hiburan.

■2040

Saya minta kerajaan terutamanya Timbalan Menteri Dalam Negeri kalau boleh ambil tindakan yang serius. IGP kata di *Utusan Malaysia* bahawa tindakan akan diambil tetapi walaupun beberapa kali dimaklumkan tindakan akan diambil tetapi pusat judi ini ada di mana-mana sahaja. Lebih banyak tindakan, lebih banyak operasi, lebih banyak pusat baru. Saya minta ini diambil kira *seriously*, secara serius.

Saya juga minta kerajaan terutamanya Kementerian Kerja Raya untuk membina *divider* di Jalan Batu Pahat antara Ayer Hitam dan Kluang. Ini ialah satu projek yang sudah ditangguhkan banyak kali.

Point akhir yang saya hanya hendak sentuh secara mukadimah dan selepas itu saya akan bincang dalam peringkat Jawatankuasa ialah peruntukan kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya ada statistik bahawa pada tahun 2006 peruntukan kepada JPM hanya 2.67% daripada jumlah peruntukan belanjawan. Tahun 2007, 3.81% daripada jumlah. Tahun 2008 3.4% daripada jumlah peruntukan belanjawan. Tahun 2009, 6.71% daripada jumlah peruntukan belanjawan. Tahun ini 2014, belanjawan sejumlah 6.96% iaitu hampir 7% belanjawan diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri. Dalam peruntukan pembangunan ini hanya 18% daripada jumlah *operating expenditure*, belanjawan mengurus 81%.

Akan tetapi untuk peruntukan pembangunan hanya 18% tetapi daripada 18% ini, daripada RM50 bilion ini atau RM50.5 bilion peruntukan pembangunan, $\frac{1}{4}$ atau 25% diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa ini agak tidak betul. Jabatan Perdana Menteri sebelum tahun 2008 tidak memerlukan peruntukan pembangunan. Sebelum tahun 2008, Jabatan Perdana Menteri hanya memerlukan peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan itu kecil sahaja. Akan tetapi kenapa setakat hari ini, kenapakah selepas tahun 2008 JPM memerlukan 25% daripada jumlah peruntukan pembangunan? Saya rasa ini ialah soalan serius yang saya akan bincang dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Aman.

8.43 mlm.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas Bajet 2015 yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari iaitu pada tanggal 10 Oktober yang lalu yang bertemakan ekonomi kepada rakyat di Dewan yang mulia ini.

Seterusnya saya ingin ataupun ingin memetik satu perenggan daripada ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi jelasnya; *“Jika dicuba pembentangan bajet pada petang ini adalah yang keenam sejak saya mengambil alih pentadbiran dan juga adalah bajet negara kali ke-56. Sesungguhnya Bajet 2015 menjadi bingkisan pelengkap kepada 10 Rancangan Malaysia yang lepas”*.

Di sini jelas Tuan Yang di-Pertua bahawa pada Mei 2015 nanti kita akan melangkah ke Rancangan Malaysia Kesebelas di mana negara kita sedang menuju ke arah ekonomi yang berasaskan perkhidmatan. Justeru itu negara ini haruslah mencapai status negara berpendapatan tinggi selaras dengan aspirasi negara menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu yang ada kaitan dengan Parlimen saya di Sri Aman dan juga pada negeri Sarawak amnya. Pertama mengenai royalti minyak. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan negeri telah memohon supaya kadar royalti minyak bagi negeri Sarawak dinaikkan dari 5% kepada 20%. Kenaikan ini diperlukan supaya banyak lagi dana dapat disalurkan kepada kawasan luar bandar bagi tujuan memantapkan lagi pembangunan di kawasan tersebut. Kadar kenaikan ini tidak pernah dikaji semula semenjak 1963 apabila Sarawak menubuhkan Malaysia bersama Negeri Tanah Melayu Sabah dan Singapura walaupun Singapura telah menarik diri pada tahun 1965.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya sekiranya kewangan negara tidak mengizinkan untuk menaikkan kadar royalti minyak, pada pandangan saya kali ini mengesyorkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan cara lain seperti menukar ganti ratusan kenaikan kadar royalti tersebut dalam bentuk dana pembangunan untuk kepentingan negeri Sarawak. Misal kata daripada keseluruhan Bajet 2015, sebanyak lebih kurang RM273.94 bilion mungkin kita dapat menarik balik 10% daripada bajet tersebut diagihkan dahulu kepada negeri Sarawak sebelum diluluskan kepada kementerian-kementerian lain dalam senarai yang telah diluluskan.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengatakan bahawa kerajaan negeri telah berbincang dengan Petronas mengenai kenaikan kadar royalti minyak sama ada Kerajaan Pusat dapat memenuhi kenaikan 5% kepada 20% ataupun memberi kontrak kepada kerajaan negeri ataupun juga melalui CSR atau *corporate social responsibility* untuk memberi dana untuk membangunkan negeri Sarawak. Saya amat setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita sebab beliau mengatakan perkara ini saya ingat minggu lepas untuk renungan Kerajaan Pusat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang agenda pembangunan bumiputera. Saya ingin menyentuh perkara ini seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sejumlah RM30 juta telah diluluskan bagi tujuan Skim Keusahawanan Permulaan Bumiputera. Di negeri Sarawak terdapat pelbagai etnik kecil seperti Iban, Bidayuh, Orang Hulu selain kaum Melayu yang telah digolongkan sebagai bumiputera. Persoalan saya berapa ramai di kalangan kaum-kaum ini betul-betul telah memanfaatkan dan berjaya meningkatkan taraf ekonomi masing-masing? Kalau boleh, dapatkah Kementerian Kewangan membuat senarai statistik mereka yang telah berjaya dari golongan kaum-kaum yang saya sebut tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai bantuan pekebun getah. Saya amat mengalu-alukan Bajet 2015 yang telah menyediakan bantuan kepada pekebun kecil getah sebanyak RM100 juta kepada Lembaga Getah Malaysia pada masa harga pasaran getah yang amat rendah sekali pada masa ini. Di Sri Aman, ramai di antara pekebun getah telah mencari kerja lain dan mereka berhenti menoreh getah pada masa kini.

Baru-baru ini juga kerajaan telah memberi bantuan RM500 kepada pekebun getah bagi mereka yang terlibat dengan tanaman semula getah oleh RISDA tetapi yang lain terpaksa mengisi borang dengan pejabat pertanian untuk pengesahan sebelum diluluskan untuk bantuan tersebut. Ada juga pekebun-pekebun getah yang tinggal jauh di pedalaman tidak langsung mengetahui hal ini dan mereka merayu agar pihak RISDA ataupun pihak Jabatan Pertanian membuat siasatan sekali lagi bagi menentukan kelayakan mereka untuk memberi bantuan yang serupa. Jadi, saya mohon untuk Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi untuk meneliti perkara ini.

■2050

Seterusnya ialah mengenai pekebun kecil sawit. Tuan Yang di-Pertua, pekebun kecil sawit di Sri Aman banyak ataupun banyak juga telah mengusahakan ladang sendiri dan baru-baru ini saya menerima laporan bahawa pekebun kecil sawit ini agak sukar untuk menjual hasil sawit mereka kerana tidak ada kilang sawit yang berdekatan dengan Sri Aman pada masa kini.

Beberapa pusat pungutan yang membeli sawit seperti di Pantu telah pun ditutup kerana kilang yang membeli sawit telah menerima terlalu banyak hasil sawit dari ladang mereka sendiri dan tidak mahu membeli hasil sawit dari pekebun kecil. Jadi, ini adalah masalah yang agak besar dan oleh yang demikian, saya sekali lagi merayu kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi untuk mengkaji membina kilang memproses sawit di sekitar Sri Aman untuk mengatasi masalah hasil berlebihan sawit di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Seterusnya ialah mengenai pembinaan Hospital Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua, Bandar Kuching pada perbincangan beliau telah menyentuh perkara ini dan dia katakan bahawa kerajaan tidak menunaikan janji tentang pembinaan Hospital Sri Aman. Saya tahu tentang kelewatan pelaksanaan Hospital Sri Aman ini kerana kita pun telah difahamkan selepas fasal satu yang siap dilaksanakan, di mana penimbunan tanah telah pun siap selama lebih kurang setahun tetapi kerana tempat itu adalah tidak berapa keras dan kita memerlukan pemadatan tapak sebelum tender dikeluarkan. Saya pun telah dimaklumkan bahawa tender akan dipanggil tidak lama lagi dan ini menunjukkan bahawa tohmahan oleh pihak pembangkang adalah tidak betul seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching baru-baru ini. Bila tender itu dipanggil nanti, saya harap kerja akan diteruskan untuk pelaksanaan Hospital Sri Aman pada penghujung tahun ini ataupun awal tahun hadapan.

Jadi, saya selaku Ahli Dewan Rakyat Parlimen Sri Aman dengan ini ingin mengetahui apakah masalah sebenar mengenai kelewatan untuk memanggil tender oleh Kementerian Kesihatan dan bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini. Sekurang-kurangnya kita dapat menangkis tohmahan pembangkang seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah mengenai infrastruktur luar bandar. Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang baru-baru ini telah mengumumkan dalam Bajet 2015 sebanyak RM27 bilion untuk membina *Pan Borneo Highway*. Saya harap ia akan dilaksanakan secepat mungkin dan kalau diperakukan boleh terus bermula dari Serian menuju kepada Sri Aman dalam Parlimen P.202, Sri Aman pada setakat ini.

Jadi setakat ini jalan *dual carriageway* hanya dari Kuching ke Serian dan yang lain-lain belum lagi dilaksanakan. Selain dari *Pan Borneo Highway*, saya juga merayu kepada Kerajaan Pusat untuk membina Jalan Balau-Banting di Parlimen Sri Aman. Walaupun jalan ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia yang sebelumnya terutama sekali dalam RMK-9 dan RMK-10 tetapi memandangkan kerajaan tidak ada peruntukan, jadi jalan setakat ini belum dibuat sehingga kini. Akan tetapi saya harap pada tahun hadapan, Kementerian KKLW dapat menimbang untuk membina Jalan Balau-Banting yang telah lama diluluskan dalam RMK-9 atau RMK-10 seperti yang dikatakan tadi dan saya ingat peruntukan ini pun tidak banyak sangat. Mengikut apa yang saya tahu dari JKR Sri Aman, ia mungkin menelan belanja dalam lingkungan RM60 juta. Jadi, sekiranya diluluskan nanti ia dapat menghubungkan kawasan luar bandar seperti Banting yang amat memerlukan jalan tersebut untuk menjualkan hasil tani terutama sekali tanaman padi.

Seterusnya saya juga merayu kepada KKLW supaya dapat mengkaji menaik taraf Jalan Ulu Pantu dari jalan tanah balak kepada jalan batu kelikir gred R3 mengikut piawaian JKR. Sekiranya kerajaan tidak mempunyai peruntukan untuk menukar jalan ini, mungkin projek ataupun melalui tentera ataupun angkatan tentera kita boleh memulakan ataupun membuat secara jiwa murni. Saya harap Kementerian Luar Bandar, Timbalan Menteri ada di sini untuk meneliti hal ini supaya Jalan Ulu Pantu yang menghubungkan lebih 30 buah rumah panjang dapat dihubungkan dengan jalan yang setaraf dengan gred R3.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai kemudahan awam, di Sri Aman setakat ini bekalan elektrik ataupun program bekalan elektrik luar bandar telah pun meliputi lebih kurang

480 buah rumah panjang kerana di Sri Aman kita ada lebih kurang 600 buah rumah panjang. Ini merupakan lebih kurang 80 peratus atau peratus telah menikmati bekalan secara grid selama 24 jam setiap hari dan bakinya kita masih ada lagi 120 rumah panjang yang belum disambung dengan program bekalan elektrik luar bandar oleh KKLW.

Jadi, saya harap KKLW dapat memperuntukkan lagi banyak lagi dana untuk kawasan Sri Aman supaya ramai lagi penduduk-penduduk tempatan dapat menikmati kemudahan ini. Satu lagi yang saya ingin sebut ialah mengenai sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Kubau di mana ada tiga buah rumah panjang. Dua tahun lepas mereka telah diperuntukkan sebanyak RM0.8 juta untuk menjalankan projek bekalan elektrik luar bandar tetapi oleh sebab ada masalah musim lalu, projek tersebut telah di batal dan ditarik balik dan sehingga kini walaupun masalah musim lalu telah diselesaikan tetapi peruntukan masih lagi belum tiba untuk projek ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Menteri yang menjawab nanti, telitilah betul-betul perkara ini kerana mereka sudah hampir dapat projek ini yang menelan belanja RM0.8 juta tadi pada dua tahun yang lepas. Saya harap ini akan diperuntukkan semula untuk kemudahan penduduk-penduduk di Kampung Kubau yang saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ataupun isu yang terakhir yang mungkin saya hendak katakan ialah mengenai bekalan air terawat di Sri Aman. Setakat ini mengikut data yang saya peroleh terdapat lebih kurang 300 rumah panjang atau 50% kampung masih lagi belum menikmati bekalan air terawat. Walaupun loji air di Sri Aman baru-baru ini telah siap dinaiktarafkan tetapi ia hanya meliputi Bandar Sri Aman sahaja. Jadi justeru dengan itu, saya amat memerlukan kajian menyeluruh dari KKLW supaya lebih banyak lagi rumah panjang atau kampung dapat menikmati kemudahan air terawat pada masa akan datang. Saya ingat setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak penduduk Parlimen Sri Aman menyokong Bajet 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang, kemudian Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya hendak baiki kelebihan seorang dari di sini berbanding dengan sebelah sini... *[Disampuk]* Itu yang saya katakan, saya hendak berlaku adil pada pembahas ke-53 dan 54, kedua-dua daripada Pakatan Rakyat. Jadi, saya akan panggil Yang Berhormat Hulu Rajang kemudian Yang Berhormat Indera Mahkota.

8.59 mlm.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan bagi tahun 2015 berteraskan tema ekonomi keperluan rakyat serta berpaksi tujuh strategi utama. Pembentangan belanjawan kali ini dilihat begitu komprehensif serta mengambil kira kepentingan memperkukuh prestasi ekonomi negara di samping memastikan kesejahteraan rakyat yang terjamin.

■2100

Sebagai Ahli Parlimen dari Sarawak, saya amat berbesar hati di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap isu pembangunan di negeri ini khususnya bagi masyarakat di luar bandar. Terima kasih saya ucapkan di atas peruntukan yang telah disediakan bagi meneruskan agenda pembangunan di Sarawak seperti pembinaan jalan luar

bandar, pembangunan bekalan air dan elektrik, penyeragaman harga barang, penambahbaikan akses kepada kemudahan kesihatan dan pendidikan, malah pemberian subsidi untuk padi bukit.

Pembangunan infrastruktur asas di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kawasan luar bandar seperti di kawasan Hulu Rajang amat memerlukan pembangunan infrastruktur berterusan. Sering kali semasa persidangan Parlimen Ketiga Belas ini, saya sering mengutarakan permasalahan rakyat terutamanya permasalahan dari sudut aspek pembangunan luar bandar. Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah yang telah banyak menyumbang kepada projek-projek pembangunan di kawasan saya, Hulu Rajang. Akan tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan dan membawa pembangunan kepada kawasan Hulu Rajang dan juga di kawasan Kapit.

Jaringan jalan luar bandar Tuan Yang di-Pertua, isu pembinaan jalan bukanlah isu yang asing. Bagi kawasan pedalaman seperti di Kapit dan Hulu Rajang dan kebanyakan kawasan di luar bandar yang lain di negeri Sarawak. Sememangnya jaringan jalan yang sempurna merupakan pra syarat kepada pembangunan sesebuah kawasan. Melalui kesempatan ini saya ingin berterima kasih kepada Kementerian Kerja Raya yang telah menyiapkan jaringan jalan raya dari Simpang Nanga Taroh ke SK Rantau Panjang di kawasan Parlimen Hulu Rajang, di Sungai Sut, Kapit. Dengan siapnya jalan ini, telah memudahkan urusan banyak pihak dan sekali gus meningkatkan masa perjalanan penduduk tempatan yang dahulu menggunakan sungai.

Bagi tahun 2015, sebanyak RM940 juta telah dikhususkan bagi mempergiatkan lagi pembinaan jaringan jalan luar bandar sepanjang 635 kilometer. Saya berharap agar sebahagian daripada peruntukan tersebut dalam disalur ke kawasan Parlimen Hulu Rajang kerana masih banyak penempatan penduduk tinggi di kawasan Hulu Rajang masih belum dihubungkan dengan jaringan jalan seperti Pekan Belaga ke Pekan Bah, Nanga Mujong ke Nanga Gaat. Mereka masih bergantung kepada pengangkutan air yang kadangkala berbahaya berikutan dengan keadaan sungai di Hulu Rajang yang mempunyai banyak jeram. Maka saya mohon agar peruntukan dapat disediakan bagi menyambung jaringan jalan di samping naik taraf jalan-jalan balak yang sedia ada di kawasan Hulu Rajang seperti sekitar Batang Balui dan di Baleh sebelum jalan tersebut dibina.

Bekalan elektrik dan luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan sebanyak RM1.1 bilion bagi meneruskan usaha menyambung bekalan elektrik di luar bandar menjadi bukti bahawa kerajaan tetap komited dalam usaha untuk membangun infrastruktur asas di kawasan luar bandar. Saya amat tertarik dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyediakan sepuluh tiang lampu di kawasan kampung seluruh negara. Sememangnya inisiatif ini amat dialu-alukan oleh penduduk di kawasan luar bandar seperti di Parlimen saya iaitu Hulu Rajang. Saya berharap agar usaha ini dapat diperluaskan ke kawasan Parlimen Hulu Rajang dan Parlimen di pedalaman khususnya di kawasan rumah panjang yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi serta penempatan yang terdekat di kawasan sekolah dengan klinik kesihatan. Nescayanya, bukan sahaja menjadi kawasan kampung terang benderang

malahan ianya akan mempertingkatkan tahap keselamatan, *seen of security* dengan izin di kalangan penduduk di kawasan di pedalaman.

Selain daripada itu, saya ingin menggesa pihak kerajaan untuk mempergiatkan lagi usaha menyambungkan rumah-rumah panjang yang terletak berdekatan dengan Empangan Bakun dan Murung dengan bekalan elektrik 24 jam. Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, Pekan Belaga sendiri, rumah-rumah panjang dan Hilir Belaga, Bakun misalnya masih bergantung kepada penggunaan *genset* ataupun generator. Memandangkan pembinaan empangan ini melibatkan kawasan tempatan tinggal mereka semenjak turun menurun, maka wajarnya sekiranya rumah panjang yang disambungkan dengan bekalan elektrik di kedua-dua empangan tersebut.

Masih mengenai Empangan Bakun Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa terdapat keluhan daripada kontraktor-kontraktor tempatan di kawasan Bakun yang mengadu kepada saya. Mereka mohon supaya diberikan peluang yang sewajarnya. Sebaiknya kontraktor dari luar yang sering diberi keutamaan. Maka saya ingin memohon kepada Kementerian Kewangan akan memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan bagi menjalankan projek penyelenggaraan di Empangan Bakun bagi menjana pendapatan penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Bekalan air bersih di luar bandar. Selain itu saya amat menyokong pengagihan peruntukan sebanyak RM254 juta bagi membekalkan 7,500 buah rumah di luar bandar dengan air bersih. Isu ini amat mendesak kerana masih ada penduduk yang tinggal jauh di pedalaman kawasan Hulu Rajang yang masih menggunakan sumber air yang berisiko, memudaratkan kesihatan mereka seperti tadahan air hujan serta air sungai yang kotor misalnya. Apabila tiba musim kemarau, penduduk di sekitar sungai-sungai kecil serta di Sungai Paku, di Sungai Mujong dalam dua hari yang lepas sering berdepan dengan masalah kekurangan bekalan air, Tuan Yang di-Pertua. Maka saya mohon agar sebahagian daripada peruntukan ini dapat diagih bagi mengagihkan lebih banyak tangki serta saluran perpaipan kepada rumah-rumah panjang yang memerlukan.

Penyeragaman harga barang. Bagi penduduk di negeri Sarawak, saya turut ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas peletakan sebanyak RM272 juta bagi membiayai kos pengangkutan serta penguatkuasaan kawalan harga barang di samping menambah barang Kedai Rakyat 1Malaysia. Namun begitu ingin saya kemukakan di sini mengenai masalah yang begitu merunsingkan. Sememangnya usaha kerajaan amat murni demi membantu mengurangkan kos penyediaan barangan keperluan bagi penduduk di luar bandar seperti di sekitar Pekan Kapit dan Hulu Rajang. Malangnya terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan untuk menyeludup stok yang dikhususkan untuk Kedai Rakyat 1Malaysia dan seterusnya berani menjual produk tersebut ke kedai runcit persendirian dengan harga yang lebih tinggi seperti yang berlaku di Pekan Kapit. Maka saya mohon perhatian serta tindakan segera daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sekiranya tidak dapat dibendung serta dipantau secara berterusan, akhirnya usaha kerajaan untuk menyeragamkan harga barang di kawasan luar bandar hanyalah sia-sia sahaja.

Perumahan PR1MA. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal infrastruktur, asas seperti bekalan elektrik, jalan, penduduk di kawasan luar bandar seperti di Pekan Kapit terus tertekan akan peningkatan harga rumah. Kebanyakan harga rumah persendirian yang dibina di Pekan Kapit ditawarkan pada harga yang tidak mampu dibeli oleh penduduk yang majoritinya bergantung kepada aktiviti pertanian. Oleh itu melalui peruntukan sebanyak RM1.3 bilion yang dikhaskan untuk PR1MA bagi tahun 2015, saya memohon agar sebuah projek perumahan mampu milik seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dapat dirancang di Pekan Kapit supaya penduduk di Pekan Kapit dapat menikmati kemudahan perumahan pada harga yang berpatutan.

Keselamatan di rumah panjang. Tuan Yang di-Pertua, majoriti masyarakat Iban yang tinggal di pedalaman Sarawak tinggal di rumah panjang. Yang sebahagian besar diperbuat daripada kayu. Menyedari akan kepentingan aspek keselamatan, kebakaran di rumah panjang, langkah-langkah pencegahan perlulah diambil boleh mengurangkan kadar kes kebakaran rumah panjang yang berlaku saban tahun serta melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit.

■2110

Minggu lepas saya telah pergi ke kawasan rumah suku kaum Penan yang telah terbakar. Mereka ialah suku kaum yang miskin dan kehilangan harta benda. Oleh itu, saya mencadangkan agar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyalurkan sejumlah peruntukan agar rumah-rumah panjang ini wajib dibekalkan dengan alat pemadam api bagi setiap pintu rumah panjang yang ada di seluruh negeri Sarawak. Ini kerana, pemadam api yang dibekalkan setakat ini tidak mencukupi untuk dikongsi bersama isi rumah panjang yang lain.

Selain itu, saya juga menyarankan agar pegawai-pegawai daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat dapat menyediakan latihan atau demonstrasi kepada penduduk-penduduk rumah panjang agar mereka ini dapat mempelajari teknik penggunaan alat pemadam api yang betul sekiranya berhadapan dengan situasi kebakaran yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjurus kepada soal akses kepada kemudahan kesihatan dan pendidikan di negeri Sarawak. Di kawasan pedalaman seperti di Parlimen Hulu Rajang, faktor geografi menjadi cabaran utama menyukarkan penduduk untuk mendapatkan kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan. Inisiatif klinik bergerak yang diusahakan oleh Kementerian Kesihatan merupakan salah satu alternatif yang disambut baik oleh penduduk di kawasan pedalaman Sarawak dan saya berharap agar peruntukan akan terus disediakan untuk meneruskan operasi klinik bergerak di kawasan saya.

Saya juga difahamkan bahawa dalam Belanjawan 2015, kerajaan bercadang untuk membina 30 buah Klinik 1Malaysia baru di seluruh negara. Saya mohon agar sebuah Klinik Kesihatan 1Malaysia dapat disediakan di kawasan Kapit dan Hulu Rajang kerana penduduk di kawasan ini amat memerlukan perkhidmatan kesihatan pada harga yang berpatutan. Berbekalkan sedikit pendapatan daripada hasil pertanian, penduduk di sini juga tidak mampu untuk menanggung kos untuk menggunakan khidmat klinik-klinik swasta. Maka, eloklah sekiranya Klinik 1Malaysia dapat dibina di Belaga, di Baleh dan di Kapit.

Selain itu, saya berharap agar pihak Kementerian Kesihatan juga mempertimbangkan cadangan saya untuk membesarkan Hospital Kapit bagi menampung keperluan penduduk sekitar kawasan ini kerana ia satu-satunya hospital yang terletak berdekatan dengan kawasan Parlimen Hulu Rajang dan Parlimen Kapit. Buat sementara ini, pesakit terpaksa menampung kos yang tinggi untuk mendapatkan khidmat perubatan di hospital di bandar besar seperti Kuching dan Sibu yang memakan masa kurang lebih tiga jam menggunakan perjalanan ekspres melalui Sungai Batang Rajang ke Sibu.

Menjurus kepada soal pendidikan, makluman kepada Ahli Dewan yang mulia, kawasan Hulu Rajang sahaja terdapat tiga buah sekolah menengah, 34 buah sekolah rendah dan sebahagian besar daripadanya adalah amat memerlukan bantuan dari segi penambahbaikan *facility*. Melalui inisiatif *School Improvement Program* (SIP) di bawah GTP, pendidikan sekolah-sekolah di luar bandar harus diperbaiki dengan kerjasama padu pejabat pendidikan daerah.

Fokus haruslah diberi kepada kualiti pendidikan dan kuantiti pendidikan iaitu kesamarataan di dalam menikmati akses kepada pendidikan berkualiti. Bilik-bilik darjah, dewan makan serta asrama yang rosak akibat faktor usia yang sudah tentu mengganggu konsentrasi pelajar serta kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain membahayakan keselamatan para pelajar, keadaan sekolah di luar bandar yang serba daif turut mendatangkan impak kepada para guru yang berkhidmat di sini. Di SK Mujong Tengah misalnya, semasa saya mengadakan lawatan ke sekolah tersebut, mendapati para guru dan kakitangan sekolah terpaksa tinggal di bilik darjah lama sebagai rumah penginapan kerana kuarters yang sedia ada tidak selamat untuk didiami. Keluasan ruang kediaman hanya seluas 20x30 kaki persegi sahaja dan para guru terpaksa menggunakan inisiatif mereka sendiri untuk membina bilik air dan dapur.

Jadi saya mohon Kementerian Pendidikan supaya buatlah dengan seberapa segeranya. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar peruntukan sebanyak RM450 juta yang disediakan bagi tujuan membangun dan menyelaraskan *facility* pendidikan sekolah kebangsaan dapat disalurkan ke sekolah-sekolah pedalaman seperti di Hulu Rajang yang memerlukan bantuan segera.

Penanaman padi bukit, Tuan Yang di-Pertua. Kedudukan luar bandar di Sarawak khususnya di suku Kaum Iban rata-rata menguasai aktiviti penanaman padi bukit demi menanggung kehidupan seharian mereka sejak zaman nenek moyang mereka dahulu. Oleh yang demikian, mewakili penduduk di kawasan Hulu Rajang, saya menyambut baik peruntukan sebanyak RM70 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memberi subsidi untuk penanaman padi bukit. Seperti juga di Kedah, kawasan Hulu Rajang juga mempunyai kawasan yang luas dan berpotensi tinggi untuk dibangunkan terutama sekali di kawasan Sungai Tuluk, kawasan Mujong di kawasan Hulu Rajang.

Untuk pengetahuan rakan-rakan Ahli Parlimen, kawasan Sungai Tuluk ini mempunyai kawasan yang begitu luas untuk tanaman padi, sama ada padi sawah atau padi bukit. Kawasan ini merupakan kawasan yang sangat subur dan sungguh sesuai bagi sebarang aktiviti pertanian dijalankan. Maka, eloklah sekiranya jumlah peruntukan dapat dikhususkan untuk membangunkan Tuluk sebagai kawasan utama penanaman padi bukit. Saya yakin ianya dapat mendatangkan kesan positif kepada penduduk-penduduk daripada rumah panjang di

kawasan Tuluk apabila mereka diberi peluang untuk mengoptimumkan penggunaan tanah sendiri dan sekali gus mendatangkan pendapatan ekonomi mereka.

Dengan ini, jasa baik pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga agensi-agensinya berkaitan agar dapat mempertimbangkan cadangan saya ini supaya sebuah perancangan yang komprehensif dapat dihasilkan demi membangunkan industri penanaman padi bukit dan sawah di negeri Sarawak.

Pada masa yang sama, saya memohon agar operasi bersepadu dapat dijalankan dari semasa ke semasa antara pihak Kementerian Pertanian dan KPDNKK bagi memantau kedai-kedai runcit di kawasan luar bandar seperti di sekitar kawasan Kapit dan Hulu Rajang bagi membanteras kegiatan menjual baja-baja subsidi yang disediakan oleh kerajaan. Pihak yang mengambil kesempatan menjual baja subsidi kerajaan ini harus diheret ke muka pengadilan kerana tindakan mereka semestinya memberi tanggapan buruk terhadap kerajaan yang sememangnya berniat baik untuk membantu golongan petani padi bukit yang benar-benar yang memerlukan bantuan.

Penambahbaikan anggota MPOB. Selain daripada penanaman padi bukit, kebanyakan masyarakat tempatan di kawasan saya sangat berminat untuk meluaskan penggunaan tanah hak milik persendirian kepada sebuah penanaman komoditi seperti kelapa sawit yang dilihat mampu menjana pendapatan yang lumayan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, demi membantu meningkatkan pendapatan sosioekonomi penduduk tempatan di kawasan setempat, ada baiknya sekiranya agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti MPOB, Jabatan Pertanian dan seumpamanya dapat menawarkan khidmat profesional dan kepakaran dalam memperkembangkan lagi penanaman kelapa sawit di kawasan Hulu Rajang di samping menyediakan latihan kepada penduduk yang berminat.

Oleh sebab itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Sekejap lagi. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Perladangan, Perusahaan dan Komoditi agar menempatkan serta menambahkan lagi bilangan pegawai MPOB di Daerah Belaga, Baleh dan Kapit yang masih belum mencukupi untuk memantau dan memberikan peruntukan yang sedikit di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, sesungguhnya Belanjawan 2015 ini diharap dapat menjadi setapak langkah ampuh ke arah mercu negara yang mencapai status negara membangun. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pemimpin di waktu dan ketika ini untuk memastikan visi Wawasan 2020 dapat direalisasikan demi kesejahteraan negara dan bangsa.

■2120

Saya akhiri perbahasan ini dengan serangkap pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Tumbuh lebat si daun palas;
Panjang sepohon di rumah bakong;
Demi rakyat belanjawan 2015;
Hulu Rajang mohon menyokong.*

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

9.20 mlm.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil pendekatan yang berbeza saya hanya hendak membicarakan masalah prinsip dan dasar dan tidak mahu menyentuh isu detilnya kerana banyak telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam al-Quran ayat 76 surah Al-Baqarah yang mengisahkan doa Nabi Ibrahim AS yang memohon kepada Allah SWT agar dijadikan Kota Mekah sebagai kota yang aman dan yang keduanya iaitu dialirkan rezeki supaya yang beriman tidak mati kelaparan. Doa dimakbulkan tuhan tetapi dengan tidak semena-mena Malaysia mendapat tempias daripada doa tersebut. Secara relatifnya kita aman dan belum lagi kita mendengar ramai rakyatnya yang mati kelaparan malahan rakyat Malaysia yang kita dengar ramai di antaranya mati kerana berlebihan makan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan doa duha selalunya yang bersolat Duha akan berdo'a kepada tuhan agar diberikan rezeki agar rezeki yang jauh didekatkan, di langit diturunkan, dari bumi dikeluarkan, dari laut dipermudahkan. Bersyukur kita kepada tuhan bahawa doa dimakbulkan dan tuhan memberi kita rezeki dari langit berbentuk hujan, diturunkan hujan tidak setitik lebih dan tidak setitik kurang dan disuburi bumi bertuah Malaysia hingga tanam apa sekalipun ia tumbuh. Tuhan memberi rezeki dari perut bumi seperti contoh di Pahang ada bijih emas, besi, biosid, alumina dan sebagainya dan banyak lagi logam lain di negeri-negeri lain. Di lautan ada negara minyak dan gas dan saya ingin menyatakan bahawa tidak mustahil minyak dan gas di perut bumi di negara Malaysia ini menular ianya di bawah kawasan daratan di negeri-negeri yang berkaitan.

Begitulah melimpah ruahnya rezeki yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada negara Malaysia yang tercinta ini dan saya merasakan bahawa tidak ada sebuah negara pun di dalam dunia ini dikurniakan nikmat yang sedemikian rupa. Namun tuhan menguji manusia dengan dua cara. Diujinya kita dengan kesusahan agar kita sabar dan diberinya kita senang seperti yang diberikan kepada negara Malaysia untuk diuji kesyukuran kita. Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua manusia lebih mudah bersabar dalam kesusahan daripada bersyukur dalam kesenangan dan janjinya, *“Jika kamu syukur, akanKu tambah rezekimu dan jika kamu kufur maka rasakan azabnya”*.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua belanjawan ini merupakan ruang dan peluang yang terbaik bagi Malaysia, bagi kita melaksanakan tanggungjawab kita sebagai insan yang mensyukuri nikmat tuhan. Kita mengagih nikmat anugerah tuhan dengan sebaik-baiknya, mengagih dengan adil dan menjauhi daripada penggunaannya ke arah khurafat, maksiat dan mungkar.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab pemerintah adalah berat untuk memberi hak kepada yang berhak kerana tuhan telah mengurniakan dengan penuh perasaan kasih sayang.

Tugas pemerintah sekarang ialah mencari dana. Saya hendak ulang mencari dana pendapatan secara halal dan membelanjakan dengan juga kaedah yang halal.

Tuan Yang di-Pertua, Imam Ghazali berpendapat bahawa insan terbahagi kepada tiga. Saya simpulkan sebagai 3U iaitu ummah (rakyat biasa), umarak (pemerintah) dan ulama. Pada fahaman saya beliau berpendapat baiknya umat itu apabila baiknya umarak (pemerintah) dan baiknya pemerintah apabila baiknya ulama. Beliau meletakkan peranan ulama di persada yang tinggi dan demi mendapat reda Ilahi saya ingin membuat cadangan yang sulung ini agar di dalam mencari keredaan Allah SWT garis panduan kasar dari sudut dasar pendapatan dan perbelanjaan sebagai penyuluh kepada cara pendapatan dan perbelanjaan yang halal, haram dan harus hendaklah mendapat input dari satu majlis ulama sama ada dari dalam negara dan luar negara supaya kita mendapat barakah daripada belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya berasa amat rindu dengan dasar yang digubal sebelum ini sama ada Dasar Ekonomi Baru dan Wawasan 2020. Saya melihat DEB dengan serampang dua mata menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan tidak mengira kaum berserta dengan Wawasan 2020 memacu ke arah negara maju dan menzahirkan bangsa Malaysia. Kedua-duanya mempunyai ciri meningkat kesejahteraan rakyat dari sudut pendapatan dan perpaduan.

Kerajaan nampaknya yakin bahawa pendapatan per kapita akan berjaya dibawa daripada USD6,000 sampai USD10,000 menjelang 2020 dan sekali gus mencapai status negara maju. Akan tetapi apa ertinya pendapatan per kapita meningkat pada taraf negara maju jika *Gini coefficient* atau jurang perbezaan antara kaya dengan miskin terus melebar. Apa ertinya jika purata pendapatan adalah USD10,000, USD20,000 USD30,000 sekalipun sedangkan sebagai contoh jika 10% rakyat yang menguasai 90% harta negara sedangkan 90% rakyat marhaen berkongsi memiliki 10% harta negara. Dalam erti kata lain apa ertinya jika kekayaan itu berlingkar persekitaran segelintir rakyat yang istimewa dan terpilih sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apa ertinya jika pendapatan penduduk telah bertambah katakanlah dengan dua kali ganda dalam satu tempoh tertentu walhal harga barangan asas naik mendadak katakanlah tiga, empat atau lima kali ganda dalam tempoh yang sama. Saya membuat andaian yang ekstrem tetapi inilah yang dikhuatirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada tahun 90-an pemimpin kerajaan mengguna pakai istilah 3P iaitu *purchasing, power, parity* untuk membandingkan kemampuan membeli kita dengan negara-negara lainnya dan saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian Kewangan seharusnya mengguna istilah 3P ini *purchasing, power, parity* bagi perbandingan kuasa beli pada masa-masa tertentu agar kita dapat gambaran sebenarnya di atas taraf kemajuan kehidupan rakyat. Apa juga ertinya jika belanjawan kita merupakan belanjawan defisit yang berterusan tanpa berhenti-henti yang sekali gus melebarkan hutang negara yang akan menjadi beban kepada generasi seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan kewangan negara kita dengar pelbagai reaksi dan laporan-laporan pujian dan kritikan sama ada dari dalam negeri atau luar negara. Laporan Global Financial Integrity (GFI) umpamanya memaparkan perkara negatif. Wang gelap dari negara Malaysia keluar ke negara lain berbilion-bilion ringgit setiap tahun sejak sepuluh tahun yang lalu. Laporan Ernst & Young, yang melaporkan keadaan korupsi yang ketara. Laporan

Ketua Audit Negara merakamkan ketirisan kewangan negara sama ada berpunca dari rasuah, kurang kecekapan, urus tadbir yang lemah, pembaziran dan lain-lain lagi. Baru-baru ini Unit for Economic Cooperation and Integration among Developing Countries (ECIDC) dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyatakan bahawa Malaysia akan kerugian hampir RM5 bilion setahun jika kita menyertai TPPA. Banyak lagi laporan-laporan sedemikian dari pelbagai pihak yang boleh dipetik namun memadailah setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak boleh memilih berdiam diri atau dalam sentiasa dalam keadaan *denial mode* kepada pengkritik-pengkritik kerajaan. Ketahuilah olehmu wahai kerajaan bahawasanya ISA, OSA, Akta Hasutan dan seumpamanya bukan jawapan dan jauh daripada penyelesaian dalam masalah ini. Kerajaan harus berubah sikap kerana bak kata pepatah kata Inggeris dengan izin *it is attitude not aptitude that determines the altitude*. Bahawa sikap dan bukannya kebolehan semata-mata yang menentukan ketinggian pencapaian. Jika kerajaan ikhlas mahu dengan izin *move forward towards the higher altitude*, maka sikap kerajaan sendiri mesti berubah.

Pertamanya saya katakan tadi bahawasanya kikiskan *that denial syndrome*. Pemerintah pada zaman kini juga tidak lagi mampu memiliki sikap dengan izin *that the government is never wrong and that criticism especially from the opposition is never right*. Sesungguhnya pengkritik bukan semuanya mengkritik berdasarkan kebencian malahan saya percaya ada di antaranya yang sayangkan negara.

■2130

Pengkritik bukan sahaja datang dari parti pembangkang. Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad banyak mengkritik perkara yang dia merasakan boleh merosakkan rakyat dan negara seperti contoh akhir-akhir ini isu BR1M. Mantan Menteri Kewangan dan Ahli Parlimen Gua Musang seorang di antara paling kanan dalam Dewan yang mulia ini juga mengkritik pemerintahan umpamanya dalam isu OSA dan kuasa-kuasa Menteri Kewangan. Malahan kita sering mendengar kritikan dari Ahli-ahli penyokong kerajaan sendiri seperti dalam isu menangani urusan Sabah dan urusan Sarawak. Yang penting kita sayangkan negara. Sikap pemerintah yang positif dan dinamik adalah yang ianya mendengar teliti segala kritikan dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *when a criticism is wrong, you put the critics right, but when a criticism is right you put yourself right*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan hari ini kembali kepada semangat pemerintah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah atau yang saya olah kan sebagai kerajaan ABC iaitu amanah, bersih dan cekap. ABC kerana ia seperti kata Inggeris as *easy as basic as ABC*. Ini merupakan asas pemerintahan yang baik yang ia ialah nilai-nilai sejagat atau universal malahannya Tuan Yang di-Pertua ianya adalah sejajar dengan nilai-nilai baik di dalam agama Islam. Di dalam kerajaan yang mengamalkan ABC (amanah, bersih dan cekap), tiada tempat bagi musuh nombor satu negara iaitu rasuah. Saya ulang rasuah melebar dan berkembang.

Paduka Baginda Sultan Perak di dalam Titah Ucapannya di SPRM tempoh hari telah menggariskan dua punca rasuah yang wajib diatasi dengan berkesan. Pertama Titah Baginda, khususnya bagi penjawat awam kenaikan pendapatan yang tidak se pantas kadar kenaikan harga barangan. Keduaanya Titah Baginda, sifat tamak haloba daripada manusia-manusia

yang tertentu. Baginda bertitah bahawa penyakit korupsi ini berat dan tidak boleh dibaiki dengan mengemam *Strepsil* semata-mata bahawa Titahnya *to cast iron you need to be strong*.

Saya sambut baik usaha pemerintah mewujudkan beberapa mekanisme bagi menangani rasuah. Namun, SPRM kurang persenjataan dan saya syorkan bahawa SPRM diberi kuasa tambahan sebagai senjata menangani musuh nombor satu negara iaitu rasuah sesuai dengan *sophistication* dunia hari ini.

Di dalam amalan kerajaan ABC, tidak seorang individu atau jabatan yang harus diberi kuasa mutlak tanpa semakan atau *power unchecked*. Dengan itu saya menyokong pendapat Yang Berhormat Gua Musang seperti mana terlapor di akhbar tempatan bahawa kuasa Menteri Kewangan perlu ada semakannya, bahawa OSA perlu dihapuskan kerana sesungguhnya ia menyuburkan rasuah dan penyelewengan. Undang-undang khusus sepatutnya digubal khas bagi menjamin keselamatan negara bukannya duduk di bawah naungan OSA.

Namun ada lagi jawatan seperti Peguam Negara Tuan Yang di-Pertua yang kuasanya adalah mutlak tanpa ada semakan. Saya mencadangkan agar jawatan-jawatan seperti ini juga mempunyai kaedah *check and balance* dan kerajaan boleh menyumbang agar AG juga bertanggungjawab kepada Parlimen kerana Parlimen merupakan tunggak pemerintahan satu-satu negara atau apa-apa juga kaedah yang bersesuaian. Harus diingat bahawasanya dengan izin *power tends to corrupt and that absolute power corrupt absolutely*.

Di dalam sistem pemerintahan amanah, bersih dan cekap, kerajaan tidak membazirkan wang rakyat dan mengotakan apa yang dikatakan. Apabila kerajaan melantik satu-satu suruhanjaya yang terdiri daripada tokoh yang berilmu, berpengalaman, berintegriti untuk membuat satu penyiasatan bagi membantu kerajaan membuat keputusan yang tepat dan adil dan relevan. *The government* dengan izin *cannot dismiss the finding without reasonable reason*. Apatah lagi apabila anggota-anggota suruhanjaya itu terdiri daripada tokoh-tokoh yang berilmu, berpengalaman, amanah, berintegriti serta menerima watak dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kes-kes yang saya maksudkan adalah pertama *Royal Commission of Inquiry* atau RCI atau Suruhanjaya Penyiasatan Diraja yang membuat perakuan ke atas penubuhan IPCMC. Kedua, RCI yang ditugaskan meneliti isu PATI di Sabah. Apabila kerajaan tidak melaksanakan perakuan-perakuan suruhanjaya ini, maka siapa boleh menghalang rakyat daripada membuat sebarang spekulasi. Dalam kes IPCMC ada rakyat yang kata bahawa ia tidak diterima oleh PDRM dan ada pula spekulasi yang mengatakan bahawa tokoh dalam kerajaan diugut dan takut diugut. Saya berpendapat bahawa menolak syor-syor daripada RCI ini boleh diterjemahkan sebagai menghina Institusi Raja itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seperti dilaporkan bahawa Ketua Polis Negara mengatakan bahawa pembangkang sentiasa mencari kesalahan PDRM. Jika laporan ini benar saya sebagai anggota pembangkang di dalam Parlimen suka cita saya mengatakan saya menafikan dakwaan itu dan ingin saya tegaskan bahawa PDRM keseluruhannya adalah berkesan dan berjasa kepada negara dan rakyat. Sebilangan besar anggota adalah amanah dan bertanggungjawab. Rakyat menghargai sumbangan pasukan. Akan tetapi seperti di mana-mana padang ada kemuncupnya, oleh itu pasukan tidak seharusnya gentar demi mempertahankan nama baik pasukan kerajaan menubuhkan IPMC seperti disyorkan oleh RCI

yang berkenaan atau lain-lain institusi bagi tujuan tersebut. Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, hanya kemuncup di dalam itu yang seharusnya merasa bimbang. Kemuncup yang seharusnya merasa bimbang.

Dalam isu PATI di Sabah saya difahamkan bahawa Laporan RCI telah pun diserahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa bulan yang lalu tetapi mengapakah hasil siasatannya sehingga hari ini tidak kedengaran. Sebab itulah berbagai-bagai spekulasi kerajaan bersalah, kerajaan takut, kerajaan hendak ubah laporan dan sebagainya timbul daripada masyarakat. Pokoknya kerajaan tidak bertindak secara amanah, bersih atau pun cekap dan gagal memperlihatkan semangat *accountability*, *rationality* dan *transparency*.

Dalam urusan perdagangan pula Tuan Yang di-Pertua saya berpendapat bahawa kerajaan harus berhenti daripada mencebur diri dalam urusan perniagaan. Di sebuah negeri di Semenanjung satu syarikat milik kerajaan diberi monopoli dagangan pasir yang ketika itu mempunyai nilai dagangan yang tinggi. Dalam keadaan *demand* yang tinggi dan dalam keadaan monopoli sekalipun syarikat tersebut gulung tikar. Di peringkat pusat pula banyak contoh kerugian-kerugian besar dialami oleh syarikat milik kerajaan dan yang terakhir sebagai contoh klasik adalah MAS.

Oleh itu saya mencadangkan agar pemerintah kembali kepada tugas utamanya iaitu memerintah dan bersihkan diri daripada sebarang perdagangan dan perniagaan. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *the government has no business in doing business. The business of the government is to govern*. Saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan demi rakyat dan keadilan kepada mereka kerajaan harus *reload at all revitalization agreement* agar impak kepada kebajikan dan faedah rakyat dimaksimumkan dengan kos yang minimum atau berpatutan.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, dalam situasi yang ideal, kerajaan dan rakyat berpisah tiada. Mereka bergerak seiring dan berkongsi denyutan nadi. Benar tiada siapa yang mampu memuaskan semua orang pada setiap masa. Seperti kata Presiden Kennedy, dengan izin, "*You can please some people all the time, you can please all the people some of the time but you can't please all the people at all time*". Kita faham namun di dalam apa juga kehidupan kita seharusnya bertekad dan berusaha mencapai yang ideal setidak-tidaknya yang terhampir dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *this country is ours, right and wrong. If wrong we put it right, if right will keep it tight*. Di dalam situasi yang sama begitu juga dengan pemerintahan atau *governance*. Jika kita berbaik sangka, ikhlas mencari reda Ilahi dalam urusan kita dengan meletakkan kepentingan rakyat dan negara melebihi dari diri kita, saya percaya bahawa tidak mustahil kita mampu zahirkan negara yang aman dan makmur.

Negara yang baik yang mendapat payung rahmat dari Yang Maha Pencipta keadaan di mana setiap kita akan memiliki sikap kekitaan. Dalam apa juga keadaan dan dari apa juga aliran kita pasti akan bersikap dengan izin *that this government is ours, right or wrong. When right we tell others, but when wrong we tell the government*.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *We tell you. When wrong we tell you, but you must listen.* Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, *it takes two to tango* dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya dengar macam suara mengganggu daripada...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua dia bagi saya setengah jam lagi. Sabar. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pengakhiran kata mengajak semua...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Buat bertulis, bertulis, bertulis.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pengakhiran kata mengajak semua meminimumkan sengketa. Negeri bertuah yang sepatutnya dijaga, rakyat jelata yang sepatutnya dibela. Bersyukur kita kepada Allah yang Esa. Saya ingat kalau Menteri kena *behave like* Menteri lah kan. Bersyukur kita kepada Allah Yang Esa, masalah di Selangor sudah kembali reda. Jika melarat ia mempunyai besar makna, satu pertembungan antara pertembungan antara rakyat dengan raja. Berpunca ia dari meminta tiga nama, kata Mahathir ianya adalah luar biasa namun begitu telah diatasi dengan bijaksana.

*Tepung tidak berselerak,
rambut diragut jua,
terima kasih Tuan Yang di-Pertua.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada yang bangun. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 28 Oktober 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.42 malam]